
**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Tengku Seri Bijaya Raja

Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Nara Setia

Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.


(Al-Fatihah)

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Majlis Pelantikan Yang di-Pertua Dewan dan Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas pada pagi ini akan dimulakan dengan – **Membaca Perisytiharan Memanggil Mesyuarat dan diikuti dengan Pemilihan Yang di-Pertua Dewan serta Upacara Mengangkat Sumpah Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Selepas itu akan diadakan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.**

Sekarang saya akan teruskan dengan membaca **PERISYTIHARAN:**

PERISYTIHARAN

Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya.



xxx t.t. xxx

.....
Sultan Terengganu

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal 44(1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) bahawa BETA hendaklah dari masa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.),

Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada BETA sebagaimana yang tersebut, ADALAH DENGAN INI memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dan menetapkan 24 haribulan September 2023 bersamaan dengan 8 haribulan Rabiul Awal 1445 pada pukul 9.30 pagi sebagai tarikh dan masa bagi Mesyuarat Pertama dalam Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Kelima Belas yang akan diadakan di dalam Dewan Undangan Negeri di Kuala Terengganu.

Dikurniakan di Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu,
pada 30 haribulan Ogos 2023 bersamaan
dengan 13 haribulan Safar 1445

[SUK.TR.192/03/02/08 JLD 7]

Yang Menjunjung Titah Perintah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,

xxx t.t. xxx

.....
DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
Menteri Besar, Terengganu

PEMILIHAN YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Menurut Fasal 27A Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dan Fasal 1 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas pada hari ini akan diteruskan dengan memilih seorang Yang di-Pertua Dewan.

Saya telah menerima satu surat daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar memberitahu cadangan Yang Amat Berhormat hendak mengemukakan calon untuk dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan dan calon yang dicadangkan itu juga telah memberikan kesanggupan berkhidmat sekiranya beliau dipilih. Ini adalah menepati dengan kehendak Fasal 2(1) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan hormatnya memohon membuat cadangan seperti berikut:

Bahawa saya cadangkan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah mengambil tempat di dalam Dewan ini sebagai Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyokong cadangan itu.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 2(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, saya dengan ini

memasyhurkan bahawa **Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah** dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan.

Saya mempersilakan **Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah** untuk mengangkat sumpah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH
SEBELUM MENGAMBIL TEMPAT YANG DI-PERTUA DEWAN,
MENGANGKAT SUMPAH MEMEGANG JAWATAN YANG DI-
PERTUA DEWAN DI HADAPAN SETIAUSAHA DEWAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kelima Belas pada pagi ini. Sebelum Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan dimulakan, saya mohon izin untuk menangguhkan sekejap Dewan ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh Ketua Jabatan dimohon kekal berada di dalam Dewan.

**BENTARA, SETIAUSAHA DAN YANG
BERHORMAT YANG DI-PERTUA DEWAN
BERARAK KELUAR DEWAN DAN MASUK SEMULA
DIDAHULUI DENGAN BENTARA MESYUARAT
MEMBAWA COKMAR.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Majlis disambung semula.

Sebelum saya teruskan dengan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan, saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada seluruh Ahli Yang Berhormat dan juga isteri-isteri Yang Berhormat yang turut hadir berada di Galeri Pemerhati pada pagi ini.

UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN

Sekarang saya akan mulakan **UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN**. Bagi memulakan upacara ini, saya dengan segala hormatnya mempersilakan-

Yang Amat Berhormat Menteri Besar
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
(Wakil Rhu Rendang)

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris
(Wakil Kijal)

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
(Wakil Jabi)

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Abdullah
(Wakil Wakaf Mempelam)

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
(Wakil Ajil)

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
(Wakil Kota Putera)

Yang Berhormat Haji Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)

Yang Berhormat Dr. Haji Riduan bin Mohamad Nor
(Wakil Jertih)

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
(Wakil Kuala Berang)

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Buluh Gading)

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
(Wakil Ladang)

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat
(Wakil Seberang Takir)

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid
(Wakil Permaisuri)

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin
(Wakil Hulu Besut)

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
(Wakil Rantau Abang)

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail
(Wakil Batu Rakit)

Yang Berhormat Azmi bin Maarof
(Wakil Langkap)

Yang Berhormat Haji Mohd Hafiz bin Adam
(Wakil Air Putih)

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail
(Wakil Telemong)

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
(Wakil Bukit Tunggal)

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh
(Wakil Kuala Besut)

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman
(Wakil Bukit Besi)

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhrudin bin Tengku
Md Fauzi
(Wakil Sura)

YANG BERTITAHU DATO' YANG DI-PERTUA: Alhamdulillah, terima kasih kepada semua Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Syukur kepada Allah, kita telah

selesai dengan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengambil peluang, mengambil berkat kata-kata Rasulullah ﷺ *سيروا على بركة الله*.

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Menurut Fasal 27A (2A) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), persidangan pada hari ini akan diteruskan dengan memilih seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan hormatnya memohon membuat cadangan seperti berikut:

Bahawa saya cadangkan Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat mengambil tempat di dalam Dewan ini sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini memasyhurkan bahawa **Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat** dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

Saya mempersilakan **Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat** untuk mengangkat sumpah.

**YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT
MENGANGKAT SUMPAH MEMEGANG JAWATAN YANG**

**TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN DI HADAPAN YANG
DI-PERTUA DEWAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada semua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah kita panjatkan sekali lagi syukur kehadiran Allah kerana kita telah selesai mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Semoga kita di pagi ini mendapat barakah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan itu, saya ingin tangguhkan Persidangan ini kepada hari Ahad, 1 Oktober 2023, jam 9.30 pagi. Sebelum kita mengakhiri majlis kita pada hari ini, ada sedikit maklumat iaitu selepas pada sesi ini, ada Sesi Bergambar untuk semua Ahli Yang Berhormat bersama dengan Anggota Pentadbiran Negeri di hadapan cokmar di dalam Dewan ini dan memohon diberikan masa selama 5 minit untuk pihak Pentadbiran Dewan Undangan Negeri menyiapkan tempat bagi sesi bergambar tersebut. Manakala ketua-ketua jabatan dan semua hadirin-hadirat dijemput menikmati makan tengahari di Perkarangan U2. Selepas sesi bergambar, saya ingin menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk menikmati jamuan di Damai Lounge.

Marilah sama-sama kita tangguh majlis ini dengan membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr mudah-mudahan penyuraian kita pada hari ini mendapat barakah daripada Allah Subhanuhuwa Ta'ala.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدٰیةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰی وَبَرَکَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Tengku Seri Bijaya Raja

Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Nara Setia

Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 10.20 PAGI

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN
KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON
PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE
ISTIADAT DEWAN UNDANGAN NEGERI.

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

Bismillahirrahmanirrahim,
Alhamdulillah Rabbil Alamin, Wabihi Nastain
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu,
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu

Segala puji bagi Allah yang memiliki dan menguasai semesta alam. Maha suci Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menjadikan siang dan malam, gelap dan cerah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sollallahu `Alaihi Wasallam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda. Alhamdulillah, bersyukur Beta ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kekuasaan-Nya telah mengizinkan untuk berlangsungnya Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas pada pagi yang penuh bersejarah ini.

Beta bersyukur Pilihan Raya Negeri (PRN) Kelima Belas telah berjaya diadakan dalam suasana yang aman dan penuh harmoni dengan mendokong semangat

demokrasi. Justeru, Beta ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, anggota pasukan keselamatan, semua agensi kerajaan serta rakyat Beta yang telah menunaikan kewajipan masing-masing. Marilah kita bersama berlapang dada dengan hati yang terbuka untuk menerima dan menghormati keputusan pilihan raya ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 26 yang bermaksud:

Katakanlah: "Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu".

Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah terpilih sebagai wakil rakyat. Ianya merupakan suatu amanah yang perlu dipikul untuk berkhidmat, berbakti dan membela nasib rakyat Beta. Sekalung tahniah buat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Doktor Ahmad Samsuri bin Mokhtar di atas pelantikan sebagai Menteri Besar Terengganu Yang Keenam Belas serta kepada seluruh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di Malaysia, *system simple plurality* atau *First Past the Post* (FPTP) telah diguna pakai sehingga ke hari ini. Keputusan Pilihan Raya Negeri baru-baru ini telah menyaksikan keputusan rakyat telah memilih Kerajaan Beta tanpa adanya pembangkang di dalam Dewan Undangan Negeri pada penggal ini. Situasi ini berlaku di dalam tempoh sambutan dua puluh lima (25) tahun Jubli Perak pemerintahan Beta dan melakarkan lembaran sejarah baharu era milenium ketiga bagi negara Malaysia dan negeri Terengganu khususnya. Oleh yang demikian, melalui doktrin pengasingan kuasa yang merupakan pembahagian di dalam amalan demokrasi iaitu kuasa eksekutif, legislatif serta judisiari menjadi semak dan imbang yang efektif bagi Kerajaan Beta walaupun pemusatan kuasa kini sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Beta percaya dan yakin dengan *rules of law* di negara Malaysia serta prinsip Rukun Negara yang keempat iaitu Kedaulatan Undang-Undang berjalan dengan baik, adil serta saksama kepada semua strata sosial di dalam masyarakat. Kerajaan Beta perlu mencari kaedah

serta model terbaik dalam sistem pentadbiran agar lebih telus dan efisien sebelum memutuskan sebarang keputusan yang bakal dilaksanakan demi kepentingan kerajaan dan rakyat Beta. Disiplin serta cabang ilmu pentadbiran yang teratur dan berkesan dapat dipastikan dengan cara kolaborasi menyeluruh di semua peringkat badan-badan kerajaan yang berkepentingan agar keputusan yang dibuat secara cekap dan tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Oleh yang demikian, bagi separuh kedua tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Permintaan luaran yang lebih perlahan juga akan terus menjejaskan kegiatan ekonomi khususnya bagi sektor berorientasikan eksport. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Ketibaan pelancong dijangka terus meningkat, lantas menggiatkan aktiviti pelancongan, manakala aktiviti pelaburan akan disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan. Keadaan kewangan domestik juga kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada tahun 2022 negeri Terengganu merekodkan nilai KDNK sebanyak RM37.3 bilion, peningkatan 5.9 peratus daripada 3.7 peratus pada 2021. Sektor perkhidmatan berkembang 6.0 peratus, disokong oleh perdagangan borong dan runcit, penginapan, makanan dan minuman serta perkhidmatan kerajaan. Seterusnya, sektor pembuatan adalah sederhana kepada 8.2 peratus berbanding 9.5 peratus pada 2021, disokong oleh produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Walau bagaimanapun, sektor pertanian di Terengganu merosot 4.7 peratus disebabkan penguncupan dalam subsektor tanaman kelapa sawit dan tanaman lain serta penternakan. Kerajaan Beta haruslah memberikan penumpuan kepada segmentasi bagi mengutamakan bidang-bidang yang bakal memberikan *multiplier effect* di dalam persekitaran sosial serta ekonomi yang inklusif, kukuh dan mampan melalui:

- a) Perkembangan Pembangunan Wilayah di Negeri Terengganu
- b) Melestarikan Pelan Pembangunan Pelancongan
- c) Pembasmian Kemiskinan Dan Kesejahteraan Rakyat

- d) Peluang Pelaburan Dan Pekerjaan
- e) Perkembangan Potensi Pertanian
- f) Pembangunan Modal Insan

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Proses urbanisasi yang berterusan adalah merupakan salah satu agenda yang perlu dititikberatkan. Proses ini melibatkan kerjasama semua pihak dalam memastikan anjakan paradigma bandar berasaskan dimensi bersepadu pembangunan mampan merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Dalam usaha untuk mewujudkan bandar-bandar baharu sebagai sokongan kepada bandar sedia ada, pelbagai aspek baharu perlu diteroka dan diberikan fokus. Beta berharap agar elemen-elemen perbandaran utama seperti elemen bandar pintar, bandar selamat, bandar hijau serta bandar rendah karbon dititikberatkan dan diperhalusi bagi tujuan pemakaian di peringkat negeri dan peringkat tempatan secara berterusan.

Kerajaan Beta disarankan untuk mengoptimumkan potensi bandar-bandar baharu yang telah dirancang supaya dapat dibangunkan untuk memastikan ruang bandar yang kondusif dan tersusun dapat direalisasikan kepada seluruh lapisan masyarakat. Kaedah pembangunan secara penswastaan juga perlu diperhalusi dengan lebih teliti bagi memastikan galakan serta promosi pelaburan pembangunan mendapat sambutan daripada pihak swasta sehingga pelaksanaan bandar-bandar baharu ini dapat dicapai. Beta amat yakin dengan adanya penglibatan pihak swasta yang lebih aktif dalam pembangunan ini mampu memastikan keberhasilan agenda perbandaran yang berdaya huni dan maju dapat dicapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta melihat sektor pelancongan kini mencatatkan perkembangan yang baik berdasarkan data kemasukan pelancong yang direkodkan hadir ke Terengganu pada tahun 2022 iaitu seramai 3.7 juta pelancong yang melepasi sasaran 3 juta pelancong. Pasca Covid-19 memberikan cabaran baharu kepada sektor pelancongan dalam mendepani senario ekonomi dunia yang tidak menentu. Kerajaan Beta perlu meneroka potensi baharu dalam industri ini agar dapat memberi nilai tambah kepada aset-aset pelancongan negeri yang sedia ada. Kepelbagaian dan keunikan sumber alam semulajadi, bermula dari jajaran

pantai sepanjang dua ratus empat puluh empat (244) kilometer, kehijauan hutan hujan tropika, kepelbagaian sumber flora dan fauna, keindahan dasar laut yang memukau sehinggalah ke khazanah seni, budaya dan warisan yang masih terpelihara merupakan anugerah yang tidak terhingga daripada Allah Subhanu Wata'ala buat seluruh rakyat negeri ini. Sehubungan itu, Kerajaan Beta perlu memberi penekanan terhadap penjenamaan produk dengan mengenalpasti *Unique Selling Point (USP)* yang ditawarkan untuk menarik minat pelancong seperti menjenamakan Terengganu sebagai destinasi pelancongan marin terkemuka dalam negara. Keunikan tujuh (7) pulau peranginan utama di Terengganu seperti Pulau Perhentian Besar, Perhentian Kecil, Pulau Redang, Pulau Tenggol, Pulau Bidong, Pulau Lang Tengah dan Pulau Kapas berpotensi tinggi untuk dipasarkan ke peringkat global.

Kerajaan Beta seharusnya mencari kaedah promosi yang lebih strategik bagi melonjakkan aktiviti pelancongan marin Terengganu. Penemuan Bidong *Shipwreck* yang berusia lebih lima ratus (500) tahun di Pulau Bidong membuktikan terdapat banyak lagi khazanah dasar laut yang perlu diterokai. Justeru itu, Galeri Arkeologi Maritim Terengganu wajar diwujudkan agar segala penemuan berharga ini dapat disimpan pada suatu tempat yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan kajian. Pelancongan marin yang mencakupi aktiviti-aktiviti berkaitan seperti *voluntarism* dalam program-program konservasi penyu dan hidupan marin, penganjuran pelbagai acara berimpak tinggi di pulau-pulau, serta menonjolkan kebudayaan negeri melalui penglibatan komuniti setempat perlu diperluaskan. Pengiktirafan Geopark Kenyir baru-baru ini adalah sangat membanggakan dan memberi citra baharu kepada segmentasi ekopelancongan negeri Terengganu yang perlu diterokai lebih mendalam lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta dimaklumkan negeri Terengganu merekodkan 6,330 ketua isi rumah (KIR) yang berstatus miskin tegar. Pelbagai pendekatan serta inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan Beta bagi mengurangkan kitaran kemiskinan ini termasuk pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR-BMT) secara berperingkat melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.3 juta. Sehingga kini, seramai 168 KIR miskin tegar bagi lapan (8) daerah telah dilibatkan di dalam projek pertanian, keusahawanan, pertukangan, kraftangan, jahitan dan telah mula merekodkan janaan pendapatan tambahan secara puratanya sebanyak

RM300 hingga RM500 sebulan bagi setiap KIR. Oleh yang demikian, Beta menyarankan agar inisiatif seperti ini perlu diperbanyakkan agar golongan sasaran bebas dan terus keluar daripada insiden kemiskinan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kerajaan Beta telah mencatatkan jumlah pertumbuhan pelaburan sebanyak RM3.74 bilion yang diluluskan dalam sektor pembuatan, pelancongan dan logistik. Prestasi pelaburan yang memberangsangkan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk lokasi yang strategik, ketersediaan bakat yang baik, dasar dan peraturan yang progresif serta mesra perniagaan, integrasi ke dalam rangkaian ekonomi antarabangsa serta ekosistem industri yang matang.

Oleh yang demikian, Kerajaan Beta disarankan agar memberi fokus kepada kluster-kluster yang telah dikenal pasti antaranya *Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS)*, *Downstream Manufacturing of Minerals* dan *Specialty Chemical and Petrochemical* agar seiring dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Penekanan ini bertujuan untuk mencipta sumber kekayaan baharu negara dengan meningkatkan kompleksiti ekonomi, memacu pertumbuhan ekonomi lestari, menyediakan peluang pekerjaan berkualiti sekali gus meningkatkan taraf kehidupan rakyat yang lebih sejahtera.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Beta perlu menggandakan usaha-usaha untuk menarik dan mempergiatkan aktiviti penggalakan pelaburan bagi memastikan kedudukan Terengganu kekal kompetitif termasuk memudah cara urusan pelabur melalui pengenalan inisiatif dan fasilitasi pelaburan yang berkesan. Menaik taraf infrastruktur di kawasan perindustrian adalah penting untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sedia ada bagi menarik pelabur dan meningkatkan daya saing negeri. Beta yakin bahawa peningkatan ekonomi bagi sesebuah negeri dapat direalisasikan melalui kemasukan pelabur-pelabur asing dengan mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan. Dengan itu, Kerajaan Beta dapat meningkatkan aliran pelaburan ke dalam negeri sekaligus memastikan Terengganu kekal sebagai destinasi utama pilihan pelabur.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sektor pertanian telah mengalami perubahan daripada pertanian tradisional kepada pertanian moden melalui penggunaan serta adaptasi teknologi dalam kaedah penanaman, penternakan dan perikanan di negeri Terengganu. Ketidaktentuan iklim dengan perubahan cuaca ekstrem memberi kesan terhadap produktiviti pengeluaran hasil pertanian. Beta berharap teknologi kebendaan atau *Internet of Things* (IoT) dalam sektor ini dimaksimumkan penggunaannya dalam memastikan pengeluaran hasil sektor pertanian secara optimum dengan impak yang minima akibat perubahan iklim dan cuaca.

Peningkatan pendaratan ikan marin sebanyak 9.9 peratus serta peningkatan pengeluaran hasil akuakultur sebanyak 13.06 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya menunjukkan keberhasilan perancangan serta usaha berterusan di dalam program memperkaya sumber perikanan. Hal ini sudah tentu mengukir senyuman para nelayan apabila pendapatan mereka bertambah dan seterusnya menyokong pengeluaran produk-produk hiliran berasaskan perikanan. Selain itu, Kerajaan Beta disarankan agar mencari jalan penyelesaian berkaitan isu pencerobohan nelayan asing yang menggugat kedaulatan negara serta mengancam keselamatan para nelayan. Isu pencerobohan perairan serta penjarahan khazanah laut telah menyebabkan ketirisan hasil laut dalam sehingga mencecah RM4 bilion setahun kepada industri perikanan. Ini sudah semestinya merugikan negara dan negeri setelah pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan sumber perikanan marin. Di samping itu, inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan tapak pertanian Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi golongan belia haruslah diteruskan bagi menarik golongan muda negeri ini menceburi sektor pertanian yang berpotensi tinggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pada pengamatan Beta, umat Islam perlu menyuburkan kembali tradisi ilmu sekiranya mahu menegakkan Islam yang syumul, sempurna dengan jasad dan rohnya. Tamadun Islam, seperti yang diungkapkan oleh *Franz Rosenthal*, mencerminkan *knowledge triumphant* (keagungan ilmu) di mana masyarakat cendekiawannya menjadi tonggak tamadun dan suara moral dalam masyarakat. Sasterawan dan ahli balaghah Abu Hilal al- 'Askari menegaskan pengalaman menikmati kelazatan ilmu merupakan kenikmatan yang tiada tolok bandingnya.

Beliau berkata; *"sejak kami mengenal nikmat ilmu tidak lagi kami merasai nikmat rasa manis dan lazat yang lain"*. Sehubungan dengan itu, walau apa jua cabaran yang dihadapi, bidang pendidikan tidak boleh dipinggirkan.

Kerajaan Beta memberikan komitmen dalam memacu kelestarian bidang pendidikan dengan memperuntukkan sebahagian besar dalam Belanjawan 2023. Hasilnya, rakyat Beta mengecapi pelbagai kejayaan di dalam bidang pendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kejayaan ini tidak dapat dikecapi tanpa usaha dan komitmen daripada semua pihak terutamanya para guru, ibu bapa dan agensi-agensi kerajaan yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan pendidikan di negeri Terengganu kekal berada pada tahap yang terbaik serta cemerlang.

Selain daripada itu, Beta ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memperkasakan institusi-institusi pendidikan dan kemahiran yang sedia ada di negeri ini selaras hasrat asal penubuhannya. Program-program pengajian yang ditawarkan perlu mengambil kira perkembangan dan keperluan dalam bidang industri semasa dan akan datang. Penerokaan dalam bidang sains dan teknologi menjadikan ianya lebih sempurna apabila digabungkan dengan kurikulum agama berpandukan Al-Quran dan Hadis yang saling berkait dan melengkapi antara satu sama lain. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dan para ahli akademik merangka plan pendidikan yang lebih komprehensif bagi menjadikan negeri Terengganu sebagai negeri contoh dalam bidang pendidikan yang ditawarkan.

Beta menyeru agar agensi-agensi berkaitan pendidikan termasuk Yayasan Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM) dan tidak terkecuali syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri Terengganu meneruskan penajaan program-program pendidikan mahupun kerjasama dalam penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Beta, terutamanya dalam bidang-bidang pengajian yang kritikal serta menepati keperluan semasa industri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta ingin menzahirkan penghargaan di atas taat setia yang telah dicurahkan kepada Beta dan negeri tercinta oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, semua anggota pentadbiran awam, anggota keselamatan dan semua petugas

perkhidmatan kesihatan yang telah menyempurnakan amanah dan tanggungjawab secara profesional, adil dan saksama bagi menjaga kebajikan dan keharmonian rakyat Beta. Terima kasih juga kepada seluruh rakyat Beta yang sentiasa mendoakan kesejahteraan Beta dan keluarga sepanjang dua puluh lima (25) tahun pemerintahan Beta. Justeru, Beta turut mendoakan kepada seluruh rakyat Beta agar dapat menjalani kehidupan dengan penuh kerukunan dan aman damai serta terus gagah menghadapi pelbagai gelora pandemik, kemurungan ekonomi dan cabaran yang melanda tanah air.

Akhirnya, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, janganlah bersikap menilik balas dan menanti pujian, jagalah nama baik dan kehormatan dewan yang mulia ini dengan melaksanakan khidmat bakti yang tulus ikhlas sebagai wakil rakyat dengan meletakkan kepentingan rakyat Beta dan masa hadapan negeri ini di dalam hati dan minda Ahli-ahli Yang Berhormat. Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan lafaz suci, Bismillahirrahmanirrahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas. Selamat bersidang.

Sekian. Wabillahi taufik Wal hidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN DIIRINGI
OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA
DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN
NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA MASUK
SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Titah DiRaja untuk membuat perbahasan, saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke hari Selasa, 3 Oktober 2023 jam 9.30 pagi.

Sebelum kita mengakhiri majlis pada pagi ini, sebentar nanti Sesi Fotografi bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan bersama dengan seluruh Ahli

Yang Berhormat dan Anggota Pentadbiran Negeri di hadapan Pentas DiRaja di Perkarangan Dewan Undangan Negeri. Mohon kerjasama semua Ahli Dewan berada di tempat Sesi Fotografi sebaik sahaja Dewan ini ditangguhkan dan mohon disegerakan. Sementara itu Ketua-ketua Jabatan dan semua hadirin dijemput menikmati makan tengahari di Dewan Besar, Tingkat Bawah, Wisma Darul Iman. Selepas sesi fotografi, saya ingin menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk menikmati jamuan di Damai Lounge.

Kita tangguhkan majlis kita dengan membaca tasbih kaffarah dan Suratul 'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Tengku Seri Bijaya Raja
Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, Para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan taufik dan hidayahNya, kita dapat berada dalam Dewan Pertama, berada dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas untuk hari yang ketiga. Kita telah selesai pada hari pertama dengan Majlis Angkat Sumpah seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu diikuti pada hari yang kedua, Pembukaan Penggal Dewan Undangan Negeri Terengganu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Ahli-ahli Dewan yang telah memberi kepercayaan kepada saya sebagai Yang di-Pertua Dewan dan seterusnya memimpin Dewan Undangan Negeri Terengganu ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Yahaya bin Ali atas perkhidmatan dan bakti beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu pada penggal yang lalu. Sepanjang tempoh beliau memegang tampuk kepimpinan sebagai Yang di-Pertua Dewan, pelbagai inisiatif dan pembaharuan telah dibuat dalam Memacu Pemberdayaan Badan Legislatif yang efektif, inklusif, & progresif ke arah menjadikan Dewan Undangan Negeri Terengganu sebagai sebuah badan legislatif yang terunggul. Semestinya legasi ini akan disambut baik dan disambung dengan usaha usaha yang berterusan dari semua ahli badan legislatif yang baru pada hari ini. Saya yakin dengan kerjasama yang baik daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan dapat melaksanakan amanah rakyat dengan berkesan dalam Dewan yang mulia ini.

Pada kesempatan ini, bersempena limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah berangkat hadir dan menyampaikan Titah Ucapan Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas pada hari kedua yang lalu, patik mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu, merafak sembah ucapan Menjunjung Duli Setinggi-tinggi Tahniah Sempena Sambutan Jubli Perak, Dua Puluh Lima Tahun Pemerintahan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Semoga Allah memelihara dan merahmati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu. Semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* sentiasa memberikan kesejahteraan dan kesihatan yang berpanjangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam memimpin dan mentadbir Negeri Terengganu Darul Iman ini. Daulat Tuanku.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat agar dapat menekuni dan meneliti Titah Ucapan Baginda dengan sebaiknya. Seterusnya, saya berharap Ahli Yang Berhormat sekalian dapat memberikan perbahasan yang berkualiti dan berkesan agar hasrat dan titah baginda dapat direalisasikan dalam Dewan Yang Mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka untuk saya mengingatkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah mewakili Badan Legislatif iaitu badan yang berautoriti menggubal, meminda dan memansuhkan undang-undang sepertimana yang tertakluk dalam Sistem Federalisme negara kita. Badan Legislatif merupakan sebahagian daripada cabang sesebuah Kerajaan selain daripada Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Sebagai negara Demokrasi Berparlimen, konsep pengasingan kuasa adalah berteraskan pembahagian kuasa kepada tiga komponen iaitu perundangan, pentadbiran dan kehakiman bagi mengelakkan pemusatan kuasa di tangan setengah pihak atau pemimpin.

Keputusan Pilihan Raya Negeri baru baru ini telah membuka lembaran sejarah baru di Negeri Terengganu yang menyaksikan Kerajaan Negeri dibentuk sepenuhnya tanpa adanya wakil pembangkang. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan seluruh pimpinan dan ahli-ahli PAS yang telah mencapai kejayaan yang begitu besar di dalam perjuangan dan di dalam kerja mereka. Sukacita saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar atas pelantikan sebagai Menteri Besar Terengganu yang ke-16 dan juga atas kejayaan mengekalkan pemerintahan pada penggal yang ke-15 ini. Ini hasil daripada kejayaan gabungan Perikatan Nasional, PAS dan Parti BERSATU di dalam pilihan raya yang lalu.

Dalam kesempatan ini juga, dengan rendah diri saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga diri saya sendiri, bahawasanya semua jawatan yang kita pikul pada hari ini adalah amanah yang sangat berat dan pasti akan

dipersoal dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah *Subhanahu Wata'ala* kelak. Sepertimana dalam hadis yang menyebut:

انها أمانة، فإنها يوم القيامة خزي وندامة، إلا من أخذها بحقها، أدى الذي عليه فيها.
"Sesungguhnya kepemimpinan itu suatu amanah yang akan membawa kehinaan dan penyesalan pada hari kiamat kecuali bagi orang yang mendapatkannya dengan kebenaran dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya"

Oleh yang demikian, saya menyeru sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat dan semua anggota pentadbiran Kerajaan agar menunaikan amanah kepimpinan ini dengan bersungguh-sungguh dan penuh amanah. Semoga kita semua diberi kekuatan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* agar sentiasa dipandu dengan hidayahNya dalam melaksanakan kewajipan pemerintahan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pandangan-pandangan yang bernas dan kritikan-kritikan yang membina untuk kemajuan Negeri Terengganu Darul Iman yang sama-sama kita cintai ini. Dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu ataupun Perlembagaan Negeri Terengganu Fasa 3(A) sudah cukup jelas memperuntukkan Al-Quran, As-Sunah, Ijmak dan Qias sebagai sumber asas dan sumber rujukan yang utama Perundangan Syariah negeri kita. Maka, saya menyeru kepada semua agar dapat menghayati, memahami sekali gus mempertahankan Undang-undang dan Perlembagaan Negeri ini, agar ia mendapat menjadi pemandu arah perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu. Saya mengharapkan setiap Ahli-ahli Dewan dapat mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan yang telah dibekalkan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perjalanan sidang atau mesyuarat kita dapat berjalan dengan lancar. Sebagai Yang di-Pertua Dewan, insya-Allah saya akan berusaha untuk memberikan keadilan kepada semua pihak dan akan menggunakan kuasa saya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan dalam menjalankan aturan mesyuarat persidangan. Akhir kata, saya ucapkan selamat bersidang kepada semua Ahli Yang Berhormat semoga Allah memberikan barakah dan rahmat kepada kita sekalian, khususnya sepanjang sidang ini berjalan.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Laporan Tahunan dan Kewangan Tahun 2021, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)
(D.U.N. Bil.1/2023)
2. Penyata Kewangan Tahun 2021, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil.2/2023)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- 1 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 2 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 3 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 4 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 5 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 6 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 7 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 8 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang

- 9 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 10 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 11 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 12 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
- 13 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 14 Yang Berhormat Wakil Sura

SOALAN-SOALAN LISAN

Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan.

- 1 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 2 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 3 Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
- 4 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 5 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 6 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 7 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 8 Yang Berhormat Wakil Manir
- 9 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 10 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 11 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 12 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 13 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 14 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 15 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 16 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 17 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
- 18 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 19 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 20 Yang Berhormat Wakil Sura

Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Dato' Seri Menteri Besar seterusnya barisan EXCO, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para hadirin sekalian. Saya memuquadimmahkan soalan pada sesi ini dengan soalan nombor 1 -

Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019 – 2023 berakhir tahun ini. Apa perancangan seterusnya way forward untuk sektor pertanian Terengganu?

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Bandar. Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 sejak daripada dilancarkan pada 4 Ogos 2019 dan bakal berakhir menjelang penghujung 2023, sebanyak 55 daripada 58 program-program utama telah dilaksanakan dengan peratusan pelaksanaan program sebanyak 95% dan diyakini *insya-Allah* menjelang penutup pelaksanaan Pelan Strategik ini kita mampu melaksanakan ke semua 100% daripada perancangan yang digariskan dalam Pelan Strategik ini dan laporan pencapaian akan dikeluarkan dalam tempoh suku pertama 2024 yang *insya-Allah* akan dibentangkan kepada Dewan Yang Mulia ini. Kesenambungan hala tuju pertanian Terengganu selepas berakhir Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 ialah kita sedang mengemaskini bengkel untuk menyusun dan memperbaharui perancangan pelan strategik bagi tempoh lima tahun yang akan datang 2024-2028 dengan mengambil kira komponen yang digariskan dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) dan manifesto yang telah diumumkan kepada rakyat.

Way forward selepas ini ialah:

- i. Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman, penternakan, perikanan dan juga Industri asas tani.
- ii. Memperkasakan keselamatan dan kualiti makanan.

iii. Melengkapkan rangkaian nilai asas tani.

Ada beberapa projek yang kita masukkan di bawah tajuk *quick win* projek-projek yang tidak menelan belanja yang besar tetapi memberikan hasil segera kepada rakyat di antaranya kita fokus kepada bantuan *input touch point* kepada golongan sasaran samada petani, penternak dan nelayan yang meliputi bantuan *input*, peralatan dan juga mekanisasi.

Yang kedua isu pembangunan infrastruktur samada infrastruktur pertanian, penternakan dan juga perikanan. Diantaranya meliputi pembangunan taman kekal pengeluaran makanan naik taraf dan juga sistem pengairan sawah padi dan juga ladang-ladang serta kebun-kebun penduduk. Dan yang ketiga menaiktaraf dari segi sistem jalan pertanian dan sebagainya.

Seterusnya fokus kita adalah untuk menangani bencana yang selalu menimpa sektor pertanian samada bencana dalam bentuk bencana alam, yang kedua bencana dalam bentuk wabak penyakit dan yang ketiga bencana dalam serangan hidupan liar yang memusnahkan sebahagian daripada hasil penduduk. Banjir besar yang berlaku pada tahun 2022 telah mengorbankan sejumlah besar binatang ternak yang menjadi sumber rezeki kepada rakyat kita yang *insya-Allah* sebahagiannya kita bantu melalui Tabung Bencana Pertanian Negeri Terengganu.

Seterusnya ialah sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Pembukaan Dewan sektor perikanan kita menunjukkan graf peningkatan sebanyak 9.9%. Impak positif daripada pelaksanaan pelbagai program memperkayakan sumber perikanan dan program-program yang memberikan impak positif kepada rakyat ini akan diteruskan dengan peruntukan bajet yang lebih besar. Beras Ganu, Beras MyGAP dengan jenama Beras Ganu yang menjadi fenomena dalam tempoh sebulan dua ini perlu diperkasakan memandangkan kepada permintaan yang tinggi yang melebihi daripada kapasiti pengeluaran kita dan *insya-Allah* menjelang musim menuai pada bulan Oktober ini kita akan susun balik dari segi pengeluaran Beras Ganu yang mempunyai pensijilan MyGAP. Dan ada banyak lagi program-program yang kita masukkan dalam *quick win* yang disasarkan akan memberikan manfaat terus kepada rakyat dalam masa yang sama tidak melibatkan kos yang besar dari segi pelaksanaannya sebagai kesinambungan kerana hasil daripada program-

program pertanian tanam hari ini, hasilnya mungkin kita tak akan tuai selepas tiga dan keempat tahun akan datang". Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh? Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat jelaskan apakah kita telah mencapai sasaran daripada Pelan Strategik Pertanian kita?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita berada dalam langkah perjalanan yang tepat untuk menuju ke sasaran. Saya ingin menjelaskan sedikit berkaitan dengan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Pembukaan yang memaklumkan pengucupan sektor pertanian sebanyak 4.5 peratus. Sebenarnya, KDNK sektor Pertanian digabungkan sekali dengan KDNK komoditi untuk sawit dan peratusan besar daripada KDNK Pertanian sebenarnya dipengaruhi oleh sawit kira-kira pada kadar 30 peratus. Jadi apa-apa yang berlaku kepada sektor pengeluaran sawit akan memberikan kesan yang besar kepada sektor pertanian negeri.

Dasar Pertanian Terengganu pula telah meletakkan fokus kita adalah kepada tanaman pengeluaran makanan. Mana-mana permohonan tanah kerajaan bagi tujuan perladangan sawit sudah tidak dipertimbangkan lagi dengan makna dalam konteks negeri Terengganu, sektor sawit kita akan statik, *maintain* dengan keluasan yang ada dan pembukaan tanah-tanah baru kerajaan hanyalah bagi tujuan pengeluaran makanan sahaja. Sebab itu Kerajaan Negeri memberikan beberapa pandangan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dalam rangka untuk mengharmonikan data-data yang ada.

Yang pertama, suka saya maklumkan kepada Dewan, Banci Pertanian yang terakhir telah dibuat pada tahun 2005, kira-kira 18 tahun yang lalu. Tentu sekali dalam tempoh 18 tahun, banyak data-data yang perlu diharmonikan semula. Yang kedua, Kerajaan Negeri bersama dengan jabatan-jabatan dan agensi di bawah Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Perangkaan, kita telah mengadakan Sesi Libat Urus dan *insya-Allah* akan diadakan Banci Pertanian Negeri Terengganu pada tahun 2024 akan datang. Jadi kita mengharapkan dengan Banci Pertanian ini akan memberikan data-data yang lebih tepat kepada DOSM ataupun Jabatan Perangkaan untuk mereka mengeluarkan KDNK dengan data yang lebih harmoni, dan yang ketiga Kerajaan Negeri mencadangkan kepada

Jabatan Perangkaan supaya mengasingkan di antara KDNK Pertanian dan juga KDNK komoditi sawit dan juga getah kerana kedua sektor ini diuruskan oleh kementerian yang berbeza, dan satu lagi harga sawit dan harga getah dipengaruhi oleh pasaran dunia.

Saya mengambil contoh bagi tahun 2022, sektor Perikanan Terengganu meningkat 9.9 peratus. Sektor *food crop*, tanaman kontan yang menghasilkan makanan meningkat 2.6 peratus, tetapi sawit kita menurun -4.5 peratus. Penurunan sawit -4.5 peratus telah menenggelamkan peningkatan sektor perikanan dan juga sektor *food crop*. Sebab itulah kita merasakan adalah lebih adil untuk KDNK komoditi dan KDNK pertanian ini diasingkan supaya dia memberikan satu gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan pengeluaran dan *Food Security* negeri dan negara kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan akhir tambahan. Yang Berhormat EXCO, tadi ada Yang Berhormat EXCO sebut tentang isu beras. Saya rasa masalah isu beras ini merupakan masalah yang besar sekarang. Boleh tak Yang Berhormat EXCO tolong jelaskan berhubung dengan isu beras ini untuk mengembalikan kepercayaan rakyat pada pemimpin. *Insyallah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Fakta utama yang perlu diambil maklum ialah pengeluaran beras negara mencukupi kira-kira 67 peratus daripada SSR (*Self Sufficient Ratio*) bermakna beras import kita hanyalah sekitar 33 peratus sahaja. Yang menjadi isu di kalangan rakyat sekarang ini ialah bagaimana beras Super Tempatan boleh hilang daripada pasaran dan yang timbul hanyalah Beras Super Import yang dijual dengan harga yang mahal. Saya ibaratkan seolah-olah ular lidi telah telan ular sawa. Hilang 67 peratus, yang timbulnya adalah yang 33 peratus.

Secara peribadi saya ada buat pemeriksaan, lawatan ke tempat-tempat pembungkusan beras dan memang kita temui fakta bahawa beras tempatan telah dicampurkan dengan beras import. Biasanya nisbah campuran beras tempatan 60, beras import 40 ataupun beras tempatan 70, beras importnya 30 dan akhirnya dilabelkan dengan label biru dan ditulis beras Super Import yang boleh dijual dengan harga yang mahal. Di sinilah kita nampak bagaimana kelemahan dari segi penguatkuasaan untuk kita mengatasi peranan kartel-kartel yang menyebabkan sektor makanan ruji rakyat berada dalam situasi yang

sangat terkesan sekarang ini. Dalam konteks negeri Terengganu, kita telah berusaha semaksima mungkin yang dibuktikan melalui data dan fakta tahun 2018, kecukupan SSR pengeluaran padi kita 43 peratus, 2019 naik kepada 48 peratus, 2020 naik kepada 53 peratus, 2021 naik kepada 56 peratus dan 2022 pengeluaran beras negara mengalami penurunan disebabkan oleh bencana alam dan juga wabak penyakit. Di negeri kita Terengganu, kita berhadapan dengan dua kali musim banjir tahun 2022, bulan Februari sekali, bulan Disember sekali dan banjir merupakan banjir besar luar biasa. Jadi memang kita akui pada tahun 2022, ada mengalami sedikit penurunan. Tetapi penurunan ini tidak sepatutnya menyebabkan sehingga beras tempatan terus hilang daripada pasaran. Di sinilah nampak ada beberapa perkara yang perlu diharmonikan dan sebenarnya pengeluaran beras GANU, beras yang mempunyai persijilan MYGAP adalah model bagaimana kita sebenarnya boleh mengeluarkan beras sendiri tanpa penglibatan kartel dan boleh dijual dengan harga murah, yang akhirnya memberikan manfaat kepada rakyat dan tidak ada kompromi dalam isu makanan ruji untuk mengenyangkan perut rakyat. Terima kasih.

YANG BERTITAHU DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi, Yang Berhormat Bandar, saya nak memaklumkan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengemukakan soalan seramai 20 orang. Jadi, saya nak bagi untuk soalan tambahan kepada setiap Yang Berhormat sekali sahaja agar sempat Yang Berhormat belakang-belakanglah bertanya dalam persidangan kali pertama ini, *Insyah-Allah*. Jadi kita bagi tambahan sekali jela *deh*. *Hok* lebih tu kerana Yang Berhormat Bandar kerana Pengerusi backbencher kita beri lebih sikit. Jadi silakan seterusnya Yang Berhormat Wakil Jertih.

YANG BERTITAHU DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Jertih soalan 2-

Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan edutourism di negeri ini sesuai dengan banjir ilmu dan para asatizah di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Wakil Jertih. Wakil Jertih ingin memohon penjelasan tentang *Education Tourism*. Sudah yang pasti usaha yang dilakukan adalah melalui kerjasama program-program Kerajaan Negeri dan penggiat seni pelancongan di negeri ini dan juga bersama-sama dengan institusi pendidikan dalam dan luar negara. Antara program yang terlibat seperti Kem Kebudayaan dan Kesenian di tempat-tempat pelancongan dan juga kebudayaan yang ada di negeri kita.

Yang keduanya adalah program demonstrasi pembuatan produk warisan seperti batik, wau, penggunaan alat-alat muzik tradisional negeri kita dan juga pertukaran pelajar dalam negeri dan juga luar negara dan kita juga mengadakan wacana ilmu dan forum keagamaan yang menarik ramai pengunjung domestik dan juga antarabangsa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mohon penjelasan berkaitan usaha keseriusan Kerajaan untuk membangunkan *Heritage Tourism* atau juga dikenali sebagai *Historical Tourism* memandangkan kita ini kaya dengan sumber-sumber sejarah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih. Seperti mana yang kita tahu bahawa kita mempunyai satu Kampung Budaya iaitu KBT di sebelah Muzium Terengganu yang mana telah menerima ramai pengunjung dan juga pelawat daripada pelbagai negara terutamanya pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang ingin melihat dan mempelajari seni warisan dan kebudayaan negeri Terengganu dan sebagai contoh usaha kerajaan, pertukaran lawatan 60 orang sebagai peringkat yang pertama, pelajar daripada Thailand, Indonesia dan juga negara lain ke Kampung Budaya dalam satu program anjuran Universiti Malaysia Terengganu dan juga Kampung Budaya lagi dengan kerjasama Pusat Antarabangsa UniSZA telah menerima kunjungan daripada 10 Universiti di Australia. Dan ini menunjukkan bahawasanya Kerajaan Negeri secara serius ingin memperkenalkan *Heritage Negeri Terengganu*.

Dan juga, kita juga bercadang, mencadangkan supaya penggiat-penggiat pelancongan membuat pertukaran di antara negeri dan juga negara dan sebagai contoh *Homestay* di Teluk Ketapang dan Lambo Sari telah membuat pakej *Education Tourism* bersama dengan institusi pendidikan di luar Negara. Antara program yang telah berjaya diadakan ialah *Program Design and Cultural Heritage programme* di Terengganu iaitu canting batik dan juga memperkenalkan seni budaya warisan yang mana kita mempunyai pelbagai sama ada warisan melayu dan juga warisan cina.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Kijal, seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, semua barisan EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil pihak media dan pemerhati sekalian. Saya ada tiga soalan ni, satu, dua, tiga. Boleh pilih ke Yang di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Pilih-pilih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, saya kekal nombor satulah-

Saya dimaklumkan projek pembinaan Kompleks Sukan Paya Besar di Kuala Berang telah siap untuk diserahkan pada bila-bila masa. Bilakah projek tersebut dapat diserahkan secara rasmi agar penduduk sekitar dapat menerima manfaatnya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sebab ada tiga, boleh pilih satu, *dokleh pilih doh...*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan nombor tiga daripada Yang Berhormat, nama manjanya ialah Yang Berhormat Abg Mat.

Sepatutnya projek ini siap pada 17 September 2023, tetapi kerana ada sedikit masalah, projek ini *insha Allah* akan disiapkan pada 25 Disember 2023. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Lama doh tu Dato' Yang di-Pertua, difahamkan projek ini tahun 2015 lagi, kira-kira lapan tahun kali 12, 96. Hampir 100 bulan. Sedangkan projek ini taklah besar sangat. Kita tahu bahawa *covid* 2020 sehingga 2022 yang menjadi faktor antaranya ialah melambatkan penyiapan projek tersebut. Jadi apakah sebab-sebabnya yang menyebabkan projek ini lambat disiapkan?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Sudah gaharu cendana pula,
Sudah tahu bertanya pula.

Sepatutnya soalan ini Yang Berhormat jawab kerana waktu ketika itu Yang Berhormat jaga lima tahun. Jadi sebab-sebabnya saya tak tahu.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Nok tukor* tempat kerusi ke? Silakan Yang Berhormat seterusnya iaitu Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor 1-

Bagaimana Kerajaan menangani isu kemasukan sayur-sayuran dan buah-buahan import yang mengganggu kestabilan pasaran produk tempatan?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Buluh Gading, isu kemasukan sayur-sayuran dan buah-buahan import yang memang kita akui mengganggu kestabilan pasaran produk tempatan.

Untuk makluman Dewan, Malaysia telah menandatangani (AFTA), *Asian Free Trade Area* ataupun kawasan Perdagangan Bebas *ASEAN* pada tahun 1992 lagi. Jadi melalui perjanjian ini, import dan eksport buah-buahan, sayur-sayuran, komoditi, hasil ternakan di antara negara-negara *ASEAN* adalah bebas. Jadi pengusaha Malaysia boleh import daripada luar dan kita boleh eksport keluar, ada pro dan kontra sebenarnya daripada perjanjian AFTA ini. Yang pertama saya tengok dari segi pronya, sebab banyak keperluan-keperluan rakyat dalam konteks pengeluaran negara kita belum mencukupi, kadar cukup sara diri, SSR kita. Cili contohnya, kadar SSR kebangsaan ialah 40%, kadar SSR di Terengganu 70%, kita berada lebih tinggi daripada paras kebangsaan. Ketidacukupan ini perlu ditampung dengan cili yang diimport cuma kesilapannya kadang-kadang import itu melebihi daripada keperluan ataupun import yang tidak menepati masa sebagaimana musibah saya istilahkan sebagai bencana yang berlaku kepada penanam cili di Terengganu khususnya dan di Malaysia amnya pada tahun 2021 sehingga harga cili turun pada paras sekitar seringggit lebih sahaja sekilo. Ramai daripada penanam dan pekebun cili membiarkan cili mereka rosak di kebun tanpa dipetik kerana tidak ada harga dari segi pasaran dan Kerajaan Terengganu mengeluarkan kira-kira 300 ribu untuk kita bagi bantuan input khas sebagai satu rangsangan bagi membantu pekebun-pekebun kita bangkit kembali.

Buah mempelam, buah mempelam ini, dari segi SSR negara kita hanyalah sekitar 5% sahaja bermakna kita makan pelam import lebih daripada 90%. Jadi kalau dengan ketiadaan AFTA mungkin barang-barang ataupun produk-produk yang menjadi keperluan rakyat ini sukar untuk dibawa masuk. Tapi perlu diseimbangkan disinilah saya nampak pentingnya faktor kawalan dan keseimbangan serta diselaraskan berapa sebenarnya keperluan negara supaya apa yang dibawa masuk akhirnya tidak mengganggu produk tempatan yang memang kita akui kita tidak mampu mengeluarkan produk dengan harga sebagaimana produk import yang lebih murah tetapi dalam masa yang sama rakyat kita perlu tahu bahawa produk tempatan kita lebih selamat, khususnya yang mempunyai persijilan *MyGap (Malaysia Good Agriculture Practice)* lebih

selamat daripada kandungan racun, lebih selamat dari segi kesegarannya dan lebih selamat daripada banyak aspek tapi akhirnya rakyat akan tengok mana yang murah dan mana yang mahal kerana itulah biasanya produk import lebih menjadi pilihan bukan hanya hasil tanaman malah kita menerima aduan daripada penternak-penternak kambing di seluruh Negeri Terengganu yang berhadapan dengan persaingan kemasukan kambing import daripada Vietnam dan daripada Thailand yang boleh dijual dengan harga serendah RM300-RM400 sahaja seekor, sedangkan kambing tempatan paling murah kita boleh jual sekitar RM600 sehingga RM700. Kalau jual harga RM300-RM400 memang *mapuh modal* jadi isu-isu ini sebenarnya isu-isu yang perlu diharmonikan, kita perlu sumber yang diimport tapi janganlah diimport sehingga mengganggu dan menjejaskan kestabilan daripada segi produk tempatan kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan dan penjelasan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kita kepada sumber-sumber makanan yang diimport ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Formula asas untuk kita mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar ialah kita cukupkan dari segi keperluan tempatan kita dengan cara kita naikkan kadar pengeluaran kita secara berperingkat dan inilah usaha yang banyak yang telah kita senaraikan dan dibentangkan beberapa kali kepada Dewan ini bagaimana usaha yang telah kita gariskan dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023, antaranya kita majukan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, kita buat program khusus untuk pembangunan tanah terbiar, kita bagi bantuan modal kepada rakyat kita yang berhadapan dengan masalah modal. Anak-anak muda kita ramai yang terlibat dalam pertanian menggunakan kaedah fertigasi dan suka saya maklumkan kepada Dewan, data yang ada menunjukkan negeri Terengganu berada pada kedudukan teratas dalam negara dari segi penglibatan petani-petani menggunakan kaedah fertigasi seramai 700 orang. Dalam masa yang sama, kita juga adalah negeri pertama dalam Malaysia yang berada di tempat pertama beberapa tahun. Saya ingat dua tiga tahun kebelakangan ini dari segi kejayaan kita menghasilkan petani yang mempunyai persijilan MyGAP. Kita juga buat ladang kontrak untuk bantu dari segi pasaran, bantuan dari segi pelbagai kaedah pemasaran, penggunaan *IoT (Internet of Things)* sebenarnya bukan suatu yang asing di Negeri Terengganu, dah banyak

ladang-ladang menggunakan teknologi moden, boleh kawal, boleh siram pokok di skrin telefon je. Itu tidak asing dalam konteks Negeri Terengganu dan banyak lagi yang kita buat dalam rangka untuk melengkapkan rantaian nilai.

Dan suka saya maklumkan kepada Dewan, ikon pertanian Terengganu Melon Manis Terengganu sedang dalam proses untuk kita daftar bagi kita dapatkan *intellectual properties* maknanya kita akan ada hak kepada nama Melon Manis Terengganu yang orang lain tidak boleh nak campur dari segi nama itu. Ini antara usaha-usaha yang kita buat. Satu lagi kita fokuskan kepada tanaman-tanaman yang menjadi keperluan rakyat, tak payah fikir nak tanam benda-benda yang pelik yang nampak *wow* nampak *boom* sebenarnya ia tidak menjadi keperluan rakyat. Dan keperluan-keperluan ini daripada semasa ke semasa kita yakin bila kita boleh keluarkan dengan kadar yang semakin memenuhi keperluan dalam masa yang sama dengan harga yang kompetitif dan produk kita lebih selamat, pergantungan kepada sumber import akan dapat dikurangkan secara berkala. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya, persilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* penggal ini PAS diamanahkan memerintah Terengganu untuk penggal kedua. Soalan saya nombor dua-

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu untuk memastikan setiap stesen ECRL baharu di Terengganu nanti akan menjadi suatu pusat pemangkin pembangunan ekonomi dan industri baharu kepada negeri dan bagaimanakah penumpuannya untuk setiap lokasi tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Wakil Kemasik di atas soalan sebagaimana yang dipaparkan. Untuk makluman kita bersama, tarikh penyerahan Lapangan Terbang Kerteh yang dipersetujui antara pihak Kerajaan Negeri dan PETRONAS adalah sehingga 31 Mac 2026 dan Kerajaan Negeri menerusi Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bersetuju untuk menerima secara dasar cadangan keseluruhan aset yang merangkumi tanah, bangunan dan peralatan di Lapangan Terbang Kerteh oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk mengekalkan tapak Lapangan Terbang Kerteh untuk aktiviti berkaitan penerbangan.

MMKN juga menubuhkan Jawatankuasa Khas Lapangan Terbang Kerteh yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau proses penyerahan Lapangan Terbang Kerteh serta menilai *business model* dengan izin cadangan pengurusan Lapangan Terbang Kerteh sebagai persediaan menerima penyerahan lapangan terbang nanti. Berkaitan dengan ini, Kerajaan Negeri telah melantik Terengganu Incorporated Sdn.Bhd. atau Terengganu Inc untuk meneroka segala potensi serta merangka pelan pengoperasian Lapangan Terbang Kerteh setelah penyerahan oleh PETRONAS. Hasil kajian awal oleh Terengganu Inc yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Lapangan Terbang Kerteh telah mendapati bahawa Lapangan Terbang Kerteh tidak mempunyai potensi yang cukup baik untuk Kerajaan Negeri meneruskan operasi sebagai lapangan terbang dan aktiviti berkaitan penerbangan. Jawatankuasa memutuskan agar Terengganu Inc meneruskan kajian lanjut untuk meneroka potensi dan bidang lain untuk pembangunan seterusnya tapak Lapangan Terbang Kerteh. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI IR SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ataupun harapan daripada Kemasik agar Kerajaan Negeri menilai balik kajian yang dibuat khususnya terhadap pelbagai potensi berkaitan *aeronautic* dan potensi sokongan yang sangat luas yang mampu jadi suatu pemangkin ekonomi baharu seiring dengan usaha Kerajaan mencipta sumber kekayaan baharu melalui aset PETRONAS yang bernilai lebih RM120 juta ini yang akan diserahkan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Wakil Kemasik dan terima kasih juga di atas cadangan dan harapan yang begitu besar daripada Yang Berhormat Wakil Kemasik dan saya percaya juga harapan seluruh warga negeri Terengganu dan saya ingin memberikan komitmen bahawa pihak Kerajaan akan terus untuk membuat kajian dan penilaian. Walaupun begitu, antara cabaran yang besar yang wujud adalah lebih kepada *economic upscale* dengan izin dan *return of investment* dengan izin, sama ada kepada pihak Kerajaan ataupun kepada pihak swasta yang ingin meneruskan pelaburan di Lapangan Terbang Kerteh ini.

Kerajaan Negeri juga akan terus terbuka dalam tempoh ini untuk segala dapatan dan potensi baharu yang mungkin dapat diterokai dalam usaha untuk memanfaatkan penggunaan Lapangan Terbang Kerteh ini. Kita ada banyak masa lagi sehingga Mac 2026. Antara ruang lain yang boleh diterokai yang masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan ialah untuk berbincang dan mempelawa industri sokongan sebagai mini hub aeroangkasa iaitu satu bab, yang kedua ialah sebagai hub *Maintenance, Repair and Overhaul* ataupun *MRO* untuk pesawat *rotorcraft* atau *rotary-wing vehicle*. Ini pesawat yang menggunakan kipas dan juga seperti helikopter kerana MRO untuk pesawat yang besar atau pesawat kargo yang besar memerlukan *runway* dengan izin yang jauh lebih panjang daripada yang ada di Kerteh. Apapun Kerajaan Negeri akan terus berusaha sehingga sebelum sampai tempoh yang telah ditetapkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (WAKIL LADANG):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama-

Berikan penjelasan mengenai Industry Park yang ada di seluruh Negeri Terengganu iaitu berkaitan keluasan setiap Industry Park beserta jumlah yang ada di seluruh negeri dan agensi manakah yang mengawal atau menguruskan setiap Industry Park tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Ladang atas soalan yang telah dipaparkan di dalam skrin berkenaan dengan Taman Industri di dalam negeri Terengganu dan saya boleh pecahkan soalan itu kepada tiga bahagian iaitu pertamanya keluasan setiap *Industry Park* yang kita ada. Yang keduanya, jumlah keseluruhan kawasan industri di seluruh negeri dan apakah agensi-agensi yang mengawal.

Berbalik kepada keluasan setiap industri, kita ada untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan, kita mempunyai 28 buah kawasan perindustrian di dalam negeri Terengganu dan jumlah keluasan industri yang terbesar, jumlah keseluruhan dulu saya jawab soalan yang kedua itu jumlah keseluruhan adalah berjumlah 12,387.93 hektar dan daerah Kemaman mempunyai kawasan industri yang terbesar iaitu seluas 6,203.61 hektar dan melibatkan 10 kawasan industri manakala kawasan Hulu Terengganu mempunyai keluasan kawasan industri yang terkecil iaitu hanya satu sahaja kawasan industri yang melibatkan kawasan seluas 43.98 hektar. Mengikut keluasan setiap industri, saya pergi kepada daerah demi daerah;

Bil	Nama Kawasan Industri	Keluasan (Hektar)	Jumlah Keseluruhan
Marang			
1	Kawasan Perindustrian Bukit Kor	32.82 hektar	4,729.87
2	Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai	187.85 hektar	
3	Kawasan Perindustrian Pulau Kerangga	509.20 hektar	
4	Lembah Silica Terengganu	4000 hektar	
Hulu Terengganu			
5	Kawasan Perindustrian Ajil	43.98 hektar	43.98
Dungun			
6	Kawasan Perindustrian Batu 7	265.95 hektar	750.57
7	Kawasan Perindustrian Pulau Serai	21.20 hektar	

8	Kawasan Perindustrian Bukit Besi	16.12 hektar	
9	Kawasan Perindustrian Ketengah Jaya	12.95 hektar	
10	Kawasan Perindustrian Al-Muktafi Billah Shah	70.98 hektar	
11	Kawasan Perindustrian Santong	238.76 hektar	
12	Kawasan Perindustrian Charchar	124.61 hektar	
Kuala Nerus			
13	Kawasan Perindustrian Gong Badak	150.28 hektar	328.62
14	Kawasan Perindustrian Batu Rakit	178.38 hektar	
Kuala Terengganu			
15	Kawasan Perindustrian Chenering	60.71 hektar	60.71
Setiu			
16	Kawasan Perindustrian Saujana	110.28 hektar	168.07
17	Kawasan Perindustrian Sungai Bari	57.79 hektar	
Besut			
18	Kawasan Perindustrian Gong Medang	102.50 hektar	102.50
Kemaman			
19	Kawasan Perindustrian Kertih	97.39 hektar	6,203.61
20	Kawasan Perindustrian Kertih Biopolimer Park (KBP)	177.72 hektar	
21	Kawasan Perindustrian Bukit Labuhan	50.88 hektar	
22	Kawasan Perindustrian Telok Kalong	1806.13 hektar	
23	Kawasan Perindustrian Jakar I, II, dan III	95.48 hektar	
24	Kawasan Perindustrian Mak Lagam	20.00 hektar	
25	Kawasan Perindustrian Cheneh	83.84 hektar	
26	Kawasan Perindustrian Cheneh (Tambahan)	3237.48 hektar	
27	Kawasan Perindustrian Perasing	227.19 hektar	

28	Kawasan Kertih Terengganu Industrial Park (KTIP)	407.5 hektar	
Jumlah Luas Keseluruhan			12,387.93

Manakala agensi-agensi yang mengawal dan mengurus kawasan *industrial park* di dalam Negeri Terengganu adalah Invest Terengganu yang dibantu oleh agensi-agensi berkaitan iaitu yang pertamanya Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Yang keduanya, Lembaga Tabung Amanah Warisan Terengganu. Yang ketiganya, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd dan yang keempatnya Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya. Apakah pelan perancangan akan datang ataupun masa hadapan untuk *industrial park* ini dan adakah akan diwujudkan *industrial park* yang baru ataupun kita menaiktaraf *industrial park* ini yang sedia ada ataupun YB sendiri ada idea baru untuk *industrial park ini*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih YB Ladang. Dato' Yang di-Pertua, tumpuan kita sekarang adalah untuk menaikkan taraf infrastruktur kawasan-kawasan industri yang sedia ada sekarang ini kepada satu infra yang asas lebih baik, dan di situ juga akan menambahkan pendapatan ataupun menaikkan harga apabila kita memberikan kepada pelabur-pelabur kita nanti. Jadi pihak jawatankuasa kita akan cuba dapatkan peruntukan daripada agensi-agensi Persekutuanlah, sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga, cuba dapatkan dahulu peruntukan-peruntukan daripada Persekutuan dan antaranya adalah MIDA dan beberapa agensi-agensi lain yang terlibat.

Berkenaan dengan idea untuk penambahbaikan ini, kalau kita melihat sekarang ini, semua dunia pun ke arah hijau, teknologi hijau, *green technology* ini, dan saya berhasrat jugaklah untuk cuba untuk mewujudkan satu taman industri hijau di dalam Negeri Terengganu. *Insyaa-Allah* kita cuba kenalpasti dan dalam tempoh yang ada ini, kita cuba wujudkan taman industri hijau ini untuk menarik lagi pelabur-pelabur datang ke negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat DUN Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Syarikat air namanya SATU,
bukan dua, bukan tiga.
Soalan *ambe* nombor 1,
Selesai segera, rakyat lega

*Nyatakan status terkini projek bekalan air terawat dari Loji
Kepung Dua ke Tangki MIEL dan Tangki Gondang?*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Pengkalan Berangan. Dato' Yang di-Pertua, soalannya nyatakan status terkini projek bekalan air terawat dari Loji Kepung Dua ke Tangki MIEL dan Tangki Gondang.

Status terkini projek bekalan air terawat dari Loji Kepung Dua ke Tangki MIEL dan Tangki Gondang sehingga 25 Ogos 2023 berdasarkan Tempoh Lanjutan Masa No. 5 (EOT No.5) adalah sebagaimana berikut:-

- a) Pemasangan paip 900mm dari Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2 ke Tangki MIEL
Jadual: 98.39%
Sebenar: 94.41%
Keseluruhan: +0.02%
- b) Pemasangan paip 800mm & 700mm dari tangki MIEL ke Tangki Gondang
Jadual: 98.39%
Sebenar: 99.26%
Keseluruhan: +0.87%

Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Untuk makluman, terima kasih kepada Yang Berhormat Cukai. Untuk makluman, situasi bekalan air di daerah Marang khususnya dalam DUN Pengkalan Berangan agak kritikal beberapa tempat yang sekarang ini tidak mendapat bekalan air yang mencukupilah, terpaksa dicatu sepenuhnya. Dalam masa yang sama, Akademi Bomba Wilayah Timur juga mengutus surat kepada SATU untuk permohonan semakan semula kapasiti penggunaan air di akademi yang memerlukan kepada satu penyelesaian segera kerana selepas daripada ini projek fasa 3 yang melibatkan kolam renang, *swift water*, *highway flood crossing* dan yang seumpamanya yang memerlukan bekalan air yang banyak di Akademi Bomba Wilayah Timur ini. Soalan saya bilakah pemasangan paip ini dapat disiapkan dan juga sampai bila dia mampu untuk menampung keperluan rakyat khususnya di daerah Marang.

والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Pengkalan Berangan. Saya juga berdukacita dengan kelewatan ke atas pemasangan paip tersebut. Sesungguhnya berdasarkan kelulusan tempoh lanjutan. EOT No. 5 kontraktor sepatutnya menyiapkan kerja-kerja pemasangan paip dari Loji Kepung Dua ke Tangki MIEL dan Tangki Gondang ialah pada 26 Oktober 2023. Tetapi atas beberapa masalah kepada pihak kontraktor yang semua kita telah ketahui, maka dia menyatakan bahawa berdasarkan kemajuan kerja semasa di tapak, kerja-kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh berkenaan. Dan kerja-kerja ini akan dibuat pada, *insya-Allah* akan siap pada 2023 kerana sebahagian daripada barang-barang yang telah ditempah di Selangor dan juga di Ipoh saya dapati hampir dalam 90% ataupun 80% telah siap. Dan *insya-Allah* dijangka akan dibawa balik pada bulan November ini ataupun awal Disember dan pemasangan paip tersebut akan dilakukan dengan harapan bahawa Disember 2023 projek ini dapat disiapkan dan akan diserahkan. Dan saya yakin dengan siapnya pemasangan paip daripada Loji Kepung Dua ke Tangki MIEL ini dan Tangki Gondang, gangguan bekalan air berjadual di Daerah Marang dapat diselesaikan. Ianya dapat bertahan sehingga tahun 2029. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya yang terakhir untuk sesi soalan hari ini, kita persilakan ADUN Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Berapakah jumlah bayaran dana khas (Royalti) yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan? Dalam tempoh masa Disember 2022 hingga September 2023, apakah pembayaran itu sama sebagaimana tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Manir yang mengemukakan soalan sebagaimana yang dipaparkan. Izinkan saya untuk menjawab soalan Manir ini bersama-sama dengan soalan beberapa orang Yang Berhormat daripada Seberang Takir, Kemasik dan Bukit Tunggul kerana keempat-empat mereka telah mengemukakan soalan yang lebih kurang sama maksud. Berkenaan dengan jumlah bayaran dana khas Petroleum (Royalti) dengan izin yang disebut oleh Kerajaan Persekutuan sebagai dana khas Kerajaan Pusat yang diterima oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh Disember 2022 sehingga September 2023 adalah berjumlah RM405 juta dengan enam kali pembayaran.

BIL.	TARIKH	JUMLAH (RM)	PERKARA
1.	30.03.2023	50,000,000.00	
2.	18.05.2023	100,000,000.00	
3.	14.06.2023	50,000,000.00	
4.	14.06.2023	109,000,000.00	Bagi tujuan pembayaran Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara (KAJV)
5.	01.08.2023	41,000,000.00	
6.	21.08.2023	55,000,000.00	
JUMLAH		405,000,000.00	

Dan ini berbeza dengan anggaran terimaan dalam belanjawan Kerajaan Negeri tahun 2023 yang dibentangkan pada tahun lepas iaitu sejumlah lebih kurang RM1.5 bilion ringgit. Soalan daripada Seberang Takir pula bertanya tentang jumlah 5% hasil (Royalti) hasil Petroleum yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022, di mana pada tahun 2022, Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM1.393 bilion daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Manakala Kemasik dan Bukit Tunggul bertanyakan berkenaan dengan usaha Kerajaan Negeri dalam menjana pendapatan baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada Royalti Petroleum. Berdasarkan kepada belanjawan negeri tahun 2023, rancangan Kerajaan Negeri bagi menjana punca-punca pendapatan baru agar tidak terlalu bergantung kepada Royalti Petroleum ini adalah dengan merangka dan melaksanakan Pelan Strategik penjanaan pendapatan baharu Negeri Terengganu yang merangkumi beberapa kategori:

1. Kajian semula cukai dan hasil bukan cukai.
2. Pulangan balik pendapatan dalam bentuk tunai daripada Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan GLC.
3. Sumber galian.
4. Sumber bahan batuan
5. Sumber air.
6. Fee pelancongan dan rekreasi, dan
7. Sumber alam sekitar.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Jelas daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, pembayaran dana ataupun wang ehsan yang diberikan itu adalah tidak sebagaimana sebelum-sebelumnya. Jadi apakah langkah yang akan diambil ataupun sedang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan terimaan negeri bagi tahun 2023 ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu dan mencapai target anggaran Belanjawan 2023. Terima Kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Manir di atas soalan tambahan. Memanglah apa yang kita terima pada ketika ini adalah tidak sama dengan apa yang Kerajaan Negeri terima sejak daripada tahun 2018. Untuk rekod, izinkan saya untuk menyebut apa yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun yang lalu.

BIL.	TAHUN	JUMLAH (RM)
1.	2018	1,373,960,000.00
2.	2019	1,497,132,808.00
3.	2020	1,226,317,693.70
4.	2021	1,287,398,605.00
5.	2022	1,393,896,335.00
6.	2023 (September)	405,000,000.00

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan terus mengamalkan pendekatan untuk bertemu, bermesyuarat dan berunding dengan pihak Kerajaan Pusat dan sedang berusaha dengan apa jua cara untuk memastikan *Operation Expenditure (OE)* dengan izin dan *Development Expenditure (DE)* yang dirangkakan oleh pihak Kerajaan Negeri tidak terjejas. Harus diingat kerana yang sebenarnya yang mengalami penderaan adalah rakyat yang telah menikmati sejak sekian lama dalam pelbagai bentuk sama ada pendidikan, kebajikan, kesihatan, keusahawanan dan sebagainya termasuklah memberdayakan rakyat dengan izin untuk keluar dari garis kemiskinan. Sebagai penutup, barangkali inilah yang tersirat dari peribahasa melayu yang selalu kita dengar. Yang pertama ialah:

“Marahkan nyamuk, kelambu dibakar”.

Yang kedua yang jarang kita dengar, peribahasa melayu menyebut:

“Marahkan pijat, kelambu dibakar, tidur terdedah.”

Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. *Alhamdulillah* pagi ini kita berjaya menamatkan sesi soalan lisan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon untuk ditangguhkan sementara Dewan ini dan akan disambung semula pada pukul 11.00 pagi. Lanjutan

daripada itu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan ucapan terima kasih kepada semua pemerhati daripada isteri-isteri Yang Berhormat, daripada wakil-wakil Pusat Khidmat serta seluruh anak-anak dan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Senggara di Galeri Pemerhati pada pagi ini. Diucapkan terima kasih kepada semua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI

PUKUL 11.05 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Para pemerhati mesyuarat disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat (Wakil Paka) untuk mengemukakan Usul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah DiRaja mengenai Dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya”.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sebelum itu saya suka mengingatkan Peraturan Mesyuarat Perkara 47 (A) supaya mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah untuk mendapat persetujuan laluan daripada Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap dan sehingga dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan untuk memulakan pencelahan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bandar untuk memulakan perbahasan bagi menyokong Usul ini, dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِمْ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan dan memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan Menjunjung Duli dan Menjunjung Kasih serta memulakan Perbahasan Titah Ucapan DiRaja Sempena Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kelima Belas Tahun 2023. *Alhamdulillah*, kita sama-sama mengangkat setinggi-tinggi syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita diberi peluang berada di dalam dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum memulakan ucapan perbahasan pada hari ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas jasa dan khidmat bakti khususnya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan Pilihan Raya Negeri Terengganu pada kali yang Kelima Belas yang lepas. Tidak dilupa juga ucapan penghargaan saya buat seluruh rakyat Negeri Terengganu yang telah membuat keputusan pada PRN yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan yang khusus untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada warga DUN Bandar yang telah memilih dan mengekalkan saya untuk berada di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya segala usaha dan pengorbanan rakyat Negeri Terengganu dan juga para perantau yang pulang untuk membuang undi dalam mengekalkan tampuk Kerajaan Negeri kali ini, bahkan menjadikan Terengganu satu-satunya

negeri tanpa pembangkang. Tahniah kepada rakyat Negeri Terengganu. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman,

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

"Pada hari ini Kami tutup mulut mereka; tangan mereka akan berkata kepada Kami dan kaki mereka akan memberi kesaksian terhadap apa yang dahulu yang mereka kerjakan"

Surah Yasin Ayat 65.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bertepatan juga dengan sambutan 25 Tahun Jubli Perak Pemerintahan Sultan Terengganu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin, patik selaku Yang Berhormat ADUN Bandar Menjunjung Duli serta Menjunjung Kasih akan Titah Tuanku dan menyokong penuh serta mengambil serius akan Titah Tuanku untuk terus memakmurkan Negeri Terengganu Darul Iman ini dengan memaksimumkan segala kudrat dan perancangan yang mampan demi mengekalkan kecemerlangan dan memperbaiki kelompongan bersama. Saya juga mengambil peluang mewakili *backbenchers* merakam ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah yang telah dipilih untuk kali ini menjadi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, tahniah Yang Berhormat Dato'. Ucapan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar yang mengekalkan sebagai Menteri Besar serta barisan EXCO-EXCO untuk sesi kali ini. Saya juga merakamkan tahniah kepada Parti Islam Semalaysia (PAS) dan juga BERSATU di atas kejayaan yang begitu hebat di dalam PRN yang lepas sehingga merangkul penuh 32-0. *Alhamdulillah* kemenangan ini bukan kemenangan kita sendiri tetapi kemenangan di atas sokongan dan dukungan rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kemenangan yang dirangkul atas pemilihan rakyat ini akan menjadi satu iltizam yang besar kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju dari segala aspek berlandaskan syariat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Seterusnya menjadi saksi amal bakti kita di hadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga selaku Pengerusi *backbenchers* bagi Kerajaan Negeri pada kali ini dengan tegas menyambut sepenuhnya Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar

Kerajaan Negeri ini mampu membuat keputusan yang telus dan efisien demi kepentingan Kerajaan dan rakyat. PRN yang lepas telah menyaksikan rakyat telah membuat keputusan dengan memberi mandat kepada satu pihak sahaja untuk membentuk sebuah Kerajaan dengan kata lain tidak ada Wakil Pembangkang di Dewan Yang Mulia ini. Saya yakin ramai orang tertanya-tanya dan merasa bimbang dan juga sangsi bagaimana Kerajaan ini boleh bergerak mentadbir negeri dan berfungsi dengan sebaik-baiknya dengan penuh dedikasi telus dan amanah. Justeru itu, saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat suatu kenyataan dan penegasan bahawa Kerajaan yang telah diberi mandat seratus peratus tanpa pembangkang ini oleh rakyat Negeri Terengganu akan mengambil kira segala aspek memastikan perjalanan pentadbiran negeri mengikut lunas-lunas perundangan berasas kepada keadilan serta menjaga kepentingan Kerajaan dan rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, pihak *BBC* akan bergerak seiring dengan kepimpinan negeri dalam memberi pandangan dan cadangan kami juga bersedia untuk memberi teguran dan memberi kritikan secara berhemah dan membina agar Kerajaan ini dapat bergerak ke hadapan dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan rakyat sekaligus kekal relevan dan signifikan. Prinsip adil oleh pihak Kerajaan dalam membuat keputusan iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya haruslah sentiasa dinilai dari segala segi tanpa mengira parti politik, kefahaman dan bangsa. Lumrahnya, manusia dan kekurangan itu tidak mampu dipisahkan. Oleh itu, suka untuk diingatkan dan ditegaskan bahawa *BBC* bukan sahaja akan bertindak sebagai penyokong setia kepada Kerajaan tetapi dalam suasana sifar pembangkang ini prinsip luhur dan adil serta konsisten memberi pandangan dan teguran yang berhemah akan terus dimainkan oleh *BBC* bagi membaiki kelompongan yang wujud. Ini bermakna proses semak dan imbang akan terus subur di dalam Kerajaan untuk penggal ini. Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْمُؤْمِنِ وَالْمُؤْمِنُ أَخُو الْمُؤْمِنِ يَكْفُفُ عَلَيْهِ ضَيْعَتَهُ وَيَحُوطُهُ مِنْ وَرَائِهِ

Dari Abu Hurairah r.a Rasulullah ﷺ bersabda seorang mukmin itu cermin bagi mukmin yang lain, dan seorang mukmin itu saudara bagi mukmin yang lain; ia membantu saudaranya ketika kehilangan, ketika menghadapi kesukaran serta menjaganya (membelanya) dari belakang.

Dato' Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang isu pertanian dan pelancongan, isu pengucupan sektor pertanian yang dinyatakan dalam Titah Tuanku adalah suatu perkara yang genting yang perlu dibicarakan tidak mampu dinafikan lagi keutuhan sektor pertanian sememangnya akan menjamin sekuriti makanan negara. Usaha Kerajaan Negeri terutamanya dalam memajukan komoditi sara hidup seperti beras memiliki potensi pertanian yang besar dan boleh dilihat positif, kadar sara diri ataupun dengan izin self-sufficiency ratio (SSR) bagi beberapa komoditi makanan utama di negeri ini seperti beras, sayur-sayuran, lembu dan ayam semakin meningkat dari tahun ke tahun, ini menunjukkan bahawa pengeluaran komoditi ini semakin bertambah bagi memenuhi keperluan domestik, lantas mengurangkan kebergantungan kepada import. Dalam kegawatan ekonomi di bawah Kerajaan *federal* yang masih terumbang ambing sehingga disifatkan tiada hala tuju oleh beberapa pengkaji ekonomi, Kerajaan Negeri bersedia menjadi tempat bernaung rakyat Negeri Terengganu dalam mendepani kenaikan harga barang, terutamanya harga beras sebagai makanan asasi. Penjualan beras tempatan di namakan Beras Ganu memiliki Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia MyGAP merupakan beras 100% tempatan yang telah diuji selamat dari segi kualiti dan bio sekuriti. Walaupun begitu harga Beras Ganu ini jauh lebih rendah berbanding dengan beras-beras lain sekali gus menjadi rebutan pilihan masyarakat. Beras yang dimiliki 100% melayu islam ini dilihat mampu untuk mengurangkan beban rakyat sekali gus mampu menembusi pasaran negara mahupun global.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam sektor pelancongan Kerajaan Negeri dilihat sangat komited untuk melestarikan Pelan Pembangunan terutamanya apabila *trend* pelancongan dilihat menaik sangat ketara. Pada tahun 2022 jumlah pelancongan ke Negeri Terengganu meningkat sehingga 156.4% kepada 3.59 juta orang berbanding dengan 1.4 juta pada tahun sebelumnya. Sudah pasti ini meningkatkan kadar ekonomi negeri kita sekali gus membantu sara hidup rakyat Negeri Terengganu. Tidak cukup dengan pencapaian Negeri Terengganu yang berjaya merangkul tujuh anugerah pada majlis Malaysia Tourism Council Gold Awards 2022 sebagai bukti Terengganu pusat percutian bertaraf global, Kerajaan Negeri pada tahun ini menyusun 100 acara dalam kalender acara tahunan untuk tahun 2023 yang terdiri daripada tujuh belas acara ikonik yang merencanakan lagi sektor ini, sekalung tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Besar dan EXCO serta agensi-agensi yang terlibat. Sesungguhnya kekayaan sumber alam, seni warisan budaya seperti yang dinyatakan di dalam Titah Tuanku merupakan satu nikmat besar

daripada Allah Ta'ala yang tiada mampu dihitung sekali gus menjadi satu gerbang untuk memacu ekonomi negeri.

Dato' Yang di-Pertua bertepatan dengan Titah Tuanku, sesungguhnya pembangunan modal insan adalah satu elemen penting untuk difikirkan seterusnya dirancah dalam melahirkan persekitaran sosial yang mampan. Saya beriman dan penuh yakin bahawa pembangunan masyarakat berasaskan material semata-mata tidak mampu melangkah jauh seperti tamadun-tamadun besar dunia yang telah jatuh ditenggelami zaman sebelum ini, luka sosial terutamanya dalam kalangan remaja adalah sangat kronik dan perlukan perhatian segera. Suka untuk saya sebutkan di sini beberapa skala nasional yang akan kebejatan sosial menurut tinjauan kebangsaan, kesihatan dan morbidity (NHMS) 2022 berkenaan dengan kesihatan remaja seperti satu daripada lima remaja merupakan peminum alkohol pada masa lalu dan 65% daripada mereka bermula sebelum umur empat belas tahun lagi, seterusnya 60,000 ribu remaja masih mengambil dadah dan tiga daripada empat mereka bermula sebelum umur empat belas tahun, izinkan saya tambah sedikit lagi Dato' Yang di-Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Seramai 154,646 remaja di Malaysia ini pernah melakukan hubungan haram seks dan 33% bermula berhubung seks secara haram ini sebelum umur empat belas tahun dan banyak lagi luka-luka sosial yang dilakukan secara rasmi dalam laporan tersebut, betapa lelahnya modal insan masyarakat kita dan perlunya tindakan drastik dan bersinergi untuk membendung merawat barah sosial ini daripada terus membusuk lantas merosakkan khususnya para remaja dan belia negeri ini. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً نُحْنُ لَهُ عَابِدُونَ

Celupan Allah dan siapakah yang lebih baik daripada celupan Allah ia ini agamanya dan hanya kepadanya kami menyembah.

Justeru pendidikan yang berteraskan ubudiyah dilihat merupakan acuan terbaik dalam melentur rebung sebelum menjadi buluh.

Dato' Yang di-Pertua, Terengganu terus mengungguli pendidikan di mana masih mengekalkan momentum kecemerlangan apabila Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2022 semuanya mengatasi Gred Purata Kebangsaan (GPK) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat boleh landing..

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Bantuan pendidikan seperti biasiswa skim pelajar cemerlang telah diberikan kepada lima ratus dua puluh orang pelajar yang melibatkan bidang kritikal seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan dan sains, perakaunan termasuk perbankan Islam Al-Quran walqiraat. Iini menandakan bahawa kerajaan negeri sentiasa kominted dengan isu pendidikan.

Dato' Yang di-Pertua sesungguhnya tanggungjawab kita sebagai sebuah Kerajaan adalah sangat berat dan amanah diberikan kepada kita ini adalah akan dipersoal di hadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Besar dan juga EXCO Pendidikan yang telah berjaya menumbuhkan sebelas SRDI dan juga SMIDI untuk melestarikan pendidikan di Negeri kita insya-Allah, sebagai penutup mengakhiri pembahasan saya, saya ingin merafakkan Ucapan Menjunjung Duli dan Menjunjung Kasih menyokong penuh akan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin yang dilihat sangat holistik dan mampu menjadi pedoman dalam memastikan Kerajaan Negeri bergerak ke hadapan seterusnya mengangkat Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang termasuk dalam firman Allah:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Bandar mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bandar. Saya bagi lebih masa sikit tiga minit selaku Penyokong Usul dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dapat tepati masa untuk beri ruang kepada Yang Berhormat yang seterusnya untuk berucap. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ أَمَا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum memulakan ucapan perbahasan Titah Tuanku, Jertih menjunjung kasih akan Titah Tuanku dan menyokong penuh serta mengambil serius akan Titah Tuanku untuk terus memberdayakan dan membawa ke negeri Terengganu Darul Iman. Jertih ingin menyentuh berkenaan pelancongan, satu cabang sertakan berkaitan dengan *heritage, tourism* ataupun *historical tourism* memandangkan negeri kita ini berbeza dengan negeri lain. Terengganu Darul Iman yang tercatat pada batu bersurat 1303 Masihi dengan erti kata lain kita lebih awal daripada negeri-negeri Melayu lain, bahkan negeri kita yang sangat unik. Tahun 1911, negeri kita masih melaksanakan Undang-undang Syariah Islam dan negeri tercinta ini, tuan-tuan sekalian muncul gerakan menentang penjajahan iaitu Gerakan Sarekat Islam Terengganu yang diinspirasikan oleh para alim ulama daripada Sarekat Islam Indonesia yang ditubuhkan oleh Sheikh Omar Said Cokroaminoto, Haji Samanhudi, Haji Agus Salim dan lain-lain. Bagaimana para alim ulama yang berjuang bukan sekadar mereka membangunkan pendidikan di negeri kita ini hingga menyebabkan negeri paling minima menerima kesan penjajahan, walau penjajah meninggalkan kesan dengan izin, the *blue eyes mentality*, rasa kagum dengan Barat, rasa kagum dengan tamadun Barat dan Barat yang menjajah sebahagian besar dunia Islam persaingan antara Perancis, British atau Empire Pax Britannica, Itali, Portugal, Sepanyol, Belanda dan sebagainya. Bagaimana negeri kita yang pernah dijajah oleh British dengan ungkapan yang sangat angkuh dengan izin *the sun is never set in the British Empire*, matahari tidak pernah terbenam di empayar British. Bagaimana kita menyaksikan para alim ulama telah bangkit dan bangun, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Tuan Guru Haji Musa Minangkabau, Tuan Guru Haji Omar Siam bahkan saksikanlah bagaimana hebatnya Sultan yang memerintah Terengganu, Sultan Zainal Abidin III dengan penasihat yang sangat hebat, yang sangat warak dan sangat alim, Sayid Muhamad Abdul Rahman Al-Idrus ataupun Tok Ku Paloh.

Maka dengan hebatnya negeri kita dalam sejarah ini maka perlu kita pihak Kerajaan Terengganu, Jertih mencadangkan kita memberdayakan *heritage*

ataupun *historical tourism* dan kita mempunyai banyak tempat-tempat sejarah bukan sekadar dengan monumen sejarah, dengan artifak sejarah, dengan arkeologi bahkan juga dengan tulisan-tulisan yang direkodkan di beberapa tempat seperti MIO-*Military Intelligence Officer* di Museum of War, London dengan izin di Lebonesty dan sebagainya, contoh atau tempat yang boleh kita bangunkan untuk kita menggerakkan industri pelancongan, yang pertama Kubu Mat Kilau yang terletak di Pasir Raja di Dungun, antara makam Tok Ku Paloh dan juga bersebelahan dengan Syed Sagoff yang merupakan ketua kepada Sarekat Islam Terengganu yang bukti sejarah yang bertulis dokumen bersejarah bertulis a primer resource daripada MIO, Military Intelligence Officer dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada 700 orang ahli-ahli Sarekat Islam Terengganu dan ini tidak dibukukan secara rasmi dalam negara kita menyebabkan anak watan kita tidak tahu bagaimana moyang mereka merupakan pejuang-pejuang yang hebat yang berjuang bahkan tercetusnya kemuncak Perang Padang Kachung pada Mei 1928 di zaman mula masuk penjajah British ke Tanah Melayu dengan Penasihat GL Hamprish, bagaimana antara tempat yang boleh kita majukan sebagai tarikan pelancong domestik dan antarabangsa seperti Rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong di Kampung Beladau, kita boleh bangunkan juga, kita lestarikan juga seperti Kubur Syuhadah di Padang Kachung di Hulu Terengganu, Makam Sheikh Mohamad Shariff Al-Baghdadi di Jenagor. Kita lestarikan Lapangan Terbang Gong Kedak sebagai salah satu ruang Galeri Perang ataupun Muzium Perang sebagai contoh di Warsaw, Poland ada *museum war* yang dapat menarik ramai pelancong-pelancong masuk ke Muzium Perang termasuk juga kita boleh membangunkan Bukit Besi yang tempat perlombongan lama di Terengganu yang juga menjadi rebutan para penjajah bahkan juga kampung-kampung tradisi yang pernah tegaknya Kerajaan Melayu contohnya Kampung Raja di Besut, Terengganu dan juga DUN Kota Putera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan seluruh ADUN-ADUN dan juga EXCO antara manfaat daripada *heritage tourism* dan *edu-tourism* ialah kita boleh menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Sumber APEC menyebut 50 juta di seluruh dunia yang dapat manfaat daripada pelancongan. Pertama daripada *heritage tourism* ini walaupun sumber yang masuk Kerajaan Negeri itu tidak banyak, kita lihat *report* tahun lepas tidak banyak tetapi menyebabkan rakyat kita seronok, mereka *feel good factor* dengan izin, contohnya Kelantan Darul Naim, kita lihat zaman PAS memerintah sejak tahun 1990, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat bagaimana rakyat terus memberi sokongan besar kepada parti

pemerintah di sana, kerana apa rakyat merasa kesan ataupun kesan hiliran daripada pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa masuk ke Kelantan dengan pelbagai tujuan dan dengan cara lain supaya kita mengiktiraf ikon-ikon dakwah dan ilmuwan-ilmuwan yang ada di negeri Terengganu, contoh Al-Fadhil Ustaz Azhar Idrus, ilmuwan Profesor Dr. Mat Bakar dan bagaimana kita pelbagaikan program-program menjemput tokoh-tokoh ilmuwan antarabangsa seperti Sheikh ataupun Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni, Profesor Doktor Ustaz Abu Samad, Indonesia bahkan tokoh-tokoh daripada Asia Barat dari Eropah untuk menunjukkan negeri kita negeri yang dan imej Terengganu Darul Iman dan imej intelektual dan juga negeri yang merupakan serambi kepada ilmu dan jihad ta'lim.

Jertih merafak dan menjunjung kasih akan Ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Mizan dan juga ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan barisan EXCO, kepada teman-teman dalam pentadbiran yang berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan negeri ini hingga kalau kita lihat Terengganu menerima limpahan pelancong yang sangat ramai mutakhir ini. Semoga negeri kita terus dipacu dengan penuh keberkatan dan negeri kita dipanjat dengan syariat sebagaimana matlamat Allah jadikan kita khalifah di atas muka bumi *'Iqomatu al-Din wa Siasatu al-Dunya bih'* menegakkan agama dan mentadbir dunia dengannya dengan sebuah kerajaan yang tegak di atas tiang seri yang disebut oleh Allah di dalam Al-Quran dalam firman-Nya surah Al-Hajj ayat 41:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الَّذِينَ لِنُ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

"Dan orang-orang yang Kami berikan kepada mereka kekuasaan di atas muka bumi, pemerintahan di atas muka bumi, dan mereka mendirikan solat, dan mereka menunaikan zakat, dan mereka menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mereka mencegah kepada perkara mungkar"

Daripada sebuah Kerajaan yang tegak atas seni syariat seperti dibina dimulakan Nabi ﷺ hingga Nabi wafat pada 12 Rabiulawal tahun 11 hijrah bersambung Khulafah Al-Rasyidin, bermula Saidina Abu Bakar bin Abdullah ibni Abi Quhafah bersambung dengan Saidina Umar Al-Khattab bin Nufayl bin 'Abd al-Uzza bersambung kepada Saidina Uthman bin Affan bersambung kepada Saidina Ali

ini ialah tahun 40 Hijrah dan bagaimana Kerajaan Islam ini terus bersambung di Dimarj Kerajaan Bani Umayyah bermula Muawiyah bin Abu Sufyan bergilir-gilirilah sampai tahun 132 hijrah dan Kerajaan Abbasiyah yang berpusat di Baghdad dan Mesir mengambil alih Kerajaan Mamluk, Zikiyah, Ayyubiah, Fatimiah dan yang terakhir Kerajaan Uthmaniah Turki yang tumbang bahkan ada kaitan menarik antara sumber-sumber primer ini hubungan Terengganu dengan Kerajaan Uthmaniah. Tuan-tuan, Kerajaan 600 tahun bumi umat Islam ini tumbang pada Mac 1964 dan kita tanpa ada sebuah kerajaan berpusat dan inilah tanggungjawab ahli-ahli politik atau tanggungjawab anggota legislatif untuk memastikan negeri ini dipacu dengan penuh keberkatan, kemakmuran dengan petunjuk *Rabbani*.

والله أعلم

Wakil Jertih memohon kemaafan di atas kekhilafan.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jertih. Seterusnya saya menjemput mana-mana Yang Berhormat untuk menyampaikan ucapan perbahasan. Sila Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURaida BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para media dan para pemerhati yang dihormati sekalian. Jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dalam sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Tuanku Al-Sultan pada hari ini. Belum terlewat untuk saya merakamkan ucapan tahniah kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Perikatan Nasional di atas kemenangan total di negeri bertuah ini. Semoga kemenangan ini meningkatkan lagi semangat untuk berkhidmat demi masalah kebaikan rakyat di semua peringkat pentadbiran. Di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan dengan melontarkan beberapa isu untuk diambil perhatian bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, melihat perkembangan ekonomi secara keseluruhannya menyaksikan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat. Pelbagai teori pengurusan ekonomi cuba diimplementasikan oleh pelbagai pihak bagi mengurus ekonomi dengan lebih cekap dan lebih cemerlang. Antara contoh teori asas pengurusan ekonomi daripada cendekiawan Islam Ibnu Khaldun, hasil karya penulisan tersohor beliau iaitu Mukaddimah Ibnu Khaldun telah membincangkan mengenai teori-teori ekonomi antaranya mencakupi pengeluaran, pertumbuhan ekonomi dan pusingan perniagaan serta peranan kerajaan dalam ekonomi dan pembangunan perdagangan antarabangsa.

Alhamdulillah, melalui Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu yang memfokuskan kepada aspek sekuriti makanan telah membuahkan hasil, yang mana kita telah berjaya membekalkan beras kepada rakyat dengan harga mampu milik dan tidak dinafikan sektor pertanian turut berperanan dalam perkembangan ekonomi melalui sumbangannya kepada pendapatan negeri dan sekaligus mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Selari dengan peranan utamanya, Kerajaan Negeri perlu meneruskan langkah pelarasan bagi mempercepatkan daya saing struktur ini dan menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri pengeluaran pertanian utama. Sektor pertanian negeri ini perlu sentiasa bersedia menghadapi cabaran baharu yang mendatang bukan sahaja daripada peringkat domestik tetapi juga pada peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini dan ruang ini dengan melontarkan cadangan agar memperkasakan infrastruktur dan pengurusan Pasarnita di Tanjung, Kuala Terengganu. Pasarnita ini telah dilancarkan sejak 16 November 2016. Ia diwujudkan sebagai tapak perniagaan yang khusus untuk usahawan kecil wanita tempatan dan juga sebagai tapak sehenti orang ramai untuk mendapatkan barangan keperluan keluarga. Walau bagaimanapun, kita dapati tapak Pasarnita semakin suram umpama tapak yang telah lama ditinggalkan. Bulan lalu, saya menerima aduan daripada peniaga dan orang ramai yang sangat kecewa dengan situasi Pasarnita hari ini. Sedangkan lokaliti Pasarnita ini sangat strategik dikelilingi hotel-hotel, tempat-tempat peranginan, berhampiran dengan Pasaraya KTCC dan tempat tumpuan pelancong. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan agar perlunya ada satu perancangan untuk membentuk Pasarnita yang mempunyai identiti dan tarikannya yang tersendiri yang mampu menarik perhatian setiap pelancong yang datang ke Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu telah memperkasakan industri pelancongan Islam dengan mengekalkan dan menampilkan tamadun Islam sebagai satu warisan ulama ke arah kedaulatan Islam dan negeri ini. Bahkan, industri pelancongan Terengganu juga telah mendapat pengiktirafan sebagai destinasi mesra muslim melalui pengiktirafan anugerah "Standard Quality Islam" oleh *Universal Crescent Standard Centre* (dengan izin), dan ini sebagai pemangkin untuk memperlihatkan Terengganu sebagai koridor pelancongan Islam antarabangsa dan hub destinasi Islam yang menyasarkan pelancong Muslim serantau dan juga global. Namun, apa yang menggusarkan hati saya, terdapat sesetengah pelancong Muslim terutamanya di pusat peranginan ataupun di pulau-pulau jelas melanggar garis panduan pelancongan Negeri Terengganu iaitu tidak patuh dengan etika pemakaian untuk pelancong Muslim. Saya menyaksikan sendiri, pelancong Muslim, Islam, pelancong-pelancong Muslim daripada wanita tanpa segan silu memakai seluar pendek, bersinglet, tidak bertudung, malah semakin berani memakai pakaian menjolok mata, bersiar-siar di tempat pelancongan kita. Garis panduan pelancongan dengan jelas menyatakan dalam muka surat 25 iaitu pelancong Muslim hendaklah berpakaian menutup aurat.

Di sini ada dua kemungkinan, sama ada yang pertama, masih ramai yang tidak tahu garis panduan yang kerajaan keluarkan atau mereka tahu tetapi semakin berani untuk tidak patuh dengan garis panduan yang ditetapkan akibat tiada penguatkuasaan. Justeru itu, saya ingin memberi cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengambil inisiatif untuk lebih agresif dalam memperkasakan garis panduan pelancongan yang telah kita gariskan bersama dengan garis panduan hiburan, persembahan, kebudayaan dan sukan Negeri Terengganu. Besar harapan saya agar pemantauan pelaksanaan patuh syariah di seluruh Negeri Terengganu ini meliputi hotel, rumah peranginan, pulau, pantai, pusat hiburan, pawagam dan sebagainya dilaksanakan di semua portfolio yang melibatkan agensi dan jabatan kerajaan. Saya yakin, ini termasuk manifestasi dakwah Islamiah dan komitmen kerajaan dalam mewujudkan..

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta laluan sikit.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): *Ye saya*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Bagi laluan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Dia duduk Yang Berhormat (menunjuk kepada Wakil Ladang) Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Nak celah Yang Berhormat Ladang ni, (ketawa)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Minta penjelasan sikit, isu ni yang melibatkan pelancong luar mari ke Terengganu kita ni dengan, orang panggil tidak mengikut garis panduan syariah kita, isu-isu terpencil ke ataupun memang dah orang panggil, persekitaran tu macam tu? Kalau isu-isu terpencil tu kita rasa, kesedaran perlu kita bangkitkan dari kalangan masyarakatlah.

فَلْيَعِزَّهُ بِدِينِهِ مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا

Sebab Yang Berhormat tengok kena tegur-tegurlah. Badi tegurlah. Gitulah. Kecuali sebab peraturan kita dari segi kerajaan tu kita dah sedia dah. Tinggal lagi kalau benda tu terpencil tu kita bukan nak abaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Masing-masing tu tanya tadi, benda tu terpencil ke ataupun memang dah jadi orang panggil jadi kebanyakan, majoriti pulak suruh mari yang menenggelamkan suasana ataupun yang mengamalkan garis panduan syariah itu lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Okey Yang Berhormat Paka. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Sila Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJAH ZURaida Binti Md. Noor (Wakil Ladang): Terima kasih Yang Berhormat Paka. Saya berdasarkan pengalaman saya baru saja ada program lawatan di Pulau Perhentian dan saya menyaksikan sendirilah

pelancong-pelancong luar yang datang ke Negeri Terengganu, mereka memang seolah-olah memang tidak menghormati etika pemakaian yang kita dah gariskan. Walaupun kata, saya tidak rasa ini isu terpencil tapi ini perlu tindakan bersama, penguatkuasaan, sekurang-kurangnya kita mempergiatkan dakwah ataupun mempergiatkan kerjasama pelbagai pihak agar kita dapat melaksanakan, pelaksanaan syariah Negeri Terengganu ini lebih berkesan. *Insya-Allah*. Saya sambung sikit lagi Dato' Yang di-Pertua. *Kot mana doh sakning ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: *Hor dok jumpe doh*.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): *Insya-Allah*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN: Sila Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut baik dalam titah ucapan saranan Tuanku Al-Sultan untuk mengoptimumkan potensi bandar-bandar baru dibangunkan dengan lebih kondusif dan tersusun serta pembangunan mampan merangkumi ekonomi dan sosial. Namun, dalam masa yang sama saya menyarankan pembangunan luar bandar juga perlu seiring dalam pembangunan negeri dalam pelbagai sektor termasuklah ekonomi, kemudahan infrastruktur dan fizikal serta kemudahan sosial dan modal insan. Strategi pembangunan luar bandar seharusnya menjangkau lebih daripada penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas yang berkualiti dan mencukupi tetapi juga merangkumi pengukuhan aktiviti ekonomi, peningkatan keupayaan modal insan dan penambahbaikan sistem penyampaian. Pendekatan ini akan memanfaatkan potensi besar luar bandar yang belum diteroka dengan mengembeling pelbagai pemacu pertumbuhan seperti keusahawanan, inovasi, teknologi dan penyertaan sektor swasta. Hubungan antara ekonomi bandar dan luar bandar akan diperkukuh untuk merancakkan pertumbuhan serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat di luar bandar. Justeru itu, pengembangan dan penstabilan sektor luar bandar seperti infrastruktur asas termasuk kemudahan ICT, prasarana fizikal dan sosial dan program-program mandiri serta pembinaan sahsiah secara langsung boleh meningkatkan kesejahteraan dan daya tahan rakyat sekaligus seterusnya dapat membasmi kemiskinan luar bandar.

Yang terakhir Dato' Yang di-Pertua, saya nak sentuh sikit isu tempatan yang berlaku di DUN Ladang, DUN saya iaitu saya menginginkan perhatian Ahli Dewan akan isu banjir apabila tiba musim tengkujuh tidak lama lagi dan DUN Ladang juga tidak berkecuali. Ikutkan rekod kita, sebanyak 673 buah rumah di DUN Ladang terjejas akibat banjir dan di antara punca banjir yang berlaku di kawasan tempat dan DUN Ladang ini disebabkan yang pertama kawasan penduduk yang rendah berbanding aras air utama. Kedua, pertembungan air pasang di muara Sungai Ibai yang telah menyebabkan air tidak dapat mengalir keluar jika hujan lebat berterusan dan yang ketiga saluran air longkang yang tersumbat ataupun sempit sehingga mengakibatkan banjir kilat. Antara solusi yang kita ambil kita telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang secara berkala sebelum musim tengkujuh oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Terima kasih saya ucapkan dan tahniah kepada agensi yang melaksanakan tindakan efisien ini. Sebenarnya saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa pihak yang berwajib, pihak yang berkenaan bagi mempercepatkan kawasan pelaksanaan projek pendalaman muara Sungai Ibai, sudah lama menunggu. Saya yakin dengan pelaksanaan projek ini besar manfaatnya dalam mengekang berlakunya bencana banjir di DUN Ladang, *insya-Allah*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu-isu yang saya lontarkan tadi saya dapat simpulkan bahawa perlunya gabung jalin semua pihak untuk mengambil berat dan mencari solusi yang mapan agar menghasilkan kejayaan. Saya yakin dengan intergasi antara semua pihak, kita berupaya menatijahkan solusi yang terbaik. Sumbang saran dan gabungan idea serta tenaga daripada pelbagai agensi diperlukan dalam menguruskan isu dan permasalahan ini. *Insya-Allah*, dengan iltizam dan keyakinan yang tinggi pimpinan hari ini, mudah-mudahan segala perancangan yang dirangka dengan pelbagai strategi, inisiatif dan program mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Dato' Yang di-Pertua, dengan lafaz dan takzim saya menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Ladang. Seterusnya saya menjemput mana-mana Yang Berhormat untuk terus berucap. Sila Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGGU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGGU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh barisan EXCO, Pegawai-pegawai Kerajaan serta semua hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian. *Alhamdulillah*, dengan ini Sura mengucapkan banyak terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan di atas peluang yang telah diberi untuk Menjunjung Duli dan Kasih Ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan banyak tahniah kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di atas kemenangan yang cukup bergaya dalam Pilihan Raya Negeri baru-baru ini serta saya ingin mengucapkan banyak tahniah di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada Menteri Besar dan seluruh barisan EXCO untuk terus memimpin negeri yang tercinta ini. Dan yang menariknya apabila kita melihat dari sudut intipati Titah Tuanku Sultan menggambarkan kepada kita bagaimana satu visi untuk menjadikan Terengganu sebagai salah sebuah negeri maritim yang mempunyai kekuatan yang tersendiri dari sudut pelancongannya, dari sudut industri perikanan dan dari sudut industri petroleumnya dan apabila kita melihat sektor perikanan yang ada dalam Negeri Terengganu sepertimana yang telah disebut dalam Titah Tuanku terdapat peningkatan sebanyak 9.9% dan saya yakin bahawa kita mampu pergi lebih jauh daripada itu. Namun, persoalannya ialah bagaimana kita menyediakan satu sistem sokongan yang cukup kukuh kepada industri perikanan, kepada nelayan-nelayan kita untuk mereka menabur bakti bagi bekerja dan mengaut hasil yang lebih banyak daripada itu. Saya mengambil contoh sepertimana yang berlaku dalam daerah saya sendiri iaitu di Dungun. Kalau kita melihat dari sudut jumlah pendaratan ikan, Dungun daerah yang ketiga tertinggi sebanyak 127 tan matrik sebulan dan mempunyai lebih kurang 1,080 orang nelayan. Namun di sana terdapat pelbagai cabaran yang berlaku. Di Dungun terutamanya di Kuala Dungun tiada satu tempat pun untuk membaiki kapal, tiada satu *slipway* pun. Yang menimbulkan kesusahan kepada para nelayan apabila berlaku masalah sehinggakan ada sebahagian daripada mereka tidak dapat turun ke laut dalam tempoh tiga ke empat bulan kerana menanti bot mereka siap dibaiki. Selain daripada itu juga, kita melihat bagaimana keperluan air batu yang tidak cukup, jeti LKIM yang ada usang dan tidak mampu menampung keperluan kapal yang ada. Sebab itu saya tertarik apabila diumumkan kemenangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah

mengumumkan satu pembentukan, dengan izin, *state government four* (SG4) dan melantik Tun M sebagai penasihat kepada gabungan ini. Dan kalau kita melihat hubungan yang cukup baik di antara Tun M dengan negara sebelah timur sepertimana negara Jepun, apa salahnya kalaulah penasihat atau hubungan yang ada itu kita boleh kongsi dan dapat menjalinkan hubungan dan dapat menjamin *technology transfer* daripada Jepun ke negeri kita bagi memajukan industri perikanan kerana kalau kita melihat hasil perikanan di negara Jepun lebih kurang dalam GDP dia 600,037 billion yen setahun. Dan sebab itulah saya melihat bahawa prospek perikanan yang ada dalam negeri kita satu prospek yang cukup baik dengan tenaga kerjanya, golongan mudanya yang walaupun tanpa tidak berdaftar sebagai nelayan, ada kesusahan untuk mencari bahan api petrol namun masih lagi turun ke laut mencari rezeki kerana mereka yakin bahawa inilah prospek yang terbaik untuk ekonomi mereka.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh dan menyokong apa yang telah disebut oleh Jertih dengan menjadikan *unique selling point* untuk peningkatan industri pelancongan dalam negeri kita ialah *historical heritage* ataupun pelancongan berdasarkan kepada sejarah. Dan kalau kita melihat bila mana Jertih memberi contoh Bukit Besi, Bukit Besi ini *duk* dalam DUN Bukit Besi, *kan?* Tapi, perjalanan bijih itu daripada Bukit Besi yang akhirnya, *ending* dia berada di DUN Sura. Kalau kita melihat adanya Terowong Bukit Tebuk, adanya Pasar Mel, adanya tempat jeti, tinggalan jeti dan pelabuhan yang masih ada. Sebab itu/*lah* saya mencadangkan kalau boleh kita wujudkan satu sebagaimana *historical trail*, perjalanan sejarah yang menghubungkan di antara Bukit Besi sehinggalah ke Kuala Dungun supaya dia akan menjadi satu tarikan pelancongan yang baru kepada Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga, berkaitan dengan isu belia dan sukan, saya melihat bagaimana pembangunan sukan yang ada dalam negeri kita satu pembangunan yang cukup baik dengan penganjuran pelbagai acara sebagai contoh baru-baru ini kita ada *Tour Gateh D'Tranung* dan saya melihat bagaimana kalau kita tengok dalam FB *tu* dia punya *live* dia sampai kepada 30 ribu tontonan dan bagaimana acara ini mempromosikan keunikan daerah-daerah yang ada dalam Negeri Terengganu. Sebab itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur dan mungkin selepas daripada ini kita kena berfikir bagaimana kita nak menginovasikan aktiviti dan acara sukan yang ada di Negeri Terengganu ini supaya terus menarik minat orang untuk datang ke Negeri Terengganu. Sebagai contoh, kalau kita tengok di Pantai Sura kita ada

beberapa *headland* dibuat dan dibina untuk apa, untuk mencegah hakisan dan mungkin salah satu daripada *headland* ini boleh dibuat mini stadium untuk acara sukan bola sepak pantai yang boleh menarik minat para penggemar, peminat sukan dan seterusnya memajukan acara bola sepak pantai dalam negeri yang tercinta ini.

Saya juga ingin menyentuh bila mana di akhir titah Tuanku Sultan menyebut penghargaan secara khusus kepada petugas-petugas kesihatan. Sebab itulah bila mana menyentuh berkenaan dengan isu kesihatan awam. Saya ingin menyentuh kita dulu ada satu projek yang kita namakan sebagai Terengganu bebas Asap Rokok (TBAR) dan projek ini hanya dibuat diwartakan di Kawasan Peranginan Batu Burok sahaja. Apa salahnya, kita jadikan TBAR ini sebagai salah satu unit *selling point* untuk meningkatkan pelancong, pengunjung untuk datang ke negeri ini dengan TBAR ini diperluaskan. Kawasan TBAR ini diperluaskan ke seluruh daerah yang ada dalam Negeri Terengganu. Dungun ada, Marang ada, Besut ada, Setiu ada dan mungkin tempat-tempat tumpuan pelancong yang ada dalam daerah masing-masing boleh diwartakan sebagai salah satu kawasan Terengganu Bebas Asap Rokok. Kerana saya percaya inilah satu projek yang cukup bagus sebab kita bukan sahaja menjadikan mengimpikan Terengganu ini sebagai sebuah negeri yang maju bahkan masa yang sama negeri yang sejahtera dengan maksud sejahteranya rakyat yang duduk dalam negeri ini rasa senang, sihat, sejahtera dan dapat menghalang dpd penyakit-penyakit yang tidak berjangkit. Sebab itulah saya percaya kalaulah kita betul-betul realisasikan rancangan Terengganu Bebas Asap Rokok dengan gabungan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganunya, NGO kesihatannya seperti mana Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) dan semua pihak menggembelng Terengganu *insya-Allah* dia akan menjadi satu keunikan dan kekuatan yang ada dalam Negeri Terengganu. Sebab itulah saya percaya bahawa kita mempunyai satu kekuatan, kita mempunyai satu kehebatan, kita mempunyai hasil mahsul yang cukup banyak dan yang paling penting adalah bagaimana kita mengoptimalkan hasil yang ada supaya ia dapat memberi satu lonjakan baru kepada pembangunan negeri ini. Dan yang terlebih penting juga ialah bagaimana pembangunan modal insan. Kalau kita sebut...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,...

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Kalau kita sebut berkenaan modal insan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta laluan sikit.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Nak habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sura takmboh bagi doh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): YB Sura nak bagi *dok*?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Haa? Boleh boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Boleh?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Boleh, boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat setuju *dok* sebelum kita buat warta kawasan-kawasan lain, kita warta kawasan Dewan kita dulu. Sebab *tubik* tu berasap ambil nyawa belaka. [*ketawa*] Ramai di kalangan kita *ni* payah lagi nak tinggal benda ni. Kita warta kawasan ni dulu. Kalau Yang Berhormat setuju, insya Allah lah..

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Nampak pada gayalah tepuk tu macam sokong *belake kot*. [*ketawa*] Jadi mungkin kita boleh cadangkan agar sidang DUN ataupun apa bangunan Wisma Darul Iman ini juga merupakan salah satu daripada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Terengganu Bebas Asap Rokok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat? Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): *tak dok dah*. Dan di akhirnya saya merakamkan ataupun menyampaikan dua rangkap pantun.

Bukit Tebuk kian berseri,
Muzium Bukit Besi teguh berdiri,
Pasar Dimel bakal menanti,
Ekonomi Dungun terus mendiri.

Keropok lekor hidangan klasik,
ICT pula menjadi regu,
Pantai Sura terhampar cantik,
Tumpuan pelancong di hujung minggu.

Dengan ini Sura menyokong penuh Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Sura. Seterusnya, jemput mana-mana Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, YAB Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan, para media, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada Kemasik bagi membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setinggi-tinggi syukur dan tahniah di atas kurniaan Allah dengan satu kemenangan yang sangat besar kepada Perikatan Nasional, PAS dan Bersatu di Negeri Terengganu pada PRU Negeri

pada 15 Ogos 2023 yang lepas menjadikan keseluruhan 32 DUN dalam Negeri Terengganu dimenangi oleh parti yang menerajui Kerajaan Negeri Terengganu sekarang. PRN lalu telah berjaya diadakan dalam suasana yang aman dan penuh harmoni dengan mendokong semangat demokrasi. Terima kasih kepada seluruh jentera Kerajaan termasuk SPR, anggota pasukan keselamatan, semua agensi kerajaan yang memastikan semuanya berjalan dengan lancar. Tidak dilupakan jutaan terima kasih kepada seluruh pengundi Negeri Terengganu Darul Iman yang telah memilih Perikatan Nasional untuk menerajui Kerajaan Negeri Terengganu untuk lima tahun hadapan dan khusus untuk saya daripada DUN Kemasik kepada seluruh warga DUN Kemasik. Sekalung tahniah buat Yang Berhormat Bukit Payung Dato' Mohd Nor Hamzah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negeri Terengganu bagi Penggal yang Kelima Belas ini. Saya turut mengucapkan sekalung tahniah buat yang amat terhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar yang telah diamanahkan untuk mengetuai Negeri Terengganu serta seluruh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk terus berada dalam landasan "Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera". Amanah yang besar diberi oleh rakyat ini akan sama-sama digalas, dilaksanakan, dipenuhi, disempurnakan, dipelihara sehabis baik untuk rakyat kerana semuanya akan dipertanggungjawabkan dan akan dihitung oleh Allah suatu hari nanti.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud,

"Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seorang raja atau pemimpin itu, nescaya dijadikan baginya pembantu (menteri atau penasihat) yang benar dan ikhlas. Jika pemimpin itu lupa atau leka, nescaya diberi peringatan, jika pemimpin itu mengingatnya, nescaya akan diberikan pertolongan kepadanya. Sebaliknya jika Allah menghendaki selain daripadanya (keburukan) kepada pemimpin itu, nescaya dijadikan baginya pembantu yang jahat. Jika pemimpin itu lupa dan lalai, nescaya tidak diberi peringatan, dan jika dia mengingati, nescaya tidak diberi pertolongan kepadanya."

(Riwayat Abu Daud).

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Justeru, penumpuan perlu diberi kepada segmen pembangunan yang bakal memberikan kesan berganda.

Dalam mempersekitaran sosial serta ekonomi yang inklusif kukuh dan mampan melalui beberapa pendekatan yang digariskan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Antaranya perkembangan pembangunan wilayah di Negeri Terengganu. Perkembangan pembangunan wilayah perlu melalui proses organisasi yang berterusan bagi mengubah sesuatu kawasan dari luar bandar kepada bandar. Petempatan bandar berkembang menjadi bandar yang lebih besar dan kompleks dan ia hendaklah dijadikan sebagai suatu agenda yang perlu dititikberatkan. Mewujudkan bandar-bandar baharu sebagai sokongan kepada bandar sedia ada yang memerlukan kepada penerokaan dalam pelbagai aspek pembangunan termasuk elemen bandar pintar, bandar selamat, bandar hijau serta rendah karbon. Usaha mengoptimumkan ruang bandar yang kondusif dan tersusun bagi kepentingan seluruh lapisan masyarakat perlu dilipat gandakan. Bandar-bandar baharu yang dibangunkan berasaskan kepada pembangunan berorientasikan transit, dengan izin *Transit Oriented Development* (TOD) perlu dirancang dan disusun dengan teliti termasuk mengambil kira kewujudan sumber ekonomi baharu bagi menjadi pemangkin kepada pembangunan bandar baharu tersebut selari dengan pembinaan stesen ECRL yang akan disiapkan pada akhir 2026 nanti.

Pemangkin ekonomi baharu atau faktor-faktor yang menggalakkan berlakunya organisasi seperti peningkatan peluang pekerjaan, kemajuan, pendidikan, pertumbuhan semulajadi penduduk, imigrasi dari luar bandar, keadaan politik yang kukuh, dasar kerajaan yang kuat diharap akan memperluaskan kawasan bandar seterusnya menjadi proses organisasi dapat direalisasikan. Tawaran inisiatif, galakan yang kompetitif dan mampu menarik pelabur perlu diperhalusi dan diteliti dengan lebih serius bagi memastikan keterlibatan pihak swasta lebih baik seterusnya akan memastikan keberhasilan agenda perbandaran yang berdaya huni dan maju akan dapat dicapai.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, justeru Kemasik berharap tumpuan dan penelitian yang lebih serius perlu diberikan bagi memastikan bandar-bandar baharu yang akan dibangunkan dengan siapnya stesen-stesen ECRL ini termasuk Stesen Kemasik akan mampu memangkin perkembangan bandar baharu sekitar stesen ECRL tersebut dan ia akan seterusnya menyokong berlakunya pembangunan dan perluasan Bandar Baharu Kerteh yang telah dibangunkan sejak 1986 lalu yang masih terlalu perlahan pembangunannya. Sistem pengangkutan di Kemasik yang sangat baik dan menyeluruh melibatkan Jalan Persekutuan, Exit Kerteh untuk LPT2, Lapangan Terbang Kerteh dan

seterusnya nanti bakal ada stesen ECRL, sudah pasti menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi bagi pembangunan bandar Kerteh dan bandar baharu bersekitar Stesen ECRL Kemasik yang lebih baik dan sempurna bersesuaian hasrat pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) yang mensasarkan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.

Rancangan dan pembangunan segmen ekonomi khususnya berkaitan aeronautik perlu disusun agar ia bertambah rancak setelah Lapangan Terbang Kerteh yang bernilai lebih RM120 juta akan diserahkan oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri pada Mac 2026 nanti. Ia diyakini mampu menjadi suatu lokasi pemangkin ekonomi baharu termasuk pendidikan, pembuatan, perkhidmatan, sektor-sektor sokongan dan lain-lain segmen ekonomi khususnya yang berasaskan aeronautik.

Di sektor pendidikan sebagai contoh TATIUC boleh mengambil kelebihan *airport* yang ada untuk meneroka segmen baharu pendidikan di bidang aeronautik dan mungkin boleh bekerjasama dengan universiti luar negara yang mempunyai lapangan terbangnya sendiri sebagai contoh Cranfield University, United Kingdom yang bermula dengan College Of Aeronautic pada tahun 1946 dahulu. Ia sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam merangka Pelan Pendidikan Baharu yang lebih komprehensif dan bidang-bidang pengajian kritikal serta menepati keperluan semasa industri. Segmen-segmen lain yang begitu luas dapat dikembang melalui kesediaan *Airport* Kerteh ini termasuk sekolah penerbangan, pusat pembangunan teknologi kenderaan masa hadapan termasuk perlesenannya seperti dron, pusat pangkalan udara untuk operasi pesawat *amphibia* dan banyak lagi peluang-peluang yang mungkin boleh diperhalusi dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, usaha menaik taraf sumber ekonomi rakyat perlu terus diutamakan pada sektor khususnya Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS). Lokasi baharu untuk para usahawan PMKS perlu terus ditingkatkan. Kemasik juga tidak ketinggalan selain daripada sektor minyak dan gas, premis untuk para usahawan membangun serta meningkatkan perniagaan mereka sangat terhad. Penyediaan lokasi baru untuk para PMKS termasuk membina bengkel dan perkedai baharu perlu dilihat dengan lebih serius. Kemasik maklum berkenaan kawasan *industrial park* yang berkeluasan hampir 740 hektar. Namun keseluruhannya disasarkan dalam segmen industri berskala sederhana dan besar. Justeru bagi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat,

Kemasik mohon untuk diberi perhatian untuk kawasan industri PMKS dengan pembinaan bengkel dan perkedai baharu kepada usahawan khususnya di DUN Kemasik. Golongan belia juga perlu terus didorong untuk menceburi bidang keusahawanan dan usahawan baru mesti diberi sokongan.

Justeru antara lain Program Transformasi Minda serta meningkatkan inovasi dan meluaskan pasaran produk tempatan menerusi kolaborasi universiti-universiti tempatan dan penganjuran *showcase* bagi membantu PMKS di negeri ini perlu diteruskan. Dana-dana yang disediakan Kerajaan dalam menyokong dan membantu para belia yang serius mahu menjalankan perniagaan perlu terus diperkasa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tahniah Kerajaan Negeri Terengganu kerana berjaya melaksanakan manifesto untuk menyediakan satu lot tanah atau rumah kediaman untuk rakyat bagi penggal yang lepas. Cuma beberapa perkara yang mungkin menjadi sedikit kekangan khususnya kepada rakyat terutama bagi rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah dalam mereka menjalankan ataupun membangunkan rumah-rumah kediaman mereka, mereka terpaksa mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi kewangan termasuk i-Rahman, SPNB dan kewangan swasta. Syarat utama bagi mereka ataupun bagi kelulusan bantuan mereka adalah pasaran asas untuk mereka akses kepada tapak mereka membangunkan rumah-rumah mereka. Kebanyakan tanah kawasan yang kita beri adalah bersifat paya, rendah, yang memerlukan kerja-kerja menambun yang tinggi selagi mana prasarana asas seperti air, jalan dan elektrik tidak dapat disediakan, maka mereka walaupun ramai manapun mungkin kalau DUN Kemasik ada lebih kurang 2000 yang menerima lot tanah tidak mampu untuk meminjam dan membangunkan rumah mereka. Justeru perhatian dan bantuan sewajarnya daripada Kerajaan Negeri diharap untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itu je sedikit daripada Kemasik. Kemasik Merafak dan Menjunjung Kasih dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin dan seterusnya Kemasik menyokong.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kemasik, seterusnya dijemput Yang Berhormat Kuala Berang, *comey piyoh hor*. Dato', sila.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Telemong Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Telemong. Kuala Berang *pulok doh*. Silap. Minta maaf banyak. Yang Berhormat Telemong *paka piyoh eh*. Yang Berhormat Kuala Berang *dok paka piyoh tu*. Sila Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan seterusnya. Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semualah sidang pemerhati sekalian. Terlebih dahulu izinkan saya untuk memulakan perbahasan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku dengan serangkap pantun. Boleh Yang di-Pertua *dok?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Yang di-Pertua pun, rajin dengor dok Yang di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Pantun bahasa Telemong lah.

Kuning Emas Warna Istana,
Tersergam indah dipandang mata,
Menjunjung Kasih Titah DiRaja,
Memayungi Rakyat Sepanjang Masa

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang ini untuk saya menyampaikan ucapan sulong saya, setelah sekian lamalah *dok mari sini. Dok mari Dewan ini lame doh, 10 tahun tinggal, mari pulok.*

Jadi saya hari ini mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih banyak kepada seluruh kepimpinanlah Perikatan Nasional, Pusat, dan Negeri dan semuanyalah di atas peluang dan ruang yang telah diberikan kepada saya untuk berada menjadi calon di Telemong, kawasan yang tak pernah menang ini, kawasan yang orang *tak mbohlah kira dok?*

Orang tak mboh blake, tohok belaka, wi ke saya, jadi dok apelah. Kita terimalah, *alhamdulillah* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua *dulu pon* Pengarah MTD Telemong ni. Bekas Ketua Pemuda Hulu Terengganu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jangan saroh banyak sangat hok lain tu...

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): YDP *fahamlah hal Telemong ni.* Jadi saya hari ini kalau kita sama kita YDP, sama kita ini, beri masa lebih sikit, banyak nok kabo hal orang-orang Telemong kabo ke saya ni.. Nok kabo je, saya arini Dato' di-Pertua..

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Oklah Telemong, *wat slang Telemong sikit ok ah.*

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): *Inshaallah* kita *tubik kekgi tu...* Manir ni *macam ayoh dia jugok..* jadi Dato' Yang di-Pertua juga saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucap terima kasih pada pengundi Telemonglah khususnya yang telah memberi satu kejutan yang terjadilah. Jadi saya nak buat pantun lah kepada pengundi Telemong ni...

Terbang Tempua mencari makan,
Buat bekalan di malam hari,
Terima Kasih pengundi Telemong saya ucapkan,
Akan ku kenang sampai ke mati.

Doh *main cakap straight dok sedap gok*. Jadi saya hari ini terima kasih kepada semua pengundi, terima kasih kepada semua kerana telah bagi peluang saya untuk berkhidmat dan membawa suara Telemong. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua *saya takmbah cakap hal lain, saya nok cakap hal Telemong je..*

Mintak maafah, kerana ini peluang sebab itu yang boleh ke Telemong boleh kepada PAS sebab banyak daripada suara rakyat di bawah nung yang dok selesai di Telemong ini, jadi kita harap Yang Berhormat Dato' Seri kena tengok lebih sikit Telemong ini. *Insya-Allah.*

Jadi saya hari inii turut menzahirkan rasa ingin menzahirkan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Mulia Tuanku di atas Pemerintahan Baginda ke atas golongan miskin petani terutamanya di Telemong itu dan penternak supaya Kerajaan terus mengambil langkah yang lebih berkesan untuk menangani kos sara hidup yang dialami oleh golongan miskin. Ramai orang miskin di Telemong ini, orang miskin dan miskin tegar. Jadi inilah harapan orang Telemong terutama yang perlu saya bawa hari ini ialah supaya Kerajaan melihat membuat sesuatu yang boleh membantu mereka untuk menyelesaikan apa yang berlaku pada hari ini.

Untuk makluman hadirin sekalian, di Telemong ini luas sebenarnya, luas Hulu Terengganu, ialah *saya nok kabo sikit kena kabo sikit apa yang kita ada dok?* Di Hulu Terengganu 387,000 hektar luas Hulu Terengganu ni. Telemong sahaja 320,000, Kuala Terengganu dan Nerus baru 60,000 hektar. Makna bayanglah, Telemong 320,000 hektar, Kuala Nerus dan Kuala Terengganu baru 60,000 hektar. Banyak, luas Telemong ni. Jadi peruntukan tu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau Marris RM400,000.00, orang lain RM400,000.00 jugok patutnya Telemong sahaja hok dalam data RM60,000, YBC EXCO Cukai, Telemong saja kena dua sebab 1.9 campur 1.9, kena RM3.6 juta sebab luas Telemong ini berbanding dengan Kuala Terengganu kecil je, dapat sama. Maksud saya lah... dok *dakpe dok?* YBC, EXCO sendiri *dakpe dok?*

Jadi saya nak bagi tahu ini sekalian masa berjalan, *takdoh masa doh* saya kena ringkaskanlah, *saya banyak* perkara nok sebut sini, yang paling utama nok sebut hari ini ialah soal gajah. *Gajah ni satu anasir yang.. Harini saya pun pening doh.. nak tido pon dok bulih..gangguan ada sokmo, gajoh mende lame doh, gajoh ini besor kalu banding dengan YB Manir tu, besor lagilah berkali gandalah.. Isu gajoh ni lame doh, ingat zaman saya jadi ADUN dululah, ADUN dulu dah ada doh gajoh ni, dan sampai hari ini dok selesai lagi, makin ramai*

pulok tu, dulu tiga ekor je, sekarang ini berbelas ekor, YB Langkap pon dok, pening pale gok tepon saya sokmo, tapi saya dok angkat je, dia maroh saya. Tuan puan sekalian, gajah ini telah mengganggu mindset mengganggu pikiran orang Telemong abih kawasan doh, mukim Hulu Telemong, Mukim Jenagor kitanya, gangguan gajah saya nok tunjuk gambor, banyak ni saya bawok gambor hal gajah ni ho.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok napok kalu tunjuk pon....tunjuk gajah?*

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): *Panas ati wase.. Sebab nak kabo, mintok lah pihak-pihak yang berwajib PERHILITAN ambik seriuslah. Duk buat ala-ala dok jadi ape, kena wat kerja serius.. betul..kita dokkang nok main mende tuler sokmo buah sawit abih, tanaman abih, abih belake tanaman-tanaman, nok wat kije nok nanam takut. ork? Beras mahal.*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Apa kaitan beras dengan gajah ni?

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): *Nok kira guana? Biarlah nok mitak maaf lah.. Nok mitok panjang sikit ni, Nok bebel sikit ni.. Ini antara faktor yang menyebabkan pengundi Telemong ye maroh. Dok jadi satu sa ni. Telemong ni saya ingat saya main politik daripada 74 sampai ke baru ni EXCO sokmo, baru ni je dok. EXCO sokmo Telemong ni. Saya dok sorang, kena lantik saya sorang EXCO pulok.. Patut wi ke saya EXCO pulok. Orang Telemong asalnya EXCO sokmo, mitok maaf lah.. Dato' Seri, gurau je tu... jadi makna gajah ni tanaman rosok, nok kije dok ulih, nok buat macam mane? Pendapatan tak dok, beras mahal dok? Jadi gitulah saya haraplah, pihak Kerajaan tengoklah bende ni ya? Supaya... buat betul-betullah.. Sebab adalah kabo macam-macam ni EXCO kabo tebal ni ho, dok dan soalan saya tadi, saya tanya doh soalan lisan ni dok dan kalu dk nok bakor gane dok dan nok jawab, jawab kertas lawo belaka, pagor elektriklah, apalah, tengok kampung nung, dalam nung, dalam nung berjerit-jerit nung, saya takut bimbang ke nok tunggu rakyat mati dulu, PERHILITANlah yang berwajib contohnya. Seriuslah. Diorang bertugas pon, ganti rugi takdok, ganti rugi dok beri. Elaun bertugas pon dok dapat, kita lah tanggung diorang, pakat-pakat belaka kumpul pitih untuk orang ramai, gi halau halau halau. Gitu je boleh buat, mari pulok, halau halau gi ke*

Langkap, Langkap halau pulok mari kat saya pulok duk main gitulah, tanya Langkap ho, betul dok Langkap? Ye angguk tu betullah tu, jadi tu yang pertamalah. Ni gok ambik serius lah kesian rakyat nok kabonya sebab tu saya sokong Tuanku sebut tadilah, tengok baliklah macam mana nok menangani sebab tulah di Telemong ini hari ini, tuan-tuan sekalian kalu soal perumahan. Perumahan saya ingat saya *check* Telemong, tahun 1980 dulu buat rumoh perumahan, 1980 dulu saya sekoloh gi mase tu ork? Sampai sekarang ni tak dok satu lagi pasal perumahan, saya *check-check* pulok pengundi Telemong 22,000, penduduk Telemong pun 22,000 jugok, aish wane sama pengundi dengan penduduk? Dokkan budok kecik mengundi jugok? Rupa-rupanya orang Telemong ni dok suke duduk Telemong dok? Takut gajoh, banjir lagi. Banjir satu hal pulok, banjir satu hal, dok ape YDP ork biar lah lama sikit, biarlah sekali-sekali lame dok cakap ni..

Rupanya saya *check* rupanya wakil rakyat Telemong dulu EXCO pertama dululah, dululah lima penggal...duduk Kuala Berang, EXCO kedua duduk Kuala Berang jugok.. EXCO ketiga, kawan saya baru inilah Kuala Berang jugok rupa-rupanya pengurusan Telemong dok suka duduk Telemong

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Doh kalu lantik hok ni jadi EXCO pon duduk Kuala Berang jugok. Guana?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Saya duduk situ *doh* asal. Asal situ *doh nok wat gane* bukan salah ibu mengandung. *Jeng* jugok YB dia dok duduk Seberang Takir pun..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: [*Sambil ketawa*] *Baloh* sesama sendiri ni Yang Berhormat Telemong panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Panjang lagi ni biarlah *wi* peluang sekali apa salahnya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cakap dulu, cakap dulu

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Jadi perumahan tolong buatlah perumahan di Telemong ni. Sebab Telemong ni kawasan luas Yang Berhormat. Pasal apa *dok* buat. Rumah di Kuala Ping hari ini lima tahun dah tiang tengok rasa malu. Kuala Ping hari ini kalau *gi* SPNB

buat perumahan Kuala Ping. Aduh letih tengok sebelah tu *pulok* rumah kedai *belok gini*. Mintak maaf lah ke JKR *nok kabo ni ork* banyak lagi projek sakit, projek Pengairan, Matang, KEMAS, Arkib. Nasib Telemong sakit, gajah sakit pahtu janji *pelawok dok* tunai janji Kerajaan Pusat dulu *nok* buat masjid Kampung Kubang Palas janji *doh* dari awal maknanya sampai hari ni dok jadi lagi. 5 tahun lebih *doh* dia *hok tu* orang Telemong marah ni. Dia kalau PAS *nok* menang lepas ni kena *wi belaka ning*. Moga baru ni penolakan Kampung Kubang Palas Masjid Kubang Palas je. Itu *confirm* kita *pulok takmboh*. Masjid Kubang Palas ni 20 tahun atas tanah sehingga kini *dok* boleh buat masjid. Yang Berhormat Yang di-Pertua, boleh lagi *dok*?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sikit lagi

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Di Kenyir kita korban Kenyir berapa ribu hektar? Kenyir korban orang Telemong korban Kenyir. Macam-macam ada Kenyir, hidupan liar tenggelam, kijang pelanduk habis tenggelam, balak tenggelam, tanah tenggelam. Tapi apa kebaikan Telemong? KETENGAH ye lalu syok Pengkalan Gawi ada *dok wi* sumbangan kepada kampung-kampung hok laluan yang ada Durian Mas tu sampai kat Kampung Pela Ajil, Telemong *takdok*. Patut buat luas sikit kawasan situ. Luas kawasan jajahan KETENGAH supaya dapat juga nikmat hasil. Begitu juga TNB, TNB buat apa? *hok* duduk Telemong *takdok*. Mintak maaf TNB biar mari kita *discuss dok ape* kita bincang apa sumbangan TNB yang buat di Kenyir *hok* orang Telemong yang untuk kita. Mintak maaf lah Yang Bert hormat Dato' Seri *nok kabo* ni luahan rakyat bawah sana. Saya *kabo* ginim untuk kita tamat bahasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh tamatkan perbahasan Yang Bert hormat Telemong?

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Gitulah. Saya rasa antara, saya ada lagi sebenarnya *nok kabo* tapi dok apa itu sebagai antaranya kita haraplah perkara tersebut tadi projek sakit, janji dok tunai, perumahan, gangguan gajah dan juga pembangunan Tasik Kenyir, TNB dan sebagainya. Sekayu hari ini dulu Sekayu kan main idola orang nyanyi hari ini Sekayu hancur *nok* buat gane kuasa alam Tuhan kata kita rancang akhirnya jadi begitu. Kita dapat berapa tertentu dan lihat balik yang bagaimana perlu kepada pembangunan Telemong ini insya-Allah PAS boleh menang lagi *insya-Allah*

lepas ini. Saya dok doh PAS boleh menang lagi dengan sekiranya kita dah buat semua tadi walaupun betullah bukan ngundi kerana ini. Tapi Ini membantu untuk orang ngundi. Saya rasa itu saja. Begitu juga dengan banjir. Banjir ni tiap-tiap tahun banjir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ingatkan nok berhenti doh, ambik pulok [*Sambil ketawa*]

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Banjir saya *check* Telemong ini, saya duduk Kuala Berang ini tempat walaupun banjir tiga tempat pun tempat ye selesa comel. Kuala Berang comel tempat pemindahan. Di Telemong puluh tahun banjir, tengok banjir ada buat kalau banjir besar sikit lagi jeng, Bukit Taduk air situ doh air duk sini di Kampung Kepah lagi bahaya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Mintak maaf banyak, terima kasih banyak sebab saya gurau, saya terkasar ke saya cakap kurang tak berapa enak didengar mintak maaf banyak. Dato' Yang di-Pertua, biar mustahaknya Yang di-Pertua saya menyokong dan Menjunjung usul Titah Ucapan Tuanku. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Seterusnya menjemput Yang Berhormat Batu Rakit

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan dan seluruh Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan, rakan-rakan media dan seluruh pemerhati hadirin-hadirat dan seterusnya dan khususnya staff PKM Batu Rakit yang hadir ke majlis kita pada pagi ini. Saya ucapkan selamat datang kepada semua. Dato' Yang di-Pertua, Batu Rakit menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas titah Tuanku dua hari lepas, yang

saya kira merangkumi pelbagai aspek untuk diambil perhatian oleh Kerajaan dan juga kita semua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana telah memberi kemenangan besar kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk terus memerintah Negeri Terengganu tanpa pembangkang. Bagaimana yang dititahkan Tuanku Al-Sultan dalam ucapan baginda pada muka surat lima situasi ini berlaku dalam tempoh sambutan 25 tahun Jubli Perak pemerintahan baginda dan ia melakarkan lembaran sejarah baru dalam era ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua Kerajaan yang memerintah dan rakyat yang mengundi keseluruhannya. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan memetik hadis Nabi ﷺ

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سَرِيهِ، مُعَافَىٰ فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ قُوتٌ يَوْمِهِ، فَكَأَنَّمَا جِئَتْ لَهُ الدُّنْيَا بِحَدَافِيرِهَا

Yang bermaksud barang siapa di kalangan kamu yang memasuki waktu pagi dalam keadaan aman ketika mana dia berada dirumahnya, sihat tubuh badannya dan dia mempunyai makanan untuk dimakan pada harinya itu, maka seolah-olah dia telah memiliki dunia keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, hadis di atas telah mengajar kita paling kurang untuk mengambil perhatian pada tiga perkara. Yang pertama berkenaan keamanan rakyat, yang kedua kesihatan rakyat, yang ketiga berkenaan dengan makanan harian rakyat untuk hidup. Saya berpandangan motto Kerajaan Maju Berkat Sejahtera sangat menepati dengan hadis ini dan saya harap ia terus dikekalkan oleh penggal kedua ini bagi merealisasikan secara menyeluruh.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, isu kenaikan harga barang yang sedang menghantui rakyat negara kita hari ini yang kemuncaknya kenaikan harga beras yang seolah-olah tiada usaha yang serius oleh Kerajaan *Federal* untuk mengatasi perkara ini melainkan dengan pelbagai cadangan pelik untuk rakyat lakukan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, maka dengan ini saya ada satu ataupun beberapa cadangan untuk kita ambil perhatian. Antaranya saya mencadangkan supaya hidupkan semula tanah-tanah padi yang terbiar di seluruh negeri terutamanya di Batu Rakit kita mempunyai banyak tanah-tanah terbiar, tanah padi yang terbiar perlu dihidupkan semula tanah-tanah ini. Antaranya saya

mencadangkan supaya tambahkan bantuan penanaman padi sama ada benih, racun dan baja untuk mereka yang mengusahakan. Yang seterusnya baiki dan cipta perairan-perairan baru yang bersistematik di kawasan penanaman padi dan seterusnya permudahkan ataupun sediakan kilang mesin padi di banyak tempat bagaimana saya pernah tengok cadangan dalam *Youtube* daripada Lembaga Zakat Kedah bersedia untuk menempatkan alat mesin padi ataupun mesin beras di masjid-masjid untuk rakyat guna mesin padi di situ. Jadi, ini pandangan yang sangat baik untuk kita ambil perhatian dan kita boleh buat di negeri kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, seterusnya suka saya merujuk Titah Tuanku Sultan pada muka surat 10, Baginda Tuanku mengajak seluruh umat Islam kembali menyuburkan tradisi ilmu sekiranya mahu menegakkan Islam yang syumul seperti mana sempurna dengan jasad dan rohnya. Yang terhormat Yang di-Pertua, Islam yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ adalah Islam yang sempurna syumul merangkumi keseluruhan aspek kehidupan termasuklah urusan kita berkerajaan dan bernegara. Maka dalam pada itu, saya berpandangan masjid dan surau-surau adalah institusi yang sangat penting untuk menyampaikan ilmu Islam yang syumul ini, maka di sini saya ingin menyarankan beberapa perkara, di antaranya menjadikan masjid dan surau sebagai pusat utama penyebaran ilmu Islam yang syumul ini, dan saya mencadangkan supaya masjid-masjid diperuntukkan elaun bulanan kepada imam dan juga bilal di surau-surau sebagaimana masjid-masjid kita peruntukkan elaun bulanan kepada masjid dan surau, kepada imam dan bilal, begitu juga imam dan juga bilal di surau-surau bagi kita mengimarahkan surau-surau kita di seluruh Negeri Terengganu ini. Dan juga saya menyarankan supaya di masjid-masjid ini diperbanyakkan program-program dan juga aktiviti-aktiviti, bukan sahaja masjid surau ini menjadi tempat sembahyang sahaja.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, pada muka surat yang ke-16, Tuanku Al-Sultan menitahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memperkasakan institusi pendidikan yang sedia ada dalam negeri ini selaras dengan hasrat asal penubuhannya, maka saya berpandangan sekolah-sekolah agama rakyat yang ada dalam negeri kita perlu kita beri perhatian sepenuhnya. Sebenarnya merekalah yang membantu Kerajaan dalam memperkasakan ilmu Islam yang syumul ini. Saya mencadangkan diperuntukkan geran tahunan untuk pengurusan dan pembangunan sekolah-sekolah ini supaya pergerakan mereka lebih laju dan teratur.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, seterusnya destinasi pelancongan yang disebut, yang dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan. Di antaranya disebut Pulau Redang di antara pulau yang sangat cantik dalam negara ini bahkan menjadi tumpuan pelancong seluruh dunia dan yang pentingnya ia berada yang dalam DUN Batu Rakit. Bagi membantu untuk memastikan Pulau Redang ini sentiasa cantik dan juga indah menjadi tempat pelancongan orang ramai, di sana ada sebuah badan NGO anak jati Pulau Redang telah ditubuhkan untuk menjalankan kerja-kerja menyemai benih *coral* yang boleh digunakan untuk restorasi batu karang. Sudah terdapat hampir 2000 benih batu karang yang telah dihasilkan dalam tempoh empat bulan sebelum ini. Nama NGO ini *Malaysia Trader Garden Association*, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon Kerajaan Negeri ambil perhatian dan juga bantu apa yang patut atas kerja buat NGO ini. Yang Berhormat Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh ringkaskan?

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Akhir sekali, saya mewakili anak muda. Tentulah membawa suara anak muda. Anak muda biasa mari bertemu dengan kita minta rumah. Ramai mari minta rumah tempat berteduh, maka saya mohon pihak Kerajaan percepatkan projek-projek perumahan rakyat terutamanya khusus di Batu Rakit, cadangan tempat ataupun tanah perumahan di Kubur Timah dalam DUN Batu Rakit. Dan yang kedua anak muda mohon tempat-tempat permainan mereka dibaiki dan diselenggara dengan baik. Ini antara yang saya boleh sebut dalam ucapan ini. Moga-moga diambil perhatian oleh Kerajaan kita yang disayangi. Setakat ini sahaja Batu Rakit menjunjung kasih dan mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku Sultan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Seterusnya dijemput mana-mana Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengkalan Berangan, sila.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ
وَاشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun". –

Surah Saba, ayat yang ke-15.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, dan tahniah di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan yang baharu. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Yahaya bin Ali atas khidmat cemerlang pada sesi lepas. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pengarah-pengarah agensi, pemerhati dan petugas media yang dihormati sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa perasmian Mesyuarat Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas. Titah pengharapan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mengenai Kerajaan tanpa pembangkang dan ianya berlaku dalam tempoh Sambutan 25 Tahun Jubli Perak Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan perlu disambut dengan penuh rasa tanggungjawab dan beragenda.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh petugas parti dan para pengundi di atas kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan juga rakan sekutu, parti Pribumi (BERSATU) yang telah menyapu bersih semua kerusi Dewan Undangan Negeri Terengganu pada Pilihanraya Umum Negeri baru-baru ini. Kejayaan yang sangat sukar untuk diterjemah dari sudut analisa angka dan juga statistik perangkaan oleh pakar dan penganalisis. Kejayaan yang telah

dicapai wajib disyukuri dan wajib diterjemahkan dengan tindakan dan gerak kerja yang menepati kehendak sokongan yang telah ditunjukkan oleh rakyat bagi sama-sama kita mencapai redha Allah dalam melaksanakan keadilan dan tuntutan kesaksamaan pemerintahan yang lahir dari manifestasi keimanan dan ketakwaan. Persoalannya, apakah sebenarnya yang cuba disampaikan oleh rakyat. Adakah ia satu *referendum* atau protes terhadap kemejatan politik dan kemungkarannya golongan yang tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas atau kesedaran rakyat terhadap penting dan mustahaknya memilih dan mengundi parti yang bersih serta mampu untuk membela rakyat dan membina negeri ke arah mencapai kehidupan yang "Maju Berkat Sejahtera". Pengkalan Berangan cukup yakin dengan jawapan rakyat terbanyak adalah memilih parti yang bersih dan mampu mentadbir negeri dengan baik. Sebab itu rakyat tidak perlu bimbang bila mana Terengganu menjadi negeri yang tiada pembangkang. Pelaksanaan agenda membangun negeri dan membantu mereka yang memerlukan bantuan bukan hanya bergantung kepada teguran daripada pembangkang, tetapi ia lahir dari keimanan dan kebertanggungjawaban di hadapan Tuhan yang maha esa. Perkara inilah yang sedang diproses dan ditarbiah dalam pembinaan jati diri rakyat Terengganu "Negeri Cantik, Budaya Menarik", orangnya baik-baik. Contoh mudah, bila mana beras tempatan hilang dalam pasaran, jenama Beras Ganu mula mendapat tempat. Benda *simple* sahaja, tapi dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Dalam masa yang sama, ianya selari dengan arahan dan peringatan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, dan juga janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kamu sedang kamu mengetahui.

Dato' Yang di-Pertua, Negeri Terengganu adalah merupakan negeri yang sangat menarik, dan kaya dengan keaslian alam semula jadi yang menjadi tarikan pelancongan. Data Jabatan Statistik Negara menunjukkan industri pelancongan telah melepasi sasaran awal kehadiran pelancong pada tahun 2022 iaitu sebanyak 23%. Keadaan ini sangat membanggakan dan Pengkalan Berangan berharap agar sektor ini terus diperkasakan dengan mengaktifkan *Tourism Friends* dengan izin dan promosi yang lebih agresif bagi menarik lebih

ramai pelancong untuk berkunjung ke Negeri Terengganu. Promosi yang berstrategi dan kolaborasi dengan pemain industri perlu dipertingkatkan, penggunaan media sosial dalam menjadi agen penghubung kepada promosi yang sedia ada perlu diperluaskan dan digandakan penglibatannya. Rakyat Terengganu dan Malaysia yang berada di luar negara juga boleh diaktifkan dan dilibatkan sebagai *Tourism Friends* atau duta kecil pelancongan Terengganu bagi menyalurkan maklumat dan promosi terkini berkaitan industri pelancongan di Negeri Terengganu. Di samping itu, perlu dipertingkatkan lagi kemudahan dan aset-aset penting pelancongan negeri serta infra-infra yang berkaitan.

Dato' Yang di-Pertua, langkah bijaksana yang diambil oleh empat buah negeri iaitu Terengganu, Kedah, Kelantan dan Perlis dengan mewujudkan kerjasama *State Government Four* dengan izin adalah merupakan langkah ke hadapan dalam mewujudkan kerjasama ke arah memantapkan lagi hubungan dan persefahaman strategik pembangunan bersama. Pengkalan Berangan sangat menyokong penuh pengwujudan jawatankuasa ini yang dilihat akan mampu untuk membina kekuatan ekonomi yang lebih berdaya saing memandangkan kerjasama yang dinamakan sebagai SG4 ini mempunyai kekuatan ekonomi yang tersendiri. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ
Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah sangat berat siksaannya.

Pengkalan Berangan sangat berharap agar kerjasama ini menjadi realiti yang akan membawa negeri yang dikategorikan sebagai miskin dan mundur kepada satu dimensi baru yang mampu mengubah paradigma fikir dan bertindak ke arah yang lebih dinamik dan progresif. Terengganu dan gabungan Negeri Kedah, Perlis dan Kelantan hanya menuntut 7.3% KDNK secara keseluruhan. Pendapatan perkapita setiap negeri gabungan masing-masing dengan Terengganu hanya RM32,000.00, Kedah RM25,000.00, Perlis RM23,000.00, Kelantan RM16,000.00, masih berada jauh di bawah perkapita negara pada jumlah RM54,000.00. Oleh itu, keperluan gabungan SG4 ini adalah sangat mendesak dan perlu segera diaktifkan. Suka Pengkalan Berangan mohon penjelasan lanjut dari pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berkenaan dengan SG4 ini, adakah, apakah dan bagaimanakah bentuk

kerjasama yang akan diadakan dalam membentuk kekuatan SG4 bagi membangunkan empat negeri yang dipimpin oleh Kerajaan Perikatan Nasional ini. Dalam masa yang sama, banyak pandangan dan penulisan yang dibuat berkaitan kewujudan kerjasama ini. Ada yang melihat secara positif, dan ada yang mempunyai sisi pandang negatif berkenaan dengan keperluan dan keberhasilan kerjasama ini yang tidak pernah wujud sebelum daripada ini. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dan gabungan negeri-negeri SG4 ini bersedia untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan yang bakal dihadapi dengan terbentuknya SG4 ini. *Qalallahu Subhanahu Wa Ta'ala*

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا

Dia menjawab: Kekuasaan dan kekayaan yang Tuhanku jadikan aku menguasainya lebih baik dari bayaran kamu. Oleh itu bantulah aku dengan tenaga kamu beramai-ramai dan aku akan bina antara kamu dan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh.

Pengkalan Berangan mendoakan agar gabungan ini mampu menjadi satu gabungan kerjasama yang kuat dan utuh serta mampu untuk membangunkan wilayah empat negeri ini dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *se point* lagi, insya-Allah ditangguh sama pukul 1.00. Saya pun mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar kerana telah memilih Kampung Durian Guling dalam DUN Pengkalan Berangan di Parlimen Marang sebagai stesen utama ECRL Negeri Terengganu. Adalah besar harapan Pengkalan Berangan agar Kerajaan Negeri melihat dengan lebih teliti dan berperancangan dalam membangunkan kawasan sekitar stesen ECRL tersebut. Bagi Pengkalan Berangan, kawasan tersebut perlu diatur dengan penempatan yang lebih tersusun dan sangat sesuai untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat perdagangan baru bagi menjana pendapatan baharu dan memenuhi keperluan pembangunan fizikal. Tempat yang sangat strategik untuk dikembangkan dan dibangunkan sebagai sebuah kawasan perdagangan dengan elemen dan fasiliti yang lengkap mampu untuk menarik lebih ramai pengunjung. Yang pertama dicadangkan supaya Kerajaan mewujudkan kawasan perdagangan bebas cukai di kawasan tersebut sesuai dengan status stesen utama ECRL negeri yang sudah pasti menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong. Cadangan ini

Pengkalan Berangan fikir ia lebih sesuai dari pulau bebas cukai yang telah ada di Tasik Kenyir atas beberapa sebab. Yang pertama, pengangkutan barangan dagangan *direct* daripada Pelabuhan Klang. Yang kedua *access* perhubungan sedia ada yang lengkap dan selesa, dan yang ketiga kawasan penempatan dan berdekatan dengan bandar-bandar utama Terengganu.

Cadangan yang kedua, kedudukan stesen yang sangat strategik perlu diambil kesempatan oleh Kerajaan dengan membuka ruang kerjasama bersama pelabur-pelabur yang berpotensi dan mempunyai rekod cemerlang dalam industri peruncitan. Kerjasama dengan nama-nama besar yang telah mewujudkan *Premium Outlet* dengan izin seperti di Sepang, Johor, Melaka dan beberapa tempat lagi mungkin boleh dibuat bagi mewujudkan Terengganu *Premium Outlet* dengan izin yang mewakili Pantai Timur.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pengkalan Berangan juga mendoakan agar negeri kita selamat dan terhindar dari pengkhianatan dan kejahatan mereka yang cuba mengganggu gugat kestabilan dan keharmonian negeri yang kita cintai ini. *Insyaa-Allah* kita bina bersama Negeri Terengganu menjadi negeri yang "Maju, Berkat, Sejahtera". Pengkalan Berangan menyokong dan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Saya bercadang untuk kita tangguhkan sementara perbahasan ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 2.30 petang. Yang Berhormat dijemput ke jamuan makan tengahari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di Ruang Makan Damai. Manakala Ketua-ketua Jabatan di Perkarangan U2 Dewan Undangan Negeri, dipersilakan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAHARI

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati sekalian. Mesyuarat disambung semula dan kita masih lagi dalam Sesi Perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja. Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berucap dan berbahas sila angkat tangan, saya rasa masih ramai lagi yang belum berkesempatan di Sesi Pagi, sila. Sila Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan pemerhati sekalian. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama berbahas pada petang yang mulia ini. Pertama saya mengambil kesempatan untuk Menjunjung Kasih Ke atas Ucapan Yang Mulia Tuanku Sultan yang telah merasmikan Mesyuarat baru-baru ini, dan dalam perbahasan ini yang diberi masa selama lima belas minit ini akan saya buat secara ringkas seringkas-ringkasnya.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sepuluh minit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Sepuluh minit *pulok?*

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya, tapi kalau ada gangguan nanti kita tambah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Boleh jadi 15. Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Terengganu ini kita mempunyai ahli belia seramai lebih kurang 516,900 orang, terdiri daripada belia-belia yang

berpendidikan, belia-belia yang tidak sambung pelajaran ke pusat pengajian tinggi, belia-belia usahawan dan pelbagai-bagai dan sebab itulah dalam Pilihan Raya baru-baru ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada golongan muda yang telah menyokong sehingga kita mendapat kemenangan besar pada PRN yang Kelima belas baru-baru ini. Saya ingin menyebut di sini bahawa belia dalam Negeri Terengganu seramai 516,900 orang, di antaranya seramai 20,690 lebih kurang adalah yang terlibat di dalam bidang keusahawanan. Bidang keusahawanan ini kita sedia maklum bahawa banyak, bukan hanya usahawan niaga tetapi juga usahawan tani, usahawan ternak dan sebagainya. Benda ini nyata apabila pernah saya turun ke bendang sawah, saya melihat anak-anak muda terlibat dengan projek penanaman padi di bawah Jabatan Pertanian Negeri. *Alhamdulillah*, kita harap lebih ramai lagi anak-anak muda yang berminat ingin berkecimpung dalam bidang-bidang keusahawanan selain daripada anak muda yang berpendidikan tinggi dan terlibat dengan kerja-kerja makan gaji. Ini menggambarkan bahawa di Terengganu ini peluang masih banyak untuk anak-anak muda berkecimpung dalam bidang yang disebut tadi. Daripada jumlah belia yang ada di dalam Negeri Terengganu saya mendapat maklumat bahawa sebanyak 714 persatuan belia yang telah ditubuhkan. Ini memang banyak, 714 ini memang banyak, tetapi daripada 714 buah persatuan ini, kita dapati ada 46% adalah belia yang aktif, persatuan belia yang aktif dan selebihnya mungkin belia ini sudah lama maka dia sudah lupa dan dia menjadi terabai tanggungjawab mereka untuk terus aktif dalam persatuan belia. Daripada jumlah tersebut, kita rasa bangga apabila daripada jumlah tersebut 85% daripada belia-belia adalah terlibat dalam bidang keusahawanan dan bidang ini saya kira bidang yang baru kerana bidang usahawan ini adalah satu bidang yang mencabar kerana ia berdepan dengan berbagai-bagai karenah. Tetapi apabila belia kita di Negeri Terengganu sanggup terlibat, melibatkan diri dalam ini mereka adalah belia yang ada jati diri yang sanggup berdepan dengan gelombang-gelombang cabaran dalam bidang keusahawanan. Sebab itu saya fokus kepada agensi-agensi kerajaan yang ada dalam Negeri Terengganu mana-mana agensi yang boleh membawa belia untuk sama-sama terlibat mencebur dalam agensi tersebut seperti pertanian, keusahawanan, dan berbagai bidang lagi seperti ternakan, perladangan, mekanikal, ICT dan sebagainya saya harap jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam bidang-bidang yang tersebut dapat memberi bantuan ataupun memberi sokongan kepada golongan muda untuk sama-sama terlibat untuk memajukan diri keluarga dan juga Negeri Terengganu ini dan, ada empat minit lagi *doh*. Jadi dalam seruan saya inilah saya harap belia kita dapat bangkit lebih

cemerlang lagi di masa-masa yang akan datang dengan berbagai-bagai program yang patut kita anjur untuk mereka, belia inovasi dan sebagainya.

Perkara yang kedua nak saya sentuh adalah perkara berkait dengan kawasan tempatan sayalah, kerana kita di sini atas undi-undi daripada orang kampung kita dan bila ada di sini kita kena sebut juga satu perkara dua, yang menjadi perkara yang penting kepada masyarakat di tempat saya iaitu yang pertama saya nak sebut ialah di Setiu ini katanya adalah suatu dia panggil lembah, lembah Setiu untuk pertanian tanaman padi. Jadi Setiu ini kalau saya dulu pernah cakap perkara yang sama di lebih kurang tahun 2006 dulu, dah lama dah, tetapi saya nampak perkara ini masih lagi belum berubah di kawasan saya apabila masalah perairan di lembah Setiu. Perairan padi, dulu saya pernah ketengahkan soalan tetapi jawapan yang saya terima itu ialah pembinaan, apa yang dinamakan itu, empangan untuk perairan ini di Paya Peda, bila saya tengok Paya Peda sebenarnya ini duduk di daerah Besut, bukan di daerah Setiu dan Paya Peda ini tidak boleh sampai ke lembah Setiu, sebab itu empangan yang sedia ada sudah agak lama dan kawasan padi semakin luas, semakin meluas dan kita dapati airnya tak berapa sampai dan kalau saya hendak sentuh iaitu kawasan tanaman padi di Baruh Rotan Sege, Tok Nong dan sebagainya. Kerana pembinaan saluran yang dibuat oleh kontraktor pada masa itu tidak sama aras tinggi rendah dan sebagainya, akibatnya apabila air dipam secara lebih untuk sampai penghujung, di kawasan pertengahan itu jadi banjir. Jadi kalau dikurangkan banjir nak dielakkan banjir di kawasan itu lebih air, yang di hujung tak sampai. Macam kita pakai kain tak cukup saiz, tarik *kut* bawah, atas terbuka, tarik ke atas kut bawah pulak terbuka, jadi masalah. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan bukan saya kata masalah daripada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, tetapi ini masalah saya rasa bersabit dengan kontraktor juga pada masa itu.

Yang kedua saya nak sebut juga banyak RTB-RTB untuk penempatan banjir yang ada di kawasan Setiu, di Pemaisuri tetapi malangnya, minta sedikit lagi masa, tetapi malangnya kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik dan sebagainya tidak boleh sampai akibatnya tempat pemindahan tersebut, penempatan baru tersebut tidak dapat dihuni oleh orang yang telah diberikan tanah untuk mereka pindah ke kawasan itu. Oleh sebab itu, saya nak merayu jugalah kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), supaya sama-sama dapat kita mencari jalan untuk supaya penempatan-penempatan banjir yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan itu dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang

dapat tanah untuk bina rumah supaya mereka tidak lagi setiap tahun di Permaisuri ini banjir bukan Telemong sahaja di Permaisuri pun kuat juga banjir sebab itu saya rasa, nak kena berhenti, saya sudahi di sinilah, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Permaisuri saya nak tanya ramai lagi tidak yang nak membahaskan Titah Ucapan Tuaku kerana setakat ini baru ada sembilan orang dan kita cadangkan supaya perbahasan di tamatkan pada hari ini kerana esok kita akan ada sesi pergulungan, kalau ramai lagi yang nak berucap saya tidak boleh bagi masa lebih tapi kalau tidak ramai yang nak berucap mungkin kita boleh habiskan sehingga pukul lima petang ini dan mungkin boleh panjangkan sedikit, saya nak tahu berapa orang lagi nak berbahas petang ini, satu, dua, tiga, empat, lima, kalau lima, enam, kalau sepuluh sejam kita ada sehingga pukul lima, ada dua jam lebih saya bagi lima minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Saya nak berhenti dah, Tuan Yang di-Pertua jadi akhirnya saya nak merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Yang Mulia Tuanku dalam Titah Ucapan Baginda merasmikan Dewan dan saya menyokong, Permaisuri menyokong, terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri, macam saya sebutkan tadi Dewan kita mestilah dihentikan pukul lima dan kita masih ada pembahas-bahas kalau tidak ramai mungkin kita boleh bagi sedikit masa yang lebih, tetapi jika ramai yang nak berucap mungkin masa sepuluh minit seorang sesuai, jadi kita tengok pada perbahasan tadi ada tidak ramai yang angkat tangan saya ingat lima orang lagi ada masa untuk satu jam mungkin dua belas hingga lima belas minit, siapa yang nak berbahas seterusnya sila angkat tangan, sila Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat di atas kesempatan yang diberikan kepada Bukit Tunggal untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta menyampaikan ucapan sulung di Dewan Yang Mulia ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pengundi-pengundi di Dun Bukit Tunggal yang telah memberikan kepercayaan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam pilihan raya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Tunggal ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkenaan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu kaedah pembangunan secara penswastaan juga perlu diperhalusi dengan lebih teliti bagi memastikan galakan dan promosi pelaburan pembangunan mendapat sambutan daripada pihak swasta di samping segala inisiatif dan galakan yang telah dan akan dilaksanakan bagi menarik minat pihak swasta untuk membuat pelaburan di dalam negeri ini khususnya di dalam bidang perumahan, pihak Kerajaan perlu melihat dengan lebih teliti berkenaan dengan penyediaan infrastruktur yang berkaitan terutamanya jalan masuk ke tapak dan juga sistem perparitan yang sempurna sebab perkara-perkara ini yang menyebabkan kebanyakan daripada *developer-developer* dengan izin yang datang ke Terengganu tetapi bila melihat keadaan yang tidak mesra pelabur mereka pun menanggukkan hasrat mereka. Bukit Tunggal ingin mencadangkan agar dapat diwujudkan satu pasukan yang melibatkan semua agensi-agensi yang berkaitan seperti UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan, JKR, JPS dan lain-lain agensi iaitu bermula daripada peringkat reka bentuk sehingga peringkat pra rundingan, peringkat kelulusan, peringkat pembinaan sehinggalah mendapat sijil siap dan pematuhan CCC. Perkara-perkara ini perlu ditekankan supaya proses kelulusan sesuatu projek tidak mengambil masa yang lama dan juga dapat memberi pulangan sebagaimana yang sama-sama kita janjikan kepada pemaju-pemaju, sebab pemaju mereka datang untuk melabur untuk dapatkan keuntungan tetapi apabila masa yang terlalu lama diambil untuk kelulusan sahaja belum lagi pembinaan menyebabkan mereka *revise* dengan izin, balik keuntungan yang akan mereka dapati.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Tunggal juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat melihat kembali, pelan ratio bagi kawasan-kawasan bandar untuk perumahan berdasarkan kepada nilai tanah setempat yang sekarang adalah satu nisbah enam puluh dan kita boleh tingkatkan kepada satu nisbah satu ratus agar lebih ramai rakyat yang dapat menikmati hasil daripada pembangunan yang kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan kelulusan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan permohonan pecah bahagian tanah yang tidak bermaksud pembangunan bukan untuk buat rumah ini, untuk pembangunan yang dibuat untuk menyelesaikan harta warisan ataupun pertikaian ataupun orang Terengganu kata nak bagi adik-beradik, anak-beranak yang perlu diuruskan sebagaimana kehendak seksyen 140 (1)(A) Kanun Tanah Negara 1995 yang menyatakan suatu bahagian tanah luasnya berkadar seberapa hampir dengan bahagian yang tak dipecahkan dalam tanah itu baginya. Maknanya jika bahagian beliau dalam hak milik yang belum dipecah bahagikan adalah satu ekar jangan pula nanti selepas kita buat pecah bahagian disebabkan ada keperluan yang kadang-kadang bagi kita keterlaluan, kerana rezab jalan, rezab sungai, jadi tanah dia yang asal luas satu ekar menjadi setengah ekar selepas dipecahkan. Jadi ini memberi kesan kepada penyelesaian harta pewarisan, jadi saya minta supaya EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan kalau boleh beri perhatian kepada kelulusan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan ini. Saya membawa contoh Yang di-Pertua, sebab masa kita ada dua, tiga lebih minit lagi ada tambahan lagi, jadi antara contoh yang saya katakan keterlaluan yang pecah bahagian sahaja tidak tahu nampak ke tidak, jalan keliling, keliling pula nak jalan kita nak pecah bahagian sahaja, orang itu nak bahagian dia, orang ini nak bahagian dia, geran berasingan tanpa melibatkan perubahan syarat nyata kepada tanah, syarat tanah pertanian tidak berubah dia bukan boleh buat rumah, boleh buat bangunan tanah itu, cuma nak bahagian dia sahaja tetapi mereka telah disyaratkan untuk menyerahkan rezab jalan, sekeliling, jadi menyebabkan tidak selesai pertikaian mereka. Bagi makluman Dewan yang mulia ini juga pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu telah mengeluarkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil 3/2022 iaitu prosedur baharu permohonan pecah bahagian tanah di bawah Seksyen 140 - 145 Kanun Tanah Negara, ini adalah tujuan untuk memurnikan dan kita mengharapkan selepas daripada ini, selepas kuatkuasa yang kalau ikut dalam pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 September 2022, dapat mengharmonikan permohonan

pecah bahagian yang sebenarnya sangat ramai yang terkesan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, menurut kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 13(1)(2)(a) Kanun Tanah Negara 1995 Pihak Berkuasa Negeri Terengganu telahewartakan warta nombor 1196 pada 14 Oktober 2010 berkenaan rizab sungai. Sebagai contoh rizab bagi Sungai Ibai ialah 50 meter pada setiap tebing makna setiap tebing kiri kanan 50 meter menjadikan rizab keseluruhan bagi Sungai Ibai ialah 100 meter. Masalah yang sering dihadapi oleh pemilik-pemilik tanah di sepanjang laluan sungai yang berhasrat untuk membuat pecah bahagian untuk mendapat bahagian masing-masing yang berada di sepanjang laluan sungai mereka perlu menyerahkan sebahagian tanah mereka menjadi rizab sungai, jadi kalau tanah dia walaupun berada pada lot yang kedua Yang Berhormat Yang di-Pertua, lot kedua dari sungai disebabkan rizab itu 50 meter dia perlu menyerahkan jadi tanah dia yang bersaiz lebih kurang 40 meter tinggal 10 meter je lagi doh macam mana nak bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat, pecah lot ke pecah bahagian tu?

YANG BERTHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Pecah bahagian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Pecah bahagian pun kene *wek gok*

YANG BERTHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Ya, sebab itu kita bawa saya sebut dalam ini. Kalau pecah lot kita dok pelik

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Kene minum air semula, bincang.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Takpe, Wakil Bukit Tunggal boleh sambung sikit lagi, walau masa dah nak habis sebab saya tengok banyak benda-benda yang Kerajaan perlu dengar dalam perkara berkaitan dengan tanah ini. Saya tahu Wakil Bukit Tunggal ini adalah jurukur, teruskan.

YANG BERTHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, jadi saya minta perkara ini dapat

dilihat supaya kita sebagaimana dititahkan oleh Tuanku mendahulukan rakyat, letak dalam hati kita Yang Berhormat dan juga pegawai Kerajaan letak dalam hati untuk tolong menyelesaikan masalah rakyat, betul kita faham ada keperluan teknikal yang perlu kita kena patuhi tetapi di sana ada juga budi bicara yang perlu kita sama-sama kongsi untuk harmonikan kehidupan kita bermasyarakat.

Satu lagi Yang Berhormat Yang di-Pertua Titah Tuanku juga Kerajaan Beta perlu meneroka potensi baharu dalam industri pelancongan agar dapat memberi nilai tambah kepada aset-aset pelancongan negeri yang sedia ada. Pulau Duyong merupakan aset pelancongan Negeri Terengganu yang belum diterokai sepenuhnya. Kedudukan Pulau Duyong berhampiran dengan bandar Terengganu yang dikenali sebagai Lidah Terengganu. Kalau tuan-tuan, Yang Berhormat Yang di-Pertua tengok Pulau Duyong itu macam lidah untuk muara sungai Terengganu yang semakin menjadi destinasi pelancongan domestik dengan keunikan dan kepelbagaian aset pelancongan yang sedia ada seperti pembuatan bot, pembuatan replika bot, Kota Lama Duyong adalah diharapkan pihak Kerajaan Negeri dapat melihat kembali aset-aset pelancongan yang berada di Pulau Duyong agar dapat dimajukan dan menjadi daya tarikan kepada pelancong. Saya difahamkan pihak UPEN pada suatu masa dahulu dengan kerjasama Taman Tamadun Islam sebelum ini pernah menjadikan Pulau Duyong sebagai salah satu destinasi persinggahan *river cruise*. Adalah menjadi harapan supaya Pulau Duyong dan juga kawasan di Kampung Seberang Bukit Tumbuh dan juga kawasan Yang di-Pertua Seberang Takir dapat dimasukkan sebagai suatu destinasi persinggahan *river cruise* oleh pihak TTI.

YANG BERTITAH TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih sebab sebut Seberang Takir.

YANG BERTITAH SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Boleh seminit lagi, jadi, ianya akan dapat menjadi asbab kepada limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Kita juga sedang berusaha untuk menjadikan kawasan sekitar Pulau Duyong sebagai suatu tempat tarikan pelancongan dengan mewujudkan aktiviti air seperti menaiki kayak dan juga penyediaan trek bagi aktiviti ATV dan juga *mountain bike*. Semua perancangan ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama semua pihak dan kami amat berharap terutamanya kerjasama daripada EXCO Pelancongan dan juga agensi-agensi yang terlibat untuk kita memajukan Pulau Duyong ini, insya-Allah.

Yang di-Pertua bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku izinkan Bukit Tunggal menyampaikan pantun tanda menjunjung kasih dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Kaduk muda tumbuh melata
Bawah rendangan pohon yang nyatuh
Tuanku laksana payung mahkota
Patik sekalian menumpang teduh

Ampuan Tuanku, Bukit Tunggal menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Bukit Tunggal. Bukit Tunggal ambil masa lebih kurang 13 minit, saya rasa dengan baki masa yang kita ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak bahas selepas ini boleh diberi masa lebih daripada 10 minit, jadi siapa mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berbahas sila angkat tangan. Sila Wakil Manir, 15 minit boleh?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan dan pemerhati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ

Pertama-tamanya kita panjatkan rasa syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas segala pemberian nikmat yang Allah Ta'ala kurniakan kepada kita semua. Manir mengambil bahagian menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Baginda Al-Sultan dan *alhamdulillah* Baginda Sultan telah memberikan kepercayaan penuh kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dan barisan EXCO untuk mengurus tadbir Kerajaan Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, ada beberapa *point* yang cuba saya utarakan berdasarkan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan. Selari dengan ucapan sulung ataupun ucapan utama yang pernah disebut oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar yang mana beliau pada kali ini akan bergerak dengan lebih laju dengan istilah dia bergerak dengan gear tiga, untuk memastikan perjalanan Kerajaan Negeri lebih lancar dan lebih berdaya saing. Oleh kerana itu semua di antara kita perlu mengambil perjalanan yang serius untuk melihat apa yang telah disarankan oleh YAB Menteri Besar dapat menjadi realiti sebab itu rakyat Negeri Terengganu di semua peringkat perlu mengubah *mindset*. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebut-

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Sesungguhnya Allah Ta'ala tidak mengubah sesuatu kaum sehingga mereka mengubah diri mereka sendiri.

Surat Ar-Ra'd, ayat 11

Kita memahami bahawa setiap daripada kita, setiap lapisan masyarakat ada berbagai golongan, ada yang berada di kelompok yang disebut sebagai *comfort zone*, zon yang selesa. Ada sebahagian daripada rakyat yang menghadapi "kais pagi makan pagi kais petang makan petang". Oleh kerana itu, kita perlu menyedari, bergerak seiring untuk menyambut gesaan dan saranan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya semua kita lebih proaktif untuk mencapai objektif yang sama-sama kita dukungi untuk negeri kita yang tercinta ini. Dalam masa yang sama kita mengetahui dan menyedari, bahawa kebergantungan Kerajaan Negeri dengan hasil wang royalti ataupun wang ehsan sebanyak hampir 85% ataupun 84.25% dan inilah yang menjadi suatu kita kata perkara yang menggerunkan apabila keperluan kita orang lain yang pegang.

Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, *kerek* sungguh tersasul Dato'. Harap-harap cepat boleh Dato'. Dalam muka surat 12 Titah Tuanku Al-Sultan mengaitkan peningkatan pelaburan yang meningkat di Negeri Terengganu. Kita sebenarnya sangat mengalu-alukan *investment* ataupun pelaburan luar untuk tujuan penambahan hasil bagi Kerajaan Negeri, tetapi apakah sebenarnya hasil yang diperolehi daripada pelaburan-pelaburan luar. Pelaburan mereka semakin besar tetapi pendapatan kepada Kerajaan Negeri sendiri, kita melihat ianya tidak besar sebagaimana pelaburan yang berlaku. Mungkin apa yang diperolehi hasil premium tanah dan hasil cukai-

cukai yang tidak besar. Jadi oleh itu, kita mengharapkan kontrak-kontrak yang dijalankan dengan pelabur-pelabur asing ini, pelabur-pelabur luar kita harapkan dia memberi pulangan yang lebih besar kepada Negeri kita *insya-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita bertemu dengan pelabur-pelabur yang ingin melabur di Negeri Terengganu, tetapi beberapa soalan yang kadang-kadang kita tidak ada jawapan yang memberikan keyakinan kepada mereka. Antaranya ialah dia kata, bagaimana pekerja-pekerja? Apakah Negeri Terengganu boleh menyediakan pekerja-pekerja untuk keperluan industri kami? Begitu juga yang kedua antaranya *Free Trade Zone* (FTZ), dengan izin. Di Negeri Terengganu tidak ada *Free Trade Zone* dan mungkin kalau kita tengok daripada apa yang dibentangkan oleh EXCO pelaburan tadi, di antara tempat yang tidak ada, yang paling kecil sekali kawasan industri adalah Hulu Terengganu. Maka mungkin kita boleh minta, kita boleh letak sebahagian di Telemong, *insya-Allah*. Telemong *sedor ke dok taktaw* (ketawa). Kita boleh letak di Telemong juga sebahagian, sebab tanah pun banyak. Tapi mungkinlah kena selesai hal gajah dulu dan sebagainya (ketawa). *Dok sedor stabuk* dan *insya-Allah* kita mengharapkan dengan berlakunya sambungan Lebuhraya Kuala Telemong ke Kuala Jeneris memberikan suatu nilai yang lebih, impak yang lebih besar kepada industri di kawasan Hulu Terengganu, *insya-Allah* dan agar ia selari dengan keperluan pertanian yang *insya-Allah* membolehkan rakyat mengecapi kemajuan ini *insya-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan isu berkaitan dengan kecantikan ataupun kebersihan. Sebagaimana disebut oleh Almarhum Mohd Abdul di antara ucapan yang sangat masyhur, "Aku pergi ke negara barat dan aku dapati Islam di sana tetapi aku tidak nampak orang Islam. Aku pergi ke negara arab, aku melihat orang-orang Islam tetapi aku tidak melihat Islam di negara-negara Islam" Sebelum daripada kita keluar daripada negara kita, mungkin kita tidak perasan apa maksud sebenarnya. Tetapi bila dilihat dari beberapa aspek mungkin boleh buat contoh aspek kebersihan. Di negara-negara bukan Islam, di negara-negara barat, tempat mereka bersih. Hadis Nabi yang menyebut *النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ* wujud di sana tapi di tempat kita ada masalah. Kebersihan tidak dijaga. Dalam masa yang sama, kebanjiran pelancong ke Negeri Terengganu sangat menggembirakan tetapi pengawalan dari sudut pengurusan PBT ini perlu diperkasakan. Memang kita tidak nafikan perlu kerjasama di antara pihak PBT dan juga orang ramai. PBT

letak tong sampah, orang ramai *gi* buang sampah luar tong sampah. Pun tidak tahu yang mana *se, dok?* Pun tak dinafikan ada faktor-faktor luaran. Faktor - faktor kontraktor. Kontraktor yang kita kata kenapa tidak kutip ikut jadual. Dia kata, "kalau kita kutip dua kali dia kata jadi rugi minyak". Jadi kutip sekali sehari. Perkara-perkara inilah perlu kepada *enforcement*, dengan izin penguatkuasaan yang mungkin ia memerlukan kepada mekanisma yang lebih baik. Tempat lain telah berubah. Orang lain telah mula "*waste to wealth*". Makna kata daripada sampah menjadi benda yang berharga. Tetapi kita dengan longgokan di tempat kita di Sungai Ikan sebagai contoh, kalau banjir *debor sokmo*. Takut tertutup sungai dan seumpamanya. Jadi benda-benda inilah yang mungkin kita perlu mengurus dengan baik agar kita tidak ketinggalan di dalam pengurusan yang seumpama ini. Sebenarnya perkara ini sedang diperhati dan inilah yang kita bangkitkan bersama untuk kita sama-sama berubah. Kerajaan dan rakyat bekerjasama dan akhirnya kita perlu sebut *self of belonging*. Rakyat rasa sayang ke Negeri, Kerajaan pun sayang kepada Negeri. Jadi akhirnya..

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Wakil Manir, *self of belonging* tu apa benda tu?

YANG BERTIMBALAN HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Allahu akbar*, kena tanya *google* juga tu.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Bila kita guna bahasa selain daripada Bahasa Melayu dalam Dewan ni, kena minta izin. Jadi kalau tak mahu minta izin, sila terangkan makna dia tu.

YANG BERTIMBALAN HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Oh, kita ingat ke Timbalan Yang di-Pertua faham *doh*. (ketawa)

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN: Untuk Ahli Dewan, bukan untuk Yang di-Pertua.

YANG BERTIMBALAN HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Rasa kepunyaan, nak kata keakuan pun tak boleh juga. Kepunyaan. Jadi tak berapa pandai *doh* pula jadi Bahasa Melayu (ketawa). Kalau nak rasa "kemaniran" pun tak boleh juga.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Cakap Telemong je YB.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): (ketawa) Allah.. Jadi oleh kerana itu, bila masing-masing rasa, benda apa saknim (ketawa).

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Rasa hok..

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Rasa kepunyaan itu masing-masing akan jaga. Pernah duduk di tempat orang, kita cari tong sampah tidak jumpa. Dia tanya mana tong sampah. Dia minta dengan kita. Dia ambil sampah letak dalam beg. Kita ingat ke nak buang sampah, dia ambil letak dalam beg dia. Makna kata *mung tak* jumpa beri *ke* aku tolong selesai. Kita tidak. Kita cari dulu. Kalau tengok sampah, *ni sapoh sape dok reti base buang*. Bukan kita nak ambil dulu, tidak. Jadi itu yang menyebabkan kita jadi sedikit terkebelakang kerana kita buang masa cari siapa yang tukang buat salah.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu... nak sebut juga isu penempatan yang kita mungkin boleh melihat bagaimana kadar OPR yang meningkat. Automatik, secara automatik, secara tidak langsungnya akan berlaku peningkatan kadar sewa peningkatan kadaran *installment* bayaran bulanan yang oleh itu semua saya rasa di semua DUN mengalami masalah perumahan, penempatan. Yang telah kita fokus hanya fokus kepada perumahan awam kos rendah yang mana perlu disubsidikan oleh Kerajaan yang kita kenal dengan rumah *type A* tetapi sebenarnya kita ada kelompongan rumah *type B* yang mana Kerajaan tidak memberi subsidi tetapi harganya masih lagi berkisar di bawah RM200,000 ataupun RM185,000 ke bawah. Dan golongan yang mampu membeli rumah ini melalui pinjaman-pinjaman yang

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Satu minit lagi ya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Hah?*

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Satu minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jiran *dokleh* lama sikit? [Ketawa] Allah. Ada *se*, sikit *je*. Jadi oleh kerana itu kita mengharapkan

pihak Kerajaan juga memberikan tumpuan di samping apa yang disebut oleh Bukit Tinggi tadi tentang infra tetapi tumpukan *jugok* kepada pembangunan perumahan *type B* sahaja yang boleh memberikan ruang yang lebih besar. Maka jika tidak ada rumah *type B* ini, maka masing-masing berebut kepada *type A* yang menyediakan lambakan kepada permohonan rumah.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhirnya Manir mohon agar Kerajaan juga memberikan sedikit tumpuan kepada jambatan Manir yang agak klasik *benorlah*. Jadi saya rasa bukan Manir sahaja yang berharap, Buluh Gading pun berharap... *heritage benor doh*. Wakaf Mempelam pun rasa bersetuju supaya dibangunkan ataupun dinaiktaraf jambatan Manir tu bimbang bimbang *sakut balok terik ni* terbalik jambatan Manir. Jadi akhirnya *insya-Allah* ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Manir mahu menyokong dan Menjunjung Kasih Titah Tuanku Al-Sultan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Manir. Seterusnya saya persilakan siapa lagi yang YB yang nak bahas. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Terima kasih kepada Timbalan Speaker, Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Yang saya hormati Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, rakan media, pemerhati dan semua yang hadir pada sidang Dewan Yang Mulia ini, *alhamdulillah*. Yang pertama syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana pada kali ini giliran Bukit Besi bersama-sama dengan Menjunjung Kasih Titah Tuanku pada petang yang mulia ini, *alhamdulillah*. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* pada yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati Amanah Yang dipercayakan kepada kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah Al-Anfal: Ayat 27)

Sidang Dewan yang dikasihi sekalian, ucapan penuh takzim dan penghargaan terima kasih atas Junjungan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang bernas dan sangat menyentuh keharmonian pada kita semua. Dengan Titah Tuanku itu, dapat menyuntik semangat pada kita untuk terus bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh demi mendaulatkan segala peranan dan saranan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Tak lupa juga marilah kita sama-sama berganding bahu, bermuafakat dan bekerjasama dalam melaksanakan apa yang disarankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Ampun Tuanku! Patik mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu agar terus memimpin Terengganu Darul Iman ini, *insya-Allah*.

Sidang Dewan yang dikasihi sekalian, dalam muka surat yang ke-8 dalam Titah Tuanku baru ini, banyak perkara yang dititipkan antaranya perkembangan pembangunan wilayah Negeri Terengganu, melestarian pelan bangunan pelancongan, pembasmian kemiskinan dan kesejahteraan rakyat, peluang pelaburan dan pekerjaan, perkembangan potensi pertanian, seterusnya pembangunan modal insan merupakan *point point* penting yang ditekankan dalam Titah Tuanku dua hari lepas, *alhamdulillah*. Saya ingin menyentuh, Bukit Besi ingin menyentuh tentang sektor pelancongan yang kini mencatatkan perkembangan yang baik berdasarkan data pada muka surat 9 dalam buku, kemasukan pelancong yang hadir di Terengganu seramai 3.7 juta pelancong. Oleh itu, Kerajaan harus memberi penekanan yang lebih pada kawasan-kawasan rekreasi terutamanya pada kawasan luar bandar khususnya kawasan dalam pesisir pantai khasnya di kawasan Bukit Besi yang mempunyai banyak kawasan rekreasi yang perlu dibangunkan agar lebih memberi tarikan kepada pelancongan antaranya kawasan rekreasi di Lubuk Kain Kampung Shukor, Kampung Sungai Kelemin, Kampung Talong, Sungai Loh, Bumbung Raja, Tasik Bukit Besi dan banyak lagi di sekitar Hulu Dungun *tu alhamdulillah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dasar Malaysia sejak Strategi Perindustrian diperkenalkan sentiasa mengalu-alukan pelaburan dalam sektor

perindustrian pembuatan terutamanya pelaburan asing. Selepas lebih tiga dekad industrialisasi, ternyata Malaysia lebih menjadi antara destinasi pelaburan utama dunia untuk operasi pengeluaran pasir pantai. Modal asing terus menjadi komponen utama dalam strategi pembangunan dalam membantu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan wilayah di negara ini. Dengan adanya pengaliran masuk modal teknologi canggih, pendapatan dan sebagainya tidak mustahil bagi kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri maju yang lain di negara ini khususnya terutama yang kita amalkan konsep 'Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera' akan menjadi realiti *insya-Allah* bukan menjadi angan-angan kosong pada kita semua. Kalau kita rujuk pada muka surat 11 dalam Titah Ucapan baru ini, cabaran dalam era globalisasi bukan sahaja untuk menggalakkan pelaburan dan kepelbagaian pelaburan di Negara ini tetapi juga untuk menggalakkan pelaburan yang lebih memberi kesan positif kepada matlamat polisi umum seperti kewujudan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, penambahbaikan alam sekitar dan pembasmian kemiskinan bahkan Bukit Besi mengalu-alukan Kerajaan Negeri mahupun semua peringkat membuat pelaburan seperti pembukaan kilang baru di kawasan-kawasan yang khasnya di kawasan kami di Bukit Besi dan *insya-Allah* tapak cadangan boleh dibincangkan untuk membuka peluang pekerjaan pada rakyat tempatan khususnya, *insya-Allah*.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, seterusnya, sektor pertanian di Negeri ini sedang mengalami transformasi ke arah yang lebih dinamik dan kompetitif sebagaimana Ucapan Tuanku Sultan dua hari lepas. Sektor ini amat penting bukan sahaja kerana ia dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri malahan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negeri. Pembangunan industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian lebih memberi penekanan dalam Dasar Pertanian Negara memandangkan potensinya dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan nilai tambah kepada hasil pengeluaran pertanian walaupun dasar dan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran makanan di peringkat global namun pencapaian usaha tani terutama kaum bumiputera masih di tahap yang rendah. Kekurangan tenaga buruh dan harga komoditi pertanian yang rendah serta tidak stabil merupakan antara faktor pengucupan sektor pertanian terutama dalam kalangan pekebun kecil. Penghijrahan golongan muda ke bandar juga telah mengakibatkan ramai petani terdiri daripada golongan yang lanjut usia. Kebanyakan belia terutama graduan universiti tidak berminat ataupun kurang

berminat untuk mencebur diri dalam bidang pertanian khasnya di Bukit Besi *lah ni*.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, generasi ini disebabkan oleh anak-anak petani terutama pekebun-pekebun kecil tidak berminat terhadap sektor pertanian kerana keadaan sosial ekonomi yang rendah di sektor pertanian terutama di ladang-ladang. Terdapat peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi dalam sektor perindustrian. Imej pekerjaan di sektor perindustrian yang lebih baik dan kemudahan infrastruktur moden di bandar. Peluang memperbaiki taraf ekonomi melalui pendapatan di sektor perkilangan ini dan perkhidmatan lebih terjamin. Sebaliknya, pendapatan di sektor pertanian dan perubatan tidak menentu dengan beberapa halangan, halangan cuaca dan sebagainya di Terengganu ini. Justeru, saranan peranan Industri Pertanian Kecil dan Sederhana (IKS) dalam pembangunan ekonomi negara cukup besar. Oleh itu, pelbagai program untuk meningkatkan pembangunan ekonomi pertanian, Industri Kecil dan Sederhana perlu dirangka dan dilaksanakan oleh agensi Kerajaan mahupun swasta dengan lebih efektif dalam memastikan perkembangan pesat Industri Pertanian Kecil dan Sederhana terutama di kawasan luar bandar khasnya dalam Bukit Besi dan kawasan sekitar dengannya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, berdirinya saya pada hari ini agar Kerajaan Negeri mengemaskini semua status tanah-tanah Kerajaan yang telah *direservekan* dan diswastakan di bawah Seksyen 62 bagi tujuan pertanian, perikanan dan penternakan supaya tanah-tanah ini dapat dimanfaatkan dan memberi hasil kepada rakyat dan negeri, *insya-Allah*.

Yang kedua, mencari peluang baru dengan memanfaatkan tanah-tanah kosong yang ada di Negeri ini bagi meningkatkan hasil pertanian dan memperkayakan sumber perikanan dan penternakan. Tanah kerajaan yang kosong boleh dimanfaatkan untuk tujuan pertanian dengan beberapa cara. Yang pertama, dijadikan tanah-tanah Rancangan Tanah Berkelompok (RTB). Yang kedua, melalui Lesen Menduduki Sementara (LMS) ataupun tanaman kontang. Yang ketiga, melalui pajakan.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, akhir daripada saya, Bukit Besi sebagai penutup tirai bicara saya pada petang ini, saya menyusun sepuluh jari

memohon keampunan dan kemafaan andai tersilap kata tersalah bicara dlm ucapan saya.

Ibarat menanam sudah dituai,
Musafir sudah sampai,
Umpama belayar sudah sampai ke pelabuhan,
Berjalan sudah sampai ke destinasi.

Merupakan ucapan pertama dan debar *dok* habis lagi dan masa sudah tamat tu dalam masa 10 minit. Akhir daripada saya daripada DUN Bukit Besi serangkap pantun,

Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Hidup mesti sentiasa berusaha,
Agar hidup maju, berkat dan sejahtera.

Sekian daripada Bukit Besi, Bukit Besi mohon menyokong.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Bukit Besi yang telah menepati masa 10 minit cukup. Sebelum kita rehat seketika saya nak *sorang* lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bahaskan ucapan Tuanku dan kemudian barulah kita rehat. Siapa yang seterusnya nak sambung. Sila, Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pertamanya saya selaku Ahli Dewan Undangan Negeri yang baru mewakili N32 Air Putih melahirkan rasa syukur dan berbesar hati pada pada, inilah julung-julung kali saya dapat bersama-sama menyertai dan mengambil bahagian dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu ini. *Insyah-Allah* saya akan berusaha sebaik mungkin dalam menyambung baton perjuangan yg telah diamanahkan oleh mantan ADUN sebelum ini iaitu YB Cikgu Abdul Razak Ibrahim yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang beliau menjadi wakil rakyat di DUN Air Putih. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung ucapan terima kasih

kepada beliau yang telah banyak menabur bakti dan jasa kepada rakyat di kawasan kami.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Air Putih juga ingin merakamkan ucapan Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Air Putih juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri bin Mokhtar bagi terus menerajui kepimpinan Negeri Terengganu sebagai Menteri Besar Terengganu untuk penggal yang kedua. Tahniah juga untuk barisan EXCO yang telah dilantik pada sesi ini. Saya percaya dan optimis berdasarkan rekod kejayaan lima tahun pertama memimpin negeri, Yang Amat Berhormat mampu membawa Terengganu Darul Iman mencapai pembangunan pesat dan berkat melalui objektif Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) yang telah dirangka dan digerakkan sejak lima tahun yang lepas.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya sentuh dalam sidang Dewan yang mulia ini ialah satu aspek penting dalam PITAS iaitu melahirkan masyarakat yang sejahtera. Salah satu aspek kesejahteraan ialah rasa selamat dan bebas daripada ketidakselesaan dalam kehidupan harian rakyat. Kini, kita telah mula memasuki gerbang musim tengkujuh. Genap sedekad Kemaman mengalami banjir besar pada 2013. Ribuan rumah terkesan dengan banjir yang melibatkan kerugian harta benda yang besar angkanya. Kampung Air Putih, Seberang Tayor, Bandar Baru Bukit Mentok, Kampung Mukim Mentok hingga ke Kampung Mak Chili dan hampir sebahagian besar kawasan dalam DUN Air Putih ditenggelami banjir. Air yang melimpah mengalir dari kawasan hulu akan masuk ke kawasan hilir di Cukai yang padat dengan penduduk. Kita pernah diberitahu tentang projek tebatan banjir yang menelan kos ratusan juta ringgit. Kita tidak tahu sejauh mana *progress* projek tersebut. Entah berapa lamakah lagi projek tebatan itu akan selesai dan benar-benar menamatkan penderitaan penduduk yang saban tahun terpaksa berpindah dan berkemas rumah akibat banjir. Berhubung kait dengan itu juga, saya juga ingin membawa keluhan penduduk-penduduk di kawasan baru dibangunkan dengan projek ECRL, kini ada setengah kawasan seperti Taman Koperasi Batu Tiga, Jalan Air Putih dan sekitarnya dilanda musibah banjir sejak terbina laluan keretapi. Kerja-kerja penambunan tanah dan mendirikan arah keretapi telah menyebabkan kawasan yang sebelum ini bebas banjir kini dilimpahi air banjir apabila berlaku hujan lebat yang berterusan. Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya Kerajaan dgn kerjasama pihak peneraju

melakukan kajian impak agar air hujan yang bertakung di kawasan rendah tidak melimpah hingga ke perumahan penduduk di kawasan sekitar. Daripada kajian tersebut, pihak-pihak yang terlibat hendaklah bertindak agar air dapat dialihkan segera ke sungai atau tempat yang sepatutnya. Justeru, kami sangat mengharapkan impak banjir yang berlaku setiap kali musim tengkujuh dapat diminimumkan kesannya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam menghadapi PRN-15 baru-baru ini, PAS bercadang untuk meneruskan apa yang terkandung dalam manifesto PRU-14 dahulu di samping beberapa tawaran baru kepada rakyat antaranya ialah pembinaan Rumah-Rumah Mampu Milik (RMM) bagi memenuhi keperluan penduduk terutamanya bagi mereka yang berkeluarga dan berpendapatan rendah. Rumah merupakan satu keperluan asas utama bagi mereka yang sudah berkeluarga. Mengikut kajian yang pernah dibuat, masih ramai pasangan berkeluarga tinggal di rumah sewa atau tinggal bersama ibu bapa kerana tidak mampu memiliki rumah sendiri atas faktor tertentu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di DUN Air Putih agak ramai penduduk bekerja sendiri. Petani, peniaga kecil-kecilan dan generasi kedua dan ketiga Felda, mereka amat memerlukan sebuah rumah untuk keluarga. Namun, rumah mampu milik yang masih belum dibangunkan di sini. Perkara ini dibangkitkan oleh mantan Cikgu Abdul Razak dalam sidang-sidang yang lalu. Antara cadangan yang pernah diutarakan ialah pembinaan Fasa 2 RMM di Taman Perasing Jaya, Hulu Jabor. Ada pun Bandar Cheneh Baru juga memerlukan RMM, kerana tambahan penduduk yang semakin meningkat. Di sana ramai penduduk yang terdiri daripada anak-anak peneroka generasi kedua dan ketiga. Justeru, Air Putih mengharapkan agar bagi penggal kali ini pembinaan RMM dapat diutamakan di Taman Perasing Jaya dan juga Bandar Baru Cheneh.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kewujudan bandar baru ini akan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri bersama dengan pembukaan bandar-bandar baharu akan diwujudkan kemudahan bekalan elektrik, air dan telekomunikasi. Projek perumahan turut dibangunkan termasuk bangunan-bangunan komersial. Di dalam DUN Air Putih, terdapat sebuah bandar baharu yang telah dibangunkan hampir 15 tahun yang lalu iaitu Bandar Baharu Cheneh. Kadar pertumbuhan ekonomi di kawasan selatan ini kelihatan agak sederhana, penduduk masih ke bandar Chukai dan ke Kuantan untuk urusan tertentu. Dengan itu, saya mencadangkan Pembangunan Bandar Baharu ini dirancakkan semula. Saya mencadangkan pembinaan sekolah-

sekolah agama berasrama seperti Sekolah Menengah Agama Al-Falah di Chukai, Kemaman dibina di zon ini. Ini memandangkan sekolah aliran agama sedia ada tidak mampu menampung permintaan yang tinggi. Dengan adanya pusat pengajian atau sekolah agama berasrama ini, dijangka aktiviti ekonomi setempat akan lebih rancak umpama serampang dua mata, aktiviti ekonomi berkembang dan keperluan pendidikan agama pun dapat dipenuhi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengharapkan dan mendoakan Kerajaan Perikatan Nasional yang terdiri daripada PAS dan Bersatu ini mampu melonjak lebih tinggi dari segi kemakmuran ekonomi. Pencapaian pendidikan, peningkatan peluang pekerjaan dan kesejahteraan hidup secara keseluruhannya. Segala halangan dan kolaborasi hendaklah kita hadapi dan selesaikan bersama sebagai satu *team* di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Setiap kejayaan pastinya diuji dengan cabaran. *Insyallah* dengan mengamalkan pentadbiran yang berintegriti, kompeten dan sentiasa mendekati diri dengan Allah, Allah akan bantu usaha murni kita untuk memartabatkan Terengganu agar benar-benar menjadi Negeri Maju, Berkat dan Sejahtera. Saya akhiri ucapan sulung saya ini dengan tiga rangkap pantun agar menjadi inspirasi kepada Dewan yang mulia ini.

Jangan dengar guruh di langit,
Hujan bukan ribut pun bukan,
Cabaran hidup semakin sengit,
Masalah rakyat kita selesaikan.

Ikan apa di dalam kolam,
Bersisik emas cantik sekali,
Bukan dipandang pada jawatan,
Memikul amanah kerana Ilahi.

Menenun songket sebelum senja,
Kain batik sudah dicanting,
Pacu negeri ke puncak jaya,
Jujur ikhlas kita seiring.

Wakil Air Putih memohon menyokong Titah Ucapan Tuanku.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Air Putih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Esok adalah hari terakhir persidangan kita. Memandangkan ada beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat yang akan membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selepas ini, dan saya lihat wajah-wajah Yang Berhormat sekalian ramai yang keletihan dan mengantuk, dengan ini saya tangguhkan sementara Dewan ini dan akan disambung semula pada pukul 4.00 petang ini. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.35 PETANG

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, dipersilakan Yang Berhormat yang bersedia untuk menyampaikan pembahasannya. Sila. Sila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan seterusnya para pemerhati yang dihormati sekalian. Seberang Takir juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sama-sama menyampaikan perbincangan terhadap Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Perasmian Dewan pada penggal kali ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Seberang Takir tak jauh beza dengan Telemong. *Dok* masuk lagi. Telemong dulu pernah berada di sini tapi dulu di kerusi Kuala Berang. Hari ini selepas 10 tahun kembali ke Dewan yang mulia ini di kerusi Telemong. Seberang Takir juga pernah berada di Dewan ini 10 tahun yang lalu di kerusi Batu Rakit, tapi hari ini muncul semula di kerusi Seberang Takir. Walau bagaimanapun apa yang saya nak...

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Ada se lagi tu, tinggal. Dulu warna biru, *lening* hijau..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Minta izin dulu bangun Yang Berhormat Ajil, jangan langgar-langgar gitu.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Dulu biru. Hari ini biru campur hijau. Perikatan Nasional.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Walaupun kami ada persamaan antara Telemong dengan Seberang Takir, tapi petang ini saya bukan nak cerita tentang gajah, bukan nak cerita tentang banjir walaupun Seberang Takir mungkin ada banjir tapi Seberang Takir *tak dok* gajah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Perasmian Baginda baru-baru ini telah menyentuh pelbagai aspek pelancongan, ekonomi, masalah rakyat dan sebagainya. Ini menunjukkan keprihatinan Baginda, Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap permasalahan rakyat dan saya percaya perkara ini sedang ditangani oleh pihak Kerajaan. Walaupun Seberang Takir bukan Batu Rakit, walaupun kali ini saya mewakili Seberang Takir, tetapi sebenarnya antara Seberang Takir dengan Batu Rakit ini ada banyak persamaan dan sedikit perbezaan. Persamaannya di Seberang Takir, sebahagian penduduknya bergantung kepada hasil laut iaitulah nelayan. Jadi di Seberang Takir ada golongan nelayan, di Batu Rakit juga ada golongan nelayan. Saya ada pengalaman menangani golongan ini. Mereka memerlukan bantuan, pertamanya pada musim-musim hujung tahun terutamanya nelayan-nelayan pesisir pantai. Apabila tiba musim tengkujuh, sebulan dua bulan daripada sekarang, mereka akan menghadapi masalah untuk keluar menangkap ikan. Jadi kerana itu, saya mohon kepada pihak Kerajaan supaya melihat isu ini dengan lebih teliti kerana pada musim banjir ini bukan orang yang kena banjir sahaja perlukan kepada bantuan, tetapi orang-orang yang terlibat dengan pekerjaan di laut yang tidak dapat keluar pada musim tengkujuh ini juga memerlukan bantuan.

Saya tahu dah ada bantuan bulanan kepada nelayan, tetapi tidak semua nelayan dapat apabila ada sebahagian nelayan yang memang kerja nelayan, tapi masih lagi belum ada lesen sebagai nelayan. Jadi, saya mohon supaya

pihak Kerajaan melalui LKIM melihat kepada nelayan-nelayan yang masih lagi belum mempunyai lesen untuk diluluskan kepada mereka permohonan lesen ini supaya mereka juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang lain. Selain daripada itu, saya juga nak mohonlah sebab tahun ini tengok kepada peruntukan untuk Wakil Rakyat ini tidak banyak dah. Dalam RM100 ribu lebih *gitu* je untuk setiap Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini. Jadi, sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini kalau *hok* terlibat dalam banjir dia akan perlu kepada bantuan untuk orang-orang yang terlibat banjir. Di kawasan-kawasan yang pesisir pantai yang ada ramai nelayan ini, maka sebahagian besar daripada rakyat yang terdiri daripada golongan nelayan ini akan cari Wakil Rakyat untuk dapatkan bantuan-bantuan. Jadi saya harap ada sedikit lagi pertambahan untuk akhir tahun ini selain daripada apa yang telah diluluskan pada hari ini, kalau ikut pada penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Terengganu setakat ini sehingga bulan September ini hanya menerima lebih kurang RM500 juta lebih daripada dana petroleum daripada Kerajaan Persekutuan berbanding dengan tahun-tahun yang sebelum ini kita dapat RM1.2, RM1.4 juta maknanya kita ada baki lebih kurang dalam RM900 juta lagi yang perlu dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Yang di-Pertua, maka kerana itu kita harap dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, *Insyallah* kita doakan mudah-mudahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilembutkan hati dibuka pintu hati dia supaya dia dapat melaksanakan amanah ini bayar kepada siapa yang berhak menerima ini sebagaimana yang dia ucapkan sebelum daripada dia menang dalam pilihan raya, sebelum daripada dia dilantik menjadi Perdana Menteri, sebelum daripada dia menjadi Perdana Menteri dia kata semua Ahli-ahli Parlimen kalau dia jadi Perdana Menteri akan diberi diperuntukan yang sama seperti Ahli Parlimen Kerajaan. Kalau dia jadi Perdana Menteri dia akan berlaku adil bukan 5% dia akan bayar, dia pernah kata 20% untuk negeri yang terlibat dengan hasil petroleum. Jadi sebab tu kita harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dibuka pintu hati, diberi hidayah dan petunjuk oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mudah-mudahan dia berlaku adil pada rakyat Negeri Terengganu, mudah-mudahan dengan mendapat semula hak bahagian yang sepatutnya Kerajaan Negeri Terengganu terima pada tahun ini baki seperti yang saya sebut tadi banyak perkara-perkara yang boleh dibuat oleh Kerajaan untuk membantu rakyat, untuk menjelaskan, untuk membantu rakyat dan membantu Wakil-wakil Rakyat menyelesaikan masalah rakyat, Dato' Yang di-Pertua.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, kemenangan Perikatan Nasional, PAS, BERSATU di Negeri Terengganu pada hari ini, pada Pilihan raya yang lalu adalah kemenangan yang luar biasa, tak ada dalam sejarah negeri-negeri di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan juga Sabah Sarawak parti memenangi 100% dan Dewan Undangan Negeri tanpa pembangkang dan kita sedar bahawa perubahan ini berlaku kemenangan yang kita perolehi ini sebahagian besar undinya datang daripada golongan belia, pengundi yang pertama kali mengundi ataupun yang kedua kali mengundi selepas daripada undi Pilihan Raya Umum yang ke-15 pada bulan November tahun lepas.

Jadi Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, saya mohon Kerajaan Negeri memberi perhatian yang lebih sebagaimana yang dipohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebentar tadi diberi perhatian yang lebih kepada golongan belia ini supaya mereka akan tetap bersama dengan kita dalam pilihan raya - pilihan raya yang akan datang untuk memastikan Kerajaan yang ada pada hari ini kekal bukan untuk penggal hari ini tapi untuk penggal-penggal akan datang jika golongan belia ini diberi perhatian dan janji-janji yang kita berikan, kemukakan untuk mereka dapat kita laksanakan dengan sepenuhnya. Saya dimaklumkan bantuan untuk dapat lesen motosikal percuma masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya, jadi saya harap lepas ini akan dapat dilaksanakan begitu juga dengan perkara-perkara yang lain seperti pengagihan tanah dan juga rumah-rumah seperti mana yang termaktub ataupun yang ada dalam manifesto Kerajaan sebelum pilihan raya ini.

Dato' Yang di-Pertua, Seberang Takir tidak seperti DUN-DUN yang lain, Seberang Takir hingga Kuala Terengganu sebuah DUN yang sebahagian besar saya sebut penduduknya terlibat dengan industri perikanan nelayan dan sebahagian besar lagi ada dalam terlibat dengan industri pelancongan dan juga perniagaan kecil-kecil yang terlibat dengan kedatangan pelancong yang banyak bergantung dengan kehadiran pelancong. Saya dimaklumkan bot penambang daripada Seberang Takir ke Pasar Payang tak berapa laku ataupun *slow* pada hari ini antara masalahnya mungkin tempat pelabuhan sebelah sana tu tak berapa kelihatan sangat, tertutup dia kena *gi* belakang masjid turun belakang, jadi saya harap kerajaan lihat mungkin kita boleh perelokkan jalan di situ dan sediakan kemudahan seperti letak kereta, parkir kereta dan sebagainya. Di sebelah Kuala Terengganu di belakang Pasar Payang saya dimaklumkan jeti untuk bot penambang ini ada kerosakan dan masih lagi belum diperbaiki

sehingga hari ini. Jadi Dato' Yang di-Pertua, mudah-mudahan Seberang Takir juga mendapat manfaat daripada industri pelancongan yang akan dirancakkan oleh kerajaan selepas pada hari ini sebagaimana yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Satu lagi, yang terakhir Dato' Yang di-Pertua, Seberang Takir ada tanah macam DUN-DUN yang lain. Sejak saya jadi Wakil Rakyat terpilih mewakili DUN Seberang Takir ini saya banyak menerima aduan panggilan telefon yang mengadu meminta supaya mereka ini dipertimbangkan untuk mendapat satu unit rumah yang dibina oleh Kerajaan di Tok Jembal saya dimaklumkan ada lebih kurang 150 unit rumah di situ dan akan dibahagikan tak lama lagi. Saya percaya selepas rumah-rumah ini, unit-unit rumah ini dibahagikan pada penerima-penerima akan ada lagi orang-orang yang tak berjaya memperolehi mendapat unit rumah di sana akan terus datang dan merayu supaya dipertimbangkan tempat lain dan sebagainya. Maka kerana itu, Dato' Yang di-Pertua, memandangkan keadaan tanah yang tak banyak dah di Seberang Takir dan nilainya tinggi, saya dimaklumkan satu ekar lebih kurang dalam RM1 juta atau RM800 ribu satu ekar, jadi saya rasa kalau ada tanah-tanah yang besar di kawasan Seberang Takir empat ekar ke atas, maka dia tidak sesuai lagi untuk diagihkan dalam bentuk lot-lot kepada penerima-penerima kerana nilainya terlalu tinggi dan individu yang memperolehi manfaatnya tak banyak kalau katakan empat ekar bahagi enam, 6 x 4, 24 orang sahaja boleh menerima jadi kita buat perumahan mungkin orang yang dapat manfaat menerima unit rumah itu mungkin lebih daripada 30 orang, 50 orang dan sebagainya.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, sesuai dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang sangat cakna tentang keadaan rakyat dan pembangunan negeri ini saya mewakili Seberang Takir menjunjung setinggi-tinggi kasih dan menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir silakan mana-mana Yang Berhormat. Sila. Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta ketua-ketua jabatan dan pemerhati yang saya kasihi sekalian. Pertamanya terima kasih saya nak ucapkan kerana memberi peluang kepada Hulu Besut untuk membahas Titah Ucapan Tuanku Sultan Terengganu pada 1 Oktober yang lepas. Di antara Titah Tuanku semua dah disebut oleh Yang Berhormat- Yang Berhormat yang telah membahaskan antaranya berkenaan dengan ekonomi pelancongan, pendidikan, kemiskinan, pertanian dan Yang Berhormat Dato' Speaker saya nak sentuh dari segi pembangunan ekonomi Hulu Besut. Saya nak bawa di sini berkenaan dengan, tadi saya tak sempat nak tanya soalan, saya nak sebut dalam ucapan ini berkenaan dengan ekonomi bila sebut ekonomi, bila sebut ekonomi di DUN Hulu Besut ini saya kira ekonomi di DUN Hulu Besut ini agak keterbelakang daripada DUN-DUN yang lain. Keutamaan yang saya nak sebut di sini adalah dari segi pembinaan ataupun jalan buntu ada di DUN Hulu Besut, Dato' Yang di-Pertua jadi, apa yang rakyat Hulu Besut inginkan adalah kita nak sambungkan jalan buntu tadi supaya tidak buntu lagi dalam pemerintahan Kerajaan Negeri yang ada dalam Penggal ini, besarlah harapan rakyat DUN Hulu Besut agar pembinaan jalan di Keruak sana boleh tembusi kepada ataupun menghubungkan kepada daerah yang lain iaitu di Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jadi berkenaan dengan pelancongan juga terdapat banyak tempat yang menarik terutamanya Air Terjun Lata Tembakah, Air Panas La (La Hot Springs) dengan izin dengan adanya pusat-pusat pelancongan seperti ini akan dapat menambahkan peningkatan ekonomi tapi suka saya ingatkan kepada kita semua kita nak laksanakan ataupun nak menarik minat kepada pengunjung-pengunjung datang kepada tempat-tempat yang menarik di Hulu Besut ini. Kita kena jaga dari segi infranya dan kita dapat lagi kekurangan-kekurangan infra di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi supaya dapat diperbaiki. Dan saya telah berkunjung ke beberapa tempat terutamanya di La Hot Springs itu jadi keadaan infra, kadang-kadang kita tengok molek tapi bila masuk dalam itu, tandas sumbat dan sebagainya. Maknanya dari segi penguatkuasaan kena tengoklah, kena cakna tentang kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh pengunjung-pengunjung.

Dari segi pendidikan juga Besut terutamanya adalah orang kata selalu mendapat tempat yang terbaik, SPM terbaik, STPM terbaik dan baru-baru ini STPM merupakan ada seorang pelajar di DUN Hulu Besut terbaik Malaysia. Jadi suka saya ingatkan sebelum ini saya juga sentiasa memandang serius bila mana ada sahaja permohonan-permohonan PIBG terutamanya tentang pelaksanaan untuk meningkatkan dari segi pemberi maklumat ataupun kursus dan sebagainya untuk kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan dengan bajet-bajet tertentu, mereka datang berjumpa dengan saya. Dan saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat semua jika ada sekolah-sekolah yang ingin memohon peruntukan dan sebagainya bagilah peluang kepada guru-guru agar kita dapat sama-sama membantu untuk membentuk kecemerlangan pelajar. Dari segi kesenangan saya sebut tadi tanpa pembangunan ekonomi kalau kita tidak usahakan untuk terutamanya di DUN Hulu Besut. Kita kena bantu apa yang telah dipohon oleh rakyat Hulu Besut tadi untuk mencapai mengurangkan kemiskinan di DUN Hulu Besut sebagaimana DUN-DUN lainlah terutamanya mungkin di DUN Telemong juga. Saya tengok banyak rumah-rumah yang begitu daif, sangat daif. Jadi setiap kali masuk memang bukan yang boleh bilangnye *hok molek* rumah yang tidak elok itu tak boleh nak bilang, *banyok*. Jadi saya mohon pihak Kerajaan untuk memandang serius untuk membantu rakyat-rakyat di DUN Hulu Besut yang tidak memiliki rumah. Dan rumah generasi Felda kita saya mohon pihak Kerajaan memandang serius untuk pembinaan rumah Felda generasi kedua ini sentiasa daripada dulu menjadi modal kepada Parti UMNO dia kata nak bina-bina setiap kali Pilihan Raya nak bina rumah generasi kedua selepas Pilihan Raya pun tak bina dan saya mohon jasa baik agar Kerajaan juga memandang serius dalam pembinaan rumah generasi kedua Felda ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di sekolah Felda itu dulu mempunyai pelajar tiga ratus lebih. Sekarang ini mempunyai seratus lebih orang sahaja. Jadi yang generasi kedua itu *tak dok doh*. Dia keluar. Sebab dia tak ada tempat tinggal. Jadi untuk atasi permasalahan itu, saya mohonlah pihak Kerajaan untuk memandang serius dalam pembinaan ataupun pengagihan tempat bagi generasi Felda Tenang apa yang saya maksudkan. Dan dari segi pertanian saya mohon pihak Kerajaan melihat permasalahan yang timbul di DUN Hulu Besut adalah berkaitan dengan harga padi. Baru-baru ini mereka telah menjemput saya untuk mendengar keluhan dan apa yang diperkatakan harga yang dijual RM1200 dijual di tempat dia, tempat kita tapi tempat lain dia kata RM1500 hingga RM1700. Saya pun tak

ada jawapan yang sebenar mungkin Yang Berhormat EXCO dapat memberi jawapan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam era pembangunan ECRL, DUN Hulu Besut juga tidak terlepas ataupun saya berterima kasih dengan pembangunan ini tapi pembangunan ECRL ini telah menyebabkan banyak masalah yang berlaku iaitu terutamanya dari segi banjir. Walaupun hujan bukan musim banjir pun saya terpaksa harung air yang bertangkung kerana ada rumah yang terlibat dengan banjir. Jadi saya mohonlah jasa Ketua-ketua Jabatan agar boleh memberi fokus dari segi aspek orang kata pengurusan ataupun penguatkuasaan dari segi jadual pembinaan yang telah dikeluarkan oleh pihak ECRL ataupun MRL. Kontraktor yang melaksanakan itu supaya mengikut apa yang telah digariskan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada permulaan selepas memenangi Pilihan Raya Negeri baru-baru ini rakyat di DUN Hulu Besut juga tanya saya apa langkah Yang Berhormat Hulu Besut nak buat. Jadi sebelum saya nak buat *hok* lain dalam seperti mana yang disebutkan oleh Wakil Manir tadi. Saya sangat bersetuju *belaga angin* tentang kebersihan. Saya sangat bersetuju yang lepas kerajaan Negeri telah melancarkan Program Bersih. Jadi kita bersih ini kita masyarakat Melayu ini orang kata sekali bagi tahu sekali *royak* dia buat tapi kena *royak* banyak kali pasal bersih ini. Bersih adalah suatu tuntutan agama kita agar bila kita mengamalkan budaya yang bersih. Bersih dari segi sampah sarap terutamanya dan dari segi kesihatan kita nak tengok bersih saya mohon penguatkuasaan terhadap kedai-kedai makan. Saya selalu tengok macam tak ada penguatkuasaan kedai-kedai makan ini bila kita masuk ialah banyak tegur dari segi aspek kesihatan dan sebagainya kalau tak bersih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Hulu Besut menamatkan ucapan.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Kita buat penguatkuasaan. Untuk penguatkuasaan dari segi kebersihan saya maksud saya dari seluruh Negeri dan JPKK lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat boleh ringkaskan.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): *Okay*, satu lagi Yang Berhormat Yang Dato' Yang di-Pertua, Terengganu telah menang 32-0, sebagaimana Titah Tuanku dalam ucapan Titah Baginda telah, Kerajaan juga terus harus melaksanakan langkah manifesto yang telah dibuat oleh Kerajaan terutamanya rakyat juga telah bertanya pasal manifesto pinjaman yang tanpa cagar RM4000 supaya dapat dilaksanakan dengan segera.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay*, Yang Berhormat terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Saya Hulu Besut mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Besut, terima kasih. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Besut, sila.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan EXCO dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan kerajaan dan pemerhati-pemerhati. Saya Wakil daripada Kuala Besut menjunjung kasih Titah Ucapan Sultan serta memulakan perbahasan sempena Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri. Saya ingin mengucapkan setinggi kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana telah memberi kemenangan secara menyeluruh 32 DUN tanpa ada pembangkang. Terima kasih kepada semua rakyat Terengganu terutamanya DUN Kuala Besut yang telah memberi kemenangan kepada calon-calon daripada Parti PAS dan BERSATU. Saya mohon agar industri pelancongan dan industri keropok di DUN Kuala Besut atau dibantu oleh kerajaan dalam industri pelancongan. Contohnya, jeti pelancongan Kuala Besut perlu dinaikkan taraf seperti jeti Pulau Langkawi. Manakala industri keropok perlu juga diadakan zon di kawasan Pachakan, manakala pekan lama Kuala Besut perlu dipindahkan

sebab ia merupakan pintu masuk ke Pulau Perhentian. Untuk sektor pertanian, khususnya penanam padi di mukim Pengkalan Akar perlu dikaji kesuburan tanah agar hasil petani di kawasan situ meningkat hasil, *insya-Allah*. Untuk sektor perikanan, mohon pihak Kerajaan membina dan meninggikan jambatan Kuala Besut bagi kemudahan-kemudahan bot-bot laut dalam untuk ke jeti Sungai Nail. Manakala Kompleks Ikan LKIM perlu dinaiktaraf agar lebih banyak bot-bot berlabuh disitu. Kenapa saya ambil sedikit pendekatanlah di jeti Kompleks Perikanan Kuala Besut sekarang ini bot-bot laut dalam, semua masuk di Tok Bali kerana dia tak boleh nak masuk di Kompleks Perikanan Kuala Besut ini, jambatan dia rendah, kena tinggi barulah bot-bot laut dalam boleh masuk di Jeti Kuala Besut dan juga boleh meningkat lagi hasil nelayan. Rakyat di DUN Kuala Besut dan juga hasil ekonomi, di perikanan di Kuala Besut. Dari segi permasalahan banjir, pihak Kerajaan perlu membuat pengambilan balik tanah untuk dijadikan parit bagi mengalirkan air terus ke Sungai Nail. Kawasan sini berlaku masalah perparitan musim banjir di kawasan Pachakan dan juga di kawasan Tok Sabah. Masalah ini sebenarnya 25 tahun doh, kalau boleh selesai sebenarnya di bawah pemerintahan kita ini sangat hebat, sangat hebat. Orang akan menilai kita kalau kita boleh selesai masalah ini. Manakala hakisan pantai antara kampung Pengkalan Atap, Kampung Pachakan teramat kritikal sekarang ini. Mohon Kerajaan mengambil tindakan segera. Apabila berlaku kawasan muara Sungai Kuala Besut, untuk membuat benteng itu belum siap dan juga ada tertangguh, ombak dia akan mengalir di kawasan Pachakan, dia tempuh kawasan Pachakan, Pantai Pachakan dan juga Pengkalan Atap, di sini berlaku memang kritikal. Sekarang ini, jalan raya zaman pemerintahan dulu buat semua *takdok doh*, tinggal pasir *blako doh*, jalan raya, dihakis ombak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jalan raya apa Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Haa?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jalan raya apa?

YANG BERTHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Jalan raya tepi pantai. *Tak dok dah* jalan raya tepi pantai. Nak lalu kereta pun tak boleh *dah*. Minta MB datang turun datang sendiri tengok.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Okay, akhir ucapan saya...

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, sebelum akhir...Boleh nak dapat laluan Kuala Besut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kuala Besut benar dok ni? Benar *dok nak* celah *n?*

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Benar, benar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Duduk dulu. Kuala Besut duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Kuala Besut duduk dulu. Tadi Kuala Besut timbulkan bot nelayan laut dalam tak boleh nak masuk ke kompleks LKIM sebab ketinggian jambatan. Setakat yang saya maklum, Kompleks LKIM terletak sebelum jambatan daripada kuala. Jadi maknanya tak perlu *nyuruk* bawah *rettok* lah kalau nak *gi* ke kompleks LKIM *tu*. Minta penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Sebenarnya, rungutan daripada pengusaha bot dalam. Apabila dia *bawok* ikan di kawasan jeti Kuala Besut, dia nak *parking* bot tu di sebelah sana, sebelah *rettok*. Bukan disebabkan oleh *nak wat* turun ikan, *dok*. Dia nak *parking*, nak *parking* situ. Berlaku kelemahan di situ, jeti ikan di Kompleks Perikanan Kuala Besut, dan akhir ucapan saya, saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada rakyat DUN Kuala Besut kerana memberi tanggungjawab dan juga kemenangan kepada parti PAS untuk mentadbir DUN Kuala Besut, *insya-Allah* kita akan buat yang terbaik dengan Titah Ucapan Tuanku, DUN Kuala Besut menyokong penuh Titah Ucapan Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Kuala Besut. Sila mana-mana Yang Berhormat, seterusnya. Sila Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri, Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jabatan, para media dan juga pemerhati sekalian. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan yang memberi ruang dalam ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada petang ini. Kita tahu bahawa kadang-kadang ada projek-projek yang menyebabkan ada kontra dan ada yang pro. Saya ambil contoh, pembangunan stesen kereta api di Durian Guling. Nanti *passengers* di sana akan melalui Wakaf Tapai ke Ajil dan seterusnya ke LPT2. Jadi *dok sapa* ke Kuala Berang. *Ha tu nok kabonye*. Keduanya dengan siapnya jajaran baru dari Kuala Telemong ke Kuala Jeneris seterusnya ke Pengkalan Gawi dan seterusnya ke Simpang Pulai ke Perak. Jadi itu pun tidak lalu ikut bandar Kuala Berang. Jadi dijangka dalam beberapa tahun akan datang, bandar Kuala Berang akan jadi semakin mundur sepertimana kalau kita tengok Kijal lah. Zaman dulu masyhur orang lalu ikut situ. Tapi sekarang ni orang *bypass*. Tidak melalui lagi. Jadi bandar Kuala Berang pun akan dijangka sedemikian *jugak* di masa yang akan datang. Jadi Kuala Berang nok universiti *sebuah* ni. Ha. Itu saya *nok kabonya*. Ha. EXCO Pendidikan Tinggi dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tolong *lobby* sikit lah. Kuala Berang ni nak universiti sebenarnya. Kerana dengan adanya universiti, sudah tentu ramai orang akan duduk tinggal di sana dan perlu perkara-perkara untuk kehidupan dan pembelajaran di sana.

YANG BERHORMAT DATO' SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Kuala Berang *cakak* macam EXCO. *Smart* hari ni *hor*. (ketawa)

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Terima kasih. Sebenarnya kita ambil sejarah sikit ni. Iaitu ada satu lot tanah telah diberi kepada Kerajaan *Federal* pada tahun 1965. Saya baca sikit. Tanah bergeran 22350 Lot 12495. Tanah ini telah diluluskan oleh MMKN pada 27 November 1965 lagi. Kalau lahir hari itu, hari ni nak pencen dah. 58 tahun dah umur. Kepada kementerian tanah dan syarikat kerjasama atas nama Pesuruhjaya Tanah Negeri-negeri Tanah Melayu yang tujuannya adalah untuk Maktab Pertanian Pantai Timur. Maksudnya macam universiti lah. Kalu tahun 1965 waktu tu dia panggil maktab saja. Dengan syarat khas untuk masuk

Maktab Pertanian ataupun Sekolah Pertanian dan Pusat Pertanian sahaja. Maknanya seolah-olah Universiti Pertanian. Borang 5A dikeluarkan pada 4 Ogos 1965 dan telah dijelaskan pada 6 Disember 1966 oleh Kementerian Pertanian pada waktu itu. Jadi tanahnya berjumlah 386 hektar ataupun kali dengan 2.4 dalam 930 ekar. Luas. Diberi tahun 1965 sehingga hari ini tidak terbina lagi universiti ataupun maktab ataupun apa-apa di atas tanah tersebut. Tak jauh dari bandar Kuala Berang. Dua tiga kilometer sahaja. Sekarang ini tanah tersebut berada di Padang Ipoh, jalan ke Kampung Sekayu. 5 minit dah? Baru mukadimah. Jadi kita, Kerajaan Negeri saya mencadangkanlah kalau kita beri tanah kepada PTP ni kena ada had dia. Syarat kelulusan tanah itu pun kalau kita *nok wak* bangunan, tiada tempoh dua tahun kene buat bangunan-bangunan tersebut. Jadi kita ni seperti buka sahaja, tidak ada *exit*. Dah hampir nak pencen, 57 tahun tak buat apa-apa. Tak ada *exit*. Jadi kita mencadangkanlah pada Kerajaan Negeri supaya diberi tempoh contohnya 2 tahun ataupun 5 tahun supaya apa-apa tanah yang kita beri kepada Kerajaan Federal perlu dibina atas tujuannya. Tidak seperti apa yang berlaku kepada Kuala Berang ni yang amat merugikan. Walaupun begitu, kita nak lah juga supaya dijalankan, dibuat sebuah universiti di sana untuk membantu Kuala Berang di masa-masa yang akan datang. *Insya-Allah*.

Isu yang kedua iaitu berkaitan dengan Hulu Terengganu juga berkaitan dengan keselamatan *dam* ataupun Kenyir *dam* kita, yang mana pada 28 Februari 2022 yang lalu sehingga 1 dan 2 Mac 2022 yang lalu. Malapetaka besar berlaku kepada Kenyir *dam* kita yang menyebabkan ekoran daripada itu masalah sungainya tidak ada air kerana sumber asalnya air daripada Kenyir *dam* tidak dapat dialirkan. Seolah-olah Kenyir Dam ini terkunci. Air tak boleh *nok tubik*. Dan kita lihat banyak kawasan yang cerun-cerunnya terhakis. Puncak-puncak bukit menjadi botak kerana hakisan yang besar berlaku. Dan baru semalam ada saya baca dalam Berita Harian, baru keluar kelmarin. Dan juga dalam Sinar Harian petang kelmarin pun ada membuat tajuk 8 empangan berisikoancam keselamatan penduduk. Ini pun Kuala Berang jugak. Kalau la pecahnya Kenyir *dam* itu, sudah tentu orang-orang di tebing sungai sana yang akan hadapi ancaman yang besar. Kita tahu bahawa kalau dalam kawasan TNB, adalah TNB yang menyelesaikan permasalahan ini. Sepertimana ada pembaikan-pembaikan yang telah dibuat yang dijangka setengahnya hampir RM500 juta untuk membaiki infra di dalam kawasan TNB sahaja. Di luar kawasan TNB, misalnya jalan ke Jenagor sehingga ke stesen janakuasa tersebut adalah di bawah JKR dan dengar khabar telah ada peruntukan untuk memperbaiki. Tetapi

sebelah atas bukit itu yang tidak termasuk dalam kawasan jajaran JKR kepunyaan hutan simpan di bawah Jabatan Hutan, Jabatan Hutan dah tentu dia kata ini bukan kerja dia. Nak jaga kegondolan bukit tersebut. Jadi sehingga hari ini tidak ada pihak-pihak yang cuba untuk menyelesaikan masalah ini. Tambahan lagi baru-baru ini kita dapati ada punca-punca air yang baru yang kita bimbang penyerapan air daripada Kenyir *dam* ke atas bukit tersebut yang menyebabkan keselamatan kepada *dam* itu sendiri. Jadi kita berharaplah supaya pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat mengambil inisiatif yang lebih bermakna untuk menyelesaikan masalah ini kerana kita bimbang sekiranya ada apa-apa yang berlaku kepada Kenyir *dam* tersebut, orang Kuala Berang lah yang merupakan mangsa yang pertama yang terpaksa dihadapi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Kuala Berang boleh tamatkan. Saya cadang nak bagi seorang lagi.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Oh. Dua je baru. *Takpelah. So*, atas dua isu ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Dato' *Speaker* yang memberi ruang kepada saya untuk memberi ucapan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kuala Berang mohon menyokong. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Terakhir saya persilakan mana-mana Yang Berhormat. *Takdok*. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *Alhamdulillah* kita telah selesai membuat perbahasan ke atas usul menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Jadi untuk hari esok pihak Kerajaan akan membuat penggulungan ke atas perbahasan Ucapan Titah DiRaja. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan ini, sukacita dimaklumkan etika pemakaian esok Rabu, 4 Oktober 2023 adalah berbaju batik Malaysia berlengan panjang dan bagi wanita pula baju kurung batik. Ini juga dipanjangkan kepada pegawai-pegawai atau Ketua-ketua Jabatan yang turut hadir. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan persidangan hari ini sehingga ke hari esok, Rabu, 4 Oktober 2023 pukul 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita tangguhkan mesyuarat kita dengan membaca Tasbih Kaffarah dan surah Al-Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.50 PETANG

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Tengku Seri Bijaya Raja

Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Nara Setia

Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

MULA: 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula pada pagi ini. Sebelum kita menyambung persidangan Dewan pada pagi ini, marilah sama-sama kita membacakan Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Mesyuarat pada pagi ini akan diteruskan dengan soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan soalan-soalan Lisan pada hari ini 4 Oktober 2023-

- 1 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 2 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 3 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 4 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 5 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 6 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 7 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 8 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 9 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 10 Yang Berhormat Wakil Sura
- 11 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 12 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 13 Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
- 14 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 15 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 16 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 17 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 18 Yang Berhormat Wakil Manir
- 19 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal

Seperti hari kelmarin, Yang Berhormat akan diberi satu sahaja peluang untuk soalan tambahan kerana kita mempunyai masa yang sangat terhad. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Permaisuri untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya, soalan nombor 1-

Apakah prospek industri pelancongan terutamanya di kawasan persisiran pantai dan sejauh manakah rakyat Terengganu khususnya dapat mengambil peluang daripada industri tersebut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang di-Pertua, sepertimana soalan yang tertera di skrin, terima kasih kepada Permaisuri. Terengganu merupakan sebuah yang memiliki jajaran pantai terpanjang iaitu 244 kilometer dari utara Besut hingga ke selatan Kemaman dengan pelbagai keunikan dan keindahan panoramanya. Pulau dan pantai juga merupakan salah satu daripada lima kluster utama pelancongan Negeri Terengganu. Rakyat Terengganu boleh mendapat limpahan ekonomi kesan daripada kegiatan atau aktiviti pelancongan di pesisir pantai ataupun di pulau-pulau. Terutamanya melalui pemerkasaan program *Comunity Based Tourism* (CBT) dengan izin yang diusahakan oleh penduduk di pulau-pulau atau di kawasan sekitarnya, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan saya, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan awal saya merujuk kepada prospek industri pelancongan. Tetapi soalan tambahan saya ialah kita hendak tahu sejauh manakah Kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan ataupun bantuan-bantuan kepada pengusaha-pengusaha sepanjang pantai yang melibatkan pelancongan terutamanya di kawasan Setiu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih di atas soalan yang agak baik, soalan tambahan daripada Wakil Permaisuri. Sebenarnya di pantai dia melibatkan beberapa perkara yang perlu penduduk tempatan mengambil kesempatan untuk sama-sama mendapat limpahan daripada hasil alam semulajadi yang berada di Negeri Terengganu. Pantainya cantik, pulau, kita mempunyai Pulau Tenggol, Pulau Kapas, Pulau Bidong, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Perhentian Kecil dan juga Perhentian Besar. Berbalik kepada soalan yang diberikan tambahan kepada saya penglibatan yang digerakkan bersama dengan MOTAC (*Ministry Of Tourism Malaysia*). Penglibatan penduduk seperti anak muda di pesisir pantai, dicadangkan dan digerakkan diambil untuk menyertai kursus sebagai *Tour Guide*, pemandu pelancong dan juga kita menyediakan sedikit peruntukan untuk memulakan perniagaan dan juga seperti kalau di pantai kita menjual barang-barang, anting-anting daripada Pulau Kapas daripada pulau, seperti siput dan sebagainya, dan juga diberi juga kemudahan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti lain seperti ATV, kuda dan sebagainya dan kerajaan juga menyediakan sedikit peruntukan untuk

pembuatan barangan kraf atau industri hiliran untuk dijual kepada pelancong seperti batik, *keychain* dan lain- lain. Jadi pada saya penduduk tempatan perlu mengambil peluang ini supaya sama-sama kita dapat hasil limpahan alam semulajadi yang berada di negeri kita, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan Wakil Hulu Besut untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, Hulu Besut soalan nombor 1-

Alhamdulillah, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu khususnya kepada YB ADUN Jabi kerana dapat menyelesaikan masalah tanah bagi generasi kedua Felda Selasih. Soalan: Apakah tindakan dari Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyelesaikan masalah tanah bagi generasi kedua di seluruh Negeri Terengganu, terutamanya di Felda Tenang DUN Hulu Besut.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Hulu Besut. Isu tanah tapak rumah untuk generasi kedua Felda adalah isu yang telah berlanjutan sejak sekian lama. Jadi antara kesan langsungnya ialah, banyak sekolah-sekolah rendah dalam kawasan Felda berhadapan masalah kekurangan murid. Sekolah Kebangsaan Felda Selasih dalam kawasan saya yang sepatutnya boleh memuatkan lebih daripada 600 orang pelajar, sekarang ini tinggal tak sampai 100 orang disebabkan generasi kedua sudah tidak ada kehidupan dalam Felda. Masalah utamanya adalah penempatan. Sebab itulah kita melihat isu tanah tapak rumah generasi kedua Felda ini sebagai satu isu besar bagi kelangsungan generasi anak-anak peneroka dan Felda Selasih, di Jabi kita mengorak langkah ke arah ini. Tidak mudah sebenarnya untuk berhadapan dengan pelbagai karenah birokrasi bagi kita mengeluarkan menyahwartakan tanah yang telah diwartakan, di bawah Akta GSA untuk dikeluarkan dan dijadikan tanah kerajaan biasa dan seterusnya

dipecahkan lot dan dibahagikan kepada anak-anak generasi kedua. Sebab secara asasnya Felda agak berat untuk memberi persetujuan bagi proses nyahwarta ini. Pelbagai perbincangan, mesyuarat, turun padang, sesi libat urus yang kita buat sehingga akhirnya kita berjaya memaksa Felda supaya beri persetujuan dan mendapat tanda tangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu yang membenarkan tanah di kawasan Felda Selasih dinyahwarta daripada Akta GSA dan seterusnya kita pecahkan kepada lot-lot RTB dan diberi geran hak milik pada rakyat. Jadi bila dah ada satu *proceeding case* yang pertama dalam Malaysia, banyak Felda-Felda daripada seluruh negara meminta pandangan dan bantuan supaya apa yang dinikmati oleh generasi kedua Felda Selasih turut melimpah kepada mereka. Kerajaan melihat kalau kita nak selesai satu-satu secara berasingan maka dia akan jadi *berecek* kita akan buang banyak masa sebab itulah dalam mesyuarat yang pertama antara pihak EXCO Pertanian bersama dengan UPEN kita panggil sekali dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) kita telah memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Task Force bagi menyelesaikan isu tanah generasi kedua Felda yang akan melibatkan Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Daerah serta pihak pengurusan Felda daripada peringkat HQ lagi dan pihak pengurusan Felda sendiri telah menyatakan persetujuan untuk bersama dalam Jawatankuasa Task Force ini, *insya-Allah* kita nampak jalan yang akan dilalui selepas daripada ini tidaklah serumit sebagaimana yang kami pernah lalui ketika menyelesaikan kes di Felda Selasih ini, terima kasih.

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Wakil Kerajaan ada soalan tambahan dari Besut atau lain-lain kalau tidak ada, tahniah kepada Wakil Kerajaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya mendahului negeri-negeri lain dalam menyelesaikan tanah-tanah Felda untuk dijadikan tapak rumah. Saya persilakan seterusnya wakil dari Rantau Abang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang terhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan Rantau Abang soalan yang pertama-

Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan pembangunan asas di tanah-tanah rancangan tanah berkelompok (RTB) yang telah dikeluarkan Borang 5A dan telah selesai pembayaran premium tanah.

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Rantau Abang yang telah pun mengemukakan soalan berkenaan dengan perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan pembangunan asas di tanah-tanah RTB yang telah dikeluarkan Borang 5A. Untuk makluman Yang Berhormat dan semua yang hadir dalam Dewan ini, DUN Rantau Abang adalah di antara DUN yang mempunyai jumlah RTB yang agak besar iaitulah sebanyak lima belas RTB kediaman dan lima RTB pertanian dan sememang kerajaan ada menyediakan peruntukan setiap tahun bagi penyediaan pembangunan prasarana dan infrastruktur pembangunan asas secara berfasa bagi memenuhi keperluan semasa rakyat Negeri Terengganu. Sebagai contoh dalam tahun ini Kerajaan membelanjakan sekitar RM711,250.00 untuk kerja-kerja pembangunan prasarana dan infrastruktur di RTB-RTB yang telah pun disediakan ini, terima kasih.

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan daripada Rantau Abang. Dengan pelbagai kaedah untuk membangunkan kawasan-kawasan baru ini adakah pihak Kerajaan Negeri akan meneruskan pinjaman i-RAHMAN kepada mereka yang memiliki tanah sendiri ataupun yang telah menerima tanah RTB?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Rantau Abang untuk makluman Dewan juga bahawa menyediakan pinjaman i-RAHMAN ini adalah salah satu daripada manifesto yang telahpun dikemukakan oleh PAS sewaktu Pilihan Raya

Umum yang ke-14 yang lalu dan ianya telah pun dilaksanakan pada penggal yang lepas dan *insya-Allah* ia akan diteruskan lagi pada penggal semasa ini *insya-Allah*, jadi jawapan pihak Kerajaan *insya-Allah* bersedia untuk meneruskan pinjaman i-RAHMAN kepada mereka yang layak dan memerlukan, terima kasih.

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan soalan ini telah dijawab bersama soalan daripada Wakil Hulu Besut juga yang tanya berkenaan batu sempadan, Hulu Besut ada soalan tambahan? Tiada soalan tambahan daripada Hulu Besut saya persilakan Wakil daripada Wakil Batu Rakit, silakan.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang terhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum saya nyatakan soalan saya, saya minta izin sedikit untuk Peraturan Dewan. Sebenarnya banyak soalan-soalan saya ditolak sebelum ini kerana berlakunya jawapan itu perlu daripada pihak Kerajaan Persekutuan jadi dia berkait dengan Peraturan Dewan 26(6). cuma yang menarik (6) itu saya baca sedikit Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, mengikut apabila soalan yang dibuat itu kena pada apa-apa perkara yang menurut Perlembagaan Persekutuan ialah Perkara di bawah Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatannya maka bolehlah Yang di-Pertua Dewan mengikut timbangannya sama ada menolak soalan itu atau memerintah supaya dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan dan jawapannya dibentangkan atas meja dalam Mesyuarat Dewan yang akan datang, jadi saya merayulah Yang di-Pertua supaya..

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Faham, faham beginilah Wakil Batu Rakit kita ada peraturan dalam soalan-soalan. Antara soalan-soalan yang boleh ditolak ialah apabila perkara ini tidak berkenaan, berkait dengan Kerajaan Negeri berkait dengan Kerajaan Persekutuan maksud soalan ini boleh dibawa ini, maksudnya mungkin melalui Ahli Parlimen ataupun Dewan mengemukakan kepada Parlimen dan ini prosesnya Panjang. Walau bagaimanapun saya cadangkan jika Yang Berhormat ada soalan berkaitan dengan Parlimen sila majukan kepada Ahli Parlimen kawasan masing-masing. Begitu juga soalan yang ditolak kadang-kadang soalan-soalan yang terlalu

umum sukar untuk pihak Kerajaan menjawabnya jadi saya ingat untuk memendekkan masa sila Batu Rakit kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Okey, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Sejauh mana kesediaan Kerajaan Negeri untuk sediakan perumahan rakyat di tapak perumahan yang telah dicadangkan di Kampung Telaga Dua/Kubur Timah Batu Rakit?

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Silakan wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sahabat saya daripada Batu Rakit soalan Yang Berhormat seperti yang tertera di skrin berkenaan dengan kesediaan Kerajaan untuk sediakan perumahan rakyat di tapak perumahan yang telah dicadangkan di Kampung Telaga Dua ataupun Kubur Timah Batu Rakit. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Rakit Kerajaan Negeri melalui SUK Perumahan telah pun menerima Cadangan Pembangunan Perumahan Mampu Milik dan Bercampur daripada syarikat pemaju dan dalam proses untuk meneliti Laporan Cadangan Pembangunan ataupun MCP tersebut. Terdapat beberapa pindaan yang sedang diteliti MCP dalam Laporan MCP tersebut dan *insya-Allah* setelah selesai pindaan tersebut dan sesuai untuk dibangunkan satu kertas cadangan projek akan diangkat ke Mesyuarat MMKN pada tahun ini, *insya-Allah*.

TIMBALAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Solan tambahan, selepas diangkat cadangan dalam MMKN nanti anggaran berapa lama tempoh untuk projek itu dapat dimulakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Untuk makluman Yang Berhormat Batu Rakit juga bagi projek-projek Kerajaan Negeri dan Persekutuan, selepas diangkat cadangan dalam MMKN proses kelulusan kebiasaannya mengambil masa selama seminggu,

kemudian proses perolehan akan dibuat dan mengambil masa selama enam bulan, apabila perunding dan kontraktor dilantik, proses permohonan kelulusan kebenaran merancang akan dibuat kepada PBT, bagi pemaju swasta apabila keputusan MMKN diperolehi, surat tawaran akan dikemukakan kepada pemaju sebelum dimeteraikan perjanjian usahasama dengan Kerajaan Negeri dan apabila selesai proses perjanjian permohonan Kebenaran Merancang kepada PBT akan dibuat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, seterusnya saya persilakan Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina bangunan baru bagi menempatkan Mahkamah Rendah Syariah Setiu, di mana sekarang ini masih menyewa di premis perniagaan?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, terima kasih kepada ADUN Langkap yang mengemukakan soalan sebagaimana yang tertera di skrin. Memang agenda pemerkasaan syariah adalah satu agenda yang menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri dalam semua aspek termasuk aspek infra. Sekarang ini kita ada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Jadi untuk menjawab persoalan ini, ya, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina bangunan baharu Mahkamah Rendah Syariah Setiu bagi menggantikan bangunan sedia ada yang beroperasi di premis perniagaan secara sewaan.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalan tambahan, sila.

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan sayanya, kelewatan yang berlaku itu kerana tapak asalnya tidak sesuai sebagaimana yang diluluskan oleh sebelum pada inilah, cuma nak tahu kerja-kerja awal pembinaan itu akan dibuat setelah proses pewartaan tapak baharu jadi soalan saya, permohonan, bila buat permohonan untuk tapak baharu itu, sebab setakat ini seingat sayanya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah, rasa tak berbangkit lagi soal permohonan.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Ya, memang ia melalui proses-proses dan permohonan itu sudah diangkat dan sudah diluluskan *Insyallah. Alhamdulillah* pada bulan Jun yang lepas.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, dipersilakan Wakil Air Putih untuk mengemukakan soalan. Sila, takde soalan? Ya, ya soalan ditolak. Seterusnya dipersilakan Wakil daripada Telemong untuk mengemukakan soalan, Wakil Air Putih soalan dia kena tolak.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan saya yang pertama-

Nyatakan jumlah kehadiran pelancong ke Tasik Kenyir beberapa tahun kebelakangan ini. Apakah usaha-usaha terkini yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menarik ramai pelancong hadir ke sini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Telemong. Hari ini bukan soal gajahlah, soalan ini.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Hari ini hal pelancongan ni.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Hal pelancongan harini.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Tapi gajah juga ada dalam pelancongan Negeri Terengganu ni.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Lari sikit harini, sepertimana yang tertera dalam skrin.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Cari pasal Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Jumlah kedatangan pelancong di Tasik Kenyir adalah seperti berikut. Kita ambil daripada tahun 2019 hingga 2023.

Data Pelancong ke Tasik Kenyir				
2019	2020	2021	2022	2023
607,398 orang	208,097 orang	207,969 orang	246,896 orang	141,487 orang

Di antara usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong hadir ke Tasik Kenyir adalah seperti berikut:

1. Mempromosikan Tasik Kenyir sebagai destinasi eko-pelancongan wajib dikunjungi oleh semua platform promosi media massa, media sosial, *travel fair* dalam dan luar negara.
2. Menggalakkan pemain industri di Kenyir untuk merangka pakej-pakej pelancongan yang dapat menarik pengunjung.
3. Menjenamakan promosi kluster utama iaitu Tasik Kenyir kepada Geopark Kenyir, ni *hok* baharu ni Yang Berhormat, setelah Kenyir mendapat pengiktirafan sebagai tapak geopark secara rasminya pada 30 Mei 2023 dan;
4. Penganjuran acara yang dapat menarik minat pengunjung sekali gus mampu memberi impak peningkatan sosio ekonomi kepada penduduk kepada setempat.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Terima kasih Wakil Kijal atas jawapan yang diberi tadi. Jadi saya ingin menyatakan di sini bahawa Tasik Kenyir ini adalah merupakan tasik yang besar, luas kalau orang-orang nak tahu, luar Tasik Kenyir ini lebih kurang 1 Negeri Melaka, Tasik Kenyir sahaja tak masuk lagi yang empangan kedua itu, luas. Makna kita dah rakyat Hulu Terengganu telah berkorban lebih kurang besar Kuala Terengganu.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Jangan panjang-panjang sangat, kena soalan tambahan tu apa benda.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Saya nak beritahu sikit Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, cuma saya lihat tadi yang angka yang diberi oleh Wakil Kijal tadi berlaku penurunan yang ketara. Pelancong hadir kalau kita lihat yang terakhir paling ramai 607,000, tahun 2019, 2023 ni baru 141,000. Maknanya berlaku penurunan yang sangat ketara kata, telah dikatakan dulu bahawa kedatangan pelancong ke Kenyir ini mencecah 800,000 jadi makin maju kita ini makin kurang pelancong yang datang jadi ini kerana Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita rakyat Hulu Terengganu sangat mengharapkan kedatangan pelancong yang ramai di sini di antara perkara-perkara yang boleh membantu merancakkan ekonomi rakyat Hulu Terengganu. Jadi kita harap Kerajaan mengambil langkah yang agak serius kerana sebelum ini difahamkan kononnya di Hulu Terengganu ini telah diisytiharkan Tasik Kenyir khususnya diisytiharkan dulu kawasan sebagai pintu masuk Terengganu, dulu diwar-warkan dulu. Kemudian, selepas itu kita dengar kita semua tahu Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan Kenyir ini kawasan..

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalannya Yang Berhormat? Soalannya..

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Sikit lagi

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalannya sebab kekurangan bilangan pelancong ke sebab apa benda ini

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Nak tahu sikit lagi, sikit lagi Yang BERTHORMAT Timbalan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan Kenyir kawasan bebas cukai, *duty free*, kemudian baru-baru ini ada Geopark pula, jadi macam-macam program Kerajaan buat jadi tak menjejak, soalan saya ialah

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ini yang saya nak ni

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Soalan saya ialah saya nak tahu berapa Kerajaan dah habis belanja untuk membina kononnya Kawasan Kenyir ini sebagai kawasan bebas cukai, berapa belanja telah dihabis? Telah diperuntukkan dan apa hasilnya hari ini? Terima kasih Yang BERTHORMAT Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih atas soalan tambahan, saya *dok* tahu Wakil Kerajaan boleh jawab ataupun perlu notis kerana jumlah berapa ini mungkin perlu pada rujukan dan *details* sikit, sila Wakil Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang BERTHORMAT Timbalan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak soalan dia itu, soalan yang pertama *hok* saya dapat tangkap *bakpe* dia kata, *bakpe* penurunan kehadiran pelancong daripada tahun 2019 hingga 2020 sehingga 2022. Jadi saya nak beritahu..

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: 2022 mungkin Covid, 2023..

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): (ketawa) Dato' *Speaker* nak jawab ke saya nak jawab?

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: 2019, betul 2019 600,000, 800,000 lebih. Sila.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Jadi Covid 19 tu bermaknanya 2019 kita dilanda satu wabak yang agak luar biasa. Sebab tu dia jadi gitu, jadi turun. Jadi pada tahun 2022, dia ada sedikit peningkatan, maknanya pasca Covid, Yang BERTHORMAT dan tahun 2023 sehingga Julai kita

nampak ada peningkatan, 141. Maksudnya kita satu, dua, tiga, empat, enam bulan lagi dan saya jangka dia akan meningkat. Jadi, sebenarnya di Tasik Kenyir ini banyak peluang yang kita dapat lihat dan telah disempurnakan oleh majoritinya orang Hulu Terengganu sepertimana pembinaan *houseboat*. Kalau tengok hari ini *houseboat* dah berskala besar Timbalan Yang di-Pertua. *Houseboat* dah sampai dua hari satu malam mencecah sehingga RM15,000.00 dua hari satu malam dan di sana juga kita mempunyai Santuari Kelah, *hok* tempat berkumpulnya ikan kelah. Ini di negara lain saya rasa tiada dalam dunia ni kecuali di Tasik Kenyir dan kita juga mempunyai Pulau Herba. Beratus herba macam-macam jenis herba ada dan kita mempunyai Pulau Orkid. Maknanya kalau peminat orkid dia akan pergi khusus untuk Pulau Orkid sahaja. Maknanya *day trip*, pergi pagi balik petang naik bot dan bot itu adalah pengusaha daripada Hulu Terengganu dan kita mempunyai Air Terjun Lasir, Sauk. Walaupun pulau di Tasik Kenyir adalah pulau buatan manusia tetapi ada air terjun dan kita mempunyai rumah rakit. Ada rumah rakit di Tasik Kenyir yang berlesen dan tempat-tempat yang memancing. Sebagai contoh, kita dah nak masuk di musim tengkujuh ni. Kalau dulu di musim tengkujuh persepsinya tak boleh turun ke Terengganu. Pasal apa? Pasal angin kuat. Angin kencang tak boleh pergi ke laut. Itu di laut. Sekarang kita *promote* Tasik Kenyir. Orang Tasik Kenyir kata, kalau musim hujan Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, ikan dia semakin galak. Maksudnya, pemain-pemain pemancing-pemancing ini dia memang suka ke Tasik Kenyir dan ini merupakan satu limpahan pendapatan kepada orang Tasik Kenyir terutamanya orang Hulu Terengganu.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ha.. Soalan tambahan. Celah sikit

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Tak habis lagi ni..

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Timbalan Yang di-Pertua..

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Saya nampak jawapan ni panjang. Jadi saya nak minta Wakil Kerajaan pendekkan jawapan dan minta sebab ini juga wakil daripada Daerah Hulu Terengganu, saya bagi satu soalan. Pendek ya. Sila.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, saya nak tahu juga, ada satu peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hutan, tidak boleh masuk ke kawasan Kenyir pada musim hujan kerana dibimbangi ada terjahan air terjun dan sebagainya. *So*, itu jadi seolah-olah kurang tepat sikit/*ah*. Apabila berlaku musim tengkujuh di laut, suruh datang ke sungai sedangkan ada peraturan. Tidak menghalang untuk ke sungai-sungai di Kenyir.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya rasa jelas soalan tu. Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Saya jawab dulu/*ah* soalan Kuala Berang. Dia sebenar tu peraturan yang memberi kita supaya berhati-hati. Tapi dalam isu memancing, dia memang kalau musim hujan, ikan dia semakin banyak Yang Berhormat Kuala Berang. Soal kita nak pergi memancing atau taknak pergi memancing, itu soal kita. Sama juga di laut, Kerajaan tidak pernah memberi arahan supaya tutup *bisnes* semasa musim tengkujuh tetapi pengusaha sendiri yang menutup *bisnes* kerana kekurangan kehadiran pelancong. Sama juga di Tasik Kenyir dan saya berkata sedemikian kerana saya juga bekas Pengerusi KETENGAH dan saya tengok kehadiran semasa musim tengkujuh ni agak ramai tetapi tertumpu kepada kaki pancing yang *tough* yang *fit* yang boleh masuk ke tempat-tempat yang kita benarkan. Jadi untuk yang data yang angka berapa jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk Tasik Kenyir, saya rasa saya kena bagi jawapan secara bertulis.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Wakil Kijal, saya..

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Cukup *dah* tu.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Perancangan kawasan *duty free*, bebas cukai tu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Saya bagi jawapan bertulis.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Telemong, soalan kita hadkan untuk satu sahaja, *ni* pun saya dah bagi dua kerana memandangkan orang Kuala Berang juga yang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Boleh saya bagi jawapan bertulis? Jumlah saya nak bagi secara..

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Yang tu kita.. Sebab tu saya kata, soalan-soalan yang memerlukan kepada angka yang *detail*, tepat ini tidak sesuai dikemukakan sewaktu soalan lisan lebih-lebih lagi dalam soalan tambahan kerana Wakil Kerajaan kena cari angka yang tepat. Kalau jawab tidak tepat nanti tidak sesuai dengan Dewan kita yang mulia ini. Terima kasih wakil kerajaan. Seterusnya saya persilakan wakil Kuala Besut untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Timbalan *Speaker*. Soalan saya soalan satu-

Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah perparitan yang berpanjangan di DUN Kuala Besut?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan. Ini berkaitan dengan perumahan ke apa?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Wakil Kuala Besut, soalannya ialah? Ditujukan kepada wakil perumahan. Sila Wakil Kuala Besut bacakan soalan. Minta Wakil Kuala Besut bacakan soalan dia. Soalan nombor satu tu.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan (diam)

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Aik?* soalan sendiri pun tak tahu ni. Soalan nombor 1

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah perparitan yang berpanjangan di DUN Kuala Besut?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalan ni umum ni. DUN Kuala Besut tu besar. Perparitan tu saya tidak tahu ada berapa parit di Kuala Besut. Tapi ada Wakil Kerajaan nak jawab. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Kuala Besut. Jawapannya tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah perparitan di Besut melalui Majlis Daerah Besut telah membuat perancangan bagi merangka *master plan* perparitan seluruh kawasan Besut dan telah memohon peruntukan dalam RMK-12 RP4 sebagai panduan rekabentuk bagi semua agensi teknikal yang berkaitan seperti MDB, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah Besut, JPP dan lain-lain. Sekiranya *master* ini diluluskan ataupun peruntukan yang diperolehi, masalah perparitan bukan sahaja di Kuala Besut, malah seluruh Besut akan dapat ditangani dengan cepat dan efisien.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila kalau ada soalan tambahan. Kalau tak ada, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Wakil Bukit Besi untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Yang di-Pertua, barisan EXCO, Ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir. Saya soalan nombor tiga. *Insyallah*.

Apakah status tapak taman tema di susur keluar Tol Bukit Besi dan apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan kawasan tersebut.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalan nombor tiga, dipersilakan Wakil Chukai. Soalan nombor tiga ye?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Tiga, tiga.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Wakil Chukai. Sila. Kalau soalan nombor 1, Wakil Kijal. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada Bukit Besi. Timbalan Yang di-Pertua, apakah status tapak taman tema di susur keluar tol Bukit Besi? Dan apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan kawasan tersebut? Jawapannya, status tapak masih lagi untuk cadangan membina sebuah bandar era 60-an dan taman tema air sebagai pusat pelancongan kawasan bersejarah Bukit Besi. Bagi perancangan membangunkan kawasan tersebut, Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan bagi membina sebuah kolej berdasarkan keputusan MMKN kali ke-10 tahun 2020 dan kedudukan kewangan semasa melalui libat urus pihak-pihak yang berkepentingan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Silakan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Kawasan itu *doh* kalau kita perhatikan, kawasan tu *doh* lama sangatkan dia punya... *sodok* lama *doh* lebih daripada 10 tahun *doh*. Bila dijangka kalau kolej ke kalau... dia dicadangkan untuk penempatan cadangan seperti itu, sebelah tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada Bukit Besi. Pembangunan kawasan berkenaan tertangguh apabila

keputusan MMKN kali ke-10 tahun 2020 memutuskan untuk UPEN menyemak dan mengkaji semula pelaksanaan projek tersebut kepada sebuah kolej. Berdasarkan kepada nasihat perundangan, pelaksanaan cadangan asal masih terikat dengan kontrak kerana lantikan telah pun dibuat dan terdapat implikasi perundangan dan kewangan kepada Kerajaan sekiranya penamatan dibuat dengan ketiadaan kuasa dan keingkarannya di pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah pun membuat permohonan serta bersetuju untuk penamatan bersama dan ianya dalam proses rundingan. Sebarang pembangunan di tapak berkenaan hanya dapat dilaksanakan selepas perjanjian tambahan penamatan bersama dimuktamadkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Wakil daripada Sura untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Yang di-Pertua, Sura, soalan nombor 1-

Apakah standard pemakaian menutup aurat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri pada setiap acara sukan dan juga program-program yang dilaksanakan oleh badan-badan NGO di dalam Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Wakil Sura yang telah mengemukakan soalan berkenaan dengan *standard* pemakaian menutup aurat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri pada setiap acara sukan dan juga program-program yang dilaksanakan oleh badan-badan NGO dalam Negeri Terengganu. Untuk maklumat Wakil Sura, Kerajaan Negeri sangat serius dalam melaksanakan dasar sukan patuh syariah termasuklah pakaian menutup aurat dalam ruang lingkup kuasa yang ada walaupun berdepan kekangan terutama perkara yang

melibatkan peraturan dan undang-undang sukan antarabangsa yang sebahagiannya tidak mesra syariah. Dalam erti kata yang lain, pendekatan yang konsep berpakaian mesra syariah pun tidak mampu dilunaskan oleh badan-badan ataupun undang-undang sukan antarabangsa ini maka apatah lagi berkenaan dengan pakaian patuh syariah.


Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2020 telah mengeluarkan Dokumen Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu yang dilancarkan pada 12 Mac 2020. Garis panduan ini telah pun diedarkan kepada semua pemegang taruh bagi memastikan sebarang pelaksanaan aktiviti berkaitan dibuat mengikut ketetapan oleh Kerajaan Negeri dan boleh juga didapati di laman sesawang rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Garis panduan yang dibina berkaitan standard pemakaian seperti yang saya nyatakan ini:

Pertama Atlet iaitu peserta atau pemain yang bergiat dalam apa jua bidang sukan ini atau ahli sukan.

- i) Atlet yang beragama Islam hendaklah berpakaian yang ditetapkan oleh syarak seperti menutup aurat, sopan dan bersesuaian dengan sukan yang diceburi.
- ii) Atlet bukan beragama Islam disyorkan berpakaian sopan dengan maksud tidak terlalu ketat, singkat atau jarang.

Manakala jurulatih juga mengikut garis panduan sepertimana atlet yang saya nyatakan sebentar tadi. Meskipun demikian, kita terpaksa memperakui bahawa *enforcement*, dengan izin, bukanlah satu-satunya kunci untuk kita mencapai sesuatu kejayaan. Agenda yang kita terapkan adalah dalam bentuk memberikan suatu penerapan pendidikan dan kesedaran kepada semua atlet dan juga penggiat sukan. Sebab itu kami teringat dengan kisah yang berlaku pada Umar bin Abdul Aziz bersama dengan anaknya, Abdul Malik yang pada waktu itu menggesa kepada Umar bin Abdul Aziz supaya melaksanakan seberapa segera apa yang telah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* walaupun berdepan dengan kemiskinan dan seumpamanya. Pada waktu itu dijawab oleh Umar bin Abdul Aziz:



Kata Umar bin Abdul Aziz kepada anaknya, "*jangan gopoh wahai anak kesayanganku. Allah mengharamkan, mencela arak dalam Al-Quran dua kali dan mengharamkan pada kali yang ketiga. Aku bimbang untuk membawa kebenaran kepada manusia secara sekali gus lalu mereka juga meninggalkan secara sekali gus.*"

Siapa yang membawa fitnah pada waktu itu? Maka oleh kerana itu, dengan semangat-semangat seperti ini, kami akan berusaha sebaik yang mungkin untuk memastikan semua atlet dan juga pemegang taruh dalam sukan Negeri Terengganu diberikan pendidikan dan diberikan pembangunan untuk mereka memiliki kesedaran dalam mematuhi syariah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan. Saya rasa jawapan itu jelas. Ada soalan lagi Sura?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Ada, ada soalan tambahan kerana apabila kita melihat mengenai pembangunan sukan dan pembangunan belia, atlet-atlet ini dia akan menjadi satu *role model* pada golongan belia bila mana dia turun ke masyarakat dia ataupun turun ke kampung dia. Dan sebab itu kalau kita tengok bila mana kita panggil atlet ini untuk buat satu-satu latihan, dia memakan masa yang lama dan kita ada peluang untuk kita memberikan pendidikan dan membentuk atlet menjadi *role model*. Jadi soalan saya adalah bagaimana atau apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh peringkat negeri supaya pembentuk *role model* ini atlet itu sebagai *role model* yang boleh membentuk dan menjadi contoh kepada belia-belia kita yang ada di luar. Itu soalan tambahan daripada saya.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Wakil Kerajaan dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Wakil Sura yang sangat prihatin terhadap perkembangan sukan supaya mengikuti lunas-lunas syariah. Pihak Kerajaan sedar tanggungjawab ini dan pada penggal yang lalu pihak Kerajaan telah melantik Dato' Mufti Negeri Terengganu berada dalam Jawatankuasa Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu untuk memantau secara langsung dan memberikan nasihat berkaitan dengan hal-hal seperti ini. Pejabat Mufti juga telah memberi mengambil tindakan proaktif dalam membentangkan garis panduan sukan menurut Islam kepada Jawatankuasa Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu pada 5 Ogos 2019 yang menerangkan secara terperinci pakaian yang disyorkan bagi setiap sukan serta batasan aurat bagi atlet lelaki dan wanita. Di Majlis Sukan Negeri Terengganu sendiri seorang kakitangan khusus yang digelar sebagai Pegawai Agama bertindak sebagai Jurulatih Kerohanian melaksanakan berbagai-bagai program bagi memberikan pendidikan dan kesedaran tentang hukum hakam serta amalan syariat dalam kalangan atlet, jurulatih dan juga pihak pengurusan. Kerajaan Negeri telah ambil keputusan dalam perkara-perkara yang tidak ada kompromi sebagai satu contoh tidak menyertai acara gimnastik wanita dan gimrama pada SUKMA 2022 disebabkan faktornya adalah pakaian. Berbalik kepada perkara yang disebut oleh Wakil Sura sebentar tadi, saya memberikan beberapa contoh umpamanya atlet Negeri Terengganu seperti Azreen Nabila yang telah diundang untuk menyertai Sukan Temasya Olimpik secara *wild card* pada musim yang lalu. Beliau mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat EXCO di sebelah kiri saya pada waktu itu kerana diminta oleh pengurusan tertinggi supaya tidak memakai pakaian tidak bertudung atau seumpamanya. Tetapi dengan pandangan yang diberikan oleh kita, atlet seperti ini terus mengekalkan pakaian dan mempamerkan satu model yang cukup baik untuk dipamerkan kepada atlet-atlet yang berada di peringkat sekolah dan seumpamanya. Saya yakin dan percaya untuk kita lahirkan keseluruhan agak sukar tetapi *insya-Allah* kita bergerak untuk melahirkan model-model seperti Azreen Nabila dan juga atlet-atlet yang sangat berkualiti dalam meraih kejuaraan tetapi juga mesra dan juga patuh syariah, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya, saya mempersilakan Wakil Bandar. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

“Belia Rabbani Terengganu” yang bermasyarakat dan berkepimpinan disebut bawah Teras Strategik 8 PITAS 2030. Bagaimana pihak Kerajaan melihat peranan yang dimainkan oleh NGO serta sukan dalam melahirkan belia yang bermasyarakat dan berkepimpinan?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan. Ini juga berkaitan dengan Belia dan Sukan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Wakil Bandar yang telah mengemukakan soalan berkenaan "Belia Rabbani Terengganu" yang bermasyarakat dan berkepimpinan disebut di bawah Pelan Strategik (PITAS 2030). Jadi bagaimanakah pihak Kerajaan melihat peranan yang dimainkan oleh NGO serta sukan dalam melahirkan belia yang bermasyarakat dan berkepimpinan.

Untuk maklumat Wakil Bandar, antara peranan yang dimainkan oleh NGO serta sukan dalam melahirkan belia yang bermasyarakat dan berkepimpinan yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri adalah melahirkan belia yang berjiwa sukarelawan melalui badan NGO. Yang kedua, menubuhkan Anjung NGO Terengganu Sejahtera dengan penglibatan golongan belia untuk menggunakan fasiliti berkenaan. Untuk maklumat, Anjung NGO Terengganu Sejahtera ini berada di Kompleks Usahawan, Kubang Jela. Yang ketiga, mengadakan *townhall* atau kursus NGO dengan penglibatan golongan belia. Yang keempat, mengadakan kursus kerohanian kepada atlet. Yang kelima, melibatkan atlet di dalam program-program sukarelawan termasuk program pasca banjir. Yang keenam, melibatkan atlet dalam program kebajikan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu dan sebenarnya masih banyak perkara-perkara yang kita anjurkan untuk mencapai objektif yang telah digariskan dalam PITAS 2030. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Silakan jika ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Merujuk kepada jawapan daripada YB EXCO, saya tertarik dengan yang pertama iaitu melahirkan belia dan yang berjiwa sukarelawan. Boleh Yang Berhormat EXCO terangkan sikit, apakah dan bagaimanakah cara untuk melahirkan belia yang bersifat dengan sifat bersukarelawan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Wakil Bandar yang berhasrat untuk mengikuti apakah agenda melahirkan belia berjiwa sukarelawan.

Untuk makluman sidang mesyuarat, NGO telah berperanan dalam melahirkan belia yang berjiwa sukarelawan. Perkara ini kita dapat lihat dalam siri-siri agenda sukarelawan yang telah dilaksanakan antaranya adalah Misi Banjir Temerloh, Misi Banjir Hulu Terengganu dan "Kempen Terengganu Comey 2023". Penglibatan belia dalam misi-misi ini sangat memuaskan dan sangat memberangsangkan. Walaupun mereka perlu mengorbankan masa dan tenaga untuk membantu mangsa banjir, demi memastikan hubungan dan komitmen para sukarelawan berterusan, T-VOLT menjadi satu medium bagi mengekalkan hubungan baik antara Kerajaan dan sukarelawan. Antara contoh-contoh siri program yang telah melibatkan sukarelawan-

- **T-VOLT**

Sukarelawan Terengganu yang merupakan sebuah badan sukarelawan yang bernaung di bawah Urus Setia Belia, Sukan & NGO (UBSNT). Kewujudan sukarelawan T-VOLT telah memberi peluang kepada belia Terengganu melibatkan diri dalam masyarakat, memperkasakan agenda melalui operasi bantuan pasca banjir, derma darah, aktiviti kemasyarakatan untuk membersihkan pantai. Setakat ini, seramai hampir 1924 orang telah berdaftar sebagai sukarelawan T-VOLT.

- **MISI BANJIR TEMERLOH**

Misi bantuan pasca banjir yang dijalankan pada tahun 2021. Dalam misi ini, seramai 676 orang sukarelawan iaitu 476 orang lelaki dan 200 orang

perempuan telah melibatkan diri. Dalam misi ini, sukarelawan telah membantu dari segi penyediaan makanan iaitu Dapur Rakyat serta operasi pembersihan rumah-rumah mangsa.

- **MISI BANJIR HULU TERENGGANU**

Misi Banjir Hulu Terengganu dijalankan bagi membersihkan kawasan rumah yang telah ditenggelami air. Dalam misi ini, seramai 595 orang sukarelawan telah melibatkan diri.

- **KEMPEN TERENGGANU COMEY 2023**

"Kempen Terengganu Comey 2023" berkonsepkan gotong-royong, memberikan fokus kepada pantai dan juga sungai. Program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada orang awam, penduduk sekitar dan juga pengunjung.

Alhamdulillah, ke semua agenda-agenda ini telah berjaya melahirkan belia berjiwa sukarelawan dan *insya-Allah* pada tahun ini kita akan terus memperkasakan lagi agenda ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan. Kita ada sedikit masa lagi sebelum kita berehat dan sambung semula mesyuarat kita pada pukul 11.00. Jadi, untuk soalan yang terakhir saya persilakan Wakil Jertih untuk mengemukakan.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan Jertih soalan nombor 1-

Mohon penceramahan berkaitan usaha pemberdayaan sumber pelancongan berorientasikan sejarah negeri ini, seperti makam Sheikh Muhammad Sharif Albaghdadi, rumah asal Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan. *Mi* berkaitan dengan pelancongan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih Wakil Jertih soalan seperti yang tertera. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memperkasakan lagi industri pelancongan Islam di negeri ini dengan menjejak kembali peninggalan sejarah ulama-ulama Islam termasuk yang terdapat di sekitar Sungai Terengganu dan Kuala Nerus. Merujuk kepada Makam Sharif Muhammad Al-Baghdadi di Jenagor, Hulu Terengganu, makam ini terletak di atas tanah milikan yakni persendirian dan terikat dengan peraturan pemiliknya. Sebelum ini, pihak muzium Negeri Terengganu telah beberapa kali membuat lawatan penyelidikan ke lokasi berkenaan dan sememangnya makam ini mempunyai potensi sebagai salah satu produk pelancongan Islam yang berunsurkan sejarah dan tokoh tempatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ada pakej jawapan yang tidak sempurna pada soalan saya berkaitan dengan usaha untuk memulihara dengan izin *preservation* memulihara rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong kerana membezakan Tuan Guru dengan ulama lain kerana beliau meninggal di Mekah kerana kesan hukuman penjajah British pada tahun 1929, meninggal disana. Maka, sukar untuk masyarakat menziarahi kesan sejarah Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong di Tok Ku Pulau Manis, Tok Ku Paloh, Syed Saggaf. Jadi soalan saya, macam mana usaha untuk memulihara, *preserve*?

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan. Saya fikir soalan ini bagaimana nak memulihara makam-makam.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Memulihara rumah asal Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong. Dua soalan yang saya tanya secara lisan. Rumah ini berada di Kampung Beladau.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Okey, okey. Silakan Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih, saya kena teliti jawapan *ni* dan *insya-Allah* saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Berhormat sekalian...

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Boleh Kuala Berang tambah satu soalan lagi.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ketua-ketua Jabatan, Para Pemerhati...

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ada satu minit lagi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan penting juga ni.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *[ketawa]* Okeylah soalan yang terakhir tapi saya nak minta supaya ringkas dan juga tiada soalan tambahan *dah*. Dan, Wakil Kerajaan saya minta jawab seringkas yang mungkin. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya ada tiga iaitu yang tu yang nak tanya *tu*. Dua ditolak iaitu 23.1.1 tu tolak warna merah, 23.3.1 tu tolak warna hitam...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Jadi teruskan kepada soalan nombor dua, hak ditolak.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ada satu merah, ada satu hitam. *[ketawa]*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sama saya rasa. Yang Berhormat pernah duduk dalam Kerajaan dulu, saya rasa Yang Berhormat dah maklum *tu*. Nanti saya jawab macam Kijal jawab *mareng* apa macam Cukai

jawab tak kena pulak. Jadi silakan terus kepada soalan dan saya nak mintak wakil Kerajaan jawab dengan ringkas.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan saya nombor dua.

Bilakah Program Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera (LMTS) yang telah diluluskan pada sesi yang lalu akan dilancarkan kembali?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Silakan Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Wakil Kuala Berang. Kuat *ngosek lening*. [*ketawa*] Soalan berkenaan dengan Program Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera yang telah diluluskan pada sesi yang lalu. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Program Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera yang telah diluluskan pada sesi yang lalu dijangka akan dilancarkan kembali pada penghujung bulan ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Tadi saya sebut *tak dok* soalan tambahan *dah*. Kita akan rehat seketika dan kita akan sambung semula selepas ini dalam pukul 11.00. Jadi Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para-para pemerhati sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan *insya-Allah* akan disambung semula jam 11.00 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.33 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Mesyuarat pagi ini kita akan teruskan dengan penggulungan bagi perbahasan ke atas Titah Ucapan DiRaja. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat EXCO bagi menggulung bahasan pada pagi ini, sebagai ingatan kepada kita semua, saya mengharapkan agar kita dapat menepati masa sebaik mungkin dalam Persidangan-persidangan yang akan datang sebagaimana *العصر* yang kita baca, *insya-Allah*.

Jadi saya teruskan Persidangan ini dengan saya mempersilakan Wakil Kota Putera untuk memulakan sesi penggulungan pada pagi ini. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين ولا عدوان الا على الظالمين والصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang dihormati dan dikasihi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang dihormati lagi dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, wakil-wakil media seterusnya pemerhati sidang hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk memulakan sesi penggulungan Perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-marhum Sultan Mahmud Al-Mukhtafi Billah Shah yang telah disempurnakan pada 1 Oktober yang lepas. *Alhamdulillah*, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita masih lagi diberikan rezeki dan kesempatan untuk terus berada di atas muka bumi Allah ini dengan mengecapi nikmat-nikmat yang ada pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini, kita sama-sama menunaikan tanggungjawab kita sebagai Wakil-wakil

Rakyat dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Mudah-mudahan kehadiran kita di dalam Sidang Dun pada kali ini dijadikan amal soleh di akhirat nanti *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan khususnya yang telah menyentuh portfolio saya. Yang pertamanya Yang Berhormat Manir ada membangkitkan mengenai hasil kedatangan pelabur, apakah perkara lain yang diperolehi selain daripada hasil premium tanah yang kita perolehi? Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, Kerajaan sedar perkara ini berlaku dan *insya-Allah* pendekatan yang telah dan akan dilakukan adalah satu pendekatan ataupun *approach* dengan izin yang akan diambil iaitu cuba kita berada dalam pengoperasian pelaburan itu sendiri. Contohnya pihak Kerajaan cuba berada di dalam pengoperasian untuk mendapatkan hasil selain daripada hasil premium tanah sahaja. Cuma perkara ini perlu diteliti supaya tidak melibatkan kerugian pihak Kerajaan di masa akan datang contohnya apabila saham-saham yang ditawarkan kepada pihak Kerajaan yang diwakili oleh anak-anak syarikat yang betul-betul berdaya saing dan boleh memberikan keuntungan kepada Kerajaan sendiri. Kita tidak mahu apabila kita terlibat dalam pengoperasian atau tujuan untuk kita mendapat kelebihan, keuntungan tetapi dalam masa yang sama akan melibatkan kerugian apabila pengoperasian pelaburan itu tidak berjaya. Tapi perkara ini *insya-Allah* akan diteliti oleh agensi-agensi yang ada bagi memastikan kedudukan cadangan itu untuk memberi keuntungan kepada pihak Kerajaan.

Yang keduanya adalah apabila kita juga ingin menekankan supaya di dalam pelaburan-pelaburan yang datang ke negeri kita ini ditekankan adalah berkenaan dengan sumber manusia di dalam pengoperasian itu, perlu ditekankan untuk diambil anak-anak tempatan Terengganu khususnya bagi pengoperasian mereka. Itu menjadikan suatu kelebihan kepada kita, anak-anak Terengganu dapat menikmati hasil daripada pelaburan yang datang ke negeri kita dan *alhamdulillah* setakat hari ini beberapa syarikat yang telah datang kepada kita boleh bekerja, boleh menerima cadangan kita tersebut tetapi satu tugas kita selanjutnya adalah memastikan kita boleh mengadakan permintaan tenaga kerja tersebut. Contohnya dalam bidang-bidang tertentu yang dikehendaki oleh pihak pelabur, kita haruslah menyediakan tenaga kerja kita sesuai dengan apa yang dikehendaki. Inilah saya mengharapkan juga kalau

sebelum daripada ini THRDC anak syarikat kita dalam bidang Sumber Manusia boleh memainkan peranan lebih aktif lagi bagi mendapatkan maklumat awal daripada pelabur-pelabur apakah profesionalisme yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat yang melabur ini untuk kita sediakan tenaga kerja itu. Jadi itu antara limpahan-limpahan kebaikan yang diperolehi oleh Kerajaan dan Negeri Terengganu dan satu lagi mengikut pandangan yang kita rancang adalah juga meminta kepada syarikat-syarikat yang mengoperasikan perniagaan mereka di dalam negeri kita ini memberi peluang kepada contohnya pembekal-pembekal barangan asas itu juga datang daripada rakyat Negeri Terengganu. Contohnya makanan-makanan ataupun peralatan pejabat diambil oleh kepada rakyat usahawan-usahawan kecil kita. Ini beberapa langkah yang kita boleh melihat selain daripada kita mendapat keuntungan daripada premium tanah, kita juga mengambil langkah beberapa yang saya sebutkan tadi, untuk memastikan kita dapat limpahan ataupun kenikmatan daripada kedatangan pelabur itu. Itu saya respon kepada apa yang dibangkitkan oleh YB Manir.

Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kertih, bertanya berkenaan dengan *Kertih Technology Industrial Park* KTIP, yang perlu dibesarkan fungsinya merangkumi perusahaan mikro kecil dan sederhana yang disebutkan semalam. Terima kasih kepada Wakil Kemasik, cuma untuk makluman Yang Berhormat, KTIP ini telah digazetkan sebagai kawasan industri petrokimia ataupun petrokimia hiliran dan tiada pula komersial bagi menempatkan perusahaan mikro kecil dan sederhana. Ini kalau nak mendapatkan roh permintaan cadangan daripada YB Kemasik untuk menempatkan perusahaan-perusahaan PMKS di dalam situ. Cuma apabila kita mengetengahkan beberapa langkah yang saya sebutkan tadi, tidak menuntut sepenuhnya kepada usahawan-usahawan kita bagi mendapatkan limpahan daripada perusahaan petrokimia ataupun petrokimia hiliran itu untuk dapat limpahan kepada usahawan-usahawan kita.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Dato' Yang di-Pertua, mohon celah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Sila..

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Putera, suasana yang

berlaku di Kemasik khususnya berkenaan dengan kawasan perindustrian, keseluruhan empat kawasan perindustrian termasuklah KTIP, keseluruhannya banyak kepada industri-industri *heavy, heavy industry* ataupun industri sederhana dan tinggilah, menyebabkan para PMKS orang Terengganu kate *tak dok tempat nok sewa kedai, nok wat bengkel dan sebagainya*, yang ada hanya dalam ingatan saya ataupun dalam rekod saya hanya ada empat deretan kedai daripada MARA dua, dan daripada Majlis Perbandaran dua, yang itu dah rasanyan dah hampir 30 tahun lepas pembangunannya. Justeru, usahawan-usahawan PMKS dia tidak pergi ke labuhan, dia tidak pergi ke kawasan perindustrian *petrochemical* dan seterusnya kerana dia khusus untuk usahawan-usahawan ataupun industri yang besarlah.

والله أعلم

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih YB Kemasik, ya betul tapi apabila YB sebut berkenaan dengan KTIP, itu respon yang kita ada kerana kawasan itu telah pun digazetkan untuk petrokimia dan petrokimia hiliran cuma bagi PMKS ada kawasan-kawasan yang kita sediakan, antaranya di tiga kawasan yang ada antaranya kawasan industri Jakar, Cheneh dan Mak Lagam di Kemaman yang telah digazetkan sebagai kawasan industri IKS ataupun PMKS mungkin kita boleh lihat ke arah itulah apabila satu-satu itu telah digazetkan agak sukar untuk kita memasukkan PMKS di tempat-tempat sedemikian kerana industri-industri ini dia buat kursus tu satu kerana jauh, jauh daripada penempatan, agak jauh untuk mengelakkan daripada kacau ganggu kepada penduduk-penduduk.

Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya menjawab dalam persoalan semalam berkenaan dengan tumpuan Kerajaan dalam menaiktarafkan tempat-tempat ataupun kawasan industri di Negeri Terengganu ini, kita melalui UPEN Terengganu telah memperuntukkan sebanyak 3.1 juta pada tahun 2023 ini bagi pembangunan kawasan industri di Negeri Terengganu, difokuskan di kawasan industri di daerah Kemaman, Dungun dan Marang.

Selain itu PMINT juga mendapat peruntukan tahun ini daripada MIDA untuk menaiktarafkan infra asas kawasan integrasi sedia ada iaitu kawasan perindustrian Gong Badak di Kuala Nerus berjumlah 4.3 Juta Ringgit. Pada tahun ini juga, PMINT sedang menjalankan projek peruntukan daripada

Kementerian Ekonomi untuk menaiktaraf infra di kawasan perindustrian Gong Badak Besut, yang berjumlah 15.5 Juta ringgit. Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Mohon laluan.. Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya, sila..

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kepada penerangan pihak Kerajaan, Dewan memahami bahawa satu peruntukan yang besar untuk membangunkan kawasan-kawasan industri di Negeri Terengganu, persoalannya ialah sejauh mana pelabur-pelabur yang melabur di Negeri Terengganu ini, produk-produk yang mereka keluarkan, sejauh mana kita boleh pastikan ianya juga kita perolehi semula contohnya Eastern Steel sebagai contoh yang mungkin mengeluarkan yang terlibat dengan proses besi, bijih besi sejauh mana besi-besi atau *finish product* itu dapat digunakan oleh rakyat Negeri Terengganu sendiri ataupun *semi finish product* tersebut dieksport keluar dan orang Terengganu tak rasa *pon benda tu* yang menyebabkan, kebergantungan kita kepada negara luar sentiasa berlaku walaupun kita adalah pengeluar besi.

والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Setakat ni sefaham saya ada beberapa pelabur-pelabur datang ke negeri kita ini memang khusus untuk perbuatan untuk dieksport, jadi apabila daripada awal lagi hasrat mereka sebegitu, kita menyambut baik mungkin kerana tenaga buruh kita yang dalam keadaan sederhana mereka memilih tempat kita, tetapi kita tidak ada satu ketentuan memastikan hasil *finish product* dengan izin itu mesti juga dikemukakan ataupun di jual dalam negara kita, mungkin tengok pada bentuk-bentuk pelaburan begitulah, yang kita boleh tentukan kita tidak boleh kata semua, tetapi setakat ini ada yang dapat limpahan kepada tempatan dan ada sebahagiannya hanya untuk dieksport sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *invest* Terengganu bersama PMINT telah merealisasikan jumlah pelaburan sebanyak RM3.055 billion sehingga September 2023. Daripada lapan syarikat pelaburan tempatan dan asing yang dijangka akan menyediakan sebanyak 1,755 keperluan pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran pelaburan pada tahun ini berjumlah RM5 billion ringgit sehingga tamat 2023 ini. *Insyah-Allah* kita cuba dengan baki lebih kurang dalam RM2 billion lagi tu dengan baki yang ada ini, kita dapat mencapai matlamat hasrat target Kerajaan *insyah-Allah*.

Pada 13 September yang lepas saya telah menghadiri satu perjanjian pajakan majlis menandatangani perjanjian pajakan di antara PMINT dengan ZINDA DEVELOPMENT SDN. BHD. bagi pelaburan berjumlah RM2.5 billion di kawasan perindustrian Bandar Baru Cheneh tambahan di Kemaman dalam industri berasaskan batu Quartz. Pembangunan fasa pertama akan dilaksanakan di dalam kawasan seluas 21.3 hektar bagi pembinaan kilang produk bagi batu Quartz itu dengan jumlah pelaburan bernilai RM600 juta. Pembangunan keseluruhan di kawasan ini dijangka akan mewujudkan seramai 3,700 peluang pekerjaan. Bagi menarik lebih banyak lagi pelaburan ke negeri ini Kerajaan Negeri Terengganu melalui UPEN Terengganu dan khasnya *Invest* Terengganu akan mengguna pakai inisiatif pembinaan ekspres. *e-Sepuluh* yang telah diperkenalkan oleh perbadanan produktiviti Malaysia (MPC) dan dikawal selia oleh unit MyMudah. *E-Sepuluh* ataupun ETEN ini dengan izin merupakan suatu inisiatif bagi pengeluaran permit pembinaan secara pantas iaitu sepanjang sepuluh bulan. Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan pihak berkuasa tempatan untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya pengeluaran produk itu dapat disegerakan. Ini sangat bersesuaian dengan hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah meletakkan kita satu garis kerja kita berada di tahap gear tiga. Tapi dengan pelaksanaan *e-Sepuluh* ini mungkin kita boleh mengurangkan proses-proses kelulusan itu daripada tiga bulan contohnya, target kepada *e-Sepuluh* ini *insyah-Allah* dalam masa sepuluh bulan. Sepuluh bulan itu bukan hanya kelulusan tapi sehingga kepada terlibatnya pembinaan. Jadi *e-Sepuluh* ini yang dikawal selia di bawah sistem MyMudah ini saya tengok sangat membantu kerana meletakkan semua agensi-agensy yang terlibat dalam satu-satu proses itu dalam satu kumpulan dan kelulusan-kelulusan boleh dilakukan dalam masa serentak. *Concurrent* dengan izin. Maknanya kita tak *adalah* daripada agensi A pergi ke agensi B lepas itu ke C dan D dan seterusnya boleh berjalan serentak

A, B, C boleh berjalan serentak dengan kelulusan yang ada yang dikawal selia oleh satu *apps* yang dinamakan MyMudah ini. Jadi *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat? Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ye. Ada juga sikit lagi kenapa tak boleh dah ke? Ada tetap masa ke sebab tak nampak pun jam tu yang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita galakkan supaya Yang Berhormat EXCO jangan lebih daripada 20 minit

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Sekarang ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Lebih dah ni

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): sekarang ini lebih *doh*. Okay saya cuba singkatkan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Tapi bila nak singkat ini dia kena tengok dulu. Okay Kerajaan Negeri melalui Agensi-agensi Negeri serta Persekutuan yang berperanan sebagai *investment promotion agency* dengan izin (IPA) seperti *Invest Terengganu*, PERMINT, MyDa serta ECRDC dari masa ke semasa akan melaksanakan projek dan program utama untuk menarik pelabur serta membuat penyelarasan antara entiti Kerajaan dalam menggalakkan dan memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan oleh pelabur-pelabur swasta dari dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada yang pertamanya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) kerana diberi nikmat oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* untuk memenangi PRU ke-15 baru-baru ini dengan penuh bergaya. Kemenangan 32-0 satu pencapaian yang di luar pemikiran kotak pemikiran kawan dan lawan. Tapi itu *lah* ketentuan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang wajib kita syukuri oleh semua pihak daripada pimpinan penggerak pendorong pendokong penyokong dan seterusnya pengundi yang telah mengundi pada PRU 15 hari itu. Yang Berhormat Dato'

Yang di-Pertua, daripada manifestasi kemenangan ini bagi saya meletakkan suatu kesedaran rakyat kerana dalam proses mengempen hari itu ada usaha-usaha yang membawa pemikiran rakyat ke belakang semula. Contohnya, diskriminasi aktiviti ugut mengugut jika sekiranya mu tok undi aku, aku menang sikit agi kebajikan ataupun bantuan yang ada yang terima sekarang ini tidak ataupun akan ditarik balik. Ini suatu tindakan yang meletakkan pemikiran rakyat jauh ke belakang. Dan *alhamdulillah* pada situasi itu kita mula melihat rasanya rasa macam *kaget* kerana takut orang termakan tetapi dengan keputusan apa ini yang ada ini menambatkan rakyat telah sedar supaya politik lapuk seperti itu tak perlu dilakukan lagi dan politik fitnah yang tanpa ada usul periksa tanpa ada apa ini susur galurnya diketengahkan di masyarakat. Dan *alhamdulillah* khususnya anak-anak muda tahniah kepada anak-anak muda yang sedar perkara ini bahawa fitnah ini tak ke mana dan mereka ini menggunakan saluran-saluran itu hanya untuk kepentingan diri mereka sahaja.

Yang terakhirnya adalah saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang diberikan untuk memimpin sekali lagi dalam tempoh penggal yang baru ini yang juga telah melenyapkan satu mitos bahawa PAS hanya Kerajaan sepenggal. Dengan kemenangan PRU ke-15 baru ini satu lagi mitos lama yang telah diletakkan pada Parti Islam Se-Malaysia PAS bahawa PAS adalah hanya Kerajaan sepenggal dan dengan kemenangan kita PAS dalam PRU baru-baru ini memadamkan mitos tersebut dan keputusannya bukan paras-paras hidung tetapi kita mendapat keputusan yang penuh daripada rakyat selepas satu penggal kita memerintah. Menunjukkan bahawa prestasi yang kita tunjukkan sepenggal dahulu dilihat oleh rakyat dan dicaknai oleh rakyat itulah hasil yang kita dapat. Jadi *alhamdulillah* kekuatan yang Allah berikan ini moga-moga berterusan supaya kita dapat meneruskan agenda membela rakyat di dalam Negeri Terengganu yang tercinta ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Kota Putera juga mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku Sultan.

والله أعلم
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Minta maaf kerana terpaksa menghadkan masa untuk penggulungan yang pertama kerana saya

mengganggu untuk penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekitar pukul tiga lebih. Jadi mohon daripada Yang Berhormat EXCO dapat membahagikan masa sebaik mungkin dengan menggunakan *Standing Order* 46 (xvii) bahawa Yang di-Pertua berhak untuk mengehendkan ucapan masa-masa ucapan jika diperlukan. Jadi saya rasa Yang Berhormat EXCO ikut masa yang sewajarnya. Dan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat seterusnya EXCO nak berucap Yang Berhormat Chukai

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, rakan pemerhati dan media yang memerhatikan persidangan ini secara atas talian, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Patik ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi jujungan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu atas limpah perkenan merangkap mencemar duli bagi Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kali Yang Kelima Belas. Ampun Tuanku.

Dato' Yang di-Pertua, pertama dan selamanya, marilah kita sama-sama merapatkan kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas segala nikmat dan kurniaan-Nya kepada kita. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah memenangi Pilihanraya Umum Negeri Terengganu sebanyak 32-0. Kemenangan ini memahat sejarah di mana tiada blok Pembangkang di dalam Dewan Yang Mulia ini. Kemenangan ini juga berlaku dalam tempoh 25 Tahun Jubli Perak Pemerintahan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Walaupun tiada pembangkang dalam Dewan Yang Mulia ini, saya berharap semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dapat mengambil bahagian secara berkesan dan semak serta imbang bagi memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa berada di atas landasan yang betul dan terus maju bersaing dengan negeri-negeri lain. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan semalam dan menyentuh portfolio saya, yang *insya-Allah* saya akan cuba menjawab pada

pagi ini. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ladang mengenai Pasarnita Kuala Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Ladang, di atas keprihatinan suasana Pasarnita yang suram. Hal ini terjadi berikutan tiadanya operator yang menguruskan Pasarnita. Untuk makluman semua, MBKT ada menerima beberapa proposal untuk menguruskan Pasarnita ini. Pihak MBKT dalam proses menilai proposal yang dihantar dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan untuk melantik operator yang berkelayakan bagi menguruskan Pasarnita. *Insyaa-Allah* dalam tempoh dua bulan lagi Pasarnita akan kembali berseri dan membentuk identiti dan tarikan tersendiri.

Pengangkutan luar bandar. Bagi mengurangkan jurang jaringan perhubungan antara kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan Negeri dalam usaha mengkaji cadangan penyediaan perkhidmatan bas elektrik berhenti-henti bagi menggantikan bas lama milik Cas Ligas Sdn. Bhd kerana bas lama milik Cas Ligas telah berusia melebihi 15 tahun. Cas Ligas Sdn. Bhd dalam proses mengemukakan kertas cadangan pembelian melalui kaedah sewa-beli untuk penilaian Kerajaan Negeri.

Masalah banjir di Negeri Terengganu. Semua Jawatankuasa Pengurusan Banjir di peringkat daerah, di lapan daerah kini telah selesai melakukan simulasi banjir baru-baru ini bagi persediaan menghadapi bencana banjir, sebanyak RM3.45 juta persiapan banjir telah dibelanjakan bagi membeli keperluan di pengkalan hadapan untuk kegunaan pusat pemindahan sementara jua. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah juga sedang mengenalpasti kawasan yang berisiko berlaku banjir dan penyelenggaraan segera akan dibuat bagi mengurangkan risiko banjir kelak. Tindakan segera akan diambil sekiranya melibatkan pembersihan longkang tersumbat dan pembersihan sungai dengan kerjasama Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, JPS dan JKR. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja kecil penyelenggaraan secara berkala infrastruktur bagi sistem saliran di kawasan berkenaan sebagai langkah sementara bagi mengurangkan isu banjir melalui JPS Negeri Terengganu. Bagi tujuan perancangan dalam mengenalpasti punca banjir dan penyelesaian secara menyeluruh serta seterusnya menyediakan permohonan penyelesaian projek, JPS telah memohon di dalam Rolling Plan Empat (RP4) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12). Yang keempat, projek pemuliharaan muara Sungai Ibai. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini menelan belanja sebanyak RM300 juta di bawah seliaan JPS. Bagi mempercepatkan projek ini, kontraktor bagi projek ini telah dilantik dan surat

SST telahpun dikeluarkan pada Julai 2023. *Insyaa-Allah* projek ini akan siap pada 20 November 2025.

Menjawab soalan Kemasik, projek menaiktaraf jalan susur keluar LPT2. Bagi meningkatkan jaringan perhubungan jalan raya yang lebih baik di Kertih, projek menaiktaraf jalan susur keluar LPT2 *exit* Kertih ataupun Kampung Chabang, Kemaman menuju ke laluan FT003 telah dikaji semula dan Kerajaan Negeri mendapati keperluan mendesak bagi memastikan pembangunan bandar baru sejajar dengan adanya stesen ECRL Kertih. Sasaran ekonomi yang ditumpukan bagi Stesen Kertih adalah pembangunan pusat komersial dan pembangunan bercampur bagi menjadi pemangkin ekonomi kawasan sekitar Stesen Kertih. Kerajaan Negeri telah meminda perancangan bagi projek ini dari senarai keenam kepada senarai keempat keutamaan projek bagi Negeri Terengganu di bawah RP-4 dan RMK-12.

Lapangan Terbang Kertih. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri telah membuat suatu keputusan bersetuju menerima secara dasar cadangan penyerahan keseluruhan aset yakni tanah, bangunan dan peralatan di Lapangan Terbang Kertih oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk mengekalkan tapak Lapangan Terbang Kertih untuk aktiviti berkaitan penerbangan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Khas Lapangan Terbang Kertih yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau proses penyerahan Lapangan Terbang Kertih serta menilai *business model* cadangan pengurusan Lapangan Terbang Kertih sebagai persediaan menerima penyerahan lapangan terbang tersebut. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah melantik Terengganu Incorporated Sdn. Bhd untuk meneroka potensi serta merangka pelan pengoperasian Lapangan Terbang Kertih setelah penyerahan. Hasil kajian oleh TI yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Lapangan Terbang Kertih mendapati bahawa Lapangan Terbang Kertih tidak mempunyai potensi yang cukup baik untuk Kerajaan Negeri meneruskan operasi sebagaimana lapangan terbang dan aktiviti berkaitan penerbangan. Jawatankuasa memutuskan agar TI meneruskan kajian lanjut untuk meneroka potensi dalam bidang-bidang lain untuk membangunkan seterusnya tapak Lapangan Terbang Kertih. Tarikh penyerahan Lapangan Terbang Kertih yang dipersetujui bersama dengan Kerajaan Negeri dan Petronas adalah 31 Mac 2026.

Menjawab soalan Telemong...

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat *okay?*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Okay.*

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Cukai. Tambahan daripada keperluan untuk Petronas membuat keputusan bagi mengalihkan operasi mereka di tempat lain, Pihak Petronas memerlukan masa lebih kurang dua tahun untuk kerja-kerja pembinaan *hangar* dan lain-lain berkenaan. Justeru, bermaksud tempoh yang perlu kita buat keputusan Pihak Kerajaan Negeri perlu beri keputusan adalah akhir tahun ini, sebab dua tahun dari tahun 2026 adalah lebih kurang Mac 2024. Justeru, pihak Petronas...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalannya Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Semoga berharap Kerajaan Negeri Terengganu boleh mengesahkan ataupun memberi keyakinan kepada pihak Petronas untuk Kerajaan Negeri meneruskan operasi Kertih pada tahun 2026 nanti dalam keadaan segera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih. *Insyallah* tarikh penyerahannya adalah 31 Mac 2026. Menjawab soalan Telemong, peruntukan Marris bagi setiap DUN sebagaimana yang telah diperuntukkan, setiap Yang Berhormat yang menang, dan hari ini semua menang belaka 32 DUN mendapat RM1 juta setiap tahun bagi semua DUN yang menang. Tiada peruntukan tambahan diperuntukkan mengikut keluasan DUN. Mohon maaf Telemong.

Yang kedua, projek pusat komersial Kuala Ping. Projek ini dalam proses penamatan. Ini kerana kontraktor penyelamat yang dilantik telah gagal menyiapkan projek ini. Status terkini projek ini adalah proses rundingan untuk penamatan bersama. Setelah rundingan ini selesai, barulah projek ini akan dijana semula. Walaupun projek ini diistilahkan sakit namun kerajaan Negeri

komited dalam menyiapkan projek ini. Langkah-langkah bagi menjamin keselamatan mendepani masalah bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh di Hulu Terengganu, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap permasalahan rakyat khususnya kepada mereka yang terjejas dengan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Bagi mendepani isu banjir di daerah Hulu Terengganu, perancangan terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan penyelesaian jangka panjang yang komprehensif. Oleh itu, Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Terengganu sedang dalam proses pelaksanaan oleh JPS Malaysia. Melalui kajian ini, beberapa projek tebatan banjir akan dicadangkan dan diperhalusi meliputi aspek skop, *cost* dan selari dengan kehendak semua pihak pemegang taruh bagi projek tersebut serta menepati objektif projek dan *outcome* yang telah disasarkan. Sementara menunggu kajian tersebut disiapkan, antara usaha jangka pendek yang dijalankan oleh jabatan bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan yang dinyatakan adalah dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan sistem saliran. Selain daripada itu, selain daripada menjalankan Projek Fizikal, jabatan juga melaksanakan Projek Ramalan Amaran Banjir Fasa 1 di mana lokasi stesen yang telah dibangunkan adalah seperti di bawah;

1. Stesen Siren Amaran Awal Banjir di PPSK Felcra Kampung Gunung Matang
2. Stesen Pemantauan Aras Air dan Lebat Hujan di Felda Mengkawang

Stesen yang dibina bertujuan memberi amaran dan ramalan awal kepada penduduk-penduduk dan agensi berkaitan dalam meramal kejadian banjir serta secara efektif dan cepat. Dengan adanya stesen yang dibangunkan tersebut, amaran akan dapat disebar dengan lebih awal supaya semua pihak dapat mengambil tindakan dan perancangan yang lebih awal.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT DR. MAMAT BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Celah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh Yang Berhormat Cukai, masa singkat dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ada tiga empat. Ada dua orang lagi. Tiga empat, empat orang lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak bolehlah. Biar dulu lah.

YANG BERHORMAT DR. MAMAT BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Pengkalan Berangan kerana stesen ECRL bagi Kuala Terengganu dibina di Durian Guling. Kerajaan Negeri akan mengkaji dan mempertimbangkan cadangan pembangunan ekonomi di kawasan Durian Guling sejajar dengan pembangunan ECRL di kawasan tersebut. Sasaran ekonomi yang akan ditumpukan bagi stesen ini adalah pembangunan pusat komersial dan pembangunan bercampur. Bagi menjadi pemangkin ekonomi di kawasan tersebut.

Menjawab soalan Yang Berhormat Permaisuri, Yang Berhormat Bukit Tunggul dan Yang Berhormat Kemasik, prasarana asas RTB. Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khas bagi RTB. Namun Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan setiap tahun bagi penyediaan pembangunan prasarana dan infrastruktur secara berfasa bagi memenuhi keperluan semasa rakyat Negeri Terengganu. Namun begitu, Kerajaan Negeri juga dalam usaha perbincangan dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui Program Pemajuan Kawasan (PPK) di bawah Pakej 2 iaitu kerja-kerja penyediaan tapak, kerja tanah dan infrastruktur asas kawasan penempatan sedia ada. Semoga perbincangan ini akan membuahkan hasil bagi Kerajaan Negeri membantu peserta RTB dengan menyediakan kemudahan asas bagi membolehkan pembinaan rumah kelak.

Menjawab soalan Yang Berhormat Manir, pembinaan Jambatan Manir. Setelah kajian dan penelitian dibuat, Kerajaan Negeri telah mendapati Jambatan Manir juga telah lama dan perlu dinaiktaraf. Ini kerana jalan daripada Durian Burung ke Pulau Rusa telah dinaiktaraf kepada jalan raya berkembar dan menyebabkan berlakunya kesesakan di Jambatan Manir. Kerana laluan ini, di Jambatan Manir masih lagi selorong ataupun sehalu. Sehubungan dengan itu, projek

menaiktaraf jalan, jejambat dan jambatan di laluan jalan FT 003 dari Kampung Pulau Rusa ke Bulatan Batu Enam ke persimpangan laluan FT 065 Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu telah mendapat perhatian Kerajaan Negeri. Kerajaan nanti akan meminda senarai keutamaan projek dari senarai kesepuluh yang sebelum ini kepada senarai pertama keutamaan projek Negeri Terengganu di bawah RP4 dan juga di bawah RMK-12. Terima kasih Manir.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI HILIMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih jugak pihak Kerajaan.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Menjawab soalan Air Putih. Projek Tebatan Banjir Kawasan Air Putih, Seberang Tayor - Cukai, Projek Lembangan Sungai Bersepadu ataupun sungai tiruan Sungai Kemaman Terengganu. Projek tebatan banjir bagi kawasan yang dinyatakan merupakan sebahagian daripada Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Terengganu. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa bagi tender Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Terengganu, pembinaan lencongan banjir, bund Binjai dan kerja-kerja berkaitan. Status semasa adalah sedang dalam penelitian jawatankuasa perolehan di Kementerian Kewangan. Pada mulanya projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada pemerintahan Kerajaan yang lepas dan sedang menunggu surat SST untuk projek dimulakan. Namun selepas kerajaan bertukar, projek berjumlah RM300 juta ini masih kekal di peringkat MOF untuk menunggu surat SST yang terbaru pula.

Masalah banjir disebabkan pembinaan ECRL, saya telah berbincang dengan pihak MRL dan CCC supaya memperbetulkan dan mempercepatkan kerja-kerja pembinaan ECRL di kawasan yang berisiko yang boleh menyebabkan berlaku banjir.

Menjawab soalan Hulu Besut, jalan Keruak ke Gunung Bongsu, Kelantan. Mengikut perancangan asal projek lebuh raya di antara jalan Keruak ke Gunung Bongsu atau jalan Keruak dicadangkan sehingga ke Kuala Krai, Kelantan. Namun demikian, terdapat beberapa perubahan jajaran serta perubahan kos. Pembinaan projek bermula simpang jalan Keruak dan projek pembinaan hanya selesai sepanjang 10 kilometer sebelum diberhentikan. Kerajaan Negeri melalui JKR ada membuat beberapa permohonan melalui kementerian yang berbeza, namun permohonan ini telah pun ditolak.

Menjawab soalan Kuala Besut, Projek Menaiktaraf Jambatan Sungai Besut. Kerajaan telah mengkaji serta meneliti cadangan naik taraf jambatan tersebut berdasarkan keperluan dan keutamaan projek. Kerajaan Negeri juga telah menyenaraikan projek membina jejambat merentasi Sungai Besut di Jertih, Besut, Terengganu pada senarai kelima belas dalam keutamaan projek. Namun begitu, setelah melihat keperluan yang mendesak bagi daerah Besut, Kerajaan Negeri telah meminda senarai keutamaan projek daripada senarai ke-15 kepada senarai keenam keutamaan projek bagi Negeri Terengganu di bawah RP4 RMK-12.

Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut. Projek ini bermula 13 Disember 2016 dan sepatutnya siap 12 Disember 2019. Kontraktor telah diluluskan EOT 3 dan tarikh baru dijangka siap adalah pada 28 September 2020. Walaupun diluluskan EOT 3, namun kontraktor masih gagal menyiapkan projek ini dan kontrak ditamatkan pada 22 Disember 2020. Bagi memastikan projek ini dapat disiapkan, projek ini telah ditender semula bagi menyiapkan baki kerja projek ini. Tarikh mula bagi projek ini adalah 17 Mei 2023 dan dijangka siap 12 November 2025.

Projek Tebatan Banjir Sungai Nil. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Nail Fasa 1 telah dilaksanakan dan siap pada 4 September 2016. Manakala terdapat perancangan bagi mengurangkan risiko banjir bagi kawasan sekitarnya yang melibatkan Fasa 2, melibatkan Jajaran Sungai Cawan, Sungai Jejawi, Sungai Kolok. Namun begitu cadangan penyelesaian isu banjir bagi tiga jajaran sungai ini juga melibatkan kawasan tadahan daripada Negeri Kelantan yang merupakan hulu sungai berkenaan. Justeru itu, satu perancangan penyeluruhan perlu dilaksanakan dan memerlukan kajian terperinci bagi isu banjir tersebut yang melibatkan Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu. Kawasan jajaran ini kebanyakannya melibatkan tanah milik sepanjang jajaran sungai dan status terkini, kebanyakan rezab sungai telah ditebus guna tanah bagi menjadi kawasan pembangunan perumahan dan kerja penambunan tanah yang tinggi meningkatkan lagi risiko berlaku banjir. Justeru itu, pengambilan balik tanah diperlukan bagi tujuan naik taraf sungai dalam jajaran Negeri Terengganu. Buat masa ini jajaran tersebut masih belum dibuat pengambilan dan penyelenggaraan sungai hanya dilaksanakan mengikut jajaran asal.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan Kuala Berang. Keselamatan Empangan Kenyir. Kajian telah dibuat pada tahun 2021 dan 2022 oleh Pasukan Flying Squad. Memandangkan telah berlaku kerosakan pada sistem kenyr disebabkan kejadian tanah runtuh pada Februari 2022 sehingga operasi stesen terhenti selama 6 bulan. Operasi penjanaan dan penghantaran telah dapat dipulihkan pada akhir Jun 2022 iaitu 3 bulan awal daripada perancangan awal dan menstabilkan sistem gred nasional dan bekalan untuk Negeri Terengganu. Sehingga kini kerja-kerja pembaikan cerun masih sedang dilakukan dalam kawasan TNB, manakala bagi bukit di luar kawasan TNB usaha-usaha oleh pelbagai pihak sedang dilakukan. Permohonan peruntukan telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 April 2023 melibatkan permohonan seperti;

1. Pembaikan kerosakan jalan cerun dan jambatan seluruh Negeri Terengganu di bawah skop JKR adalah berjumlah RM135.642 juta,
2. Pembaikan kerosakan infrastruktur pengairan dan saluran seluruh Negeri Terengganu di bawah skop JPS berjumlah RM62.705 juta.

Status terkini adalah peruntukan yang dimohon telah diluluskan, sebahagian kerja-kerja pembaikan telah disiapkan dan *insya-Allah* akan diteruskan lagi.

Menjawab soalan Batu Rakit, projek penambakan pasir. Untuk makluman, projek penambakan pasir di Mengabang Telipot sehingga Batu Rakit adalah di bawah skop projek pengawalan hakisan pantai di Kuala Nerus, Terengganu di bawah seliaan JPS berjumlah RM70 juta telah bermula pada 24 Julai 2023 dan dijangka siap 23 September 2026. Pada masa sekarang, kontraktor masih dalam proses kerja-kerja awalan dan menghantar bahan binaan ke tapak projek dan dijangka kerja-kerja pembinaan struktur pemecah ombak akan dimulakan pada pertengahan bulan Februari 2024, manakala skop penambakan pasir akan dimulakan pertengahan tahun 2024 setelah dua unit pemecah ombak siap. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Seterusnya Yang Berhormat Ajil, dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan, muslimin dan muslimat semua. Pertama sekali saya ucapkan syukur dan terima kasih yang tidak terhingga ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberi kesempatan kepada kita untuk berbahas dalam suasana yang sangat tenang tanpa gelombang yang besar walaupun kita sudah menghampiri musim tengkujuh. Ucapan tahniah kepada kita semua yang terus mengekal Kerajaan Terengganu di bawah pemerintahan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dengan dokongan padu daripada rakan-rakan BERSATU yang telah membuktikan bahawa kita mampu mentadbir dengan lebih baik dan menepis tanggapan bahawa Kerajaan PAS hanya sepenggal. Tahniah kepada kemenangan yang sungguh mengejutkan 32-0 dan 8-0 di Parlimen Terengganu. Sekarang ni dah 8 tolak 1 untuk sementara, tinggal 7. *Insyaa-Allah* lepas ini kita akan berkampung di Kemaman untuk mengembalikan Kemaman, Parlimen Kemaman di bawah PAS juga, pun begitu tuan-tuan dan puan-puan, muslimin dan muslimat semua kemenangan kita ini bukan suatu benda yang untuk kita megahkan, bahkan sepatutnya kita tambah tawadhu' dan tambah syukur ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan Allah Ta'ala terus mengekalkan kuasa pemerintahan kita ini berada di kalangan orang-orang yang diberi amanah oleh Allah Ta'ala dan mampu memikul amanahNya dengan baik.

Saya juga merakam ucapan penghargaan dan terima kasih pada sahabat-sahabat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Tetapi portfolio saya tidak terlalu disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kecuali secara terusnya oleh Yang Berhormat Bandar sahaja yang menyentuh portfolio saya, soalan-soalan pun *takdok*, hanya satu soalan sahaja yang diterima iaitu daripada Bukit Besi, pun begitu tidak dapat dijawab oleh kerana kekangan masa pada semalam. Apa-apa pun saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat yang melibatkan diri dalam perbahasan dan saya menyentuh apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Wakil Bandar tentang permasalahan sosial yang berlaku di kalangan remaja, tentang penglibatan remaja dalam penagihan arak, dadah, seks bebas, merempit dan sebagainya yang mungkin banyak di kawasan bandar

terutamanya melibatkan remaja melayu. Masalah-masalah ini semuanya punca dia banyak berpunca daripada masalah pendidikan awal di rumah. Kalau kita tengok kepada punca masalah, masalah ini adalah berpunca daripada masalah dalaman remaja itu sendiri yang menerima pendidikan yang tidak kuat ataupun kerana cabaran-cabaran yang hebat yang berlaku di persekitaran remaja zaman sekarang ini. Kita melihat bagaimana penglibatan remaja kita dalam gajet, mereka hidup sekarang ini boleh kata hampir semua remaja mesti memiliki telefon bimbit. Tahun 2020, jumlah remaja yang terlibat dalam penggunaan gajet sebagaimana yang dikeluarkan oleh SKMM tahun 2020 adalah 18.4% remaja yang berumur lima hingga 17 tahun menghabiskan masanya yang banyak dengan gajet. Tahun 2016 meningkat kepada 47% remaja yang melibatkan masa sebahagian besar masa mereka dengan gajet, dan ini tak termasuk pelajar-pelajar yang berada di asrama penuh yang memang dilarang untuk mereka menggunakan telefon. Bahayanya, masa penggunaan gajet ini menyebabkan gangguan kepada sesi persekolahan ataupun sesi pembelajaran, masalah kepada penjagaan dan pendidikan anak-anak, interaksi sosial yang rosak yang mana remaja, remaja kita oleh kerana ralih bermain telefon bimbit mereka kurang berinteraksi dengan ibu bapa, orang tua ataupun masyarakat sekitar. Ini memberi kesan yang parah kepada minat mereka untuk belajar. Apabila mereka menghabiskan masa yang banyak di skrin telefon bimbit tetapi tidak berapa minat untuk melihat buku-buku sekolah. Walaupun penggunaan peranti sekarang ini ada juga aplikasi untuk akademik tetapi peratus pelajar yang melihat peranti telefon dengan aplikasi pendidikan terlalu sedikit berbanding dengan penerokaan mereka ke atas isi kandungan peranti yang kadang-kadang sampai kepada benda-benda tidak bermoral. Bahaya keinginan ini, bahaya kepada penglibatan mereka kepada peranti ataupun main telepon sebenarnya, memberi kesan kepada kesihatan mental dan juga kesihatan fizikal mereka dan ini memberi kesan kepada pembinaan sosial masyarakat. Saya rasa terpanggil bersama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan juga YPK (Yayasan Pembangunan Keluarga) milik Kerajaan Negeri Terengganu untuk bersama-sama memikirkan bagaimana kita nak menangani masalah yang bimbang akan menjadi lebih parah apabila mereka *ralih* dengan penglibatan permainan *gadget* ini boleh menyebabkan acara-acara yang baik di dalam kehidupan mereka bertukar menjadi perkara-perkara negatif dalam kehidupan dan tentulah akan memberi kesan kepada kekukuhan institusi keluarga tersebut. Institusi keluarga, seharusnya diperkasakan dan kita mempunyai Yayasan Pembangunan Keluarga *insya-Allah* kita akan terus memperkasakan Institusi Keluarga kerana keluargalah yang

merupakan asas kepada pembinaan negeri dan juga negara. Penglibatan remaja juga dalam sebagaimana yang disebut oleh Bandar, penglibatan dalam penagihan dadah, tuan-tuan, puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat remaja kita yang terlibat dengan dadah sangat tinggi pada kadar enam puluh ribu sekarang ini remaja yang terlibat dengan dadah dan seratus dua ribu adalah remaja yang mempunyai latar belakang pernah menjadi penagih dadah. Dadah sekarang ini, dadah sintetik yang banyak terutamanya pil kuda dan juga dadah juga sudah masuk ke dalam *vape. Flavor vape*, perasa *vape* apabila ada jenama yang disebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Satu minit lagi Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Ya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: satu minit lagi

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): satu minit lagi, Allah baru mukadimah, mukadimah baru masuk bab-bab dadah ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Haha.. padan *doh*.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Tidak apa Dato'. *takper-takper insya-Allah*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): boleh saya nak mencelah di sini, Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nak celah ini boleh

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): masa tak dok ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada Permaisuri

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Sedikit sahaja

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Bereh, boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Di pendidikan awal, di sekolah, kes-kes ponteng, anak-anak ponteng, ada berlaku apabila guru pergi ke rumah anak murid yang tidak hadir di sekolah itu dia tengok mak dengan ayah sekali dengan anak duduk tidur lagi, jadi macam mana kita nak membentuk generasi baru yang kita katakan tadi, dan saya nak cadangkan di sini kepada Yang Berhormat Ajil, boleh tak kita cadangkan supaya ada satu badan yang buat satu kajian secara mendalam punca, kesan dan juga cara-cara nak mengatasi masalah sosial tadi di kalangan orang-orang melayu khususnya Negeri Terengganu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Terima kasih Permaisuri, Permaisuri cerita berkenaan dengan cerita cikgu gi cari di rumah, di rumah gerak pelajar tengah tidur, saya sendiri pernah masuk ke bilik pelajar *duk* tidur, saya pergi kerana tidak hadir periksa, tidak hadir periksa cikgu gi turut ke rumah pelajar mak dia kata, ada duduk tidur lagi, ustaz gi gerak sendiri *ah*, saya masuk ke dalam bilik gerak dia tidur tunggu dia pergi gosok gigi, pakai baju, ambil pelajar itu *wak* naik kereta gi menghadapi peperiksaan di sekolah, memang betul benda itu berlaku, *so* lagu mana kita nak berubat. Ini yang saya sebutkan tadi punca banyak adalah daripada institusi keluarga. Bagaimana kita nak bina institusi keluarga ini, merupakan satu cabaran baru bagi saya yang dulu dipegang oleh sahabat saya YBC sekarang ini YBA dan juga Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu bagaimana kita nak memperkasakan institusi keluarga supaya keluarga tersebut lebih ambil cakna terhadap pendidikan mereka cikgu sepatutnya tidak payah gi ke rumah, cikgu tunggu pelajar mari, tapi pelajar tidak mari sekolah, menjadi satu tanggungjawab baru cikgu pergi gerak ke rumah, tujuh belas hari bulan baru ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penutup Yang Berhormat akhir

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Akhir, ini akhir dah ini, tujuh belas hari bulan baru ini selepas daripada kita menang pilihan raya saya pergi ke dua buah rumah pelajar di sekolah rendah nak ceritanya tanggungjawab dan beban tugas cikgu memang sampai ke rumah dan ini merupakan satu bebanan baru, cabaran baru kepada kita *insya-Allahlah* sama-

sama kita akan berusaha untuk menangani isu ini dan saya melihat isu ini bukan sekadar sepatutnya ditangani oleh cikgu di sekolah, tetapi seluruh masyarakat, seluruh agensi mesti melibatkan diri secara serius dan *total* dalam usaha bagaimana nak menangani isu-isu keciciran pelajar, pelajar tidak minat pergi sekolah, tentulah masalah dia memang banyak berpunca daripada rumah. Sekian saya mohon menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ajil, penerangan yang begitu jelas difahami semua. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan serta pemerhati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakam penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam sesi perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu terutama untuk Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Penglibatan semua Ahli Yang Berhormat dapat memberi idea dan cadangan sememangnya sangat membantu demi pembangunan negeri ini, sebelum daripada Dewan ini, ramai yang bertanya apabila PAS telah memenangi 32 DUN macam mana perbahasan Dewan. Hari ini kita telah buktikan bahawa perbahasan Dewan Undangan Negeri kita ini dah sampai ke penghujung, mempunyai nilai yang tinggi untuk rakyat dan untuk kita sama-sama membangunkan Terengganu *insya-Allah* dan saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi BBC dan juga semua Ahli Yang Berhormat yang telah berperanan dengan baik dalam Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini, cuma portfolio saya, saya tak sempat ada lima soalan tak dapat dijawab, Soalan Lisan, *insya-Allah* kita akan buat secara bertulis dan juga tiada yang disentuh kecuali ADUN Manir yang sebahagiannya telah dijawab oleh ADUN Kota Putera tadi dan saya sebagai mengulas sedikit Titah Ucapan Sultan kita melalui

Portfolio saya. Sebagaimana yang semua sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui YPU iaitulah Yayasan Pembangunan Usahawan adalah berperanan dalam melahirkan usahawan bagi membantu serta membimbing usahawan yang sedia ada. Ianya juga adalah berperanan dalam memartabat dan mempertingkatkan kemampuan usahawan supaya lebih berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju serta berinovasi.

Yayasan Pembangunan Usahawan dalam memainkan peranannya dalam konteks pembangunan keusahawanan terbukti dengan jumlah pendaftaran Sahabat Usahawan Terengganu yang hampir mencecah 20,000 orang. Kerajaan akan mengambil tanggungjawab untuk terus memacu program keusahawanan supaya terus aktif dan bertekad untuk memastikan supaya lebih ramai para belia khususnya menceburi dalam bidang keusahawanan ini dan menjadikan bidang usahawan ini adalah budaya hidup orang Terengganu. Bagi mencapai hasrat tersebut, saya akan memastikan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu akan terus menyediakan program yang dapat mencapai hasrat tersebut dengan tema 'Keusahawanan Adalah Kerjaya Pilihan' akan menjadi pilihan bagi mengatasi masalah pengangguran pada masa kini. Usaha ini akan terlaksana dengan kerjasama pelbagai agensi keusahawanan yang mempunyai objektif yang sama, *insya-Allah*.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sahabat saya Yang Berhormat Kota Putera, Yang Berhormat Nurkhuzaini Abdul Rahman, EXCO Keusahawanan yang sebelum ini yang telah berjaya menjalankan tanggungjawab beliau selaku EXCO Keusahawanan pada penggal yang lepas. Tahniah Yang Berhormat, antara kejayaan beliau adalah mewujudkan Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera ataupun ringkasnya TUGAS iaitu pinjaman tanpa mengenakan sebarang faedah keuntungan kepada usahawan ataupun lebih dikenali pinjaman *no riba*. *Insya-Allah* kita akan teruskan lagi pada masa-masa akan datang. Ini merupakan skim pinjaman yang satu-satunya yang dilaksanakan di negara ini. Tabung yang menyediakan pembiayaan sehingga RM50,000.00, telah banyak membantu banyak usahawan dalam membangunkan perniagaan mereka, ini merupakan skim pinjaman yang satu-satunya. Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan pada penggal lalu bagi kemudahan pinjaman adalah sebanyak RM24,210,274.00 dengan melibatkan seramai 4,887 orang usahawan yang menikmati kemudahan ini bermula pada tahun 2019 sehingga Ogos 2023.

Antara skim pembiayaan yang sedia ada adalah Program Peningkatan Kapasiti Enterprise Terengganu (PKET), Program Peningkatan Perniagaan Terengganu (Sp3t), Tabung Siti Khadijah khasnya untuk wanita, Skim Pembiayaan Atas Talian, Skim Pembiayaan *Mobile Truck* (SPMT). Selain daripada itu, keprihatinan Kerajaan kepada usahawan kecil dan golongan OKU direalisasikan menerusi bantuan dan geran perniagaan yang diberikan kepada golongan tersebut dengan jumlah bantuan sehingga RM5,000.00 melalui dua skim yang dilaksanakan iaitulah Dana Usahawan Dan Industri Mikro Terengganu ringkasannya DUIT, Dana Prihatin Terengganu Khas untuk OKU (D-HATI). *Insyah-Allah* segala pelaksanaan tugas ini akan diteruskan walaupun mungkin kita menghadapi pelbagai masalah, kekangan dari segi kewangan dan seumpamanya.

Ahli Dewan semua, sebagaimana yang kita semua maklum, golongan belia adalah golongan yang sentiasa mencari peluang termasuk dalam bidang perniagaan. Bagi menzahirkan impian para belia dalam perniagaan, satu program yang diberi nama Usahawan Belia Sejahtera atau UBES telah dilaksanakan. Ianya ditumpukan kepada lepasan SPM dan para lepasan IPT, bidang perniagaan atas talian adalah menjadi keutamaan bagi menyertai program ini selain daripada perniagaan lain. Sehingga sekarang sebanyak empat peringkat pengambilan telah dilaksanakan dengan penglibatan hampir 200 orang peserta.

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh ADUN Manir, saya tertarik dengan soalan beliau yang berkait dengan keperluan pekerja oleh pelabur. Faktor sumber manusia (*Human Capital*) merupakan keperluan yang kritikal dalam industri. Pelabur yang datang ke Terengganu mengharapkan jaminan bekalan tenaga pekerja yang kompeten dan mencukupi. Justeru itu, pada penggal lepas Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah agensi khas iaitu THRDC-Terengganu Human Resource Development Centre bagi memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia menangani isu pengangguran dan memenuhi keperluan bekalan tenaga kerja daripada rakyat tempatan. THRDC berperanan memastikan penglibatan tenaga pekerja tempatan daripada kalangan rakyat Terengganu dalam pembangunan negeri. Sejak ditubuhkan pada tahun 2019, THRDC memberikan fokus kepada membantu penempatan rakyat dalam peluang-peluang pekerjaan yang ada. Wabak COVID-19 yang melanda dunia selama dua tahun mengakibatkan fenomena pengangguran meningkat di seluruh negara. Dalam tahun 2021 hingga 2022, apabila kegiatan

ekonomi dibuka semula, THRDC memberi fokus sepenuhnya kepada penganjuran program penempatan pekerjaan dengan kerjasama PERKESO sebagai rakan strategik dalam Urusetia Pekerjaan Negeri Terengganu (UPNT). Pelbagai program karnival dan *outreach* pekerjaan telah dilaksanakan secara turun padang di daerah-daerah. Dalam penggal baharu ini dengan mandat yang diberikan oleh rakyat, Kerajaan beriltizam untuk memperkasa dan memperluaskan peranan THRDC. Objektif utama THRDC bagi penggal ini adalah;

1. Mewujudkan ekosistem pembangunan sumber manusia dan kerjaya yang mampan melalui pemeraksanaan Urusetia Pekerjaan Negeri Terengganu (UPNT) sebagai platform kolaborasi antara pemegang taruh dalam sektor sumber manusia.
2. Merealisasi potensi dari belia dan graduan melalui pembangunan bakat dan jati diri serta pensijilan kemahiran agar mempunyai perancangan kerjaya yang lestari, dan
3. Pengoperasian pusat cari kerja sebagai pusat sehati di mana pepadanan pekerjaan dan program perkembangan kerjaya rakyat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
4. Mewujudkan ekosistem pembangunan sumber manusia dan kerjaya yang mampan melalui pemeraksanaan Urusetia Pekerjaan Negeri Terengganu (UPNT) sebagai platform kolaborasi antara pemegang taruh dalam sektor sumber manusia.

Jadi, itulah sedikit sebanyak yang dapat saya ucapkan pada hari ini. *Insyallah* saya mengharapkan pada sesi Sidang Dewan akan datang semua Yang Berhormat dapat kalau boleh tanya soalan banyak sikit kepada saya dan dalam sesi pembahasan kerana keusahawanan adalah menjadi nadi kepada sumber ekonomi selain daripada pelancongan selain daripada *oil and gas* dan kita. Dua orang bangun...

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup la *dok*?

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Sebab YB kata *takdok* soalan tadi saya rasa macam ada sedikit tertinggal daripada

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takpe, jawab semula, Yang Berhormat Alor Limbat teruskan, tamatkan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, saya ingat habislah *dok*, saya ingat itu sahaja, kerana masa yang tidak mencukupi. Sekian sahaja,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat EXCO semua akan buat penggulungan ke? Akan buat penggulungan semua? Saya harap dapat sehingga dekat Jabi pukul satu, *deh?* Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Cenderawasih terbang berdua
Hinggap berasmara di atas batu
Terima kasih Dato' Yang di-Pertua
Tepoh hadir untuk penggulungan itu

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, seluruh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, rakan pemerhati dan media yang mengikuti persidangan ini sama ada secara fizikal ataupun secara atas talian, para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua memberikan keizinan untuk saya terlibat dalam penggulungan ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan semalam dan menyentuh portfolio yang berkait dengan saya. *Insya-Allah* saya akan cuba menerangkan secara lebih terperinci beberapa persoalan dan

harapan yang telah diutarakan kelmarin. *Alhamdulillah* juga sepanjang saya ikuti perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin, sekalipun DUN Terengganu pada kali ini sifar pembangkang, semangat semak dan imbang dalam Dewan legislatif ini dilihat cukup subur dan sangat *competent* untuk melihat perjalanan badan legislatif subur dan peranan eksekutif semakin mantap. Tahniah buat semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Kelmarin juga saya lihat Yang Berhormat Telemong banyak menghidupkan suasana sehingga Dewan pada kali ini terasa beban dengan kes gajah. Berat kes gajah *ni* Telemong sehingga.. Telemong *sedor dok or?* (ketawa).

Berat kes gajah *ni* sehingga bot berhias kita pun tenggelam. Jadi jangan kata isu di Telemong, malah bot berhias kita pun tenggelam kerana kes gajah. Saya harap Telemong jangan syorkan kepada portfolio sukan untuk buat perlumbaan bergajah selepas daripada ini sebagai alternatif penyelesaian.

Dalam beberapa perkara yang disebut antaranya oleh Ahli Yang Berhormat Sura berkenaan dengan Tour Gateh D'Tranung 2023. Tuan-tuan dan para hadirin sekalian, Kerajaan Negeri pada tahun ini sekali lagi telah menganjurkan Tour Gateh D'Tranung 2023 yang diadakan pada 3-8 September 2023 tempoh hari. Kejohanan ini dikelolakan oleh Kerajaan Negeri melalui portfolio saya bersama dengan Majlis Sukan Negeri Terengganu dibantu juga oleh Persatuan Lumba Basikal Negeri Terengganu. Apa yang cukup menarik, Tour Gateh D'Tranung mendapat liputan yang meluas dengan penggunaan khidmat *live streaming*, dengan izin. Prestasi liputan yang sangat baik dan bertahap tinggi ini sekali gus mampu mempromosi Negeri Terengganu ke mata dunia. Untuk makluman, Tour Gateh D'Tranung dapat ditonton secara langsung tidak kurang daripada lima jam sehari iaitu dari sebelum, semasa dan selepas perlumbaan termasuk upacara penyampaian hadiah bagi setiap peringkat perlumbaan. *Insya-Allah* portfolio ini akan terus menyokong dan membantu mempromosikan Terengganu dalam sektor pelancongan melalui *sport tourism*, dengan izin atau pelancongan sukan. Juga melalui program-program lain yang dirancang pada setiap tahun.

Kita juga telah menerima dan telah melaksanakan satu lagi perkara iaitu membuat penajaan *Le Tour De Langkawi* tempoh hari. Penajaan yang kita buat ini sebenarnya bukan untuk menggambarkan Kerajaan memiliki kewangan yang banyak tetapi atas beberapa justifikasi yang telah pun digariskan oleh pihak

Kerajaan Negeri. Antaranya adalah untuk memupuk semangat daripada kalangan anak-anak remaja yang berada di seluruh pinggiran jalan menyaksikan perlumbaan ini supaya mereka memiliki semangat untuk terlibat sama dalam sukan berbasikal dan akhirnya mencipta nama yang cukup baik seperti Dato' Azizul Hasni, Anuar Manan dan seumpamanya. Begitu juga kita mengambil ruang dan peluang menyokong *sport tourism* sehingga menyebabkan kita mendapat liputan secara langsung di dalam *eurosports* tempoh hari ditonton oleh seluruh dunia bermula dari tempat kita di Kerteh sehingga dari Kuala Terengganu ke Kota Bharu.

Dato' Yang Di-Pertua, saya mendengar dengan teliti perbincangan daripada rakan-rakan Yang Berhormat yang bertanyakan berkaitan infra kemudahan sukan serta padang-padang bola di kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Kerajaan Negeri terus komited untuk menyelenggara kemudahan sukan di Negeri Terengganu. Untuk tahun ini sahaja sejumlah RM704 ribu telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan kemudahan sukan melibatkan pembaikan padang bola sepak, futsal serta kemudahan sukan yang lain. Kerajaan Negeri juga akan terus komited untuk menambah baik serta membaik pulih kemudahan sukan yang mengalami kerosakan pada tahun mendatang bagi memastikan golongan belia dan remaja di Negeri Terengganu kekal cergas selaras dengan salah satu visi Sukan Negara 2030 iaitu Pembudayaan Sukan. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu telah melaksanakan enam projek selenggara dan baik pulih iaitu

- a. Kompleks Rakan Muda Besut
- b. Kompleks Sukan dan Komuniti Jertih, Besut
- c. Velodrom Dungun
- d. Kompleks Sukan Telemong, Hulu Terengganu
- e. Kompleks Rakan Muda Kemaman
- f. Gelanggang Futsal KOMBES.

Untuk maklumat Yang Berhormat Sura, daerah Dungun kini telah memiliki tujuh padang bola sepak awam secara terbuka di sekitar bandar Dungun di mana tanah padang bola awam terbuka telah direzabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara di bawah jagaan Pegawai Daerah Dungun iaitu:

- a. Padang Arena Merdeka
- b. Padang Bola Astaka

- c. Padang Bola Jalan Melati
- d. Padang Bola Kampung Che Lijah/Tanjung Pati
- e. Padang Bola Sepak Seberang Pintasan
- f. Padang Bola Sepak Kampung Padang Pulut
- g. Padang Bola Kampung Tebing Tembah/Seberang Paka.

Kerajaan Negeri buat masa ini mengambil inisiatif untuk fokus kepada penyelenggaraan serta baik pulih kemudahan sukan sedia ada berbanding menambah fasiliti sukan tambahan bagi memastikan keperluan dan keselamatan golongan belia terjamin semasa bersukan. Kerajaan Negeri juga amat menggalakkan pelaburan daripada badan swasta dalam menyediakan fasiliti sukan dalam Negeri Terengganu seperti yang dibuat di daerah Dungun yang kini telah mempunyai dua padang sintetik yang dibangunkan oleh syarikat swasta dengan kerjasama Majlis Perbandaran Dungun. Kedua-dua gelanggang ini telahpun beroperasi dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan belia sebagai alternatif sukan dan rekreasi kerana padang sintetik ini dibina mengikut standard FIFA. Ada yang standardnya maksimum, ada yang standardnya minimum. Padang-padang tersebut iaitu:

- a. Padang bola sepak sintetik GD SOCCER Kampung Batu 5, Mukim Sura yang dioperasikan oleh GD SOCCER ENTERPRISE. Ia berada dalam DUN Sura.
- b. Padang Bola Sintetik Prestige Way Resources, Batu 7 yang dioperasikan oleh syarikat Prestige Way Resources Sdn. Bhd. dalam DUN Paka dan
- c. Satu lagi saya difahamkan padang bola sepak sintetik akan dibina oleh pihak swasta iaitu di tanah kerajaan di kawasan Perindustrian Taman Industri Paka, Kampung Cacar, DUN Paka.

Saya berharap pihak berkuasa tempatan lain dalam Negeri Terengganu turut mengambil pendekatan yang sama dalam membantu merencanakan sektor sukan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi dalam negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, persidangan kali ini dalam suasana Sambutan Jubli Perak 25 Tahun.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat, laluan sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah ada peluang untuk dibaik pulih atau membangunkan semula padang-padang yang terbiar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil daripada Manir. Perkara tersebut boleh diangkat untuk dilakukan perbincangan dan dibuat semakan fasiliti yang ada dalam kawasan yang dimaksudkan, *insya-Allah*.

Dato' Yang di-Pertua, persidangan kali ini dalam suasana Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Saya menyeru semua Ahli Dewan, Pimpinan Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Tadbir Negeri, Kakitangan sokongan, anggota GLC dan lain-lain untuk terus mengembling tenaga, mencurahkan khidmat dan bekerja dengan penuh ikhlas untuk berbakti buat Kerajaan Tuanku Sultan dan rakyat baginda. Tepoh mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Jelas, menepati masa yang ditetapkan. Sila Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, seterusnya Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan pemerhati dan seluruh yang hadir di Dewan mahupun yang berada di luar.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua atas kesempatan untuk membuat penggulungan bagi pihak portfolio. Yang pertama saya ingin

merafak sembah Ucapan Junjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah sudi untuk berkenan untuk hadir ke merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini dan seterusnya menyampaikan Titah Ucapan dan di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku banyak juga menyentuh perkara-perkara berkenaan dengan portfolio dan patik menjunjung kasih di atas segala pesanan dan juga harapan yang telah pun diberikan. Ampun Tuanku!

Dato' Yang di-Pertua, seramai 9 orang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri telah pun menyampaikan ucapan dan menyentuh perkara berkenaan dengan portfolio yang saya ketuai ini. Di antaranya adalah Yang Berhormat daripada Sura yang menyentuh tentang isu Terengganu Bebas Asap Rokok ataupun TBAR. Untuk makluman Dewan, buat masa ini hanya Taman Awam Batu Burok sahaja yang telah pun diwartakan sebagai kawasan TBAR ataupun Terengganu Bebas Asap Rokok. Ia diwartakan pada 1 Julai 2017 yang lalu dengan kerjasama dan komitmen daripada Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Terengganu Bebas Asap Rokok. Kawasan yang diwartakan adalah bermula daripada Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang termasuk kawasan-kawasan Hospital Sultanah Nur Zahirah, sepanjang pesisir pantai hinggalah ke Taman Rekreasi Batu Burok. Dan cadangan perluasan kawasan yang digazetkan sebagai Kawasan Bebas Asap Rokok sentiasa berada dalam penelitian Kerajaan Negeri. Dan bersama-sama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, dan baru-baru ini pun pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu melalui Dato' Pengarah Jabatan Kesihatan telah berkunjung ke Wisma Darul Iman dan menyatakan hasrat diantaranya adalah cadangan untuk mewujudkan di setiap daerah dalam Negeri Terengganu ini, paling-paling kurang pun satu daerah satu kawasan Terengganu Bebas Asap Rokok dan saya memandang cadangan ini adalah cadangan yang cukup positif untuk kita membebaskan Terengganu kita ini daripada asap rokok. Seterusnya mewujudkan persekitaran yang sihat dan melahirkan rakyat yang juga sihat, insya-Allah.

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Maaf, pohon mencelah Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Maaf soalan saya berkaitan dengan peng wartaan kepada seluruh premis ibadah Negeri Terengganu, contoh masjid dan surau untuk kita wartakan kawasan bebas asap rokok kerana *obvious*, dengan izin melampau

sangat dan ketara sangat kawasan masjid warga Terengganu biasa merokok waktu solat, lepas waktu kuliah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih atas cadangan dan pandangan daripada Jertih, insya-Allah akan diambil perhatian. Yang keduanya terima kasih juga kepada ADUN Pengkalan Berangan yang telah juga menyentuh antaranya isu berkenaan Bandar Baru Lestari. Sepertimana yang telah pun dimaklumi sebelum daripada ini, proses pengenalpastian lokasi cadangan Bandar Baru Lestari di setiap daerah telah pun dilaksanakan dan terdapat dua lokasi yang telah pun dipersetujui untuk dijadikan Projek Perintis iaitulah Bandar Lestari Bukit Seraya di Kuala Nerus, dan juga Bandar Lestari Durian Mentangau di Dungun. Seterusnya Pelan Susun Atur Pembangunan telah disediakan oleh pihak PLANMalaysia Negeri Terengganu mengambil kira pandangan daripada jabatan dan agensi teknikal berkaitan dan *insya-Allah* perbincangan bersama dengan pelabur berpotensi juga sedang dilaksanakan oleh pihak UPEN dengan kerjasama anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu iaitu pihak Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. bagi memajukan Bandar Lestari secara penswastaan.

Dato' Yang di-Pertua, yang seterusnya yang ketiga daripada ADUN Batu Rakit yang menyentuh tentang isu pembaikan taman permainan. Untuk makluman, Kerajaan Negeri menerusi PBT sentiasa mengambil berat dan memantau akan keadaan taman rekreasi dan taman permainan di kawasan operasi masing-masing. Walaupun tiada peruntukan khas bagi kerja-kerja naik taraf taman permainan, peruntukan bagi kerja-kerja naik taraf landskap dan pembangunan taman awam yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri boleh digunakan sebenarnya untuk tujuan tersebut. Pada tahun ini Kerajaan Negeri telah pun meluluskan sebanyak RM300 ribu bagi kerja-kerja naik taraf landskap dan pembangunan taman awam atau kawasan-kawasan rekreasi di bawah seliaan PBT. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut. Landskap kawasan PBT sebanyak RM200 ribu dan landskap rekreasi keluarga sebanyak RM100 ribu dan untuk makluman, pada tahun ini tiada peruntukan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan landskap. Walau bagaimanapun pada tahun 2019 yang lalu Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM55 juta bagi tiga buah projek mega dan semuanya masih lagi dalam proses pembinaan sebagaimana berikut;

1. MPK iaitu Cadangan Pembangunan Taman Awam Kuala Kerteh Kemaman.
2. Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah Kemaman dan
3. Dungun Kawasan Pembangunan Landskap Perbandaran Dungun.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada ADUN Kemasik yang mengutarakan isu berkenaan dengan pembangunan infra kawasan perumahan yang kata beliau ada 2000 lot yang melibatkan 2000 orang yang telah mendapat lot-lot tanah yang tidak mempunyai infra yang baik untuk didirikan rumah. Bagi kerja-kerja infra ia itulah kerja tanah selain daripada menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, SUK Bahagian Perumahan boleh memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui Program Pemajuan Kawasan (PPK) serta unit Penyelarasan pelaksanaan jabatan perdana menteri. Bagi infra yang lain seperti jalan masuk, longkang, dan saliran telah dimasukkan dalam kos projek sekiranya melibatkan dalam kawasan pembangunan sahaja. Manakala kawasan-kawasan yang tidak terlibat di bawah jabatan atau PBT, manakala kawasan yang tidak terlibat adalah di bawah seliaan jabatan ataupun PBT di kawasan masing-masing. Ada di Telemong pula, ADUN Telemong...

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua, mencelah sekejap.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu perumahan di Pulau Perhentian untuk generasi kedua dan ketiga? Keluhan rakyat Pulau Perhentian sekarang ini setiap rumah ada tiga pasangan dan dua pasangan, setiap rumah. Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Kuala Besut. Ya, seperti yang kita semua maklum, isu perumahan bukan isu yang berlaku di Kuala Besut sahaja tetapi berlaku di semua DUN dalam Negeri Terengganu ini, dan *insya-Allah* kita melihat satu persatu apa yang perlu didahulukan dan apa yang perlu

dikemudiankan, *insya-Allah*. Semuanya kalau ikutnya perlu diutamakan belaka tapi tengok case by case *insya-Allah*. Baik, saya nak masuk kepada Telemong. ADUN Telemong membicarakan berkenaan dengan perumahan di Telemong yang katanya lama doh tak *dok, dok*. Lama doh tak *dok* dia kata. Berapa tahun *dok* tahu dia sebut tadi, kelmarin. Lamalah. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut perancangan Kerajaan Negeri sedang merangka kertas kerja bagi penyediaan kos dan pelan susun atur unit rumah dalam membangunkan perumahan RMM di kawasan Bukit Tadok. Bukit Tadok... aaa bukan tak *dok* ni. Bukit Tadok Kuala Telemong sebanyak 170 unit dengan keluasan tanah seluas 17 ekar. Betul *dok* betul sebut tu? Betul *doh dok*, Tadok? Taduk? Okey. Permohonan yang terbaru daripada YB kawasan adalah pada awal September 2023 yang lalu dan sekiranya projek ini diluluskan, *insya-Allah* ianya akan bermula pada tahun hadapan, *insya-Allah*.

Seterusnya, ADUN Bukit Tunggal menyentuh banyak juga berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Dasar Perumahan yang katanya tidak berapa menarik perhatian pelabur-pelabur untuk datang termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan teknikal-teknikal dan juga syarat-syarat yang telah pun di yang menjadi syarat yang kadang-kadang menyusahkan rakyat. Jadi, saya jawab secara umum bahawa *insya-Allah* pihak Portfolio akan mewujudkan satu *task force* yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan untuk kita melihat isu-isu yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal dan kita akan datang dengan cadangan yang boleh bukan sahaja mesra kepada pelabur tetapi juga cadangan-cadangan yang boleh orang kata meringankan dan juga membantu rakyat khusus dalam isu yang berkaitan dengan apa yang disebut kelmarin. Seterusnya, Dasar Pembangunan Perumahan Rumah Mampu Milik Secara Penswastaan di Terengganu telah digubal pada 2019. Walau bagaimanapun, dasar ini *insya-Allah* seperti tadi juga akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

Yang seterusnya, ADUN Manir ada menyentuh tentang tambahan RMM Jenis B bagi golongan yang tidak dapat Jenis A. Bermula tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui SUK Bahagian Perumahan telah pun memperuntukkan sebahagian daripada keseluruhan projek Perumahan Mampu Milik (RMM) adalah Rumah Mampu Milik Jenis B. Antaranya adalah projek RMM Bukit Gasing 2 sebanyak 65 unit, RMM Telaga Putat, Setiu sebanyak 75 unit dan RMM Balai besar, Dungun sebanyak 54 unit. Dari RMKe-12, Kerajaan Pusat juga telah meluluskan satu projek PPR di kawasan Jeram, Manir. Di Air Putih pula, ADUN Air Putih juga

menyentuh tentang isu yang berkaitan dengan perumahan juga di Bandar Baru Cheneh dan juga di Perasing. Dan saya juga telah pun menerima kedatangan ADUN Air Putih sebelum daripada ini dan *insya-Allah* sama sepertimana yang dijawab kepada ADUN Manir, *insya-Allah* kita akan melihat daripada masa ke semasa untuk pelaksanaan projek RMM di dua tempat seperti yang telah pun dinyatakan itu.

Seterusnya, ADUN Seberang Takir menyentuh tentang cadangan perumahan baru di DUN Seberang Takir. Mengikut perancangan Kerajaan Negeri juga melalui SUK Bahagian Perumahan dalam perancangan untuk membangunkan pembangunan perumahan bercampur secara penswastan di Kampung Seberang Pak Abu seluas 18.82 ekar. Pada masa ini, SUK Bahagian Perumahan sedang menilai cadangan tersebut daripada pemaju dan satu mesyuarat telah pun di bukan satu *ye*, beberapa kali mesyuarat telah pun diadakan dan baru-baru ini mesyuarat di peringkat akhir telah pun diadakan dan *insya-Allah* sekiranya tidak ada apa-apa masalah ianya akan dibawa ke MMKN.

Seterusnya daripada Hulu Besut berkenaan Cadangan Perumahan Baru Generasi 2 Felda Tenang, saya rasa telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Jabi. Dan, yang terakhir ADUN Batu Rakit. Perumahan di Batu Rakit, mengikut perancangan Kerajaan Negeri juga melalui SUK Bahagian Perumahan dalam proses meneliti Laporan Cadangan Permohonan Perumahan Mampu Milik dan bercampur serta lain-lain yang berkaitan di atas tanah kerajaan di Kampung Telaga 2, Mukim Batu Rakit, daerah Kuala Nerus. Cadangan LCP tersebut adalah daripada syarikat swasta dan projek ini dicadangkan akan dibangunkan sebanyak 596 unit iaitu RMM A sebanyak 137 unit dan RMM B sebanyak 192 unit dan baki keseluruhan projek adalah komersial dan terdapat beberapa pindaan dalam laporan tersebut dan sekiranya sesuai dibangunkan, kertas kerja akan dirangka untuk proses kelulusan daripada MMKN.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu sahaja yang *respond* yang saya dapat berikan daripada persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh sepuluh orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua. Mudah-mudahan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* merahmati kita semua.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Wakaf Mempelam mohon menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Sila Yang Berhormat kawasan Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksud Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا
"Dia yang menjadikan kematian dan kehidupan (kamu) supaya
dia menguji kamu: siapakah di kalangan kamu yang paling baik
amalannya"

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, seluruh pegawai-pegawai kerajaan samada persekutuan mahupun negeri, pemerhati-pemerhati, muslimin muslimat, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian.

Alhamdulillah, yang pertamanya bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita telah berada di penghujung dalam Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Kita telah mendengar perbahasan-perbahasan yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat melalui Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang banyak menyentuh pelbagai aspek. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang kemenangan PAS, Perikatan Nasional 32-0 sehingga dapat mentadbir Kerajaan Negeri buat Penggal yang kedua pada kali ini. Mungkin bagi setengah pihak ianya adalah luar biasa tetapi kalau kita lihat kepada sejarah pilihan raya dalam negara kita sebenarnya ia bukanlah satu perkara yang luar biasa. Ia berlaku di negeri-negeri lain, di Johor sebagai contoh yang pernah diperintah oleh UMNO, Perikatan Barisan Nasional tanpa Pembangkang. Cuma bezanya, zaman sudah berubah. Dahulu dunia

tanpa sempadan, sekarang ini dunia langit terbuka. Walaupun Kerajaan dipilih oleh rakyat ini 32-0 tanpa pembangkang, tetapi rakyat diluar sana menilai apa yang dilakukan oleh Kerajaan yang memerintah pada hari ini. Apa yang berlaku kita boleh melihat komen-komen, pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh rakyat dalam media sosial secara khususnya. Oleh kerana itulah kita tidak merasa bimbang tentang penyemakan ataupun satu-satu teguran jika sekiranya tidak diendahkan oleh Kerajaan yang memerintah pada hari ini, ia pasti tidak akan berlaku kerana kita mengambil kemenangan ini sebagai satu tanggungjawab dan amanah daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Walaupun kita menang tanpa pembangkang tetapi kita menganggap kemenangan itu adalah satu anugerah daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, bukannya daripada usaha yang kita lakukan. Usaha yang kita lakukan hanya sedikit sahaja, tetapi lebihnya adalah kurniaan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang Allah Ta'ala kurniakan untuk menguji kita. Adakah kita benar-benar melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini dalam konteks Negeri Terengganu untuk kita menegakkan syariat Allah, memberikan kebajikan kepada rakyat dan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya meneliti ucapan-ucapan perbahasan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuh tentang Porfolio Penerangan, Dakwah dan Pemerksaan Syariah. Ada yang menyentuh secara langsung dan ada yang menyentuh secara tidak langsung. Sebanyak tiga Yang Berhormat yang menyentuh tentang Portfolio ini yang kebanyakannya adalah cadangan dan juga pandangan. Yang Berhormat Jertih ada menyentuh tentang *Heritage Tourism*. Kita Negeri Terengganu ini daya tarikan yang paling besar ialah pelancongan. Bermacam-macam segmen. *Heritage Tourism* adalah salah satu daripadanya satu segmen baru yang *insya-Allah* akan menjadi satu daya tarikan pelancong untuk datang ke Negeri Terengganu kita. Ada disebut beberapa contoh oleh Yang Berhormat Jertih berkait dengan tempat-tempat sejarah yang melibatkan tokoh-tokoh besar Negeri Terengganu sama ada ulama, pendakwah dan seumpamanya. Cuma saya ingin nyatakan di sini, supaya kita juga perlu berhati-hati. Di sini perlu melibatkan jabatan-jabatan yang tertentu seperti Jabatan Mufti Negeri Terengganu kerana bila kita nak membuka dengan seluas-luasnya tempat-tempat pelancongan yang seperti ini, kadang-kadang ia boleh berlaku perkara-perkara yang kita tidak ingini seperti perkara-perkara khurafat dan seumpamanya yang perlu kita beri perhatian secara bersama. Namun begitu Kerajaan Negeri begitu komited untuk kita memberikan keutamaan kepada

Heritage Tourism ini. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Paka yang memegang Portfolio Pemerkasaan Syariah sebelum daripada ini yang telah membawa satu idea yang sangat baik iaitu untuk mewujudkan satu monumen pelaksanaan syariah yang sudah ditetapkan tempatnya iaitu di Dataran Drawbridge yang mana akan ditempatkan di situ satu monumen pelaksanaan syariah, sejarah galur pelaksanaan syariah di Negeri Terengganu kita yang begitu ulung sejak daripada zaman batu bersurat yang bukan sahaja menunjukkan kedatangan awal Islam ke Tanah Melayu ini, bahkan pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Negeri Terengganu ini. Termasuklah juga *اتقان الملك بتعديل السلك* yang merupakan satu tinta emas yang begitu hebat bagi Negeri Terengganu yang telah berjaya untuk menahan daripada gerakan penjajahan pada ketika itu.

Seterusnya Yang Berhormat Ladang ada menyebut tentang Garis Panduan Pematuhan Syariah kepada pelancong muslim. Ini pun berkait dengan pelancongan. Saya tengok bnyak soalan-soalan, pandangan-pandangan kepada EXCO Pelancongan. Jadi itu satu cabaran tapi dalam masa yang sama kita perlu melihat secara positif bila kita bercakap tentang pelancongan ini, kita nak pelancong datang ke tempat kita. Tapi dalam masa yang sama kita nak menjaga adat-adat, nilai-nilai agama khususnya daripada pelancong-pelancong asing. Sebab itulah kadang-kadang kita berada dalam keadaan dilema. Kita nak buka seluas-luasnya kita bimbang bermacam-macam perkara-perkara negatif yang boleh berlaku. Kita nak tutup orang kata kita ini negeri yang tertutup. Jadi kita perlu seimbangkan di antara kedua-dua perkara ini. Di sinilah sangat penting kepada Fiqh Muwazanah, Fiqh Aulawiyat dan juga pentingnya Siyasa Syar'iyah dalam kita melaksanakan satu-satu Tindakan. Dalam Siyasa Syar'iyah ada perkara yang perlu dilakukan segera, ada perkara yang perlu dilakukan secara berperingkat, ada perkara yang menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan dan ada perkara yang menjadi tanggungjawab secara bersama. *Alhamdulillah* dalam konteks Kerajaan kita sudah ada Garis Panduan Pematuhan Syariah kepada pelancong, kepada program-program sukan dan seumpamanya. Tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita perlu bergerak secara seiring. Dalam perkara yang kita tidak boleh kompromi, kita mesti tegas. Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Ladang berkait dengan orang yang datang tidak tutup aurat. Jadi benda itu tanggungjawab bersama. Kalau kita nampak kita boleh tegur. Tetapi jika sekiranya satu maksiat dan kemungkaran itu berlaku secara terang-terangan, Al-Mujaharah 'bil Munkar ini perlu ditegah dengan sekeras-kerasnya. Maka di sini...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Boleh saya mohon untuk mencelah sedikit, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Selain daripada kita melihat peluang-peluang daripada pelancongan, saya teringat masa saya sekolah dulu, sifir sampai 12 itu cikgu ajar suruh kita hafal sampai ingat dan hari ini kita tengok di sekolah-sekolah kesan daripada pendidikan itu kalau saya tanya orang tu ramai dia tidak ingat pun sifat 20 ini. Berpunca daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah memahami berpegang kepada Allah Ta'ala itu yang membawa kepada lari daripada ataupun pelanggaran kepada syariat itu saya rasa perkara yang paling penting itu saya cadang kepada Batu Buruk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Permaisuri. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebab itu kita bergerak secara seiring. Bukan sahaja adanya di sana undang-undang, peraturan yang telah kita luluskan, tetapi dalam masa yang sama wujudnya di sana agenda penerangan dan dakwah secara berterusan. Maknanya peraturan itu ada. Tapi dalam masa yang sama kita juga mendidik masyarakat. Kita nak orang datang ke Negeri Terengganu, pelancong-pelancong supaya mereka tahu Negeri Terengganu ini ada peraturan. Kerana kita duduk atas dunia ini kena ada peraturan. Orang berjalan atas jalan raya ada peraturan. Apatah lagi kita sebagai manusia dalam pergaulan ada peraturan bukannya bebas. Jadi bila mereka datang ke Terengganu, ada peraturannya dan kita terbuka. Itu konsep yang kita amalkan. Sebab itulah Dato' Yang di-Pertua, *insya-Allah* kita bergerak secara seiring untuk kita memastikan Negeri Terengganu kita ini terus Maju, Berkat dan Sejahtera.

Dato' Yang di-Pertua, akhirnya saya nak menyebut, kita semua melihat suasana politik dalam Negara kita yang tidak menentu. Kita Negeri Terengganu hari ini pembangkang tapi tidak mustahil satu hari nanti kita akan menjadi sebahagian daripada Kerajaan Pusat. Itulah intipati yang saya fahami daripada petikan ayat suci al-Quranul Karim yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ayat-26 yang kita semua maklum bahawa Kerajaan itu adalah milik Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Allah *Ta'ala* boleh beri, Allah *Ta'ala* boleh ambil balik. Dalam Quran Allah

Ta'ala cerita, Allah *Ta'ala* beri Kerajaan kepada orang baik, orang jahat. Allah *Ta'ala* beri Kerajaan kepada Firaun, Namrud. Allah *Ta'ala* tarik balik. Allah *Ta'ala* beri Kerajaan kepada Nabi Sulaiman, Nabi Daud, Allah *Ta'ala* tarik balik. Dalam zaman moden, Allah *Ta'ala* beri Kerajaan kepada *Soviet Union* yang telah memerintah begitu lama, hampir 100 tahun akhirnya jatuh tersungkur. Jadi perubahan Kerajaan ini adalah satu lumrah dalam kehidupan. Apa yang penting bagi kita Kerajaan Negeri Terengganu, kita buat benda yang betul. *Insyah-Allah* kita akan terus melaksanakan agenda pemerkasaan syariah, kita akan terus melaksanakan agenda kebajikan kepada rakyat, kita akan terus mengoptimumkan agenda dakwah kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu. Kita yakin akan janji Allah **وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا**. Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah *Ta'ala* akan memberikan jalan keluar. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Batu Burok menyokong.

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat kawasan Batu Burok. Saya akan mulakan persidangan kita dalam sesi penggulungan pada pukul 2.30 petang bermula daripada Yang Berhormat Jabi, dan saya harap Yang Berhormat EXCO kita ada tiga orang lagi dapat memenuhi masa sehingga 3.30 petang, kita akan bagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 2.30 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.02 PETANG

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Kita masih lagi dalam sesi penggulungan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja, saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi untuk meneruskan sesi penggulungan kita pada petang ini. Persilakan.

YANG BERTAKWA DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Jabi Menjunjung Duli dan Menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Penggal Yang Kelima Belas.

Dato' Yang di-Pertua, isu ketidakcukupan bekalan beras tempatan disentuh dalam perbahasan oleh ramai rakan-rakan Yang Berhormat, isu berasnya adalah isu makanan ruji rakyat. Rakyat tidak akan berkompromi dengan apa alasan sekalipun jika situasi kesukaran untuk mendapatkan bekalan beras tempatan gagal untuk ditangani. Kalau kita bergantung kepada sumber import, import dan eksport sumber makanan boleh berlaku seantero dunia, cuma polisi asas mana-mana kerajaan di dunia, mereka akan mencukupkan dahulu sumber makanan bagi rakyat mereka untuk disuap ke mulut rakyat sendiri sebelum daripada dieksport untuk dimakan oleh rakyat di negara-negara luar. Bagi orang berduit, yang mampu untuk makan beras import, maka silakan, tapi ramai rakyat umum yang mendambakan beras tempatan dengan harga berpatutan sebagai makanan runcit. Saya buat analogi ada orang yang mampu sekadar pakai kereta tempatan, tapi dalam masa yang sama ada orang kaya yang mampu untuk memandu kereta import. Yang jadi isu sekarang ialah keretanya kereta tempatan, cuma letak karpet alas kaki jenama MERC, maka kereta tersebut terus dilekatkan logo MERC dan dijual dengan harga MERC, ini tidak betul. Orang tak pertikai bila kereta MERC dijual dengan harga MERC dan tak adapun orang yang mengharapkan jualan rahmah, jualan harga rahmah untuk kereta MERC, cukuplah bila kereta Perodua dan Proton ada di pasaran dengan harga biasa, itu sebenarnya sudah okey.

Dato' Yang di-Pertua, bagaimana Terengganu bekerja untuk memecahkan monopoli kartel beras. Yang pertama, sawah padi di Terengganu 100 peratus adalah milik Melayu Islam. Daripada 12 000 hektar keluasan keseluruhan, 500 hektar adalah sawah padi yang mempunyai persijilan MyGAP, sijil amalan pertanian baik malaysia. Padi MyGAP yang dituai ni dibayar insentif oleh Kerajaan Negeri dengan kadar RM 105 per Metric Tan, dan diproses di kilang konsortium di Baroh Masin di Jabi, pemilik kilang juga adalah Melayu Islam dan beras MyGAP dengan jenama beras GANU dibungkus dan diedarkan oleh TADC, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri di kilang pembungkusan beras TADC di Telaga Papan di Setiu, dan ini adalah satu-satunya jenama beras 100%

tempatan dalam negara yang mempunyai pensijilan MyGAP dan telah diuji selamat dari segi kualiti dan biosekuriti. MyGAP ini pensijilan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian, tapi faktanya Kementerian Pertanian yang mengeluarkan sijil MyGAP tidak berjaya menghasilkan beras MyGAP sehingga *final product*.

Kerajaan Terengganu melalui jawatankuasa beras MyGAP Terengganu yang berusaha melengkapkan rantai nilai dan proses sehingga sijil direalisasikan dalam bentuk beras. Sebelum ini ada sijil tapi tak ada beras, sebab itulah rakyat memberikan komen, "kami nak makan beras, bukan nak makan sijil" dan Kerajaan Negeri sama sekali tidak pernah menafikan peranan jabatan-jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dalam menjayakan program ini kerana itulah Kerajaan Negeri tolong promosi logo MAFI pada kempit beras tanpa apa-apa kos daripada Kementerian. Dan umum perlu faham bahawa pengeluaran beras GANU bukan maksud untuk kita bersaing dengan sesiapa, jauh sekali Kerajaan Negeri nak bersaing dengan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri ini anak, Kerajaan Pusat ayah, mana mungkin anak bersaing dengan ayah, sebab itu saya tak berapa faham dan tak berapa mengerti bila ada kenyataan media daripada Pejabat Menteri Pertanian yang bernada memperlekehkan usaha pengeluaran beras GANU terutamanya memperkecilkan keluasan sawah Terengganu yang mempunyai pensijilan MyGAP. Terengganu sebenarnya adalah negeri yang mempunyai pensijilan MyGAP paling banyak dalam Malaysia dan menduduki tempat pertama untuk tempoh tiga tahun berturut-turut. Kalau yang dapat tempat pertama pun diperkecilkan, maka bagaimana dengan negeri-negeri yang dapat nombor yang lebih bawah. Ini situasi yang berlaku.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ladang menyentuh tentang sektor pertanian sebagai sumber ekonomi negeri dan menjana peluang pekerjaan. Dalam kita mengembangkan ekonomi berasaskan pertanian, kewajipan kita untuk santuni rakyat tempatan untuk berusaha, tapi dalam masa yang sama kita perlukan projek berimpak tinggi yang mampu menjana ekonomi dan membuka peluang pekerjaan. Projek berimpak tinggi ini memerlukan modal besar mencecah ratusan juta, yang tidak mampu dibiayai oleh rakyat setempat, jadi bila kita undang pelabur datang, mereka datang bawa modal dan bawa teknologi dan rakyat boleh tumpang kerja dalam masa yang sama berlaku teknologi *transfer*. Contohnya bila Kerajaan meluluskan 500 hektar tanah di Lembah Bidong di Setiu kepada sebuah syarikat antarabangsa McCormick,

untuk dibuat projek mega lada hitam. Sudah barang pasti ada impak besar kepada ekonomi negeri dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan pelabur akan ada fasa-fasa khusus untuk melindungi kepentingan rakyat dan negeri bagi mengelakkan rakyat Terengganu hanya menjadi penonton. Antara yang dipersetujui dalam perjanjian ialah paling kurang 70% pekerja mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Termasuk juga *Skim Outgrowers* yang melibatkan penyertaan rakyat tempatan. Setakat ini McCormick, telah mengambil seramai 280 orang pekerja dan akan meningkat kepada 393 orang pekerja bagi tahun 2024, seterusnya 462 orang pekerja pada tahun 2025 sehingga mencapai 2440 orang pekerja apabila ladang dan kilang telah beroperasi sepenuhnya. Dan sehingga kini semua pekerja daripada kumpulan pengurusan, teknikal, perkeranian, sampai kepada pekerjaan adalah 100% Warganegara Malaysia, 80% daripadanya adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, bermakna McCormick mematuhi perjanjian lebih daripada aras lantai yang kita tetapkan 70 peratus.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sura menyentuh berkenaan dengan peningkatan industri perikanan, sistem sokongan, pembinaan *slipway* untuk baiki bot, keperluan air batu dan dicadangkan untuk bawa teknologi daripada Jepun ke Malaysia. Dato' Yang di-Pertua, apa yang telah kami buat untuk sektor perikanan Terengganu dalam tempoh lima tahun yang lepas.

1. Pemberian 600 lesen sampan nelayan yang menyelesaikan isu lapuk sejak lebih 40 tahun yang lalu.
2. Kerajaan telah membina dan menaiktaraf beberapa jeti diantaranya jeti Kampung Geliga di Kemaman, Kampung Batin di Seberang Takir, Kampung Tok Fakir di Pengkalan Berangan, Kampung Losong di Kuala Terengganu dan jeti Kampung Fikri di Setiu.
3. Kerajaan membina bilik sejuk *cool room* dengan izin di Jeti LKIM Marang dan juga jeti Kampung Batin di Seberang Takir.
4. Kita bina *slipway*, slipway ini tempat untuk tarik bot naik ke darat bila nak dibaiki ataupun diselenggara. *Slipway* di Marang.
5. Kita labuhkan 822 unjang di semua daerah.
6. Melabuhkan 121 tukun daripada peruntukan negeri, dan 55 tukun daripada peruntukan Persekutuan di semua daerah kecuali Hulu Terengganu yang tak ada pantai, walaupun ada Kampung Pantai Ali.

7. Pembinaan 30 buah rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan dengan dana daripada LKIM dan sekarang ini sedang berada di peringkat akhir pembinaan 150 buah rumah di bawah Program Penempatan Semula Nelayan di Besut, di Setiu dan juga di Kemaman.

Dengan peruntukan Kerajaan Negeri RM20 juta hampir M20 juta dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan RM13 juta. Ada kita bagi peralatan macam *Garmin Fish Finder*, kawat bubu, pukot tangsi, jaket keselamatan dan kit memancing. Kita lepaskan hampir 6 juta benih ikan ke perairan umum untuk nelayan-nelayan darat kita. Seperti ikan baung, lampam sungai, udang galah, sebarau, kelah, patin dan beberapa spesies lain. Dan banyak kalau saya nak senaraikan kesemuanya. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya lebih cenderung untuk Kerajaan Negeri fokus kepada isu berbangkit nelayan yang belum selesai terutamanya isu kekurangan sumber perikanan, isu pencerobohan nelayan asing dan juga pencerobohan bot pukot tunda termasuklah isu kemudahan di pelabuhan serta jeti pendaratan supaya kita dapat tangani terlebih dahulu. Dalam masa yang sama sebenarnya proses pemodenan nelayan terus berjalan. Sebuah kapal nelayan moden berharga kira-kira RM10 juta sedang dalam proses akhir untuk disiapkan di MSET Pulau Duyong yang merupakan kapal nelayan berteknologi moden pertama di Malaysia dimiliki oleh sebuah syarikat anak jati Terengganu. Saya tak nampak kita perlu terlalu bersemangat bercita-cita ke arah kemodenan dalam masa yang sama masalah asas rakyat kita belum selesaikan. Biarlah seimbang di antara kedua-dua ini. *Slipway* dan kilang air batu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini adalah sektor *business* yang memerlukan penyertaan pihak swasta sebagai satu cabang perniagaan. Sebelum ini Kerajaan Negeri ada bina sebuah *slipway* di Marang yang siap pada November 2020 tapi kelihatannya tidak begitu berfungsi dan dioptimumkan penggunaannya. Kilang air batu yang ada di jeti-jeti LKIM biasanya dimiliki dan dioperasikan oleh persatuan-persatuan nelayan sama ada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ataupun Persatuan Nelayan Terengganu (PENENTU) ataupun Persatuan Nelayan-Nelayan Kawasan (PNK). Jadi berdasarkan situasi ini buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina kilang air batu di mana-mana jeti pendaratan ikan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Telemong tanah luas penduduk kurang tapi gajah banyak. Daripada Januari sehingga Ogos 2023 sebanyak 117 aduan gangguan gajah diterima PERHILITAN. Di antara DUN-DUN yang sentiasa

terkesan ialah Air Putih, Langkap, Telemong, Permaisuri, Ajil dan juga Hulu Besut. Ini kawasan habitat dan laluan gajah. Tahun 2022, 127 aduan diterima. 2021, 117 aduan dan kalau kita tengok kepada angka 2023 boleh disimpulkan trend gangguan gajah ini menunjukkan graf meningkat. Tidak ke arah menurun. Dan di antara faktornya ialah faktor penarik, *Pulling Factor* ataupun faktor penolak, *Pushing Factor*. *Pulling factor* ini kalau kita boleh gambarkan dengan mudah. Pembukaan ladang-ladang, kebun-kebun, di kawasan pinggir hutan. Sawit dan tanaman-tanaman lain yang sebenarnya menjadi satu daya tarikan untuk gajah mendapatkan sumber makanan dengan mudah. Keluar je ada depan mata, berbeza dengan kalau perlu cari dalam hutan. Dan *pushing factor* ialah faktor penolak. Bila kita ganggu habitat. Tapi buat masa ini dalam konteks Negeri Terengganu saya nampak *pulling factor* ini lebih besar dari *pushing factor* sebab dalam konteks Hutan Simpan Kekal kita di Negeri Terengganu kita masih berada pada paras 41% daripada keseluruhan keluasan negeri, masih lagi dalam standard kebangsaan. Dan gajah kita mengikut statistik daripada Jabatan PERHILITAN tak sampai pun 200 ekor. Jadi dengan keluasan hutan ini sebenarnya masih mencukupi untuk didiami oleh gajah tapi ada faktor penarik yang menarik mereka untuk keluar ke kawasan penempatan terutamanya mendapatkan makanan dengan sumber yang mudah. Jadi antara langkah Kerajaan ialah yang pertama pemasangan pagar elektrik ataupun dia panggil SPAG, Sistem Pagar Elektrik Gajah. Yang kedua tembak halau, bukan tembak bunuh tembak untuk menghalau, dan yang ketiga tangkap dan pindahkan, buang negeri. Sistem pagar elektrik gajah ini telah dipasang daripada Kampung Lawit ke Belukar Bukit, 29.5 kilometer daripada Kampung Pelong di Setiu 35 kilometer, Kampung Payung ke Chalok Barat juga di Setiu 25 kilometer dan semua pagar ini dibangunkan dalam peruntukan RMK-10 dengan peruntukan RM3.5 juta dan setiap tahun diperlukan dalam sekitar RM500,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan dan kebersihan bagi memastikan pagar ini berfungsi dengan baik.

Dalam RMK-12 ada empat lokasi akan dibangunkan. Yang pertama Kampung Banggol dan Kampung Air Putih di Kemaman serta Kampung Gerdung dan Kampung Lubuk Periuk di Hulu Terengganu. Ada bahagian orang Hulu Terengganu. Bilangan gajah yang telah ditangkap pindah 2018 4 ekor, 2019 pun 4 ekor, 2020 - 6, 2021- 7, 2022 -5, 2023 setakat ini 3 ekor. Dan setiap operasi untuk tangkap pindah gajah menelan kos puluhan ribu ringgit malah ada yang mencecah sehingga RM40,000 untuk pindah seekor gajah. Jadi dia satu operasi yang memerlukan kos yang sangat tinggi. Jadi dalam tempoh lima

tahun ini 29 ekor gajah dah dibuang negeri. Yang Berhormat Telemong tapi ramai lagi dan akan ada lagi yang akan dijatuhkan hukuman buang negeri biasanya kita buang negeri ke kawasan Royal Belum di Perak. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Batu Rakit mencadangkan supaya dihidupkan sawah padi terbiar.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta laluan

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Sila sila sikit *doh*

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Jabi tadi. Terima kasihlah kerana telah berusaha sebenarnya. Kita faham lah kerajaan berusaha untuk menangani masalah kehadiran gajah-gajah ini. Persoalnya sekarang ini masalahnya yang kita hadapi ialah gajah ini mengganggu tanaman-tanaman habis, hari-hari. Kalau hari ini 10 ekar, esok 10 ekar, lusa 10 ekar, bayanglah tanaman habis rosak. Yang keduanya *pulok nok* usaha, petani nak usaha tak boleh takut masuk kawasan ini, dan yang ketiga gajah ini dah sampai ke rumah-rumah orang dah. Malam-malam sampai kat rumah orang dah. Kat rumah

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penjelasan Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Penjelasan saya ialah makna kita minta ada usaha yang drastiklah untuk ni, satu, supaya gajah tak ganggu dah ni. Tu kita nak. Yang kedua kalau boleh Kerajaan buat danalah untuk menampung kerugian-kerugian yang dialami oleh mereka-mereka ini. Dan yang ketiga yang mereka juga penduduk ini juga mengadakan kawalan. Kawalan untuk hambat halau inilah gajah ini. Jadi mereka perlukan satu macam imbuhanlah *dok. Ha..* elaun ke ikut pandailah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Okay sebagai ganti bayanglah bukan sehari dua ini. Bertahun-tahun dah ni

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Baik terima kasih Wakil Telemong.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Kita memahami dilema ini sebab itulah Kerajaan Negeri Terengganu menubuhkan Tabung Bencana Pertanian Negeri sejak daripada tahun 2019 lagi. Di antara skop bencana ialah gangguan hidupan liar, dan Tabung Bencana Pertanian yang ada di Terengganu ini satu-satunya Tabung Bencana Pertanian di bawah Kerajaan Negeri yang ada di Malaysia. Kita memang *alert* dengan situasi itu.

Dato' Yang di-Pertua, Batu Rakit mencadang supaya dihidupkan sawah padi terbiar dan juga mencadangkan diberi bantuan input benih, baja, racun serangga dan naik taraf sistem pengairan. Untuk makluman tahun 2023, RM380,000.00 Kerajaan Negeri salurkan kepada Batu Rakit untuk naik taraf infrastruktur padi di Kampung Maras dan sekitarnya. Tahun 2022, RM277,000.00 yang ini meliputi Kampung Darat, Kampung Maras, Kampung Padang Maras, Bukit Cempaka dan juga Pancur Kuin, juga dalam skim pengairan Batu Rakit. Tahun 2021, RM795,000.00 diperuntukkan untuk naik taraf pengairan dan saliran di daerah Kuala Nerus yang turut melibatkan Batu Rakit. Di tambah lagi tahun *ni* kita beri tambahan RM70,000.00 untuk meningkatkan kesuburan tanah juga dalam Skim Batu Rakit. Jadi sebelum Wakil Batu Rakit minta, Kerajaan Negeri bagi *dah* dan hasilnya kira-kira 100 ekar daripada keseluruhan 700 ekar sawah padi dalam Skim Pengairan Batu Rakit mula boleh bertanam dua kali setahun. Dan istimewanya Skim Batu Rakit ini kerana ia diusahakan sejak lebih tiga generasi yang lalu. Orang tempatan kata, sawah ni telah wujud sejak kira-kira 100 tahun yang lalu. Ini istimewanya sawah padi di Batu Rakit.

Belanjawan tahun 2023 sebanyak RM3.4 juta yang disalurkan Kerajaan Negeri melalui JPS bagi tujuan pembinaan dan naik taraf sistem pengairan sawah padi. Antara yang dapat manfaatnya ialah Gong Telikong di Besut RM400,000.00, Lembah Setiu Yang Berhormat Permaisuri RM400,000.00, Kampung Jelapang, Setiu, Yang Berhormat Langkap RM400,000.00, Sistem Pengairan Nerus RM100,000.00, Lubuk Pandan di Marang RM50,000.00, Gaung di Hulu Terengganu RM380,000.00, Paya Rapat, Telemong ada bahagian juga

RM380,000.00, Paya Paman di Kemaman RM340,000.00, Paya Dadong juga di Kemaman, RM150,000.00 dan tambahan untuk naik taraf ibu bekalan utama Sistem Pengairan Lembah Setiu RM400,000.00 jadi untuk Permaisuri sahaja RM800,000.00 dan semua usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesuburan tanah, menaik taraf sawah padi daripada sekali setahun kepada dua kali setahun dan memajukan semula sawah padi terbiar. Ada pun bantuan input benih, baja, racun, yang ini telah dibekalkan skim subsidi oleh Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan Negeri tak campur lah, apa yang Kerajaan Persekutuan telah sediakan..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi ke Yang BERTHORMAT?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Berapa minit lagi Yang di-Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: 20 minit lebih *dah tu*

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: 20 minit lebih *dah tu*

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Minta sikit lagi, sebab banyak lagi tu nak sentuh

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dua minit lagi, dua minit lagi *deh*

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): 10 minit lagi boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dua minit

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang dimaksudkan oleh YB Permaisuri nak ambil air daripada Empangan Paya Peda ke Setiu, itu adalah projek KETARA Fasa II, yang sekarang ini berada di peringkat penilaian akhir di peringkat kementerian. Kita nak salurkan air daripada Empangan Paya Peda di Hulu Besut untuk mengairi kawasan-kawasan yang berada di luar jelapang padi dengan fokus kita nak masukkan 7000 hektar lagi yang berada di luar jelapang ke dalam jelapang padi.

Bukit Besi memaklumkan anak muda kurang berminat dengan pertanian. Yang Berhormat Bukit Besi, saya berpandangan fakta ini perlu diperhalusi semula. Dalam sesi libat urus dan dialog yang telah kami turun ke serata ceruk negeri, majoriti yang hadir adalah anak muda dan lebih menarik lagi ramai antara mereka berkelulusan universiti yang berhasrat menjadikan pertanian sebagai suatu kerjaya. Dalam program-program agihan input pertanian, penternakan dan perikanan, *team* kami pergi ke setiap daerah, sebahagian besar penerimanya anak muda. Penternak lembu sado lebih 80% orang muda dan Terengganu mempunyai bilangan peserta pertanian fertigasi nombor satu paling ramai di Malaysia, 700 orang. Majoritinya adalah anak-anak muda. Penerima dana SBMT majoritinya juga adalah anak muda, dan Kerajaan Negeri tidak mahu anak muda terpinggir kerana itulah dalam Bajet 2023 diperuntukkan RM1 juta bagi pembangunan TKPM khusus bagi petani muda di Telaga Papan di Setiu dengan keluasan 91 hektar. Inilah di antara usaha-usaha kita untuk menarik orang muda.

Seberang Takir bangkitkan isu nelayan yang tidak berlesen. Dato' Yang di-Pertua, perjuangan kami untuk lebih 600 nelayan Terengganu yang sebelum ini berstatus nelayan tanpa lesen bermula daripada tahun 2019. Sebahagian mereka adalah nelayan yang telah turun ke laut sejak lebih 40 tahun tanpa lesen. Bila *takdok* lesen, bermakna mereka tak layak dapat elaun sara hidup nelayan, tak layak minyak subsidi, bantuan bencana dan lain-lain. Kerajaan Negeri telah menubuhkan *task force* lesen sampan nelayan pada tahun 2019 untuk kita menyelesaikan isu lapuk ini. Panjang dan berliku jalan, saya tak nak cerita kepada Dewan. Cuma ringkasnya segala usaha kita berakhir dengan kejayaan pada tahun 2021. Kita selesai agihkan 600 lesen kepada nelayan sampan di Terengganu. Dan sebagai bonus, Kerajaan Negeri bermula daripada tahun 2021, kita tanggung bayaran lesen sampan nelayan, jadi nelayan Terengganu yang nak pergi sambung lesen, bawa lesen sahaja, tak perlu bawa pitis boleh sambung, sebab segala bayarannya telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan kami menganggap isu lesen ini telah selesai kerana senarai nama yang diangkat untuk permohonan telah dibuat pemutihan menyeluruh daripada senarai persatuan-persatuan nelayan kawasan, Jabatan Perikanan, LKIM, dan saya telah arahkan dalam mesyuarat *task force*, pastikan jangan ada nelayan yang layak tertinggal, jangan tercicir walaupun seorang. Tapi, ada kes-kes terpencil yang tertinggal kerana nelayan tersebut sendiri yang enggan memohon disebabkan kurang yakin isu lesen ini dapat diselesaikan.

Saya pinjam kata-kata mereka "10 tahun BN memerintah tak boleh buat, bisa sangat PAS boleh buat." Ini saya pinjam kata-kata mereka. Akhirnya orang lain mohon, mereka *dok* mohon, dan bila orang lain dapat, barulah mereka komplek. *Hah? ambe nelayan tulen jugak, sebab apa ambe dok dapat lesen?* Sedangkan mereka tidak memohon. Dan ini berlaku di beberapa pengkalan seperti Kijal dan juga Seberang Takir, kerana di situ adanya orang-orang kuat Kerajaan sebelum ini. Saya minta maaf, memang tak berapa sedap di dengar, tapi saya pun tak ada susunan ayat untuk menggambarkan situasi yang berlaku di sebalik tabir untuk dijelaskan kepada Dewan. Dan keputusan PRU baru-baru ini menunjukkan nelayan Terengganu tahu menghargai jasa dan budi, bukan hanya setakat tahu beza di antara ikan duri dan ikan tenggiri. Dan bot nelayan yang dicat hijau dengan syarat untuk dapat agihan lesen, bukan Kerajaan Negeri yang arahkan. Itu adalah kod warna nelayan Terengganu sejak zaman berzaman. Kalau nak biru, kena *gi* Johor, nak merah kena *gi* Kelantan, dan kuning untuk Pahang. Ini adalah kod nelayan yang telah ditentukan oleh Jabatan Perikanan.

Ada beberapa lagi yang disentuh saya rasa menghormati masa yang diberikan oleh Yang di-Pertua, saya akan jawab secara bertulis. *Insya-Allah*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Jabi mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kijal. 15 minit Yang Berhormat Kijal, sebab pelancongan banyak *dah* ulas tadi.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, rakan-rakan yang saya hormati sekalian. Boleh dikatakan hampir semua Yang Berhormat membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Terengganu menyentuh sektor pelancongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Ini menunjukkan bahawasanya sektor pelancongan berperanan penting dalam menyumbang kepada ekonomi rakyat secara terus apabila pelancong menginap dan berbelanja di dalam negeri kita,

Terengganu. Tahun 2022, Terengganu telah merekodkan lonjakan kehadiran pelancong sehingga 125.2%. Sebanyak 10.23 juta berbanding dengan 3.7 juta pada tahun 2021. Sektor pelancongan Terengganu konsisten merekodkan kadar pertumbuhan KDNK 2.5% pada 2018, 3.3% pada 2019, 3.7% pada 2021 dan 5.9% pada 2022. Data ini menunjukkan industri pelancongan mampu memberi sumbangan signifikan kepada pertumbuhan KDNK dan ekonomi rakyat Negeri Terengganu. Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Bandar, berkaitan Pelan Strategik Pelancongan Terengganu, bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan Pelan Strategik Kelestarian Pelancongan Negeri Terengganu 2021-2025. Pembabitan secara berterusan akan dibuat dan mengambil kira pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti cadangan Yang berhormat Jertih untuk memperkembangkan *Heritage Tourism* dan *Education Tourism* yang berasaskan peninggalan sejarah pejuang-pejuang seperti Mat Kilau, Abdul Rahman Limbong, Tok Ku Paloh dan ulama-ulama tersohor Terengganu. *Insyallah* kita akan teruskan. Pembentukan *State Government Four* (SG4) akan turut melibatkan pembentukan Pelan Strategik pelancongan bersama yang boleh digabung jalin.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh *celoh dok*.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Boleh *celoh dok*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakyohlah*.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Sikit *je*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dokleh. Cukuplah. Kita *takdok* masa.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Saya jawab *je*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila sila.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Sebab *speaker* bagi 15 minit je.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila sila.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Pelancongan di setiap negeri-negeri untuk dipromosikan secara lebih meluas bukan sahaja domestik tapi juga peringkat global *insya-Allah* pada 7 dan 8 haribulan nanti kita akan bertemu dengan tiga EXCO daripada Kelantan, Kedah dan juga Perlis di Tasik Kenyir sebagai pembuka tirai dalam pengusahaan pelancongan dan juga kebudayaan negeri. Kelestarian pelancongan perlu melibatkan semua pihak untuk turut terlibat berperanan. Pihak kerajaan dan swasta perlu bersama-sama merangka dan menggerakkan segala perancangan. Justeru itu, pengusaha, ejen, operator dan rakyat umum juga perlu terlibat dalam mencorakkan "Terengganu Cantik Budaya Menarik", dan orangnya baik-baik. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Manir bila menyebut dengan izin *self of belonging* kecintaan bersama kepada Negeri Terengganu. Dengan amalan dan budaya menjaga kebersihan di tempat-tempat tumpuan pelancongan serta menjaga segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan pihak pengusaha pelancongan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Besut. Kebersihan berkait rapat dengan pelancongan. Kalau persekitaran kotor dan tandas busuk, tiada tanda pedoman di tempat-tempat menarik seperti di laut, maka tiada makna Agensi-agensi Kerajaan mencas pelancong dengan bayaran-bayaran yang tertentu.

Dato' Yang di-Pertua, bagi memastikan industri pelancongan Negeri Terengganu terus berdaya saing sebagai sebahagian sektor mercu ekonomi negeri, langkah-langkah proaktif akan terus diberi perhatian seperti berikut.

1. Menambah baik produk pelancongan yang sedia ada melalui pendekatan strategi berbeza mengikut corak dan keperluan pelancong seperti *Agrotourism, Education Tourism, Heritage Tourism, Health Tourism, Food Hunter*, Rekreasi Pelancongan Keluarga dan lain-lain. Ini selari dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Besi, Kuala Besut dan Hulu Besut yang meminta Kerajaan memberi perhatian kepada penyediaan infrastruktur asas yang telah dijawab oleh kawan-kawan saya tadi. Dan *insya-Allah* kita akan laksanakan mengikut kemampuan yang kita ada.

2. Membangunkan produk pelancongan ikonik baru dengan penglibatan sektor swasta seperti pusat beli-belah di stesen ECRL seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Dan penganjuran acara festival utama seperti Le Tour de Langkawi telah diterangkan oleh Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan tadi. Dan yang seterusnya mengeratkan mengenalpasti pendekatan yang berbeza sebenarnya bagi menyelenggarakan tempat pelancongan yang tidak membebankan kewangan Kerajaan seperti penajaan oleh GLC, Badan Korporat, penguatkuasaan yang lebih tegas. Kadar bayaran berpatutan terutama kawasan-kawasan yang sensitif tapak sejarah dan juga warisan.
3. Memperkasakan aktiviti promosi dan menggabungkan pusat penerangan pelancongan. Cadangan kita *insya-Allah* pusat pelancongan dan kebudayaan di negeri dan juga di setiap daerah dinamakan TIC. Sepertimana yang saya pergi satu tempat di Kemaman. TIC Kemaman nampak macam dah uzur dan *insya-Allah* Yang Berhormat Cukai akan mendapat sedikit peruntukan sebanyak RM200,000.00 untuk membaikpulih TIC *Tourism Information Center* dengan izin untuk kita bersekalikan budaya dan juga pelancongan di setiap daerah seluruh Negeri Terengganu *insya-Allah*.
4. Kita juga berusaha mengeluarkan pensijilan produk dan aktiviti pelancongan secara progresif bagi memastikan kualiti kemampunan dan jaminan keselamatan kepada pelancong. Sebenarnya apa jua aktiviti yang dilaksanakan dalam sektor pertanian, perladangan, perikanan, keusahawanan, kebudayaan, alam sekitar dan lain-lain boleh menjadi produk pelancongan. Dan boleh dikatakan sebahagian daripada EXCO kita menjawab *on behalf of* pelancongan.

Saya ucap berbanyak terima kasih kerana saya dah menjadi kurang untuk jawab, Dato' Yang Berhormat Speaker. Jadi ke arah matlamat utama sektor pelancongan adalah menarik pelancong untuk datang berkunjung, bermalam dan berbelanja seberapa banyak ke atas produk-produk yang dihasilkan. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong akan memberi manfaat langsung kepada pengusaha produk sama ada kecil ataupun berskala besar dan semua

sektor ekonomi dan juga perkhidmatan. Pelan Strategik Kelestarian Pelancongan Terengganu 2021 - 2025 telah dirangka dan dilaksanakan berasaskan patuh syariah, Mesra syariah melalui garis panduan hiburan kebudayaan, pelancongan, sukan dan terbukti ianya tidak menjadi halangan kepada kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu. Ini juga sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Batu Burok. Cuma saya nak tambahkan sini antara inisiatif Yang Berhormat Zuraida sangat prihatin dengan apa yang berlaku dalam pelancongan.

Antara inisiatif yang boleh diambil adalah memperkasakan pemantauan daripada pihak berkuasa seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu termasuklah di pulau-pulau. Menguar-uarkan secara besar-besaran berhubung makluman pelaksanaan garis panduan di kawasan tumpuan pelancong dan lokasi-lokasi utama pintu masuk pelancong ke Negeri Terengganu seperti Lapangan Terbang, Jeti Feri dan sebagainya melalui pembinaan papan tanda, kita banyakkkan papan tanda ni. Memenuhi garis panduan hiburan persembahan, kebudayaan, pelancongan dan juga sukan di Negeri Terengganu. Itu yang kita usahakan sekarang. Dan kita juga dalam mematuhi Mesra Syariah, kita ke arah mendidik masyarakat setempat dan juga antarabangsa mengenai budaya kita orang timur sebenarnya yang penuh dengan kepelbagaian saling hormat-menghormati di antara kita. Kita akan berusaha secara berhemah untuk memastikan semua pelancong yang hadir ke Negeri Terengganu Mesra Syariah. *Insyallah*. Dan berkaitan dengan ancaman gajah dah dijawab dah panjang lebar tadi. Cuma kalau sekiranya gajah itu lebih, kita nak minta hantar ke Zoo Kemaman. Dalam Kawasan Kijal. Boleh? Simpan situ. Kita zoo ada. Zoo peninggalan tu ada. Peninggalan Yang Berhormat Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dang lagi.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kita nak jual budaya kita. Kalau sebagai contoh kalau kita pergi ke Bali. Kita turun ke *Airport* Bali tu kita dah rasa bau Bali. Bau tu Bali tapi budaya Budha. Kalau kita pergi ke Thailand pun sama. Tapi apakah di negeri kita tidak ada budaya yang boleh kita buktikan kepada masyarakat luar yang budaya kita sopan, kita orang islam, mesra syariah. Kita nak tunjukkan kepada orang luar bahawasanya inilah budaya kita Terengganu. Lain daripada negeri-negeri lain. Mungkin akan ada tohmahan-tohmahan yang saya rasa akan ditohmah kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Tapi walau bagaimanapun kita berusaha untuk

memastikan budaya Negeri Terengganu ni diangkat pada satu tahap yang kita boleh banggakan. *Insya-Allah*.

Dato' Yang di-Pertua, Terengganu sebenarnya hebat Dato' Yang di-Pertua. Alam semula jadi, kita ada pulau, kita ada tasik, kita ada flora fauna, *waterfall*, *rainforest* dan ini telah dibuktikan kepada semua kepada pemain-pemain yang berminat dalam industri yang saya sebutkan tadi bahawasanya Negeri Terengganu adalah negeri alam semulajadi. Justeru itu, di peringkat pelancongan akan meneruskan dan mensasarkan program-program supaya bersamaan dengan apa yang kita ada. Kita ada pulau, kita ada Tasik Kenyir, kita ada pantai yang cantik, kita ada *underwater* galeri yang cantik, maka itulah yang kita angkat sepertimana kehendak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu, *insya-Allah* dan penjagaan dia amat penting dan kebersihan adalah paling utama *insya-Allah*, dan penjagaannya amat penting dan kebersihan adalah paling utama *insya-Allah*, kita akan melaksanakan satu program *hashtag* dengan izin *cleanshellf*. Kita akan buat satu program sapu bersih satu hari nanti di seluruh Negeri Terengganu daripada Besut sehingga ke Kemaman. Satu hari kita akan jadikan hari kebersihan untuk Negeri Terengganu untuk memastikan bersih menjadi perkara pokok dalam pelancongan Negeri Terengganu. Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberikan peluang walaupun sedikit dan justeru itu Kijal menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kijal yang menepati masa yang telah dihadkan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga semua hadirin hadirat yang dihormati sekalian. Pertamanya *alhamdulillah* kita merafakkan rasa syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dapat sama-sama kita berada dalam Dewan ini dalam membahaskan Ucapan Titah Tuanku Sultan sempena Pembukaan Sidang Dewan baru-baru ini, dan baginda

menyentuh tentang beberapa perkara yang melibatkan pendidikan. Antaranya melibatkan peruntukan yang besar dalam belanjawan 2023 melibatkan pendidikan, memang antara peruntukan yang besar daripada bajet kita adalah untuk pendidikan walaupun kita tahu ianya tidak memberi pulangan duit wang tetapi itulah merupakan pelaburan jangka panjang untuk anak-anak Terengganu di masa akan datang agar mereka menjadi golongan yang lebih baik dan mampu bersaing kepada peringkat yang lebih baik, bagi khususnya kepimpinan di masa-masa akan datang dan kerana itu hasrat beberapa Yang Berhormat juga menyebut, khususnya Hulu Besut tentang peruntukan-peruntukan bagi menjamin kecemerlangan anak-anak Terengganu kita ini. *Alhamdulillah* sebagaimana Manifesto kita yang lalu untuk mewujudkan kembali Skim Pelajar Cemerlang di mana antara kita menyediakan kemudahan-kemudahan pelajar bagi mereka-mereka yang cemerlang khususnya SPM, STPM dan STAM. Kita menyediakan peruntukan RM5 juta untuk SPC, Skim Pelajar Cemerlang dan juga RM1.5 juta untuk biasiswa peringkat Master dan PHD. Kita juga menyediakan Biasiswa Profesional ACCA RM500,000.00 setahun dan baru ini kita telah mewujudkan tabung khas yang melibatkan GLC, Yayasan Terengganu dan juga TI yang berjumlah RM500,000.00 setahun. Juga kita menyediakan skim pinjaman boleh ubah lebih kurang RM800,000.00 setahun, pinjaman *One-Off* bagi pelajar-pelajar yang persendirian tetapi tidak mampu untuk membuat pembayaran khususnya melibatkan yuran. Kita menyediakan peruntukan 8000 USD setahun dan juga skim pinjaman pelajaran IPT melibatkan RM10 juta, RM8 juta skim pinjaman latihan kemahiran dan juga RM15 juta untuk bantuan persediaan *one-off* serta bantuan-bantuan yang lain. Memang kita berbelanja besar dalam pendidikan ini. *Alhamdulillah*, akhirnya memberi pulangan yang baik khususnya dalam keputusan-keputusan peperiksaan, dan saya mewakili Kerajaan Negeri dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada mereka-mereka khususnya warga pendidik iaitu JPN, warga JPN, JPINT, Yayasan Pendidikan MAIDAM, Yayasan Terengganu dan sebagainya telah memainkan peranan untuk menyediakan anugerah dan juga memberi galakan sehingga pelajar-pelajar Terengganu khususnya dalam peperiksaan awam tahun 2022 bagi SPM meningkat kepada gred purata GP 4.59 berbanding tahun lalu 4.72 berbanding tahun 2021, dan dengan layak sijil tertinggi 94.96%.

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat, Jertih mohon mencelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Ada tambahan waktu ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takdok doh.*

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Paka, kalau diimbau 40 tahun lepas Negeri Terengganu ada sumbangan khas kepada pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat 5A di dalam peperiksaan penilaian darjah 5. Itu 40 tahun yang lepas. Kalau kita saksikan Terengganu sentiasa menjadi negeri yang sangat cemerlang dalam peperiksaan awam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Ya, ya.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Soalan saya apakah inisiatif pihak Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar cemerlang untuk diberikan ganjaran ataupun penghargaan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang sama ada peringkat rendah, menengah, ataupun peringkat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Jertih, ketinggalan *doh ni, takdok doh UPSR, lama doh.*

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): *Ye, ye* bukan. Dulu kita ada penilaian darjah 5. Contoh pelajar cemerlang darjah 5 menengah rendah dan menengah atas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Pada zaman kita tu darjah 5. *Pahtu takdok doh.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Duduk sorang.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Satu lagi PT3.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Duduk sorang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Zaman *lening* PT3 pun *takdok doh*. Jadi fokus kita kepada SPM. Jadi fokus kita kepada SPM sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ok, ok silakan Yang Berhormat Paka teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): SPM, STPM dan juga STAM lah. Jauh ni ketinggalan kapal tu. minum air sekali Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, Ya, *Ye duk* jauh, *duk* jauh. *Ye duk* Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Manakala bagi STPM purata gred keseluruhan PNGK meningkat daripada 3.04 daripada 3.03 pada tahun 2021, jadi Terengganu masih lagi mengekalkan kecemerlangan dan merupakan PNGK tertinggi selama 4 tahun berturut-turut yang melepasi 3.0. Kita ucap tahniahlah kepada warga pendidik khususnya anak-anak Terengganu kita dan juga semua yang terlibatlah, *insya-Allah*. Jadi atas kecemerlangan itulah yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Skim SPC dan sebagainya. Kalau kita tengok data 2018, masa tu kita *dok* memerintah lagi saya pun ada dalam Dewan tanya, banyak mana Kerajaan sediakan biasiswa dua orang, memang betul, masa tu diberhentikan biasiswa saya pun *dok* tahu. Dua orang tu pun sebab melibatkan panggilan Saintis Islam. *Local takdok* tapi sebab kita janji dalam Manifesto pada 2019, *Alhamdulillah* lebih kurang 1,647 orang pelajar yang telah dapat menikmati hasil daripada manifesto yang telah kita lancarkan sama ada melibatkan biasiswa, pinjaman dan sebagainya. Pada tahun 2020 untuk pelajar ini, 1,779 pelajar yang dapat manfaat daripada apa yang kita sediakan dalam pendidikan bagi menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi. Pada tahun 2021, 1,572 orang, tahun 2022, ada 1,036 orang yang mendapat manfaat, biasa sampai empat tahunlah lepas pada itu baru ganti orang lain. Jadi ini merupakan apa yang kita sediakan kepada pelajar-pelajar kita, pelajar-pelajar cemerlang kita agar mereka terus dapat

mengekalkan kecemerlangan yang sedia ada. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyebut tentang supaya kita merangka pelan pendidikan yang lebih komprehensif bagi menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri contoh dalam pendidikan yang ditawarkan. *Alhamdulillah* perkara ini sudah kita ambil tindakan dan perjalanan dan kita sudah ada *blue print* untuk pendidikan tahun 2030, Pendidikan Terengganu Sejahtera PITAS 2030 dan *insya-Allah*, kita akan ikut, pelan yang disediakan dan kita harap *insya-Allah*, dapat mencapai matlamat yang kita hasratkan, dan kita juga sebagaimana yang disebut sudah meneroka ruang-ruang, peluang-peluang pelajar baru, untuk makluman pada tahun ini kita telah dapat menambah kuota 20 orang ke Algeria, tahun lepas kita dah hantar 10, maknanya sudah 30 orang pelajar mewakili Malaysia anak Terengganu sahaja, *Alhamdulillah*. Tahun ini juga kita mula menghantar ke Tunisia, 10 orang pelajar kita hantar ke Tunisia dan tahun ini juga ada 3 orang pelajar yang kita hantar ke Universiti di Emirates Arab Bersatu, iaitu Universiti Al-Qasimia. Semua ini percuma ditanggung oleh pihak Kerajaan dan kita sedang proses untuk menghantar 4 orang pelajar, 5 orang pelajar

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Untuk kuota di Oman, soalan akhir

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, sila.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah*, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana dapat hantar pelajar ke luar negara, ramai cuma soalan untuk pelajar Mesir macam mana, *kot-kot* ada penghantaran ataupun tidak pada tahun sebelum inilah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bermula dua tahun yang lalu, kita pihak Kerajaan telah menyelia semua pelajar-pelajar yang akan memohon pelajaran menyambung pengajian ke luar negara. Sebelum pada ini, mereka memohon sendiri-sendiri *je* tetapi sekarang di bawah Pusat Bahasa Markaz Lughah kita di bawah JPINT- Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan juga Yayasan Terengganu kita selia pelajar-pelajar dan pada tahun ini kita menghantar 56 orang pelajar ke Mesir. Jadi *insya-Allah lah* isu kekurangan pelajar menyambung ke Mesir akan kita buat menambahbaik dan kita juga akan mula mengiktiraf balik pengajian perubatan di Universiti Al-

Azhar dan juga di Mesir, sebelum pada ini kerana enam tahun kepada lima tahun jadi pihak MBKA tidak terima tetapi sekarang kita menghantar pelajar untuk perubatan di Mesir setelah dia mengambil asasi ataupun matrikulasi satu tahun dan *insya-Allah* kita akan mula menghantar pada masa-masa akan datang dan termasuk di Jordan masih lagi kekal dan kita sudah mengadakan MoU untuk kuota di Unishams untuk khusus pelajar-pelajar Terengganu sahaja. Kita juga mengharapkan supaya kuota yang sama diberi oleh UniSZA sebab berada di Negeri Terengganu khusus kepada pelajar-pelajar Terengganu kita *insya-Allah*.

Batu Rakit juga menyebut tentang untuk memperkasakan ECER. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Rakit, sebab sebelum daripada ini Yang Berhormat Batu Rakit ini dari UMNO, kemungkinan dia *dok kabor* maklumat ini ke bawahlah, Yang Berhormat baru masuk tanya bab ini. Sebenarnya kita sejak apa 2019 memang manifesto kita supaya untuk memberi bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat, *alhamdulillah* setelah kita masuk kita memudahkan proses pendaftaran, ada 142 institusi milik rakyat di Terengganu sama ada dia tahfiz, pondok, sekolah rendah dan sebagainya dan kita merakamkan ucapan *Jazakumullah* terima kasih sebab dia beli tanah sendiri, dia buat bangunan sendiri, dia upah gaji guru sendiri sebagainya dan dia juga memakai modul sebahagian milik JPINT ataupun milik ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi, pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perkapita buat institusi-institusi ini sebagaimana hasrat yang dicadangkan oleh Batu Rakit. Pada tahun 2019, kita Kerajaan Negeri membelanjakan RM3.2 juta untuk bantuan perkapita sekolah-sekolah agama rakyat ini, pada 2020 kita membelanjakan RM5 juta, 2021 RM6 juta, 2022 RM4 juta, 2023 RM3.5 juta. Jadi dia kata sebab apa ada perbezaan itu, sebab apa kita *dah wat realignment* balik dengan Yayasan Pendidikan MAIDAM, ada institusi mereka juga telah mendapat bantuan MAIDAM dan juga bantuan JAKIM supaya mereka ini semua dapat kita selaraskan untuk mendapat peruntukan yang sewajarnya.

Juga disebutkan tentang SRIDI dan SMIDI, untuk makluman *alhamdulillah* sebagaimana hasrat kita 32 DUN satu Sekolah Rendah Islam. Setakat ini, bagi pihak Kerajaan ada 12 SRIDI dan 1 SMIDI sebab melibatkan pembangunan dan sebagainya dan *insyaa-Allah* kita akan pertingkatkan. Tapi walau macam manapun, untuk makluman di bawah Dewan Ulama PAS sendiri dia ada yang mengguna pakai modul yang sama dengan SRIDI ini iaitu sekolah dah ada 15 makna secara keseluruhan menggunakan modul yang sama ini iaitu 27 Sekolah

Rendah Islam. Jadi ini akan pergi pada sekolah-sekolah menengah, itu yang kita mengharapkan kepada kolej kita dan sebahagian mereka ini menjadi *header* untuk Kolej Universiti kita. Dalam hal ini, untuk akan datang pembangunan kekal kita siapkan masing-masing DUN supaya cari tapak ataupun *tak dok* bangunan pun, cari tanah untuk kita sediakan pembangunan kekal untuk masa-masa yang akan datang *insya-Allah*.

Yang Berhormat Jertih menyebut juga tentang *edu-tourism*. Pihak kita pernah mengadakan Program Hari Pembudayaan Syariat bermula daripada apa yang orang panggil Drawbridge turun sampai Jenagor sampai ke Kuala Berang antaranya tempat-tempat bersejarah termasuklah apa yang orang panggil apa Tok Ku Paloh ataupun apa yang disebut Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong dan sebagainya untuk mengajak anak-anak muda generasi pelapis mengenangi perjuangan-perjuangan mereka terdahulu. Dan kita mewujudkan Pusat Tafaqqh FidDin Tok Syeikh Duyong, konsep pun *edu-tourism* sebab sebelah Muzium itu dia ada Kampung Budaya dan ini merupakan Kampung Ilmu dan dia punya *design* berdasarkan warisan rumah Terengganu lama dan juga bentuk pondok tradisi, jadi *insya-Allah* bulan 11 ini dia akan buat penyerahan dan *insya-Allah* kita harap ia akan menjadi satu pusat pendidikan yang boleh kita manfaatkan dalam masa yang sama berada di Pulau Warisan itu akan menjadi tempat galakan dan juga menjadi orang panggil tarikan pelancong untuk berkunjung ke sana *insya-Allah*. Di samping dia melancong tapi juga *insya-Allah*, program-program melibatkan Dauroh Ulama dan sebagainya kita akan buat di situ akan menggabungjalinkan antara konsep pendidikan dan pelancongan.

Saudara saudari yang dihormati sekalian, apa yang juga menjadi kebimbangan kita dalam pendidikan ini dua perkara, satu yang melibatkan keciciranlah apatah lagi mutakhir-mutakhir ini tetapi keciciran yang disentuh itu mengikut takrifan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu ini, mereka yang belajar lepas darjah enam tidak pergi ke sekolah menengah, cicir, dan orang yang ke sekolah menengah tidak pergi menyambung ke mana-mana pusat pengajian dan sebagainya. Kita telah berbincang dan *insya-Allah* Yayasan Terengganu sedang menyediakan aplikasi untuk kita jadikan sebagai bank data sebagai mengumpul maklumat untuk kita kesan dan *detect* mereka ini pergi ke mana sebenarnya, takut selepas rendah mereka pergi masuk sekolah pondok ke tahfiz ke, pergi pusat kemahiran dan sebagainya. Kita tidak memiliki maklumat-maklumat tepatlah walaupun ada maklumat-maklumat yang disediakan oleh Pejabat

Pendidikan dan sebagainya dengan usaha-usaha yang dilakukan tapi kita nak juga untuk mengetahui ke mana mereka pergi sebenarnya dan juga untuk mengurangkan masalah keciciran khususnya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi ini, baru ini pihak Yayasan Terengganu telah melancarkan EKPTK iaitu macam UPU, semua institusi-institusi milik Kerajaan mahupun milik swasta di bawah Negeri Terengganu ini kita buat *One Stop Center* situ mereka boleh mohon dan kita *channel* kan supaya mereka ini dapat mudah *access* kepada pusat pengajian kita diseliakan oleh pihak Yayasan Terengganu sendiri dan juga dengan melibatkan apa termasuk swasta yang melibatkan pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh pihak Yayasan Terengganu. Dan kita harapkan semua anak Terengganu ini dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada tahun 2020 dulu, pihak Kerajaan melancarkan Wawasan 2020 mereka meletakkan hasrat 500,000 saintis tetapi apa yang berlaku sebenarnya sampai pada hari ini hanya 70,000 sahaja dari kalangan jurutera yang berdaftar, lompong yang cukup besarlah. Jadi pada tahun 2020, PT3 sahaja yang daripada PT3 masa itu ada lagi PT3, masuk ke aliran Sains, Tingkatan 4 hanya 19% sahaja daripada 447,000 pelajar. Pada tahun ini, September 2023 hanya 15.2% sahaja, 62,000 sahaja daripada 415,000 pelajar. Maknanya makin menurun dari kalangan, sebab itu portfolio ini kita tambah sains dan teknologi antaranya adalah untuk memberi fokus bagi mempertingkatkan khususnya anak Negeri Terengganu memilih bidang sains dan teknologi, apatah lagi hasrat sebenar 60/40. Sains dan teknologi 60, 40 lagi sastera tetapi tidak berlaku jadi terbalik yang menyebabkan banyak institusi-institusi pendidikan yang melibatkan teknikal dan sebagainya kurang mendapat pelajar-pelajar. Apatah lagi kurang minat dari kalangan pelajar kadang-kadang lepas SPM tidak berminat untuk menyambung ke peringkat IPTA dan sebagainya, peringkat IPT mereka lebih minat untuk bekerja dan sebagainya, tapi takpe *at least* mereka mengambil bidang kemahiran dan sebagainya, jadi kita hasratkan supaya sumber tenaga anak-anak Terengganu ini sebagai sumber tenaga untuk manusia di masa-masa akan datang akan dimanfaatkan sebaik mungkin. Permasalahan-permasalahan ini kita harap dapat kongsi bersama supaya semua institusi, semua mengambil manfaat ataupun mengambil tanggungjawab untuk kita cuba mempertingkatkan pelajar-pelajar kita ke arah yang lebih baik di masa akan datang. Saya rasa itu sahaja yang ingin saya sentuh dengan masa sehingga 3.30 ini dan Paka memohon untuk menyokong Ucapan Titah Tuanku Sultan. Terima kasih, sekadar itu.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Paka serta seluruh Yang Berhormat-Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat EXCO yang telah menggulung semua perbincangan ucapan perbahasan yang lalu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang tibalah masanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar membuat penggulungan terakhir. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk buat penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ الْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Tadbir, Ketua Syarikat berkait Kerajaan dan Badan Berkanun, Pegawai dan Kakitangan Pejabat Dewan Undangan Negeri, para Bentara Dewan, wakil media, pemerhati dan warga maya yang mengikuti Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini sekalian. *Alhamdulillah* marilah sama-sama kita menyatakan rasa tinggi syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas limpah rahmatnya dan kita berselawat serta salam kepada junjungan Nabi Muhammad ﷺ yang telah membawa obor penyelamat manusia di dunia ini. Bagi pihak anggota pentadbiran dan rakyat Negeri Terengganu, kita sama-sama menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ketika bertitah di Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas pada hari Ahad 1 Oktober 2023, bersamaan 17 Rabiulawal 1445H. Titah Tuanku sungguh padat intipatinya yang semestinya diambil perhatian serius dan tindakan yang efektif oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dan semua lapisan jentera Kerajaan Negeri serta seluruh rakyat yang menghuni Negeri Terengganu yang tercinta ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah setingginya kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Nor bin Hamzah di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi penggal ini dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Yahaya bin Ali, mantan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri penggal lalu di atas jasa dan khidmat yang cemerlang. Semoga di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua perjalanan Dewan Undangan Negeri akan terus bertambah baik dan lancar.

Keluar rumah pergi membeli
Pergi membeli di pasar basah
Terima kasih setingginya Dato' Yahaya Ali
Selamat bertugas Dato' Mohd Nor Hamzah

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Walaupun ada yang agak kekok di awal bicaranya, terutamanya apabila diganggu dengan soalan-soalan pencelahan tetapi *alhamdulillah* jika kita mendengar dari pandangan, ulasan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya perjalanan Sidang DUN pada penggal kali ini dapat berjalan dengan sempurna dan mampu menjadi elemen *check and balance* dengan izin kepada Kerajaan walaupun tanpa rakan-rakan pembangkang sebagaimana komitmen yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Bandar dalam ucapan beliau semalam. Tahniah kepada semua yang mengutarakan soalan-soalan dan berbahas panjang sepanjang Sidang dijalankan yang kebanyakannya diutarakan kepada pimpinan Kerajaan, kepada saya, rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan anggota pentadbiran. Banyak yang disebut, ada berupa cadangan dan gesaan dan ada juga yang berupa muhasabah kepada kita semua kerana siapa jua kita dalam Dewan ini kita mempunyai cita-cita yang sama iaitu untuk membina Negeri Terengganu yang "Maju, Berkat dan Sejahtera" dan yang paling utama ialah mendapat keredhaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Saya selalu sebut dalam kesempatan lain di luar Dewan jika kita ingin memperolehi kemenangan peribadi maka akan hanya ada satu pemenang, seorang je menang, jika kita semua bekerja sebagai sebuah pasukan, kemenangan akan kita capai bersama dalam perjalanan membina Negeri Terengganu ini. Tidak dinafikan, bahawa di awal penggal ini ramai yang bertanya, ada yang skeptik dan tertunggu-tunggu bagaimanakah pelaksanaan semak dan imbang atau *check and balance* dengan izin, akan berlaku tanpa kehadiran pembangkang dan ada yang lebih nakal mempersalahkan keberadaan Dewan ini tanpa pembangkang. Hujahan saya mudah, pertama, manalah kita tahu pilihan yang akan dibuat oleh rakyat pengundi seramai 950,000 di seluruh Negeri Terengganu ketika menyertai pilihan raya. Pengundi tidak bersalah membuat pilihan hati nurani mereka dalam negara yang bebas merdeka. Kedua, elemen

check and balance dengan izin di zaman serba baharu ini tentunya tidak sama dengan zaman lampau. Di waktu kini semua rakyat adalah menjadi pemberi cadangan, pengulas, pengkritik dan sebagainya menerusi medium baharu yang wujud siang dan malam, 24 jam setiap hari, 365 hari setahun. Ketiga, sistem semak imbang sudah sedia berlangsung juga sejak sekian lama menerusi undang-undang yang ada bila berlaku pengasingan kuasa eksekutif, legislatif dan *judiciary* dengan izin kewujudan peraturan-peraturan kewangan, peraturan pentadbiran, sistem audit kewangan dan pentadbiran samada secara dalaman atau oleh pihak ketiga dan pelbagai kaedah lagi. Keempat, iaitu semak dan imbang yang lebih memberi kesan mendalam jika kita berpegang teguh padaNYA adalah apabila melihat tugas sebagai satu amanah, ada dosa pahala, tegur-menegur antara sesama anggota pentadbiran dan rakan sekerja dan ada balasan di akhirat pada yang ingkar amanah ini dan ada imbuhan berada dalam rahmat Allah di hari yang tidak ada kuasa melainkan kekuasaan Kerajaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Apa yang penting dalam kita menilai *check and balance* ini, dengan izin bahawa semua anggota pentadbiran, semua Ahli Yang Berhormat dan kita semua termasuklah Menteri Besar hendaklah bersifat berlapang dada dengan teguran, kritikan walaupun kadang kala kritikan itu tersasar dari fakta yang sebenar. Kita kena melakukan adaptasi jiwa dan minda untuk menghadapi keadaan baharu ini, menjadi lebih kental dan menguruskannya dengan cermat dan berhemah. Dalam bahasa anak muda sekarang disebut, kita tidak cepat koyak. Jadilah seperti padi, makin berisi makin rendah. Janganlah seperti lalang, makin lama, makin tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengundi rakyat Terengganu yang telah memberi kepercayaan kepada kami dengan kemenangan yang bersejarah dalam Pilihan Raya Umum Kelima Belas pada bulan November 2022 dan Pilihan Raya Negeri Kelima Belas pada Ogos 2023. Kemenangan besar 8-0 di peringkat Parlimen dan 32-0 di peringkat DUN dan satu lagi *insya-Allah* di Parlimen Kemaman. Walau apa pun, kita semua jangan sekali-kali merasa hebat dan angkuh. Kemenangan ini perlu dilihat dengan kaca mata penuh keinsafan. Terutamanya kepada *saf* kepimpinan dan pentadbiran Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tugas amanah ini dengan lebih baik daripada penggal yang lalu. Jangan sekali-kali pun kita menghampakan kepercayaan *total* yang telah diberikan oleh rakyat Negeri Terengganu ini.

Kuat pohon kerana akarnya
Kuat akar kerana tanah
Jangan engkau khianat percaya
Kelak direbah tertiarap lemah

Apa yang paling penting, pastikan bahawa kita semua melaksanakan tugas dengan penuh keadilan di semua peringkat dari bawah hingga ke atas. Dari JPKK hingga ke Menteri Besar. Prinsipnya ialah kemenangan dan kuasa sebegini bukan suatu lesen untuk kita berbuat sewenang-nya kerana kita perlu bersifat adil kepada semua. Diperkiraan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* jika kita adil maka kita akan dapat kebaikan berpanjangan dan diredhai oleh Allah. Jika kita tidak adil, ya kita boleh puas di dunia ini tetapi kita mendapat kemurkaan Allah. Keadilan kita kepada semua rakyat. Kita berlaku adil sama ada yang bersama dengan kita atau yang membangkang kita, yang tidak mengundi kita kerana mereka adalah rakyat yang kita perlu jaga dan uruskan juga. Keadilan wajar diberikan kepada yang selayaknya tanpa mengira pendirian politik kepartian mereka. Ya, perkara ini tidak mudah untuk dilaksanakan. Tetapi kalau mudah, sudah tentu kita tidak berada dalam Dewan ini. Hindarilah dendam kesumat dan menghukum mereka kerana tiada yang lebih utama kepada kita selain dari kita mengambil iktibar daripada sirah Nabi ﷺ ketika berlakunya *Fathul Makkah* iaitu pembukaan Kota Mekah pada tahun 630 Masihi. Perlu sama-sama kita insafi bahawa sikap berdendam, sikap nak membangun di tempat yang menyokong kita sahaja. Sikap tidak adil dalam tindakan akan hanya membawa negeri dan negara kita ke belakang dan akan terus tertinggal di kalangan negeri dan negara membangun. Jauh sekali untuk negeri dan negara kita mencapai status negeri dan negara berpendapatan tinggi. Bersendikan hal inilah, barulah jiwa kita akan menjadi lebih tenang dan kerja buat kita diberkati serta diberi panduan oleh *Allah Subhanahu Wa Ta'ala* dalam melaksanakan tugas kita ini dan kita mendapat pahala yang berpanjangan. Soal undi dan pilihan raya dan pilihan bagi rakyat pengundi kita serahkan semula kepada mereka lima tahun di hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, subtajuk yang pertama yang saya ingin sentuh adalah mengenai keberadaan Negeri Terengganu yang tercinta ini. Kita adalah sebuah negeri yang berdaulat. Ada sempadannya, ada tanah dan airnya, ada peranannya dalam membina ekonomi negara. Sedikit sebanyak, Negeri Terengganu turut menyumbang pada sebuah negara yang bernama Malaysia. Peta Malaysia di Semenanjung tidak akan

lengkap jika sebuah negeri seperti Terengganu tidak dimasukkan. Jumlah penduduk Malaysia tidak lengkap tanpa penduduk Terengganu. Penduduk Terengganu pula bukan ahli atau penyokong satu parti sahaja bahkan semua parti yang ada berdaftar di dalam negara kita ada ahlinya dari Negeri Terengganu. Sama seperti negeri-negeri lain dan sudah semestinya majoriti tidak menjadi ahli parti mana-mana. Hujahan saya ialah, inilah masalah yang menghantui parti politik yang menyertai sistem politik demokrasi dalam negara kita sejak sekian lama. Sistem sudah baik tetapi dicemarkan oleh tindakan ahli politik yang hanya mementingkan tindakan populis dan *political survival*, dengan izin berbanding tanggungjawab mengurus tadbir rakyat dalam negeri atau negara. Berbeza dengan negara-negara maju di dunia ini. Perbezaan politik telah menjadi duri yang menyebabkan kesejahteraan rakyat terjejas. Perbezaan politik telah menyebabkan rangkaian ekonomi terganggu. Perbezaan politik kepartian juga telah merencatkan keharmonian untuk dicapai. Suasana ini perlu berubah. Dengan pemimpin yang diberikan amanah, menghormati pilihan yang dibuat oleh rakyat dan berkhidmat dengan penuh ikhlas dan profesional. Semua kita sedia maklum, bahawa kitaran ganas atau *vicious cycle*, dengan izin yang pernah berlaku yang pernah kita lihat sendiri bahawa projek rakyat dan infrastruktur dibatalkan dek kerana berlaku perubahan politik dan juga Kerajaan. Sudah tentu yang memberi kesannya ialah kepada rakyat yang sepatutnya mereka menikmati kesejahteraan dan pembangunan yang telah dirancang dan setengahnya sudah sampai pada peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi jawapan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah selesai dengan pencerahan yang diberikan. Ada beberapa perkara yang tidak disentuh dalam jawapan penggulungan EXCO, jawapan soalan lisan dan bertulis dan saya akan berikan beberapa pencerahan sebagai tambahan daripada situ. Kembali pada ucapan Yang Berhormat pada sesi perbahasan di mana Ahli Yang Berhormat dari Kemasik, Pengkalan Berangan, Hulu Besut dan Kuala Berang ada menyentuh berkenaan dengan pembangunan ekonomi di sekitar Stesen ECRL. Suka saya maklumkan bahawa saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Anthony Loke sebulan yang lalu untuk mencari jalan bagi menjadikan stesen yang asalnya direka bentuk sebagai stesen penumpang ini dapat diubah suai secara kaedah tertentu contohnya penambahan fasiliti rel tambahan di sebelah ruang kemudahan kargo berat sederhana bagi membolehkan ia digunakan sebagai

satu sistem penghantaran barangan atau kargo berat atau kargo sederhana ke bawah. Fasiliti tambahan ini akan membolehkan kawasan industri berkapasiti sederhana berhampiran dengan stesen dapat diwujudkan sekali gus dapat merencanakan rangkaian ekonomi kawasan sekitarnya. Selain daripada itu juga, Kerajaan juga dalam proses bagi membangunkan kawasan sekitar enam stesen ECRL supaya menjadi pusat pemangkin pertumbuhan ekonomi dan industri baharu di mana setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan sedang merangka pelan induk bagi melaksanakan pembangunan berorientasikan transit atau *Transit Oriented Development*, dengan izin TOD di kawasan-kawasan tersebut. Beberapa siri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Tempatan juga telah dilaksanakan bagi menyelaraskan perangkaan pelan induk ini. TOD ini pula adalah pendekatan perancangan bandar yang menekankan kepada pembangunan kawasan bercampur penggunaannya. Mudah dijelajah dan dibangunkan dengan sistem pengangkutan yang cekap. Dengan menggabungkan penduduk, aktiviti ekonomi dan ruang awam sambil menggalakkan kemudahan berjalan kaki dan berbasikal. TOD akan mampu memperkukuhkan kehidupan bandar yang lebih baik, lebih berdaya maju dan mesra alam. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri bersama pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) juga sedang merangka perancangan bagi *Economic Accelerator Projects* (EAP) untuk merencanakan lagi pembangunan ekonomi dan industri kawasan sekitar stesen ECRL.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Bukit Tunggal pula ada menyentuhkan isu pecah bahagian tanah. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal kerana membangkitkan isu ini walaupun kadangkala ianya nampak kecil tapi ianya berkait dengan hakmilik yang perlu kepada penelitian yang cermat. Pihak PTG pula sebenarnya telah melaksanakan arahan secara teliti dengan pelbagai libat urus. Pun begitu, setelah berbincang dengan pihak PTG, *insya-Allah* pihak PTG bercadang untuk memurnikan semula arahan PTG Bilangan 3/2022 bersama-sama dengan Jabatan Teknikal yang berkaitan terutamanya PBT dan JPS bagi tujuan mengharmonikan semula arahan tersebut terutamanya untuk menangani isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Bukit Tunggal iaitu yang pertama keperluan untuk penyerahan rizab jalan bagi kes-kes permohonan pecah bahagian melalui terekah dan bukan untuk tujuan komersial. Kedua, keperluan pilihan rizab sungai berdasarkan Warta Rizab Sungai tahun 2010. Ketiga, keperluan akses jalan masuk ke lot bagi kategori tanah pertanian yang dibuat permohonan pecah bahagian mengikut *case by case* dengan izin yang akan dijadikan asas bagi pemurnian tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *State-Government-4* (SG 4) dengan izin. Yang Berhormat Sura dan Pengkalan Berangan ada bertanyakan dan menyentuh tentang SG Empat atau SG 4. Perkara ini turut menarik minat dan ulasan secara positif dan skeptikal di kalangan pengulas di luar sana. Apa pun saya menerima dengan hati dan minda yang terbuka segala pandangan positif atau negatif yang dilontarkan oleh berbagai pihak di luar Dewan. Biasalah benda baharu, terkhilaf sebelum diberi penjelasan.

"Pengayuh sayang dilepas dibasahkan,
sampan tak akan sampai ke seberang"

Suka saya jelaskan bahawa gabungan *State-Government-4* (SG 4) ini adalah sebuah kerjasama rasmi secara strategik dan berfokus yang tidak mengikat antara Kerajaan-kerajaan Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Sedikit pun tidak pernah terdetik untuk kami bersaing dengan peranan kerjasama sedia ada dalam sistem pentadbiran Negara dan Negeri kita yang telah wujud sejak merdeka, apatah lagi kita juga sedar tentang risiko pertindanan atau redundancy dengan izin. Bidang kuasa sedia ada pelbagai kementerian, agensi di peringkat Persekutuan. Ikhlas di hati kami bahawa peranan Kementerian-kementerian yang turut bersama dengan Kerajaan Negeri selama ini. Sekadar menyebut beberapa contohnya seperti Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri, agensi seperti Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan East Coast Economic Region (ECERDC) telah melaksanakan peranan terbaik mereka dan berjaya membina sektor ekonomi dan industri yang menyumbang kepada KDNK Negeri Terengganu. Setinggi-tinggi terima kasih dari kami semua. Apa yang dirangkakan menerusi SG4 adalah untuk memberi nilai tambah, elemen baharu yang boleh diusahakan melihat sisi pandang yang berbagai dengan matlamat untuk membantu sesama negeri yang ada dalam senarai SG4. Perlu diingat bahawa kesenjangan ataupun *disparity* dengan izin yang ada di negeri-negeri ini perlu dirapatkan dan saling bantu membantu dalam aspek yang menjadi kekuatan sesebuah negeri, yang mungkin satu negeri kuat dalam aspek-aspek tertentu dan satu negeri lain ada kelemahan dalam aspek-aspek yang demikian.

Secara umumnya kerjasama strategik ini adalah bermatlamatkan untuk meningkatkan daya saing atau *competitiveness* dan daya tahan *resilience*

dengan izin negeri-negeri anggota Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis dengan yang pertama pentadbiran yang berkesan ataupun *Effective Governance*, yang kedua kewangan yang kukuh, *global finances* dengan izin yang ketiga sosio ekonomi yang mampan *sustainable social economic growth* dengan izin dan Pembangunan Lestari, *vible development* dengan izin. Menerusi perkongsian-perkongsian intelektual dan pelbagai sumber secara optimum antara negeri-negeri termasuklah syarikat berkait Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di Negeri-negeri terbabit. Penglibatan beberapa tokoh yang mempunyai kedudukan dan pengaruh dalam bidang-bidang tertentu akan digunakan sebaiknya bagi meraih manfaat yang sebanyaknya kepada SG4. Ketika ditanya tentang kenapa melibatkan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir dalam urusan pro-bono ini, saya menjelaskan bahawa SG4 adalah pendekatan *non-partisan* bahawa kita sangat terbuka untuk menerima siapa juga yang ingin membantu termasuklah jika individu yang baru mendapat pingat Tan Sri baru-baru ini pun nak membantu, kita dengan hati yang terbuka akan mendengar pandangan dan saranan-saranan mereka walaupun daripada parti politik yang berbeza.

Saya sendiri pernah membuat cadangan dalam ucapan saya di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Rumah Terbuka Malaysia Madani 2023 pada 13 Mei yang lalu di Terengganu dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet. Dalam majlis itu saya menyebut secara terbuka merujuk kepada *problem statement* dengan izin dalam ucapan saya pada malam itu. Saya sebut, maka saya dengan rasa rendah diri ingin mencadangkan agar lebih banyak inisiatif *non-partisan* dan *by partisan* atau *non-partisan and by partisan initiative* dengan izin diperkenalkan. Sebagaimana dalam keadaan tertentu diamalkan di negara maju ketika mereka berdepan dengan suasana yang getir. SG4 akan memfokuskan pada lima kluster iaitu yang pertama infrastruktur dan logistik. Yang kedua perdagangan, pelaburan dan perniagaan termasuklah industri pelancongan. Ketiga, pertanian dan *security* makanan. Keempat, perundangan dan modal insan, kelima sumber dan pendapatan baharu. SG4 ini adalah kerjasama strategik adalah kerana pertama Negeri SG4 mempunyai populasi berjumlah 5.47 juta orang atau 16.7% daripada keseluruhan jumlah populasi di Malaysia. Justeru kerjasama antara Negeri-negeri ini akan meningkatkan lagi agregat permintaan di negeri-negeri ini. Yang kedua negeri SG4 mempunyai tanah yang luas untuk diusahakan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Sehingga tahun 2020, jumlah keluasan guna tanah semasa tanaman makanan di Negeri SG4 ini ialah baru

mencecah 40.68% daripada keseluruhan 998,560 hektar. Selain daripada itu juga terdapat kira-kira 15,344 hektar lagi tanah terbiar yang sesuai dibangunkan untuk pertanian. Yang keempat Negeri SG4 mempunyai sejumlah 161,285 buah PMKS atau 15% daripada keseluruhan jumlah PMKS di Semenanjung Malaysia. Dengan meluaskan rangkaian dan perkongsian pintar dan perkongsian-perkongsian secara strategik di kalangan PMKS di semua Negeri SG4 ianya akan dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik di setiap Negeri. Yang keempat Negeri-negeri SG4 mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM161.1 bilion pada tahun 2022 di mana hasil hubungan dagang dengan pelbagai negara. Hubungan setiap Negeri dengan Negara rakan dagang yang berbeza ini akan turut dapat membawa manfaat kepada negeri SG4 yang lain. Yang kelima Negeri SG4 dapat membentuk kuasa rundingan yang lebih progresif dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjamin hak dan tanggungjawab setiap Negeri ini dan Persekutuan sama-sama dilindungi dan ditunaikan selari dengan kehendak dalam Perlembagaan Persekutuan. Atas semangat untuk meneguhkan amalan federalisme yang semakin mencair, maka SG4 ini dibentuk. Justeru, tidak ada pihak yang sepatutnya merasa terancam dengan penubuhan SG4 ini sebaliknya adalah wajar semua pihak memberi sokongan dan dokongan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum melabuhkan ucapan penggulungan ini, ingin saya pertegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan pendekatan budaya politik matang dan sejahtera kerana ini adalah *the way forward* dengan izin. Pada penggal lepas, kita menerapkan pendekatan budaya politik matang dan sejahtera ini di peringkat negeri. Antaranya dengan memastikan semua rakyat yang layak mendapat bantuan, menerima bantuan tanpa mengira warna politik kerana mereka semua adalah rakyat di bawah naungan Negeri Terengganu. Pandang ke depan, kita akan terus melaksanakan dan mempromosikan pendekatan ini dan apa jua urusan di peringkat negeri sehinggalah di peringkat Persekutuan. Bak kata orang lama-lama "esa hilang dua terbilang" maksudnya terus berusaha dengan keazaman sehingga tercapai cita-cita.

Semangat federalisme yang termaktub jika disandingkan dengan budaya politik matang dan sejahtera sudah pasti akan memberikan satu harapan baharu dalam budaya pentadbiran dan politik negara. Kita akan terus bersikap professional, kita akan terus bertata krama serta saling hormat menghormati bidang kuasa yang telah digariskan dalam perlembagaan. Kita juga perlu

menanamkan dalam diri kita bahawa semua yang kita buat ini adalah untuk kebaikan rakyat, negeri dan negara. *Insyaa-Allah*, kami akan menguruskan negeri ini dengan penuh berhemah seperti peribahasa melayu "bagai menghela tali jala, rasa tegang dikendurkan, rasa kendur ditegangkan".

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, akhirnya sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan perjalanan Sidang DUN pada kali ini. Dengan ini saya, Rhu Rendang menyokong dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggulungan daripada pihak Kerajaan telah selesai. Kita telah mengambil masa untuk perbahasan dalam tempoh empat jam dan juga penggulungan oleh pihak Kerajaan empat jam. Sebelum kita membuat undian kita terhadap Usul, izinkan saya untuk menjawab pantun daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

Apa tanda kain pelikat,
Raginya halus dibentang lebar,
MB pemimpin disayang rakyat,
Hidup beramanah terasnya sabar.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita diteruskan dengan Tertib Pekerjaan yang seterusnya. Sila Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris (Wakil Kijal) mengemukakan Usul-

YANG BERHORMAT DATUK RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kihal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik satu Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 109A, Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan - Pengerusi Undangan Negeri
2. Yang Berhormat Dr. Haji Riduan bin Mohamad Nor
3. Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat
4. Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
5. Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
6. Yang Berhormat Azmi bin Maarof
7. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim (Wakil Jabi) mengemukakan usul.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik satu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menurut Fasal 109B, Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan - Pengerusi Undangan Negeri
2. Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat
3. Yang Berhormat Mohd Zawawi bin Ismail
4. Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh
5. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
6. Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
7. Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman
8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Muhammad Khalil bin Abdul Hadi (Wakil Batu Burok) mengemukakan usul.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik satu Jawatankuasa Pengurusan Dewan menurut Fasal 109c, Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan - Pengerusi Undangan Negeri
2. Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat
3. Yang Berhormat Ir Haji Saiful Azmi bin Suhaili
4. Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
5. Yang Berhormat Haji Mohd Yusop bin Majid
6. Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin
7. Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail
8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah (Wakil Wakaf Mempelam) mengemukakan Usul.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik satu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110, Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

1. Yang Berhormat Haji Ahmad Shah bin - Pengerusi
Mohamed
2. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
3. Yang Berhormat Dr. Tengku
Muhammad Fakhrudin bin Tengku Md
Fauzi
4. Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin
Zahid
5. Yang Berhormat Mohd Zawawi bin
Ismail
6. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin
Hashim
7. Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi
bin Zulkifli
8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya tangguhkan Persidangan Dewan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas semua ucapan tahniah terhadap saya moga-moga Allah Ta'ala memberi keberkatan kepada kita semua, dan ucap terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kiranya saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.10 PETANG